



DEWAN BANDARAYA
KUALA LUMPUR

Laporan Tahunan
dan Penyata Kewangan
2020

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR






DEWAN BANDARAYA
KUALA LUMPUR

Laporan Tahunan
dan Penyata Kewangan

2020

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



© Hakcipta Terpelihara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Diterbitkan oleh:

**JABATAN PENTADBIRAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Wiayah Persekutuan**

**Telefon : 03-26179851
Faksimile : 03-26949151
Emel : jptd@dbkl.gov.my**

Isi Kandungan

1 Latar Belakang Organisasi

3	Isi Kandungan
5	Perutusan Datuk Bandar Kuala Lumpur
6	Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur
8	Pengurusan Tertinggi
8	Pengarah-Pengarah Jabatan
10	Carta Organisasi DBKL
11	Info DBKL
11	Visi, Misi, Objektif
11	Slogan
12	Fungsi
12	Piagam Pelanggan
13	Aktiviti Sepanjang Tahun

39 Sektor Datuk Bandar

40	Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan
43	Jabatan Perancangan Korporat
60	Jabatan Audit Dalam
70	Jabatan Integriti

79 Sektor Perancangan

80	Jabatan Perancangan Bandaraya
110	Jabatan Perancangan Infrastruktur
123	Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan
134	Jabatan Kawalan Bangunan

151 Sektor Pembangunan Sosio-Ekonomi

152	Jabatan Penguatkuasaan
164	Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar
182	Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan
191	Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar
203	Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan

215 Sektor Pengurusan

216	Jabatan Kewangan
229	Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
260	Jabatan Pentadbiran
269	Jabatan Pengurusan Maklumat
277	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
293	Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

299 Sektor Pengurusan Projek

300	Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan
311	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal
330	Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi
336	Jabatan Ukur Bahan
342	Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran
357	Jabatan Pengangkutan Bandar

373 Laporan Penyata Kewangan

Perutusan DATUK BANDAR



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Hormat,*

Alhamdulillah, segala pujian dan syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan rahmat dan izin-Nya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah berjaya melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun 2020.

Tahun 2020 telah mempersembahkan pelbagai cabaran baharu kesan dari musibah pandemik Covid-19. Operasi, ketangkasan dan kebolehan DBKL telah diuji dalam menyampaikan perkhidmatan berkualiti kepada bandaraya Kuala Lumpur dan warga kota.


Tindakan pantas DBKL bersama agensi kerajaan lain dalam mengekang penularan wabak ini berhasil mengawal jumlah jangkitan di Kuala Lumpur dari terus meningkat secara mendadak. Kecekapan dan kesiapsiagaan anggota penguatkuasa dan kesihatan DBKL dalam memastikan setiap warga kota mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Covid-19 yang telah ditetapkan kerajaan juga amat membanggakan. Keprihatinan DBKL dalam menyelami keluh kesah warga kota yang terkesan akibat pandemik ini dizahirkan dengan penyediaan pelbagai bentuk insentif dan bantuan bagi menyokong warga kota dan peniaga di Kuala Lumpur untuk meneruskan kehidupan dan perniagaan mereka.

Disamping menyediakan perkhidmatan dan bantuan khusus untuk Covid-19, DBKL berpegang teguh kepada mandatnya dalam untuk merealisasikan visi **Kuala Lumpur Bandar Raya Sejahtera Untuk Semua (City For All)**. Perlaksanaan program-program ini merangkumi aspek peningkatan ekonomi, peningkatan taraf hidup rakyat, mewujudkan persekitaran yang selamat, menaiktaraf fasiliti dan kemudahan awam serta pengindahan bandar raya. Usaha yang dilaksanakan direkabentuk secara menyeluruh untuk memberi impak terbaik kepada segenap masyarakat warga kota.

Bagi pihak pengurusan tertinggi DBKL, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada semua warga kerja DBKL atas semangat dan iltizam yang tinggi dalam mengharungi cabaran dan rintangan bagi memastikan perkhidmatan berkualiti terus disampaikan kepada warga kota. Semoga penerbitan Laporan Tahunan ini dapat dijadikan panduan dan rujukan buat kita semua dalam meningkatkan lagi mutu perkhidmatan di masa hadapan.

Semoga warga DBKL meneruskan usaha jitu dalam kita sama-sama menaikkan nama Kuala Lumpur di persada dunia.

Sekian, terima kasih.



DATUK MAHADI BIN C. NGAH
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Ahli Lembaga Penasihat.....

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2020



Dato' Setia Diraja Dato' Abdul Ghani Hj Pateh Akhir



Dato' Othman Semail
(sehingga 14 Januari 2021)



Dato' Siti Fatimah Daud
(sehingga 11 Julai 2020)



Dato' Ismail Ngah
(sehingga 31 Oktober 2020)



Encik Abdul Rahman H Hussein
(sehingga 10 Ogos 2020)



Encik Azli Yusof
(sehingga 10 Ogos 2020)



Encik Zahir Hassan
(sehingga 10 Ogos 2020)



Ir. Haji Ahmad Thamby Kadir
(sehingga 10 Ogos 2020)



Puan Khairiah Talha
(sehingga 10 Ogos 2020)



Dato' Mat Amir Jaffar
(sehingga 14 Januari 2021)



Encik Sankara Narayanan Nair
(sehingga 10 Ogos 2020)



Puan Sian Keng Eng
(sehingga 10 Ogos 2020)

Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2020



Dato' Dr. Dolbani Mijan
(mulai 10 Ogos 2020)



Dato' Shabaruddin Ibrahim
(mulai 10 Ogos 2020)



Dato' Lau Beng Wei
(mulai 10 Ogos 2020)



Dato' Nicole Wong Siaw Ting
(mulai 10 Ogos 2020)



Dato' Rajah Symon
(mulai 10 Ogos 2020)



Datuk Seri Johari Abdul Ghani
(mulai 10 Ogos 2020)



Datuk Zainal Abidin Mohd Rafique
(mulai 10 Ogos 2020)



Datuk Hajah Rosida Jaafar
(mulai 1 September 2020)



Encik Azhar Yahya
(mulai 10 Ogos 2020)



**Kapten (B) Datuk Muhammad
Suhaimi Yahya**
(mulai 10 Ogos 2020)

Pengurusan Tertinggi.....

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2020



Haji Nurazizi Mokhtar

Pengarah Eksekutif
(Perancangan)



Hasimah Ismail

Pengarah Eksekutif
(Pengurusan)



Datuk Ibrahim Yusoff

Pengarah Eksekutif
(Pembangunan Sosio-ekonomi)



Azmi Abdul Hamid

Pengarah Eksekutif
(Pengurusan Projek)

Ketua Jabatan.....

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2020



Fadzilah Abd Rashid

Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan



Khairul Azmir Ahmad

Jabatan Perancangan Korporat



Nor Azlina Mohd Saad

Jabatan Audit Dalam



Abdulamin Abdillah

Jabatan Integriti



Sulaiman Mohamed

Jabatan Perancangan Bandaraya



Zulkurnain Hassan

Jabatan Perancangan Infrastruktur



Zulkifli Muhammad

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan



Norizan Sulaiman

Jabatan Kawalan Bangunan



Ismadi Sakirin

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia



Mohamad Hamim

Jabatan Kewangan

Ketua Jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2020



Kamarulzaman Mat Salleh

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta



Nor Eyniwati Hassan

Jabatan Pengurusan Maklumat



Badrul Hisham Baharuddin

Jabatan Pentadbiran



Norhaslinda Nordin

Pengetua Institusi Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



Anwar Mohd Zain

Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar



Khairul Anuar Mhd Juri

Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan



Umi Ahmad

Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar



Osman Ismail

Jabatan Penguatkuasaan



Mohd Nazam Harun

Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan



Norzaini Noordin

Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan



Mohamad Yasin Jamaludin

Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran



Mohammad Azmi Saari

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal



Zulkifli Endut

Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi



Tan Kim Bock @ Steven

Jabatan Pengangkutan Bandar




Zulyazri Ismail

Jabatan Ukur Bahan

Carta Organisasi

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2020



Info Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2020

VISI

DBKL akan menjadi Pihak Berkuasa Tempatan terunggul bagi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang 2020.

MISI

Untuk mencapai kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan Ibu Kota Kuala Lumpur menerusi program pembangunan fizikal, sosio-ekonomi, kawalan perancangan dan perkhidmatan perbandaran secara terancang dan terselaras berteraskan kepada tadbir urus yang cemerlang.

OBJEKTIF

Memastikan dan mempercepatkan pelaksanaan pencapaian status bandar raya bertaraf dunia yang unggul dan cemerlang.

LATAR BELAKANG

Bermula daripada sebuah pekan kecil, Kuala Lumpur telah mengalami pelbagai evolusi sehingga menjadi ibu kota Malaysia. Pada 1 April 1961, hal ehwal perbandaran Kuala Lumpur ditadbir oleh perbadanan tunggal (*Sole Corporation*) yang di ketuai oleh Pesuruhjaya Ibu Kota. Pada 1 Februari 1972, Kuala Lumpur dianugerahkan taraf bandar raya dan seterusnya diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 1974.

SLOGAN

Bersedia Menyumbang, Bandar Raya Cemerlang

FUNGSI

1. Memberi perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sampah.
 2. Memberi perkhidmatan kesihatan awam dan mengawal pencemaran.
 3. Mengurus pengindahan bandar.
 4. Membina dan menyelenggara jalan, mengadakan prasarana pengangkutan serta mengurus sistem lalulintas.
 5. Membina dan menyelenggara sistem perparitan dan sungai.
 6. Merancang dan mengawal pembangunan bandar.
 7. Membina dan mengurus perumahan awam.
 8. Mengurus, mengawal dan menempatkan semula setinggan.
 9. Menguruskan dan mengawal hal ehwal penjaja dan peniaga kecil.
 10. Mengeluar dan mengawal lesen perniagaan.
 11. Merancang dan melaksanakan aktiviti sukan, kebudayaan dan pelancongan.
-

PIAGAM PELANGGAN

1. Merancang pembangunan ibu negara dengan cekap, efisien, teratur, terkawal dan telus untuk menjadikan bandar raya maju dan berdaya saing melalui kelulusan perintah pembangunan, pelan bangunan dan kerja tanah dalam tempoh ditetapkan dari tarikh permohonan lengkap diterima.
 2. Memudah dan menggalakkan urusan perniagaan serta menjamin keselamatan pengguna melalui pengamalan aktiviti perniagaan berkualiti bagi menjana pertumbuhan ekonomi berprestasi tinggi di ibu kota.
 3. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan awam dan prasarana yang berkualiti, mencukupi, efisien, mesra pengguna dan mudah sampai bagi memenuhi keperluan warga kota.
 4. Mengadakan aktiviti sosial/pembangunan komuniti setempat bersama persatuan penduduk/Badan Bukan Kerajaan mengikut jadual di setiap kawasan/Parlimen sekurang-kurangnya 2 kali sebulan untuk membentuk budaya masyarakat yang bersatu padu dan harmoni.
 5. Memastikan maklum balas awal kepada pengadu diberikan dalam tempoh 24 jam dan maklum balas mengenai status pelaksanaan tindakan ke atas aduan diberikan selewat-lewatnya dalam tempoh 3 hari daripada tarikh penerimaan aduan dan membuat susulan sehingga selesai.
 6. Memastikan semua perkhidmatan online dapat dicapai secara berterusan (24 jam x 7 hari).
 7. Mengurus kutipan hasil dengan cekap dan berbelanja dengan berhemah.
 8. menguatkuasakan undang-undang dan peraturan secara adil, telus dan berterusan bagi kesejahteraan dan keselamatan warga kota melalui notis-notis yang dikeluarkan.
 9. Memastikan modal insan dibangunkan secara berterusan untuk melahirkan warga kerja yang kompeten.
 12. Menyedia, mengurus dan menyelenggara kemudahan awam (stadium, kompleks sukan/ pusat komuniti, masjid/ surau, taman rekreasi, pasar, pusat penjaja, perpustakaan, tandas awam, perhentian bas/teksi, tanah perkuburan dan krematorium)
-



Ringkasan Aktiviti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



06 Januari 2020

Lawatan Office Affairs Administrator Bureau of Shanghai, China ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

09 Januari 2020

Kunjungan Hormat Datuk Bandar Kuala Lumpur ke atas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan



13 Januari 2020

Majlis Pelancaran Sistem Permit Laluan Lori Angkut Bahan (e-PLAB)



18 Januari 2020

Karnival Tahun Baru Cina, Dataran Merdeka



09Februari2020

Larian Wilayahku 2020

09Februari2020

Kunjungan Hormat Duta Kazakhstan ke DBKL



12Februari2020

Lawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur ke Terowong TRX



29Februari2020

Majlis Pelancaran Pelan Tindakan KL Bersih Indah 2020
PPR Pinggiran Bukit Jalil



01Mac2020

Perasmian Sambutan Hari Landskap Negara 2020

23Mac2020

Hari Ke-6 PKP 1.0 – Operasi Sanitasi Awam @CMC DBKL



26Mac2020

Hari Ke-9 PKP 1.0 – Sesi Penyerahan Topeng Muka
Kementerian Belia dan Sukan Kepada Majlis Belia
Malaysia di CMC DBKL



31Mac2020

Hari Ke-14 PKP 1.0 – Sekitar Jalan TAR dan Lorong TAR



01 April 2020

Hari Ke-15 PKP1.0 - Lawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur ke Pusat Penempatan Sementara Covid 19 (Gelandangan)

13 April 2020

Hari Ke-27 PKP1.0 - Program Musaadah Covid 19 MAIWP



23 April 2020

Hari Ke-37 - Operasi Sanitasi Awam @Kg. Dato Keramat



30 April 2020

Hari Ke-44 - Sumbangan Pelitup Muka Daripada Kedutaan China kepada Menteri Wilayah Persekutuan



14 Mei 2020

Program Jasamu Dikenang Budimu Disanjung 2/2020

14 Mei 2020

Penggambaran foto Kumpulan untuk Buku Pelan Strategik
Kuala Lumpur PSKL



15 Mei 2020

Sesi Penyampaian Watikah Kenaikan Pangkat



28 Mei 2020

Pelancaran Aplikasi KLSTEP, 2020 Jalan TAR



02Jun2020

Persidangan Video 'Mayoral Meeting as Part of Cities Against Covid 19 (CAC) Global Summit 2020'

10Jun2020

Sesi Pertemuan Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama wakil Rejimen Askar Wataniah (RAW)



11Jun2020

Sesi Penyampaian Watikah Kenaikan Pangkat



16Jun2020

Majlis Serah Tugas Pengarah Eksekutif (Pengurusan) dan Program Jasamu Dikenang Budimu Disanjung 3/2020



04Julai2020

Penyerahan Sumbangan Inisiatif Wilayah Cakna Kepada Kawasan Perumahan PA/PPR DBKL

10Julai2020

Majlis Perjumpaan Khas 100 Badan Bukan Kerajaan India Seluruh Negara Bersama Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Auditorium DBKL



12Julai2020

Taklimat Pemerkasaan Komuniti Dalam *District Risk Reduction Program (DRRP) Covid 19*



18Julai2020

Lawatan bagi menyemarakkan pelancongan domestik ke Kuala Lumpur oleh Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia



03 Ogos 2020

Kursus Asas Kecemerlangan Pegawai Gred 41 Siri 1/2020

07 Ogos 2020

Perasmian Transformasi Taman Tasik Titiwangsa di bawah projek ROL oleh Menteri Wilayah Persekutuan



27Ogos2020

Kunjungan Hormat Pengurusan LHDN ke atas
Datuk Bandar Kuala Lumpur



28Ogos2020

Majlis Pelancaran Laluan Bus GoKL (Maroon Line) di PPR
Batu Muda



01 September 2020

Walkabout Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan ke Pekan Sungai Besi dan PA Sri Sabah

24 September 2020

Kunjungan Hormat Kedutaan Amerika Syarikat ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur



25 September 2020

Lawatan Tapak Datuk Bandar Kuala Lumpur ke lokasi mural Bukit Nenas



27 September 2020

Datuk Bandar *Last Day - Touch Out*





01 Oktober 2020

Majlis 'Lambaian Kasih' Dato' Nor Hisham Ahmad Dahlan – Datuk Bandar Kuala Lumpur Ke-12

02 Oktober 2020

Majlis Serah Tugas Datuk Bandar Kuala Lumpur



06 Oktober 2020

Program Derma Darah Sempena Sambutan Hari Penguatkuasa ke-51 tahun 2020



24 Oktober 2020

Program MyGrocer di PPR Air Panas



04 November 2020

Kunjungan Hormat Duta Hungary ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur

24 November 2020

Penyerahan tawaran lesen kepada penjaja di ruang niaga kiosk River of Life (ROL) bagi Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota oleh Menteri Wilayah Persekutuan



27 November 2020

Program Jasamu Dikenang Budimu Disanjung 5/2020



30 November 2020

Sesi Turun Padang (TuPa) Datuk Bandar Kuala Lumpur ke Brickfields





02 Disember 2020

Lawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur ke Pasar Harian Selayang
Kuala Lumpur

05 Disember 2020

Program MyFood@Wilayah



14 Disember 2020

Program Jasamu Dikenang Budimu Disanjung 6/2020



21 Disember 2020

Lawatan Tapak Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan ke Leboh Ampang

Terima Kasih

YBhg. Dato' Nor Hisham Bin Ahmad Dahlan
Datuk Bandar Kuala Lumpur Ke-12





Sektor **Datuk Bandar**

>>> www.dbkl.gov.my <<<

Jabatan Undang-Undang Dan Pendakwaan

1.0. LATAR BELAKANG

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan ditubuhkan sekitar tahun 1960-an dan dikenali dengan nama Bahagian Pendakwaan dan diletakkan di bawah Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1970-an, ia dikenali pula dengan nama Bahagian Undang-Undang dan masih berada di bawah Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1973, ia dijadikan sebuah jabatan yang tersendiri dengan nama Jabatan Undang-Undang dan ditukar pula kepada Jabatan Hal Ehwal Undang-Undang pada tahun 1976. Mulai 1 Julai 2011, jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan.

Mengikut Carta Organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedia ada, Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan diletakkan di bawah seliaan Datuk Bandar Kuala Lumpur. Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan terbahagi kepada dua (2) bahagian utama, iaitu :

- 1.1 Bahagian Perancangan dan Pentadbiran Perundangan (BPPP); dan
- 1.2 Bahagian Pelaksanaan Perundangan (BPP).

Jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan adalah seramai 70 orang.

2.0. VISI DAN MISI

Visi	Misi
Menyediakan perundangan yang progresif dan efisien bagi membantu Datuk Bandar Kuala Lumpur ke arah menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur bandaraya bertaraf dunia.	Menjaga kepentingan Datuk Bandar Kuala Lumpur dari segi undang-undang.

3.0. PIAGAM PELANGGAN

- 3.1 Menyemak dan mengkaji keperluan untuk meminda perundangan setiap lima (5) tahun dari tarikh pewartaan terakhir.
- 3.2 Menyediakan draf pertama perundangan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh arahan diterima, sekiranya maklumat yang diterima adalah lengkap.
- 3.3 Menyediakan draf pertama dokumen kontrak dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh permohonan bertulis penyediaannya dikemukakan oleh jabatan-jabatan.
- 3.4 Memproses dan memfailkan aduan ke mahkamah dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh aduan lengkap diterima.

- 3.5 Memaklumkan keputusan kes kepada jabatan-jabatan yang berkenaan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh keputusan diterima dari Mahkamah.
- 3.6 Melantik panel peguam untuk mewakili Datuk Bandar dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh terima saman kes litigasi sivil terhadap Datuk Bandar.
- 3.7 Memaklumkan keputusan kes-kes mahkamah kepada jabatan-jabatan yang berkenaan dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh keputusan diterima.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2020

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
PENGUBALAN DAN PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG	1.	Mengkaji dan mengemukakan cadangan pindaan perundangan subsidiari kepada KWP	Meminda UUK Pelesenan Pasar (WPKL) 2016	100%
			Meminda UUK Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016	100%
			Meminda UUK Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016	100%
			Meminda UUK Pasar Borong (WPKL) 2002	100%
			UUK Iklan (WPKL) 1982	100%
			UUK Pengangkutan Bahan (WPKL) 1997	100%
SEMAKAN INSTRUMEN/ DOKUMEN PERUNDANGAN	1.	Semakan perjanjian untuk penambahbaikan dan penyediaan perjanjian standard	Menyemak dan menyediakan template Perjanjian Penajaan Jejantas yang digunakan oleh Jabatan Perancangan Infrastruktur (JPIF) dan Jabatan Pengangkutan Bandar (JPB)	100%
	2.	Penyediaan template Perjanjian Pengurusan dan Penyelenggaraan	Menyedia dan menderaf template Perjanjian Pengurusan dan Penyelenggaraan	100%
KHIDMAT PERUNDANGAN MELALUI PENGAUDITAN	1.	Kajian isu-isu kontrak DBKL dengan merujuk kepada kontrak Perkhidmatan, Pembekalan dan Kerja	Menyediakan laporan kajian dengan mengenalpasti isu-isu kontrak yang berbangkit dan keperluan penambahbaikan pengurusan kontrak DBKL dengan merujuk kepada kes-kes litigasi sedia ada	100%
	2.	Kajian mengenai transaksi penjualan tanah oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur – tanggungjawab dan implikasi yang dihadapi oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur	Menyediakan laporan kajian dengan menyemak dan meneliti tanggungjawab serta implikasi yang dihadapi oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur terhadap Perjanjian-Perjanjian Jual Beli yang telah dimasuki oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur	100%
	3.	Menyediakan SOP lengkap bagi tuntutan kes tunggakan cukai taksiran di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976	Menyediakan SOP tuntutan kes tunggakan cukai taksiran untuk digunakan oleh Jabatan Kewangan	100%
	4.	Menyediakan garis panduan lengkap bagi serahan saman selain serahan secara sendiri (serahan oleh PBT dan secara tampal)	Menyediakan garis panduan serahan saman secara tampal dan juga PBT lain untuk digunakan oleh Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja, Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar	100%
	5.	Prosedur Pelantikan dan Penilaian Prestasi Peguam-Peguam untuk Kes-kes Sivil	Sasaran: Panel Peguam DBKL Pengukuran: Prosedur Pelantikan Peguam Penilaian Prestasi Peguam	100%
	6.	Analisa kes-kes: Kes Sambaga Valli a/p KR Ponnusamy Perbadanan Pengurusan Bayu Tasik Kondominium Ahmad Jaafar Abdul Latif	Sasaran: Jabatan-jabatan yang mengendalikan penguatkuasaan dan pentadbiran Pengukuran: Menyediakan analisa kes-kes	100%

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
MEMBINA KEUPAYAAN DAN PEMBELAJARAN ORGANISASI	1.	Kehadiran 3 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 3 hari setahun	62.32%
PEMANTAPAN ORGANISASI YANG CEMERLANG	1.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 90% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2020	100%
BANDARAYA TADBIR URUS CEKAP	1.	Mewujudkan satu kumpulan KIK / Idea Inovasi	Satu kumpulan KIK / Idea Inovasi peringkat jabatan	100%
PENGURUSAN ADUAN AWAM	1.	Mensasarkan 95% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2020	Menyelesaikan 95% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	92.2%
PENCAPAIAN KESELURUHAN				97.47%

5.0. BAJET

Perbelanjaan Mengurus Tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Mengurus	9,936,500.00	9,611,191.00	96.72

6.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan fungsi-fungsi perundangan untuk pengurusan pentadbiran Bandar Raya Kuala Lumpur yang lebih mantap dan berkesan seperti berikut:

- 6.1 Memberi nasihat undang-undang kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan jabatan-jabatan di dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- 6.2 Penggubalan dan penyemakan semua perundangan yang dikuatkuasakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.
- 6.3 Menyediakan dokumen-dokumen kontrak dan instrumen-instrumen perundangan.
- 6.4 Menjalankan pendakwaan berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.
- 6.5 Menyelaraskan dan meneliti kes-kes berkaitan tuntutan sivil.

Jabatan Perancangan Korporat

1.0. LATAR BELAKANG

- 1.1 Jabatan Perancangan Korporat (JPRK) berperanan merancang, mengurus serta melaksanakan usaha-usaha mempertingkatkan imej korporat dan profesionalisme DBKL bagi memastikan imej korporat dan profesionalisme DBKL berada pada taraf dunia yang unggul dan cemerlang.
- 1.2 Fungsi Perhubungan Awam mula dilaksanakan di DBKL dalam tahun 70-an dan diselaraskan oleh Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1995 fungsi tersebut telah diambil alih oleh Jabatan Pengurusan Organisasi. Seterusnya pada tahun 2006, unit ini telah diletakkan di bawah Jabatan Pentadbiran dan dikenali sebagai Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa (UHEAA).
- 1.3 Pada tahun 2008 sekali lagi nama unit ini telah ditukarkan kepada Unit Komunikasi Korporat (UKK) selaras dengan hasrat Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk memberikan imej baru kepada organisasi DBKL.
- 1.4 Mulai 1 Julai 2011, jabatan ini dikenali pula sebagai Jabatan Perancangan Korporat. Pertukaran nama ini juga memberikan gambaran yang lebih tepat mengenai fungsi JPRK bersesuaian dengan keadaan semasa.
- 1.5 Jumlah kakitangan adalah seramai 72 orang yang terdiri daripada 9 orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, dan 63 orang daripada kumpulan sokongan/ pelaksana.

2.0. VISI DAN MISI

Visi	Misi
Ke arah mempertingkatkan imej DBKL yang positif melalui komunikasi yang cekap dan berkesan dengan pihak berkepentingan.	Merancang, mengurus dan melaksanakan usaha-usaha mempertingkatkan imej DBKL yang positif.

3.0. PIAGAM PELANGGAN

- 3.1 Memastikan jemputan media dibuat selewat-lewatnya 24 jam sebelum majlis/program/aktiviti berlangsung.
- 3.2 Memastikan kenyataan media disediakan selewat-lewatnya 3 hari sebelum aktiviti berlaku
- 3.3 Memastikan maklum balas terhadap permohonan lawatan dari dalam dan luar negara diberikan dalam tempoh 3 hari bekerja.
- 3.4 Memastikan maklum balas penerimaan aduan diberikan dalam tempoh 24 jam kepada pengadu.

3.5 Memberi maklumbalas penyelesaian aduan kepada pengadu dan menutup aduan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh penerimaan penyelesaian aduan.

3.6 Memastikan urusan pelanggan di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan DBKL diselesaikan dalam tempoh 15 minit.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2020

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
PENINGKATAN IMEJ KORPORAT	1	Mempromosikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya berdaya huni kepada warga kota	Mempromosikan sekurang-kurangnya 5 program / projek / cetakan biru (<i>blueprint</i>) DBKL melalui media massa	100%
	2	Menyebarkan maklumat mengenai Kuala Lumpur melalui bahan promosi bercetak	buku mewah (<i>pictorial Coffee Table Book</i>) berkaitan Kuala Lumpur untuk rujukan kepada tetamu dan cenderamata kepada pelawat	dibatalkan melalui Keputusan Lembaga Perolehan pada 9 April 2020
	3	kempen / promosi bagi tujuan penyampaian maklumat kepada warga melalui beberapa platform seperti media sosial (Facebook, Whatsapp dan Instagram, Youtube, Skrin LED dan TV komersial)	Program bersama media, Temu bual eksklusif bersama Ketua, Jabatan dan Pengurusan Tertinggi DBKL Sukan Bersama Media, Malam Penghargaan Media	100%
	4	Melestarikan hubungan baik antara DBKL dengan pihak media	Mengadakan sekurang-kurangnya 10 aktiviti/program bersama media	100%
HUBUNGAN ORGANISASI DAN KOMUNITI	5	Mengadakan penglibatan umum (<i>public engagement</i>) dalam hubungan antara DBKL dan warga kota	Melaksanakan sekurang-kurangnya 35 program berorientasikan penglibatan umum dalam setahun.	80%
PENGURUSAN ADUAN AWAM	6	Mensasarkan 95% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2020	Menyelesaikan 95% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	100%
	7	Mensasarkan penurunan penerimaan aduan awam sebanyak 10% berbanding dengan jumlah penerimaan aduan pada tahun sebelumnya	Memantau aduan awam supaya terdapat penurunan sebanyak 10% berbanding dengan aduan yang diterima pada tahun sebelumnya	100%
BANDAR RAYA TADBIR URUS CEKAP	8	Memantapkan kolaborasi DBKL dengan peringkat antarabangsa	kolaborasi melalui aktiviti/program kerjasama dua hala pada peringkat: Bandar Raya Berkembar Asia Tenggara (ASEAN) Antarabangsa	100%
PEMANTAPAN ORGANISASI YANG CEMERLANG	9	Kehadiran 3 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 3 hari setahun	71.42%
	10	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 90% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2020	100%
	11	Mewujudkan satu kumpulan KIK atau idea Inovasi	Satu kumpulan KIK di peringkat Jabatan	100%
PENCAPAIAN KESELURUHAN				94.14%

5.0. BAJET

Perbelanjaan Mengurus Tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Mengurus	6,269,400.00	5,664,759.00	90.36

6.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

Jabatan Perancangan Korporat menjalankan tujuh (7) fungsi utama iaitu:-

- 6.1 Menjalinkan hubungan dan kerjasama DBKL dengan warga kota, agensi kerajaan dan swasta bagi mempertingkatkan persefahaman dan perkhidmatan yang diberi.
- 6.2 Menyediakan dan menyebarkan maklumat yang positif dan tepat mengenai pentadbiran DBKL serta memberi maklum balas ke atas komen, aduan dan isu berbangkit kepada media massa.
- 6.3 Memastikan urusan perhubungan pertubuhan antarabangsa yang baik disamping menyelaras lawatan luar dan dalam negeri dengan baik.
- 6.4 Membantu dan memudahcara setiap pelanggan yang berurusan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam mendapatkan perkhidmatan, maklumat dan khidmat nasihat.
- 6.5 Memastikan dan mendapatkan maklumbalas terhadap aduan yang dikemukakan daripada jabatan secepat mungkin atau selewat-lewatnya dalam tempoh 3 hari dari tarikh penerimaan.
- 6.6 Menyelaras sambutan perayaan, majlis dan acara rasmi DBKL dengan teratur.
- 6.7 Menerbitkan bahan bercetak dan elektronik kepada golongan sasaran di samping memberikan maklumat terkini dan tepat mengenai DBKL.

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

Unit Media

Unit Media di Jabatan Perancangan Korporat berperanan sebagai penghubung di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak media. Selaras dengan itu, Unit Media bertanggungjawab sebagai medium untuk menyalurkan maklumat-maklumat berkaitan DBKL kepada media bagi memastikan liputan yang diberi adalah tepat dan benar. Unit ini juga bertindak menyelaras dan menyediakan maklumat untuk Sidang Media mengenai aktiviti-aktiviti yang melibatkan DBKL. Sepanjang tahun 2020, unit ini telah menyelaras 37 Sidang Media dan 22 Temubual bersama Pengurusan Tertinggi DBKL dan Ketua Jabatan.

Unit ini juga bertindak menguar-uarkan aktiviti-aktiviti dan program-program yang akan dilaksanakan oleh DBKL bagi memastikan hebahan maklumat dapat disampaikan kepada wargakota dan mendapat liputan terbaik diberikan oleh pihak media. Unit ini telah mengeluarkan sebanyak 60 Liputan Media (*Note to Editor*), 132 Kenyataan Media (*Press Release*) dan 31 Maklumbalas Media (*Press Rebuttal*) sepanjang tahun 2020.

7.1 Aktiviti DBKL Bersama Media Sepanjang Tahun 2020

Dunia telah dilanda pandemik Covid-19 pada tahun 2020 dan negara ini turut terkena tempasnya seawal bulan Mac 2020. Berikutan pandemik ini, banyak kegiatan sosial tertangguh dan tidak dapat dilaksanakan disebabkan sekatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Namun begitu, DBKL mengambil inisiatif untuk melaksanakan beberapa program bersama media dalam skala yang lebih kecil sebaik sahaja PKP dilonggarkan. Program-program yang diadakan ini bertujuan untuk meneruskan dan mengeratkan lagi hubungan di antara DBKL dengan pihak media dan sebagai tanda penghargaan di atas sumbangan pihak media menerusi penulisan mereka mengenai DBKL. Di antara program-program yang dapat diadakan sepanjang tahun 2020 bersama media adalah Santai Bersama Media dan Water Rafting Adventure Bersama Media.

a) Santai Bersama Media

Program ini adalah merupakan perkhemahan selama 2 hari 1 malam di Janda Baik, Pahang. Program berlangsung pada 3 – 4 Oktober 2020 melibatkan beberapa orang petugas Media Online dan kakitangan Unit Media, JPRK. Program adalah berkisar kepada sesi santai sambil bertukar-tukar fikiran dan pendapat mengenai arus perdana khususnya mengenai dunia Media Online. Program telah berlangsung dengan penuh harmoni dan banyak memberi pendedahan baharu kepada kakitangan Unit Media, JPRK.

b) Water Rafting Adventure Bersama Media

Aktiviti ini telah dilaksanakan pada 26 Disember 2020 di Kuala Kubu Baru, Selangor. Program berupa aktiviti lasak ini melibatkan beberapa orang kalangan media dan kakitangan Unit Media JPRK. Matlamat program adalah untuk memupuk semangat setiakawan dan ketahanan mental dalam kalangan peserta. Program juga telah memupuk semangat kerjasama di kalangan peserta di samping dapat mengeratkan lagi hubungan di antara pihak media dan DBKL menerusi program seumpama ini. Disebabkan negara masih lagi dalam tempoh PKPB, penglibatan daripada pihak media adalah terhad, walau bagaimanapun kemampuan dan kesudian mereka untuk turut serta dalam program anjuran DBKL ini amat dihargai.

Santai Bersama Media



Water Rafting Adventure Bersama Media



7.2 Unit Promosi dan Fotografi


Unit Promosi dan Fotografi merupakan salah satu unit di dalam Jabatan Perancangan Korporat dan diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja penerbitan bahan bercetak dan digital serta mempromosikan aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Fungsi utama unit ini adalah:

- Menguruskan penerbitan bahan bercetak mengenal perkhidmatan DBKL seperti risalah, diari tahunan dan kalendar.
- Menyelaraskan promosi aktiviti/program DBKL seperti Banner/Bunting, Buku Aturcara, Coffee Table Book, Video/Montaj, Kad Perayaan dan ruai promosi.
- Menyelaras, memantau dan mengemas kini portal dan media sosial DBKL.
- Merancang dan melaksanakan penerbitan karya kreatif seperti iklan amal untuk maklumat awam (PSA) bagi tujuan informasi dan publisiti DBKL
- Merancang dan melaksanakan kempen-kempen untuk tujuan penyebaran nilai-nilai murni dalam kakitangan penjawat awam di DBKL.
- Menjalankan aktiviti fotografi rasmi bagi acara/program DBKL

Aktiviti dan program promosi yang dilakukan oleh unit ini sepanjang tahun 2020

BIL	AKTIVITI TAHUN 2020
1	Kempen Anti Merokok – KLBAR
2	Kempen Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020
3	Kempen Memerangi Covid-19
4	Kempen Bas GOKL Percuma
5	Kempen Wilayah Prihatin
6	Kempen Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2020
7	Kempen Kesedaran Produk Biodegrasi
8	Kempen Kuala Lumpur Rendah Karbon
9	Kempen Promosi Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040
10	Kempen Penghargaan Petugas Barisan Hadapan – Light It Blue
11	Kempen Jejak Warisan (KL Dulu)
12	Kempen Bayar Caj Letak Kereta Bahu Jalan



Kempen Jejak Warisan yang Dilaksanakan Melalui Medium Media Sosial

7.2.1 Diari Tahunan DBKL

Pada tahun 2020, Jabatan Perancangan Korporat telah menerbitkan Diari Tahunan sebanyak 6500 naskah. Tujuan diari ini diterbitkan adalah bagi menghargai pegawai dan kakitangan DBKL yang banyak memberi sumbangan terhadap DBKL. Selain itu, unit ini turut menerbitkan sebanyak 4000 naskah buku nota khas untuk diedarkan kepada kakitangan sokongan.

7.2.2 Kalender Meja (Tegak)

Pada tahun 2020, unit ini telah menerbitkan sebanyak 7000 unit Kalender Meja (Tegak) dan 700 unit Kalender besar telah diedarkan kepada semua pegawai-pegawai dan kumpulan sokongan 1 serta edaran kepada pelawat-pelawat dari agensi luar ke DBKL.

7.2.3 Portal dan Media Sosial DBKL

Pada tahun 2020, Unit Promosi dan Fotografi telah diberi tanggungjawab untuk menjadi jawatankuasa pengurusan kandungan yang diketuai oleh Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengemas kini maklumat berita, acara terkini dan pengurusan semasa di dalam portal. Proses mengemaskini portal ini telah dibuat pada setiap hari oleh Pegawai Teknologi Maklumat yang ditempatkan di Jabatan ini. Bagi memastikan maklumat yang diperolehi adalah terkini dan tepat, pegawai akan mendapatkan kerjasama daripada unit lain termasuklah Unit Media di Jabatan Perancangan Korporat dan Jabatan Pengurusan Maklumat

7.2.4 Video DBKL

Bagi meningkatkan imej korporat DBKL kepada warga kota pada peringkat tempatan dan antarabangsa, Unit Promosi dan Fotografi telah mengambil inisiatif untuk menyediakan montaj, video korporat & promosi bagi DBKL. Antara video yang telah disediakan oleh unit ini bagi tahun 2020 ialah:

- Video Promosi Jejak Warisan
- Video promosi Bas Percuma GOKL
- Video Promosi Galakan Membaca dan KLBWC2020
- Video Promosi Video Promosi *Kuala Lumpur Low Carbon 2020*
- Video Promosi Pembudayaan Norma Baharu pasca Covid-19
- Video Kempen Pembayaran Caj Letak Kereta Bahu Jalan
- Video KL Kata
- Video Ucapan dan Amanat Datuk Bandar Kuala Lumpur



Pasukan Promosi dan Fotografi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



7.3 Unit Perhubungan Antarabangsa

Unit Perhubungan Antarabangsa berperanan menyelaras lawatan dalam negeri, lawatan luar negeri, kunjung hormat kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, program antarabangsa dan mesyuarat antarabangsa yang terpilih. Walaubagaimanapun, kesan daripada pandemik Covid-19, jumlah lawatan fizikal berkurangan, program antarabangsa lebih bertumpu secara maya. Berikut merupakan statistik bagi perkara berkaitan:

Jadual 1: Statistik Jumlah Lawatan Dalam Negeri, Lawatan Luar Negeri dan Kunjung Hormat kepada Datuk Bandar pada Tahun 2020

BIL.	TARIKH	KUNJUNG HORMAT
1.	29 Januari	Kedutaan Ireland
2.	13 Februari	Kedutaan Kazakhstan
3.	02 Mac	Kedutaan Cambodia
4.	25 Jun	Kedutaan Kuwait
5.	10 Julai	Kedutaan Japan
6.	06 Ogos	Kedutaan Iran
7.	24 September	Kedutaan US
8.	04 November	Kedutaan Hungary
9.	10 November	Kedutaan Uzbekistan
10.	17 November	Kedutaan Kuwait ke atas Datuk Bandar yang baharu
11.	25 November	Kedutaan Belgium
12.	02 Disember	Kedutaan Swedden
13.	08 Disember	Kedutaan Poland
14.	15 Disember	Kedutaan Mexico

Jadual 2: Senarai Kunjung Hormat ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur bagi tahun 2020

PERKARA	BILANGAN LAWATAN	BILANGAN PELAWAT
Jumlah Lawatan Dalam Negeri	11	253
Jumlah Lawatan Luar Negeri	6	90
Jumlah Kunjung Hormat Kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur	15	45
JUMLAH	32	388

Jadual 3: Program / Persidangan / Mesyuarat Yang Disertai

NO.	NAMA AKTIVITI / PROGRAM
1	UCLG ASPAC Webminar on Local Government Action on Covid-19 in Asia Pacific Region – 9 April 2020
2	Mayoral Meeting as Part of Cities Against Covid19 (CAC) Global Summit 2020 – 2 Jun 2020
3	Pre EXCOM CityNet – 2 Julai 2020.
4	Konsultasi sekretariat CityNet – 25 Ogos 2020
5	CityNet Catalogue (Perkongsian data berkaitan mengatasi Pandemic Covid 19 di Kuala Lumpur) – 22 Mei 2020
6	Metropolis Cities for Global Health (Perkongsian data berkaitan mengatasi Pandemic Covid 19 di Kuala Lumpur) – Julai 2020
7	KLRTC XXXV: Covid19 And Sustainable Development Goals (SDGS): Local Governance in The New Normal – 13 Ogos 2020 Penglibatan DBKL: - Datuk Bandar menjadi panel jemputan
8	Latin American Festival (Menghantar rakaman ucapan Datuk Bandar KL kepada GRULAC sempena Latin American Festival)-Oktober 2020
9	Malaysia Urban Forum- secara virtual Penglibatan DBKL: - Datuk Bandar menerima sijil penyertaan daripada Perdana Menteri Malaysia - Pengarah Eksekutif Perancangan menjadi panel jemputan yang dibahaskan secara virtual berkaitan Affordable Housing - September 2020
10	CityNet 39th Executive Committee Meeting (EXCOM)-15 Oktober 2020
11	Daring Cities: ICLEI (Local Government for Sustainability) Penglibatan DBKL: -21 Oktober 2020 - Datuk Bandar menjadi <i>speaker</i> dalam <i>Driving the Green Recovery and Redesign: Embedding Local Climate Action at the Heart of Economics Stimulus Packages: Decarbonising Kuala Lumpur in the New Normal of COVID-19</i>
12	Mexico National Day (menghantar rakaman ucapan Mexico National Day Datuk Bandar KL kepada Kedutaan Mexico)- Oktober 2020
13	Excom CityNet – City to City Online Technical Cooperation – 16 Nov 2020
14	Preparatory Meeting Asian-Pacific Cities Summit (APCS), Fukuoka, Jepun -26 Nov 2020
15	General Assembly Metropolis dihoskan oleh Guangzhou, China dan presiden METROPOLIS Datuk Bandar Berlin, Jerman-30 Nov 2020



Datuk Bandar menerima sijil penyertaan daripada Perdana Menteri Malaysia sempena penglibatan aktif DBKL dlm program SDG di Malaysia World Urban Forum secara virtual 2020.



Malaysia World Urban Forum



Kunjungan hormat Duta Kuwait



Kunjungan Hormat Duta Hungary



Kunjungan hormat Kedutaan Iran



Rakaman Datuk Bandar Kuala Lumpur pada Latin American Festival GRULAC



Pembentangan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam *Daring Cities 2020*



Penyertaan Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam *Daring Cities 2020*



Working lunch bersama Pesuruhjaya Tinggi Australia



Working lunch Bersama Duta Kuwait



General Assembly Metropolis dihoskan oleh Guangzhou, China dan presiden Metropolis, Datuk Bandar Berlin, Jerman secara maya



7.4 Majlis Rasmi & Protokol

Unit Majlis Rasmi dan Protokol, Jabatan Perancangan Korporat telah terlibat dengan pelbagai acara rasmi yang dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan mahupun anjuran bersama di antara DBKL dan agensi-agensi kerajaan serta bukan kerajaan.

Sepanjang tahun 2020, unit ini telah terlibat secara langsung dalam 65 majlis rasmi di mana 56 ialah anjuran jabatan-jabatan di dalam DBKL dan 8 majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi-agensi kerajaan serta 1 acara majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi bukan kerajaan.

Unit ini juga terlibat secara langsung dalam menyelaraskan urusan pemasangan gegantung (bunting) bendera dan memastikan penyediaan hiasan serta kebersihan di laluan-laluan protokol apabila Bandaraya Kuala Lumpur menerima kunjungan Pembesar-Pembesar Luar Negara. Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2020 dan Sambutan Hari Kemerdekaan 2020, unit ini telah menyelaras urusan pemasangan gegantung (*bunting*) bendera di laluan-laluan protokol sekitar Kuala Lumpur.

Selain itu, unit ini juga menjalinkan kerjasama yang erat bersama pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dalam mengendalikan beberapa acara rasmi tahunan seperti Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Kebangsaan (Sambutan Bulan Kemerdekaan) termasuk majlis yang melibatkan kakitangan di bawah agensinya seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

MAJLIS RASMI (ANJURAN DBKL, BERSAMA AGENSI KERAJAAN DAN BUKAN KERAJAAN) DAN LAWATAN RASMI PEMBESAR ASING BAGI TAHUN 2020

Bulan	Bilangan Majlis Rasmi				Jumlah
	Anjuran DBKL	Anjuran Bersama Agensi Kerajaan	Anjuran Bersama Agensi Bukan Kerajaan	Lawatan Rasmi Pembesar Asing	
JANUARI	6	-	-	-	6
FEBRUARI	11	1	1	-	13
MAC	3	1	-	-	4
APRIL	PKP	PKP	PKP	PKP	PKP
MEI	1	-	-	-	1
JUN	1	-	-	-	1
JULAI	6	-	-	-	6
OGOS	5	-	-	-	5
SEPTEMBER	9	3	-	-	12
OKTOBER	3	-	-	-	3
NOVEMBER	6	-	-	-	6
DISEMBER	5	-	-	1	6
JUMLAH	58	5	1	1	65

Gambar-gambar Majlis Rasmi dan Protokol



Majlis Penyerahan Surat Tawaran Dan Laporan Diri Lantikan Baru Pekerja Sambilan Harian (PSH) DBKL



Majlis Pelancaran Laluan Baru Bas Gokl (Maroon Line/ Merah Manggis) (PPR Kg Batu Muda - LRT Sentul)



Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Komuniti Kuala Lumpur Di Bawah Program Wilayah Cakna 3.0



Program Transformasi Pasar Borong Kuala Lumpur Keselamatan Dan Keceriaan

7.5 Unit Khidmat Pelanggan Dan Aduan Awam

Bahagian Perhubungan Pelanggan dan Aduan Awam merangkumi unit Pusat Panggilan Setempat (*Call Centre*) dan Unit Perhubungan Pelanggan (*1Serve*), Jabatan Perancangan Korporat. Namun Unit Perhubungan Pelanggan ini telah ditukar nama kepada Unit Khidmat Pelanggan selepas pemansuhan Dasar Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) pada pertengahan tahun 2018 yang lalu. Fungsi dan peranan bahagian ini meliputi 3 perkara utama iaitu sebagai pusat panggilan setempat, pengurusan dan pemantauan aduan awam serta pengurusan perkhidmatan pelanggan DBKL.

7.5.1 Penerimaan Panggilan Melalui Talian Bebas Tol 1-800-88-3255 Bertempat Di Pusat Panggilan Setempat (*Call Centre*)

Pada tahun 2020 iaitu dari Januari 2020 sehingga Disember 2020, pihak Aduan Awam dan Pusat Panggilan Setempat (*Call Centre*) telah pun menerima sebanyak 2,922 panggilan.

7.5.2 Penerimaan Dan Penyelesaian Aduan

Pada tahun 2020, unit Aduan Awam dan Pusat Panggilan Setempat (*Call Centre*) telah pun menerima sebanyak **20,794 aduan**. Janaan data terkini seperti di Lampiran 1 menunjukkan sebanyak 20,083 (96.58%) aduan telah diselesaikan. Manakala, sebanyak 711 (3.4%) aduan masih di dalam tindakan. Semua Jabatan disasarkan untuk menyelesaikan semua aduan-aduan tertunggak selewat-lewatnya pada bulan Mac 2021.

Jadual 4: Statistik Penerimaan Aduan Mengikut 5 Kategori Tertinggi

KATEGORI	TERIMA	PERATUS (%)
Jalan Rosak/berlubang	2317	11.14%
Penyelenggaraan pokok	1665	8%
Lampu Jalan (Rosak)	1487	7.15%
Kesalahan Lalulintas	1037	4.99%
Halangan berhubung tred (Bollard/Kon dsb)	875	4.21%

Lawatan Tapak Bersama Agensi Sahabat, Jabatan dalaman DBKL serta Pengadu



Lawatan tapak bersebelahan kedutaan Kuwait pada 7 Januari 2020



Lawatan Tapak Redtick Supermarket, Jalan Seri Segambut Pada 9 Januari 2020



Lawatan tapak di Jalan Silang pada 10 Mac 2020



Lawatan tapak bersama Ketua Pengarah BPA di Jalan Klang Lama pada 2 Julai 2020



Lawatan tapak berkaitan pokok besar di Jalan 7B/6 Taman Setapak Indah pada 8 Januari 2020 & 25 Ogos 2020



Lawatan tapak mengenai semak samun yang terbiar di atas tanah bungalow, Lorong Damai 12, Jalan Damai, KL pada 25 Ogos 2020 bersama JPLR dan JKAS

7.5.3 Kehadiran Pelanggan dan Pelajar Di Kaunter Khidmat Pelanggan

Sepanjang tahun 2020, Unit Khidmat Pelanggan Jabatan Perancangan Korporat telah menerima seramai 435 orang pelanggan terdiri daripada warga kota bagi pelbagai urusan di kaunter tersebut.. Kaunter ini juga kerap menerima kehadiran para pelajar IPTA dan IPTS bagi mendapatkan input dari pelbagai jabatan untuk kajian akademik mereka. Pengurangan drastik kehadiran pelanggan sepanjang tahun 2020 adalah disebabkan oleh arahan semasa kerajaan melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa pada 18 Mac 2020 berikutan penularan pandemik Covid-19 di seluruh negara.

Berikut adalah Statistik Bilangan Pelanggan yang hadir ke Kaunter Khidmat Pelanggan DBKL sepanjang tahun 2020:

Jadual 6: Statistik Kehadiran Pelajar di Kaunter Khidmat Pelanggan bagi Tahun 2020

BIL	BULAN	JUMLAH	CATATAN
1.	JANUARI	38	
2.	FEBUARI	25	
3.	MAC	17	
4.	APRIL	-	
5.	MEI	20	Jumlah kenaikan / pengurangan kehadiran pelanggan di kaunter khidmat pelanggan tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengekang penularan pandemik Covid-19 diseluruh negara.
6.	JUN	30	
7.	JULAI	43	
8.	OGOS	43	Kaunter 1Serve telah ditukar semula kepada Kaunter Khidmat Pelanggan bermula pertengahan tahun 2018
9.	SEPTEMBER	63	
10.	OKTOBER	42	
11.	NOVEMBER	46	
12.	DISEMBER	55	
JUMLAH KESELURUHAN		422	

Jadual 7: Statistik Kehadiran Para Pelajar IPTA dan IPTS di Kaunter Khidmat Pelanggan bagi Menjalankan Kajian/ Mendapatkan Maklumat Sepanjang tahun 2020

BIL	BULAN	JUMLAH	CATATAN
1.	JANUARI	4	
2.	FEBUARI	3	
3.	MAC	-	
4.	APRIL	-	
5.	MEI	-	Para pelajar IPTA/IPTS yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan kajian ke jabatan-jabatan di DBKL perlu mendapatkan surat kebenaran yang di keluarkan oleh kaunter khidmat pelanggan terlebih dahulu sebelum berurusan ke jabatan yang berkaitan.
6.	JUN	-	
7.	JULAI	-	
8.	OGOS	-	
9.	SEPTEMBER	3	
10.	OKTOBER	-	
11.	NOVEMBER	2	
12.	DISEMBER	1	
JUMLAH KESELURUHAN		13	

7.5.4 Karnival Hari Bertemu Pelanggan Secara Atas Talian (E-HBP) DBKL

Selaras dengan keputusan Pengurusan Tertinggi DBKL, Program Hari Bertemu Pelanggan Secara Atas Talian atau lebih dikenali sebagai (e-HBP) DBKL kini telah dijenamakan semula kepada Karnival Hari Bertemu Pelanggan yang dianjurkan bersama Pejabat Cawangan DBKL.

Program ini menyasarkan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat terutamanya Majlis Perwakilan Penduduk, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta komuniti setempat. Perancangan pelaksanaan program ini adalah sebanyak 4 kali setahun bermula pada Mac 2020 bertempat di lokasi dalam kawasan pentadbiran Pejabat Cawangan Pantai Dalam diikuti dengan tiga (3) lagi Pejabat Cawangan yang berhampiran mengikut jadual yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, penganjuran program ini terpaksa ditunda hingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan berikutan arahan Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengekang penularan Covid-19 oleh kerajaan.

Jadual 8: Statistik Penganjuran Karnival Hari Bertemu Pelanggan bagi tahun 2020

BIL	PEJABAT CAWANGAN	BULAN	LOKASI	CATATAN
1.	Pejabat Cawangan Lembah Pantai / Pejabat Cawangan Bandar Tun Razak / Pejabat Cawangan Seputeh	April	Eco Park, Lembah Pantai	Para pelanggan dapat menyalurkan aduan serta pertanyaan secara terus kepada "booth" aduan JPRK yang disediakan. Kesemua jabatan DBKL yang terlibat juga akan membuka "booth" masing-masing bagi mempamerkan perkhidmatan jabatan kepada pengunjung
2.	Pejabat Cawangan Wangsa Maju / Pejabat Cawangan Titiwangsa / Pejabat Cawangan Setiawangsa	Julai	Stadium Titiwangsa	Selain itu, terdapat juga pelbagai aktiviti permainan, dan hiburan beserta hadiah ditawarkan kepada para pengunjung.
3.	Pejabat Cawangan Cheras / Pejabat Cawangan Bukit Bintang	Oktober	Ruang Legar Menara DBKL 1	
4.	Pejabat Cawangan Kepong / Pejabat Cawangan Batu / Pejabat Cawangan Segambut	Disember	Pejabat Cawangan Segambut	

7.5.5 Penambahbaikan

Unit Khidmat Pelanggan telah melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap fungsi sedia ada dengan menjalankan naziran dan penilaian terhadap para petugas kaunter bersemuka jabatan di DBKL iaitu Program "*Mystery Shopping DBKL*". Program yang julung kalinya diadakan ini merupakan iltizam dan komitmen DBKL dalam memupuk nilai murni dan profesionalisme di kalangan warga petugas kaunter DBKL selain melaksanakan naziran dan penilaian terhadap tahap dan kualiti penyampaian perkhidmatan oleh para petugas selaras dalam meningkatkan imej korporat DBKL.

Program ini telah dijalankan pada 05 sehingga 09 Ogos 2019 melibatkan kerjasama para panel penilai dari agensi berkaitan iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Perbadanan Putrajaya (PPJ) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Seramai 5 orang pemenang dari pelbagai jabatan telah dipilih dari program ini dan sebagai imbuhan mereka adalah dijemput untuk menyertai Lawatan Penandaarasan Perhubungan Pelanggan ke Osaka, Jepun pada September 2019 selama 4 hari 3 malam.

Jabatan Audit Dalam

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Dalam (JAD) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Julai 2011 dan diletakkan di bawah sektor Datuk Bandar Kuala Lumpur.

2.0. VISI DAN MISI

Visi

Menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur selaras dengan amalan terbaik di samping meningkatkan kompetensi dalam sektor awam.

Misi

Melaksanakan pengauditan secara jujur, amanah dan bebas serta mengemukakan laporan yang seimbang kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan pihak Pengurusan Tertinggi ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

- 3.1 Menyediakan Rancangan Audit Tahunan sebelum atau pada 31 Januari tahun berkenaan;
- 3.2 Menyediakan Laporan Kajian Audit dalam tempoh 1 bulan selepas tarikh *Exit Conference* diadakan;
- 3.3 Mengeluarkan Surat Pengurusan bagi Audit Khas kepada Pengurusan Tertinggi / Auditi dalam tempoh 3 bulan dari tarikh arahan diterima oleh Pengarah; dan
- 3.4 Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA) empat (4) kali setahun.

4.0. PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JABATAN TAHUN 2020

KRA	BIL	KPI	Sasaran	Pencapaian Tahun 2020	
Memperkuhkan Kedudukan dan Pengurusan Kewangan	1.	Melaksanakan pengauditan iaitu Audit Prestasi, Audit Penampilan dan Audit Khas.	16 tajuk audit dilaksanakan	ST - 100%	
				Pengauditan bagi 22 tajuk telah selesai dilaksanakan.	
				AUDIT	TAJUK
				Audit Prestasi	9
				Audit Penampilan	9
Audit Khas	4				
JUMLAH	22				

KRA	BIL	KPI	Sasaran	Pencapaian Tahun 2020
Memperkuatkan Kedudukan dan Pengurusan Kewangan	2.	Melaksanakan pengauditan terhadap Pengurusan Kewangan berdasarkan Indikator Kawalan Indeks Akauntabiliti (AI) ke atas 25 Jabatan dan Pejabat Pengurusan Tertinggi. 3 elemen Kawalan adalah seperti berikut:-	1 elemen Kawalan Dalam dilaksanakan dalam tempoh 4 bulan	<p>OT - 100%</p> <p>i. Pengauditan Kawalan Pengurusan Perolehan (Pembelian Terus) ke atas 25 Jabatan telah diadakan mulai Januari hingga April 2020 (Fasa 1).</p> <p>Laporan Prestasi Penarafan Indeks Akauntabiliti telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA) Bil.2/2020 pada 12 Jun 2020 dan diedarkan melalui surat (No.Ruj:DBKL/JAD/01/39 Jld.3 (9) bertarikh 16 Jun 2020 dan juga dipaparkan di Portal Intranet pada 18 Jun 2020.</p> <p>ii. Pengauditan Kawalan Pengurusan (AP 309 – Pemeriksaan Mengejut) ke atas 25 Jabatan telah diadakan mulai Julai hingga Ogos 2020 (Fasa 2).</p> <p>Laporan Prestasi Penarafan Indeks Akauntabiliti telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA) Bil. 3/2020 pada 4 September 2020 dan diedarkan melalui surat (No. Ruj.: DBKL/JAD/01/39 Jld.3 (12) bertarikh 14 September 2020 dan juga dipaparkan di Portal Intranet pada 21 September 2020.</p> <p>iii. Pengauditan Pengurusan Pembayaran di bawah AP 58 ke atas 25 Jabatan telah diadakan mulai November hingga Disember 2020 (Fasa 3).</p> <p>Laporan Prestasi Penarafan Indeks Akauntabiliti telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA) Bil. 1/2021 pada 7 Januari 2021 dan diedarkan melalui surat (No. Ruj.: DBKL/JAD/01/39 Jld.3 (14) bertarikh 11 Januari 2021 dan juga dipaparkan di Portal Intranet pada 22 Januari 2021.</p>
		Pengurusan Perolehan (Pembelian Terus) Kawalan Pengurusan (AP 309 – Pemeriksaan Mengejut) Kawalan Perbelanjaan – AP58		
Memperkuatkan Kedudukan dan Pengurusan Kewangan	3.	Menubuhkan Pasukan Pemeriksa Projek yang terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P)	Penubuhan 5 pasukan pemeriksa	<p>ET - 100%</p> <p>6 Pasukan Pemeriksa Projek telah ditubuhkan.</p> <p><i>Entrance Conference</i> : 16 & 18 Jun 2020 <i>Exit Conference</i> : 5 & 6 November 2020 Auditi : JPPPB & JKAWS</p> <p>Tajuk projek yang telah dipilih adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Naiktaraf Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur 2. Pemindahan dan Pembinaan Pejabat Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar 3. Membina Kompleks Dewan Komuniti 7 Tingkat di PPR Bukit Jalil 1 4. Menaiktaraf Perpustakaan Kuala Lumpur – Perpustakaan Kuala Lumpur 5. Naiktaraf Jalan Semarak dari Jalan Tun Razak hingga ke Jalan Ayer Keroh dan Lebuhraya DUKE

KRA	BIL	KPI	Sasaran	Pencapaian Tahun 2020										
				6. Membina Persimpangan Bertingkat di Jalan Ampang / Jalan Jelatek Laporan Pasukan Pemeriksa Projek telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA) Bil. 4/2020 pada 11 November 2020.										
Memperkuhkan Kedudukan dan Pengurusan Kewangan	4.	Menyediakan 1 <i>Framework</i> (kerangka) Kertas Kerja Audit untuk pengauditan penyata kewangan DBKL	Satu 1 <i>Framework</i> (kerangka) Kertas Kerja Audit	OT - 100% Rangka Kerja Audit Dalam bagi Pengauditan Penyata Kewangan DBKL telah mendapat kelulusan Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 15 September 2020.										
Membina Keupayaan dan Pembelajaran Organisasi	5.	Kehadiran 3 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 3 hari setahun	OT - 100% Sehingga 31 Disember 2020, seramai 28 pegawai dan kakitangan Jabatan Audit Dalam telah mencapai 3 hari berkursus. <table border="1"> <thead> <tr> <th>KUMPULAN</th> <th>JUMLAH</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pengurusan & Profesional</td> <td>5/5</td> </tr> <tr> <td>Sokongan I</td> <td>20/20</td> </tr> <tr> <td>Sokongan II</td> <td>3/3</td> </tr> <tr> <td>JUMLAH</td> <td>28/28</td> </tr> </tbody> </table>	KUMPULAN	JUMLAH	Pengurusan & Profesional	5/5	Sokongan I	20/20	Sokongan II	3/3	JUMLAH	28/28
KUMPULAN	JUMLAH													
Pengurusan & Profesional	5/5													
Sokongan I	20/20													
Sokongan II	3/3													
JUMLAH	28/28													
Pemantapan Organisasi Yang Cemerlang	6.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah.	Mencapai sekurang-kurangnya 90% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2020	ET - 100% Sehingga 31 Disember 2020 sejumlah 94.8% (RM31,176.00) telah dibelanjakan daripada keseluruhan peruntukan RM32,900.00										
Membina Keupayaan dan Pembelajaran Organisasi	7.	Mewujudkan 1 kumpulan KIK	1 kumpulan KIK di peringkat Jabatan	OT - 100% 1 pasukan KIK Jabatan telah ditubuhkan. Pasukan KIK Jabatan telah menghadiri Kursus Bimbingan Persembahan Projek KIK Horizon Baru (Asas dan Lanjutan) Sesi 1/2020 pada 9 hingga 11 September 2020 di Cameron Highlands, Pahang.										
Bandar Raya Tadbir Urus	8.	Mensasarkan 95% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2022	Menyelesaikan 95% aduan yang diterima pada setiap bulan. (Berpandukan sasaran KWP)	- Tiada aduan yang diterima.										
PENCAPAIAN KESELURUHAN				100%										

5.0. BAJET

Perbelanjaan Mengurus Tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Mengurus	32,900.00	31,176.00	94.8

6.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

6.1 Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

- 6.1.1 Menentukan samada operasi kewangan diuruskan dengan teratur dan dasar-dasar, undang-undang serta peraturan-peraturan dipatuhi;
- 6.1.2 Menentukan kukuhkan, kesempurnaan dan kebolehpercayaan rekod-rekod dalam Sistem Perakaunan dan Sistem Kawalan Dalaman;
- 6.1.3 Menilai secara teratur dan sistematik operasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan jabatan-jabatan di bawahnya dari segi kesempurnaan, kemampuan, kecekapan dan kekesan;
- 6.1.4 Mengesyorkan langkah-langkah bagi memperbaiki pengurusan kewangan, stok dan sumber-sumber lain demi meningkatkan akauntabiliti; dan
- 6.1.5 Mengemukakan laporan bebas dan berkecuali kepada Datuk Bandar mengenai operasi jabatan-jabatan di bawah DBKL supaya beliau dapat membuat keputusan dengan tepat.

6.2 Fungsi Bahagian - Bahagian Jabatan

- 6.2.1 Bahagian Audit Sektor Pembangunan Sosioekonomi / Sektor Perancangan / Sektor Pengurusan Projek / Sektor Pengurusan
 - i. Melaksanakan Audit Prestasi bagi Projek / Aktiviti / Program Jabatan di bawah Sektor Pembangunan Sosioekonomi / Sektor Perancangan / Sektor Pengurusan Projek / Sektor Pengurusan dan Lain – Lain Jabatan yang dijalankan secara Rancangan Tahunan / Audit Khas.
 - Menilai keberkesanan, kukuhkan dan kecukupan struktur kawalan dalaman. Kualiti dan pembaikan berterusan ditekankan dalam proses kawalan organisasi.
 - Mengkaji kepatuhan terhadap polisi, perancangan, prosedur-prosedur, undang-undang dan peraturan-peraturan.
 - Menilai dari segi ekonomi dan kecekapan penggunaan sumber-sumber yang digunakan serta mencadangkan pembaikan dalam operasi.
 - Menentukan sejauh mana objektif dan sasaran yang ditetapkan untuk operasi atau program tercapai dengan cara yang efektif, efisien dan ekonomikal dalam kekangan kos yang efektif dan sejajar dengan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.
 - ii. Melaksanakan Auditan Susulan bagi Penemuan Audit yang telah di bentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit / isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara bagi memastikan tindakan pembetulan dan penambahbaikan telah dilaksanakan; dan
 - iii. Melaksanakan Audit Kewangan melalui Indeks Akauntabiliti (AI).
- 6.2.2 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
 - i. Menjalankan fungsi pengurusan personel JAD seperti HRMIS, kebajikan dan kesihatan & keselamatan pekerja;
 - ii. Melaksanakan pengurusan kualiti dan integriti seperti ISO, EKSA, Penarafan Bintang Star Rating (KPKT) dan Audit Nilai SPAN;
 - iii. Menguruskan fail-fail dan surat-surat Jabatan;
 - iv. Menguruskan persediaan mesyuarat di Jabatan dan Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA);
 - v. Mengurus inventori dan aset jabatan selaras dengan Perintah Tetap Pengurusan Aset Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur Tahun 2016;
 - vi. Menguruskan latihan, kursus, lawatan dan peperiksaan kakitangan Jabatan;
 - vii. Mengurus kewangan dan belanjawan JAD selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP); dan
 - viii. Menguruskan perolehan JAD.

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

Sepanjang tahun 2020, JAD telah mengadakan pelbagai program dan aktiviti di kalangan pegawai dan kakitangan Jabatan serta mengatur beberapa lawatan ke lain – lain Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi – agensi yang berkaitan.

Bil.	Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
1	9 Januari 2020	Jabatan & Agensi luar	Perjumpaan bersama wakil Institute Internal Auditors Malaysia (IIAM)	Perkongsian maklumat kepentingan dan faedah DBKL menjadi ahli IIAM.
2	10 Januari 2020	Jabatan & Pihak luar	Taklimat mengenai Perisian ACL bagi kerja – kerja pengauditan dari Tetuan Assuring Group Sdn Bhd	Sesi <i>technology update</i> mengenai perisian ACL.
3	14 Januari 2020	Jabatan & PBT lain	Lawatan ke Jabatan Pelesenan, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)	Mengkaji pengurusan Lesen Paparan Iklan Luar / Lesen Iklan Papan Tanda Premis yang dilaksanakan di Subang Jaya, Selangor.
4	12 Mac 2020	Jabatan & Agensi luar	Lawatan <i>Benchmarking</i> ke Perbadanan Stadium Malaysia (PSM), Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur	Perkongsian pengalaman dalam menguruskan fasiliti sukan.
5	5 Jun 2020	Jabatan & Pejabat Pengarah Eksekutif Pengurusan (PEPU)	Lawatan Mesra sempena persaraan Pengarah Eksekutif Pengurusan (PEPU) ke JAD	Memberi amanat kepada Jabatan.
6	7 Julai 2020	Jabatan & Pejabat Pengarah Eksekutif Pengurusan (PEPU)	Program Turun Padang Pengarah Eksekutif Pengurusan (PEPU) ke JAD	Mengenalpasti isu atau kekangan yang dihadapi Jabatan di bawah sektor Datuk Bandar Kuala Lumpur
7	2 September 2020	Jabatan, Agensi luar & PBT	Lawatan ke Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Selangor & Wilayah Persekutuan, Shah Alam, Selangor	Memahami kaedah pelaksanaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan perkongsian maklumat mengenai pelaksanaan MBJ di lain – lain Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) & Badan Berkanun.
8	8 September 2020		Lawatan ke Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Putrajaya	
9	10 September 2020		Lawatan Kajian Pengurusan Organisasi ke Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	
10	11 September 2020		Lawatan Kajian Pengurusan Organisasi ke Perbadanan Putrajaya (PPj)	
11	14 September 2020	Jabatan & Jabatan Integriti (JIT)	Program Pengukuhan Integriti Pegawai dan Kakitangan JAD	Memperkuhkan dan membudayakan nilai – nilai integriti di kalangan pegawai dan kakitangan JAD.
12	12 Oktober 2020	Jabatan & KWP	Kunjung Hormat Ketua Audit Dalam, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) di Putrajaya	Membentuk hubungan rakan kongsi demi manfaat bersama dalam melaksanakan kerja – kerja pengauditan.
13	23 Disember 2020	Jabatan & KDN	Lawatan Kerja ke Bahagian Audit Dalam, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Putrajaya	Perkongsian ilmu mengenai pelaksanaan sistem pengauditan di KDN iaitu Sistem FIRM dan <i>Dashboard</i> .

7.1 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI)

Mulai tahun 2020, JAD telah mula melaksanakan penarafan ke atas 25 (dua puluh lima) Jabatan bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI). Pengauditan ini telah dilaksanakan dalam tiga (3) fasa sepanjang tahun 2020 seperti di Carta 2.

Carta 2: Fasa Pengauditan AI



Sesi Anugerah Penarafan 5 Bintang bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) Tahun 2020 telah diadakan pada 7 Januari 2021.



Jabatan Pengurusan Maklumat



Jabatan Kewangan



Jabatan Integriti



Jabatan Ukur Bahan

7.2 Penubuhan Pasukan Pemeriksa Projek DBKL Tahun 2020

Pasukan Pemeriksa Projek DBKL 2020 telah ditubuhkan pada Januari 2020 yang melibatkan enam (6) buah kumpulan. Pelantikan ahli Pasukan Pemeriksa Projek ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai DBKL daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P).

7.2.1 Objektif Penubuhan Pasukan Pemeriksa Projek

- (i) Memberi nilai tambah (*added value*) ke atas projek;
- (ii) Memantapkan sistem kawalan dalaman;
- (iii) Mewujudkan sistem amaran awal projek bermasalah
- (iv) Mempertingkatkan kecekapan pengurusan kewangan;
- (v) Membudayakan pematuhan peraturan kewangan;
- (vi) Mengamalkan prinsip integriti dan akauntabiliti; dan
- (vii) Menyediakan laporan bebas dan berkecuali.

7.2.2 Fungsi Pasukan Pemeriksa Projek

- Memeriksa projek pembangunan dalam pelaksanaan;
- (ii) Memeriksa projek pembangunan yang telah siap;
- (iii) Menggunakan Garis Panduan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Datuk Bandar Kuala Lumpur 2015 / Perintah Tetap DBKL / lain – lain Garis Panduan yang berkaitan dalam melaksanakan pengauditan; dan
- (v) Menyediakan laporan mengenai status projek.

7.2.3 Senarai Projek Yang Diaudit Pasukan Pemeriksa Projek Bagi Tahun 2020

BIL.	NAMA PROJEK	KETUA PASUKAN
1.	Naiktaraf Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur	Ir. Hamidi bin Che Kob
2.	Pemindahan dan Pembinaan Pejabat Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar	Sr. Redzuan bin Zeen
3.	Membina Pusat Komuniti di PPR Bukit Jalil 2	Ir. Rusnida binti Talib
4.	Menaiktaraf Perpustakaan DBKL di Seluruh WPKL	Puan Mufliza binti Abdul Karim
5.	Naiktaraf Jalan Semarak dari Jalan Tun Razak hingga ke Jalan Ayer Keroh dan Lebuhraya DUKE	Encik Mohd Lokman bin Mohd Lasim
6.	Membina Persimpangan Bertingkat di Jalan Ampang / Jalan Jelatek	Encik Mohd Noor Asham bin Suradi

7.2.4 Program / Bengkel Yang Telah Diadakan Untuk Pasukan Pemeriksa Projek DBKL Sepanjang Tahun 2020









JALINAN KERJASAMA STRATEGIK KUMPULAN IKRAM

- Telah mengadakan “Kursus Audit Bangunan” pada 7 - 9 September 2020 dan 5 - 7 Oktober 2020
- Melaksanakan lawatan tapak di PPA1M, Putrajaya dan Tempat Letak Kereta Bertingkat Desa Tun Razak

EXIT CONFERENCE

- Telah diadakan pada 5 November 2020 di Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan
- Telah diadakan pada 6 November 2020 di Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran

PEMBENTANGAN LAPORAN

- Hasil pengauditan PPP DBKL 2020 telah dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA) pada 11 November 2020

JALINAN KERJASAMA STRATEGIK AKADEMI AUDIT NEGARA

- Telah mengadakan “Kursus Pengauditan Projek Pembinaan Bangunan dan Infrastruktur” pada 18 - 20 Februari 2020
- Melaksanakan latihan amali di Projek Pembinaan Klinik / Pejabat Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) di Pudu Ulu, Cheras

TAKLIMAT PENYEDIAAN LAPORAN KEPADA PASUKAN PEMERIKSA

- Dua (2) sesi taklimat telah diadakan pada 4 - 5 Jun 2020
- Taklimat telah diadakan secara maya

ENTRANCE CONFERENCE

- Telah diadakan pada 16 Jun 2020 di Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan (JPPPBB)
- Telah diadakan pada 18 Jun 2020 di Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran (JKAWS)

JALINAN KERJASAMA STRATEGIK KUMPULAN IKRAM

- Telah mengadakan “Kursus Pengauditan Kualiti Kerja Penurapan Jalan” pada 17 - 19 Ogos 2020
- Melaksanakan latihan praktikal di makmal

Sesi Penyerahan Sijil Penghargaan kepada Ketua Pasukan Pemeriksa Projek DBKL 2020 oleh YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur.



Ir. Hamidi bin Che Kob
Jabatan Kejuruteraan dan Mekanikal



Sr. Redzuan bin Zeen
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta



Ir. Rusnida binti Talib
Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran



Puan Mufliza binti Abdul Karim
Jabatan Ukur Bahan



Encik Mohd Lokman bin Mohd Lasim
Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



Encik Mohd Noor Asham bin Suradi
Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan.

7.3 Bengkel Gerak Kerja Jabatan Audit Dalam Tahun 2021

JAD telah mengadakan Bengkel Gerak Kerja Tahun 2021 pada 14 hingga 16 Disember 2020 di pejabat JAD, Menara DBKL 2. Bengkel ini diadakan bagi mencapai tujuan berikut :-

- i. Merangka program dan menyusun atur gerak kerja Audit bagi tahun 2021;
- ii. Merangka gerak kerja Pentadbiran JAD bagi tahun 2021; dan
- iii. Meningkatkan ukhwah di antara pegawai dan kakitangan demi memantapkan dan melancarkan tugas harian di JAD.



Perbincangan Kumpulan

Jabatan Integriti

1.0. LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Bermula sebagai sebuah unit di bawah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM), Jabatan Integriti (JIT) ditubuhkan pada 1 Ogos 2015 selaras keputusan kerajaan. Bertindak sebagai focal point pengurusan isu berkaitan integriti di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). JIT diterajui oleh Pengarah Gred P54 dengan kekuatan tenaga kerja seramai 26 orang serta melaksanakan enam (6) fungsi utama iaitu tadbir urus, pengukuhan, pematuhan, pengurusan aduan, siasatan dan risikan dan tatatertib. Selaras dengan enam fungsi utama tersebut, JIT dibahagikan kepada tiga (3) bahagian seperti berikut:

- i. Bahagian Pengurusan;
- ii. Bahagian Pencegahan; dan
- iii. Bahagian Operasi.

2.0. VISI DAN MISI

Visi

Melahirkan warga kerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang berintegriti tinggi menjelang tahun 2020.

Misi

Melaksanakan fungsi Pengurusan Integriti dengan tadbir urus yang berkesan berasaskan pelaksanaan amalan pengurusan terbaik.

3.0. PIAGAM PELANGGAN

- 3.1 Memastikan semua aduan salah laku pegawai dan kakitangan direkodkan di borang aduan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
- 3.2 Mengemukakan surat pemakluman keputusan Lembaga Tatatertib Bebas dan rayuan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh prosiding.
- 3.3 Mengeluarkan surat jemputan kursus pengukuhan integriti dalam tempoh 7 hari bekerja.
- 3.4 Memastikan hebahan pendekatan integriti bagi pemahaman dan penghayatan nilai kepada warga DBKL.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2020

KRA	BIL	KPI	Sasaran	Pencapaian Tahun 2020
MEMANTAPKAN DAN MEMPERTINGKATKAN KAPASITI DAN KEUPAYAAN TADBIR URUS SERTA SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN.	1.	Menyiapkan kes siasatan dalam tempoh yang ditetapkan.	90% kes siasatan dilaksanakan dalam tempoh 90 hari dari tarikh penerimaan fail penyiasatan oleh Pegawai Penyiasat.	BT:<90% (74%)
	2.	Memastikan kes-kes tatatertib dibawa ke Lembaga Tatatertib Bebas dalam tempoh yang ditetapkan.	90% kes dibawa ke Lembaga Tatatertib Bebas dalam tempoh 2 bulan dari penerimaan kes.	BT:<90% (30%)
	3.	Melaksanakan program jati diri integriti.	Sekurang-kurangnya 12 program setahun	ST:>13 (26)
	4.	Aktiviti naziran di jabatan-jabatan DBKL.	Sekurang-kurangnya 10 naziran setahun	OT:10
MEMBINA KEUPAYAAN DAN PEMBELAJARAN ORGANISASI.	5.	Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) peringkat DBKL.	3 kali setahun	BT:<2
	6.	Kehadiran 3 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan.	Semua pegawai dan kakitangan jabatan menghadiri kursus 3 hari setahun.	OT:100%
PEMUPUKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG.	7.	Mewujudkan satu kumpulan KIK/Idea Inovasi	1 kumpulan KIK/idea inovasi peringkat jabatan.	ET:>1

5.0. BAJET

Perbelanjaan Mengurus Tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Mengurus	442,800.00	281,742.50	64

6.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

- 6.1 Memastikan tadbir urus terbaik dilaksanakan di organisasi;
- 6.2 Memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;
- 6.3 Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa;
- 6.4 Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan sewajarnya diambil;
- 6.5 Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;
- 6.6 Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/ maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi; dan
- 6.7 Melaksanakan fungsi urusetia Lembaga Tatatertib.

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

7.1 Aktiviti Naziran Dan Pematuhan

Pada tahun 2020, sebanyak tujuh puluh satu (71) aktiviti naziran dan pematuhan telah dijalankan. Naziran yang dilaksanakan bertujuan untuk mengurangkan ruang dan peluang berlakunya penyelewengan, salahlaku atau salah guna kuasa ekoran ketidakpatuhan terhadap sistem prosedur, kelemahan sistem sedia ada, atau prosedur operasi standard (SOP) yang tidak bersesuaian dengan tugas. Selain dari itu, JIT juga bertindak sebagai pemerhati dalam operasi seperti Operasi TEBAH.

BIL	PERKARA / AKTIVITI	JUMLAH
1.	Pengundian	8
2.	Temuduga	4
3.	Operasi	10
4.	Mesyuarat Berkaitan Isu Pematuhan	39
5.	Naziran/Pemeriksaan Pematuhan	10
JUMLAH KESELURUHAN		71

7.2 Aktiviti Pengukuhan Integriti

Dua puluh empat (24) program pengukuhan integriti telah dilaksanakan oleh JIT sepanjang 2020. Ringkasan aktiviti adalah seperti di bawah:

NAMA PROGRAM	TARIKH / LOKASI
Bengkel Pemantapan Hala Tuju Jabatan Integriti DBKL 2020	13-15 Januari 2020 Hatten Hotel, Melaka
Taklimat Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) kepada Pegawai Integriti DBKL	20 Januari 2020 JIT, Menara DBKL 2
Kursus Kecemerlangan Integriti (Siri 1) anjuran JIT, DBKL	12 -14 Februari 2020 Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang
Ceramah Integriti kepada pegawai/ kakitangan DBKL yang menghadiri Program Transformasi Minda Siri 1/2020	14 Februari 2020 IDB
Taklimat Pengurusan Tatatertib Jabatan	26 Februari 2020 Bilik Gerakan, Menara DBKL 1
Kursus Kem Jana Integriti anjuran JIT, DBKL	26-28 Februari 2020 Eagle Ranch Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan
Program Sesi Perkongsian Integriti bersama Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan	7 Julai 2020 JKKPS, Menara DBKL 3
Program Sesi Perkongsian Integriti bersama Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar	16 Julai 2020 JPKKB, Menara DBKL 3
Program Sesi Perkongsian Integriti bersama Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar	22 Julai 2020 JKAS
Program Sesi Perkongsian Integriti bersama Jabatan Penguatkuasaan Sesi 1	27 Julai 2020 JPK
Taklimat Kepentingan Pengurusan Dokumen Rahsia dan Berisiko kepada Pegawai DBKL anjuran DBKL dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri Siri 1	28 Julai 2020 IDB
Bengkel Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	17-18 Ogos 2020 Holiday Inn Hotel, Melaka


NAMA PROGRAM	TARIKH / LOKASI
Taklimat Kepentingan Pengurusan Dokumen Rahsia dan Berisiko kepada Pegawai DBKL anjuran DBKL dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri Siri 2	25 Ogos 2020 IDB
Taklimat Kepentingan Pengurusan Dokumen Rahsia dan Berisiko kepada Pegawai DBKL anjuran DBKL dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri Siri 3	26 Ogos 2020 IDB
Program Sesi Perkongsian Integriti bersama Jabatan Penguatkuasaan Sesi 2	1 September 2020 Dewan Megapuri, Menara DBKL 1
Program Sesi Perkongsian Integriti bersama Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja	4 September 2020 JPPP, Menara DBKL 2
Lawatan sambil belajar JIT ke Taman Botani Kepong, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)	21 September 2020 Taman Botani Kepong (FRIM)
Program Ceramah Integriti – Pengkisahan dari Tirai Besi	29 September 2020 IDB
Program Sesi Perkongsian Integriti bersama Jabatan Kewangan	6 Oktober 2020 Bilik Lembaga, Menara DBKL 1
Program Sesi Perkongsian Integriti bersama Jabatan Pengurusan Maklumat	5 Oktober 2020 JPM, Menara DBKL 2
Lawatan ke SPRM Putrajaya untuk pegawai dan kakitangan DBKL	8 Ogos 2020 SPRM Putrajaya
Program Sesi Perkongsian Integriti bersama Jabatan Pengurusan Sumber Manusia	7 Oktober 2020 Bilik Lembaga, Menara DBKL 1
Taklimat Garis Panduan untuk Menentang Tipuan Bida dalam Perolehan Kerajaan kepada Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional DBKL Siri 2/2020	8 Oktober 2020 IDB
Program Sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) Tahun 2020 dan Laporan Pertandingan Kuiz Integriti Sempena Sambutan Hari Integriti Peringkat DBKL Tahun 2020	9 Disember 2020 Pejabat Datuk Bandar

7.3 Pengurusan Aduan

7.3.1 Statistik Penerimaan Maklumat / Aduan

Sepanjang 2020, sebanyak 146 maklumat dan aduan yang diterima. Dari jumlah tersebut, 28 (19%) maklumat merupakan aduan yang disalurkan melalui medium ISPAA DBKL, 24 (17%) maklumat daripada kakitangan /pegawai DBKL dan 19 (13%) melalui Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pecahan sumber maklumat dan aduan 2020 adalah seperti berikut:


STATISTIK PENERIMAAN MAKLUMAT ADUAN TAHUN 2020



7.3.2 Statistik Maklumat Aduan Mengikut Kategori

Pada tahun 2020, sebanyak 82 (56%) maklumat yang berbentuk isu-isu pentadbiran. Pelesenan dan penguatkuasaan, masing-masing sebanyak 20 (14%) dan 21 (14%) maklumat, dan 15 (10%) merangkumi isu-isu lain seperti pembangunan, isu berkaitan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan lain-lain hal. Manakala isu kewangan dan perolehan masing-masing menyumbang sebanyak 3% iaitu sebanyak 4 maklumat.


STATISTIK MAKLUMAT ADUAN MENGIKUT KATEGORI TAHUN 2020



7.3.3 Tindakan Terhadap Maklumat


Semua maklumat dan aduan dibawa ke Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) untuk dinilai. Daripada 146 maklumat, 84 (57%) diarahkan untuk dirujuk ke jabatan terlibat, 32 (22%) dibuka untuk menjalankan pengesanan dan pengesahan, 19 (13%) dibuat profiling, 1 (1%) dirujuk ke Unit Tatatertib, 1 (1%) dirujuk ke Unit Tadbir Urus dan 9 (6%) tiada tindakan lanjut kerana maklumat tidak mencukupi ataupun tiada kesalahan tatakelakuan yang didapati.

TINDAKAN TERHADAP MAKLUMAT TAHUN 2020



7.4 Pengurusan Tatatertib

Jabatan Integriti (JIT) telah mengadakan enam (6) Prosiding Lembaga Tatatertib Bebas (LTB) dan 1 Prosiding Lembaga Tatatertib Rayuan (LTR) dalam menyelesaikan kes-kes tatatertib untuk tahun 2020. Jumlah kakitangan yang dikenakan tindakan tatatertib dikira diperingkat jabatan-jabatan yang menyelaras Prosiding dan jumlah kes di bawah siasatan JIT serta kes-kes mahkamah yang dilaporkan kepada JIT.



 **69 PEGAWAI/ KAKITANGAN**

KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL
3 orang

LEMBAGA TATATERTIB BEBAS
15 orang

KUMPULAN SOKONGAN
66 orang

LEMBAGA TATATERTIB JABATAN
54 orang



Lapan puluh lima (85) kes telah direkodkan tahun ini. Masalah kehadiran di kalangan kakitangan didapati merekodkan jumlah tertinggi iaitu 64 kes. Antara jenis kesalahan lain termasuklah salah guna kenderaan jabatan dan kes mahkamah.

Berikut merupakan statistik hukuman tatatertib bagi tahun 2020.

STATISTIK HUKUMAN TATATERTIB TAHUN 2020

BIL	HUKUMAN	JUMLAH
1.	Amaran	64
2.	Denda	10
3.	Perlucutan Hak Gaji	43
4.	Turun Gaji	10
5.	Buang Kerja	9
6.	Warta	2
7.	Tindakan Gantung Kerja	2
JUMLAH KESELURUHAN		140

7.5 Sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Disambut Pada 9 Disember 2020 Di Pejabat Datuk Bandar Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menganjurkan Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) yang disambut pada 9 Disember setiap tahun. Objektif sambutan adalah untuk mempromosikan Hari Anti Rasuah Antarabangsa kepada masyarakat supaya dapat meningkatkan kesedaran berkaitan dengan rasuah.

SPRM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) telah melaksanakan sambutan HARA bagi tahun 2020 pada 9 Disember 2020 dengan mengadakan *Walkabout* HARA 2020 ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- Sesi *engagement* (kunjungan hormat) dari SPRM dengan pengurusan tertinggi DBKL;
- Sesi penyampaian Amanat Khas Sempena HARA 2020 oleh Datuk Seri Ahmad Khusairi bin Yahaya, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), SPRM Putrajaya;
- Sesi tandatangan watakah "Ikrar Warga PBT";
- Sesi Pelancaran Tinjauan Secara Online (*QR Code*); dan
- Sesi Penyerahan Bahan Kempen HARA 2020



Sesi menandatangani watakah Ikrar Warga PBT disempurnakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan disaksikan Pengarah-Pengarah Eksekutif yang lain.



Kunjung Hormat Datuk Seri Ahmad Khusairi bin Yahaya, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), SPRM, ke pejabat Datuk Bandar Kuala Lumpur.

7.6 Sambutan Hari Integriti Peringkat DBKL Diraikan Sepanjang Bulan November 2020



Sambutan Hari Integriti Kebangsaan diraikan pada 5 November setiap tahun untuk memupuk kesedaran, kefahaman serta penghayatan integriti di kalangan warga DBKL. Sambutan Hari Integriti peringkat DBKL telah disambut secara sederhana memandangkan situasi semasa Covid-19 dengan menganjurkan dua (2) siri pertandingan Kuiz Integriti sepanjang bulan November 2020. Seramai 20 orang pemenang telah berjaya memenangi pertandingan tersebut dari 289 pegawai dan kakitangan yang telah mengambil bahagian di dalam kuiz tersebut.

7.7 Taklimat Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Kerajaan

Taklimat Garis Panduan Menentang Tipuan Bida dalam Perolehan Kerajaan telah diberikan kepada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional DBKL. Taklimat diadakan bertujuan untuk memberi pengetahuan mengenai tatacara proses perolehan yang betul dan membendung amalan tipuan bida dari berleluasa dengan memberi panduan dan rujukan terperinci. Dua (2) siri sesi taklimat telah diadakan pada 1 dan 8 Oktober 2020 dengan kehadiran dua puluh lima (25) orang pegawai bagi setiap siri. Taklimat telah disampaikan oleh pegawai dari Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).



Taklimat oleh Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Encik Iskandar Ismail.



Peserta Taklimat Garis Panduan Tipuan Bida Dalam Perolehan Kerajaan.



Sektor Perancangan

>>> www.dbkl.gov.my <<<

Jabatan Perancangan Bandaraya

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Perancangan Bandar telah ditubuhkan pada tahun 1984. Melalui Penstrukturan semula Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 1 Ogos 2015, Jabatan Perancangan Bandar telah digabungkan dengan Jabatan Perancangan Fizikal dan terbentuklah Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB).

2.0 VISI DAN MISI

Visi

Menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020 melalui perkhidmatan perancangan yang dinamik.

Misi

Merancang pembangunan Kuala Lumpur berdasarkan Pelan Pembangunan yang berkualiti serta perkhidmatan Kawalan Perancangan yang cekap, efektif dan telus.

3.0 PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2020

- 3.1 Menyemak semula Pelan Struktur Kuala Lumpur dalam tempoh 10 tahun selepas pelan diwartakan.
- 3.2 Menghasilkan draf semakan Pelan Struktur Kuala Lumpur dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pelantikan perunding.
- 3.3 Menghasilkan draf semakan sebahagian daripada Pelan Tempatan yang telah diwartakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh arahan Datuk Bandar.
- 3.4 Mengeluarkan keputusan kepada pemohon bagi cadangan pembangunan yang diterima di Urusetia Pusat Setempat tidak melebihi dari tempoh yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengikut jenis permohonan.
- 3.5 Mengeluarkan kelulusan pelan pembangunan landskap dalam tempoh 45 hari daripada tarikh permohonan diterima.
- 3.6 Mengeluarkan perakuan ke atas permohonan tanah kerajaan kepada Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP) Kuala Lumpur dalam tempoh 30 hari dari tarikh menerima surat permohonan daripada PTGWP.
- 3.7 Mengeluarkan data perancangan tidak terperingkat dalam tempoh 14 hari dari tarikh menerima permohonan.
- 3.8 Mengeluarkan Perintah Pembangunan dalam tempoh 15 hari selepas pemohon mematuhi senarai semak Pasca JKTPS/JKPS.

4.0 PETUNJUK UTAMA PENCAPAIAN (KPI) TAHUN 2020

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
KUALA LUMPUR BANDAR RAYA MILIK WARGA KOTA	1.	Melaksanakan Pelan Pembangunan Mampan	Mewartakan PSKL2040 (Disember 2020) Cetakan draf PTKL2040 Menyiapkan Pelan Strategik LA21 KL 2020-2030 (Disember 2020)	BT : Below Target 80 % (Mei 2021) OT : On Target 90% BT : Below Target 90% (Februari 2021)
		1.1 Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL) 1.2 Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PSKL) Mempertingkatkan Kualiti Kesejahteraan Hidup		
KUALA LUMPUR BANDAR RAYA MAKMUR EKONOMI	2.	2.1 Pelan Strategik LA21 2020-2030	Mewujudkan kumpulan kerja di DBKL untuk mengkaji strategi-strategi/ 'way forward' penambahbaikan dalam mempertingkatkan urusan mendapatkan Permit Pembinaan secara berterusan (ke 10 terbaik)	ST: Significantly Target 100% (ke 2 terbaik)
	3.	Membangunkan Ekonomi Bandar Yang Kukuh, Dinamik, Kompetitif Dan Berdaya Saing Di Peringkat Global 3.1 Kedudukan Kuala Lumpur dalam 'Ranking Dealing with Construction Permit' yang dinilai oleh World Bank		
KUALA LUMPUR BANDAR RAYA SALING BERSARING	4.	Menjadikan Kuala Lumpur Bandar Raya Gedung Maklumat Perancangan Bandar	<ul style="list-style-type: none"> Perkongsian maklumat PBRKL2020 dengan orang awam melalui Platform Web Based (Jun 2020) Pelantikan perunding bagi kerja-kerja menaiktaraf Sistem Online Submission 3.0 (Fasa 2- KLIS) (Jun 2020) 	ST: Significantly Target 100% (Januari 2020) ST: Significantly Target 100% (Januari 2020)
		4.1 Perkongsian maklumat perancangan dengan orang awam 4.2 Pembangunan Sistem Osc Online Submission 3.0		
KUALALUMPUR BANDAR RAYA EKO	5.	Menghijau dan Mengindahkan Bandar Raya 5.1 Rangkaian kawasan hijau yang komprehensif di WPKL	Mengemukakan 50 tapak yang belum diwartakan sebagai tanah lapang untuk proses pewartaan (50 tapak)	ST: Significantly Target 100% (56 tapak)
KUALA LUMPUR BANDAR RAYA TADBIR URUS CEKAP	6.	Memperkuatkan Penyelidikan Dan Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> Menyelesaikan 95% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP) Satu kumpulan KIK di peringkat Jabatan Memastikan semua pegawai dan kakitangan jabatan menghadiri kursus sekurang-kurangnya 3 hari setahun Mengemaskini /menyediakan 3 garis panduan perancangan untuk tahun 2020 Mencapai sekurang-kurangnya 90% perbelanjaan daripada peruntukan Tahun 2020 	ST: Significantly Target 100% OT : On Target 100% BT : Below Target 65% ST: Significantly Exceed Target 100% ET: Exceed Target 100%
		6.1 Menyasarkan 95% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2020		
		6.2 Mewujudkan satu kumpulan KIK		
		6.3 Kehadiran 3 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan Penyelidikan Dan Pembangunan		
	7.	7.1 Garis Panduan Perancangan JPRB Memperkuatkan Kedudukan Dan Pengurusan Kewangan		
	8.	8.1 Pengurusan peruntukan perbelanjaan		

5.0 BAJET

Peruntukan perbelanjaan Sektor Kawalan Pembangunan dan Sektor Penyelidikan & Penyelarasan Pembangunan berada di dalam satu vot Kod 20120 seperti jadual 5.1. Manakala peruntukan Sektor Perancangan Fizikal berada di dalam vot Kod 20110 seperti jadual 5.2. Perbelanjaan keseluruhan bagi kedua-dua peruntukan ialah RM 6,527,554.00 (95%) daripada peruntukan berjumlah RM6,923,200.00

Jadual 5.1: Vot Peruntukan (Kod : 20120)

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Mengurus	711,600.00	566,053.00	79.5%

Jadual 5.2: Vot Peruntukan (Kod : 20110)

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Mengurus	6,211,600.00	5,961,501.00	96%

6.0 FUNGSI UTAMA

- 6.1 Pengurusan Pelaksanaan Pelan Struktur Kuala Lumpur
- 6.2 Pengurusan Pelaksanaan Pelan-Pelan Tempatan
- 6.3 Kawalan Perancangan Pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Urus Setia Pusat Setempat (OSC) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- 6.4 Penyediaan Garis Panduan Perancangan
- 6.5 Menyelaras Ulasan Perakuan Perancangan Bagi Permohonan dan Penyewaan Tanah Kerajaan, PTP dan DBKL
- 6.6 Perancangan Bandar Mampan
- 6.7 Pengurusan Maklumat dan Data Perancangan

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020





7.1 Sektor Perancangan Fizikal

Fungsi utama Sektor ini adalah mengurus penyediaan pelan pembangunan yang terdiri daripada pelan struktur dan pelan tempatan serta menguruskan proses perubahan pelan tempatan Kuala Lumpur berdasarkan Akta Perancangan Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267). Bahagian ini juga disokong oleh Seksyen Pengurusan Maklumat dan GIS bagi menguruskan maklumat dan data perancangan.


- a) Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020
Di antara aktiviti yang telah diadakan untuk Kajian PSKL 2040 sepanjang tahun 2020, adalah seperti Jadual 7.1.1 dibawah:

Jadual 7.1.1: Program Kajian PSKL 2040





PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
<p>Januari 2020</p> <p>Penyediaan Draf PSKL2040 Telah siap dilaksanakan.</p>	
<p>18 hingga 20 Februari 2020</p> <p>Penyiaran Notis Awam Notis Awam Pewartaan Draf PSKL 2040 telah disiarkan selama 3 hari di akhbar tempatan selaras dengan peruntukan Seksyen 7, Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267) bagi tujuan mempelawa orang ramai untuk memberikan pandangan terhadap Draf PSKL2040 yang telah dilancarkan pada 18 Februari 2020 oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan.</p>	


PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
<p>18 Februari 2020</p> <p>Majlis Pelancaran Draf PSKL2040 oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan.</p>	
<p>Mac- Mei 2020</p> <p>Pandangan Awam dan Pameran Draf PSKL2040</p> <ol style="list-style-type: none"> Tempoh pandangan awam telah dilanjutkan selama 3 bulan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan akibat penularan wabak COVID-19 dan memberi peluang kepada orang awam untuk memberikan pandangan. Lokasi pameran adalah di Bangunan DBKL dan pusat beli belah terpilih Medium Pandangan Awam <ul style="list-style-type: none"> Borang Pandangan Awam E-pandangan Medium Publisiti Draf PSKL2040: <ul style="list-style-type: none"> Iklan Hebahan (TV, Radio, Akhbar, Media Sosial, Pengangkutan Awam, Billboard) Artikel di Akhbar Interview (Radio, Akhbar) <p>Pameran Draf PSKL2040 (Ibu pejabat DBKL, Pejabat Cawangan, Perpustakaan dan Pusat Beli Belah terpilih)</p>	<p>Pameran Draf PSKL 2040 di Menara DBKL 1</p>  <p>Pameran Draf PSKL 2040 di Perpustakaan TTDI</p>  <p>Pameran Draf PSKL 2040 AEON Kepong</p> 

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
<p>23 Jun 2020 – 27 Julai 2020</p> <p>Sesi Pendengaran Pandangan Awam Bersama Ahli Jawatankuasa Pendengaran Pandangan Awam (JKPPA).</p> <p>JKPPA yang telah dilantik oleh YB Menteri yang terdiri daripada daripada mantan pegawai-pegawai kanan DBKL dan PLANMalaysia, ahli-ahli akademik dari pelbagai universiti awam tempatan dan pengamal-pengamal professional untuk mendengar dan menimbang pandangan dan cadangan orang awam.</p>	 <p style="text-align: center;">Sesi Pendengaran Pandangan Awam</p>
<p>Taklimat Pemahaman Draf PSKL 2040</p> <p>Beberapa Taklimat Pemahaman Draf PSKL2040 telah dijalankan secara bersemuka dan juga atas talian bagi memastikan kefahaman orang awam terhadap Pelan Struktur Kuala Lumpur.</p> <ol style="list-style-type: none"> 12 Mac 2020 : Taklimat Draf PSKL2040 (Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya) 12 Mac 2020 : Taklimat Draf PSKL2040 (Ahli Parlimen WPKL) 13 Mei 2020 : Taklimat Draf PSKL2040 (Professional Bodies) 18 Mei 2020 : Taklimat Online Melalui Media Sosial – FBLive 	 <p style="text-align: center;">Taklimat Draf PSKL kepada Ahli Parlimen WPKL</p>
	 <p style="text-align: center;">Taklimat Draf PSKL kepada Badan Professional</p>
	 <p style="text-align: center;">Taklimat Draf PSKL kepada Badan Professional</p>



PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
<p>13 Ogos 2020 – 9 Disember 2020</p> <p>Penyediaan Laporan Pendengaran Pandangan Awam (LPPA)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mesyuarat Pertimbangan Pandangan Awam ii. Penyediaan Draf LPPA iii. Pembentangan Draf LPPA kepada Datuk Bandar oleh JKPPA iv. Pemurnian Draf LPPA 	 <p style="text-align: center;">Bengkel Pemurnian Laporan Pendengaran Awam</p> <hr/>  <p style="text-align: center;">Pembentangan LPPA kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur oleh JKPPA</p>
<p>10 Disember 2020</p> <p>Laporan Pendengaran Pandangan Awam</p> <p>Laporan Pendengaran Pandangan Awam telah diserahkan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur.</p>	<div style="text-align: center;"> <p>TERHAD</p>  <p>TERHAD</p> </div>





Jadual 7.1.2: Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
<p>Januari 2020</p> <p>Penyediaan Laporan Awal Draf PTKL</p> <p>Pembentangan Laporan Awal kepada YB Menteri Wilayah Persekutuan bagi memaklumkan program dan status kerja Kajian Draf Pelan Tempatan 2040.</p>	
<p>Februari hingga Jun 2020</p> <p>Laporan Penemuan Draf PTKL2040</p> <p>Laporan Penemuan Kajian Draf PTKL2040 telah disediakan dan telah melalui tiga mesyuarat jawatankuasa iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ii. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal iii. Mesyuarat Jawatankuasa Pandu 	
<p>Jun hingga Ogos 2020</p> <p>Sesi Technical Working Group (TWG)</p> <p>Sesi Technical Working Group (TWG) bersama agensi kawal selia dilaksanakan bagi menyelaraskan pemilikan dan kegunaan Tanah - Tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) bagi tujuan perancangan dan pembangunan tanah PTP di masa hadapan.</p>	
<p>Mac dan Ogos 2020</p> <p>Sesi Santai Datuk Bandar KL bersama Ahli Parlimen</p> <p>Dilaksanakan bagi Hala Tuju Pembangunan Kawasan Parlimen Lembah Pantai untuk 20 tahun akan datang terutamanya di Kawasan-kawasan Transit Planning Zone (TPZ) dan juga Kawasan-kawasan pembangunan semula.</p>	

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
<p>Februari hingga Jun 2020</p> <p>Laporan Penemuan Draf PTKL2040</p> <p>Laporan Penemuan Kajian Draf PTKL2040 telah disediakan dan telah melalui tiga mesyuarat jawatankuasa iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ii. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal iii. Mesyuarat Jawatankuasa Pandu 	

Jadual 7.1.3: Perubahan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020


PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
<p>Januari hingga Jun 2020</p> <p>Perubahan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020)</p> <p>Perubahan pertama kepada PBRKL 2020 melibatkan 3 cadangan perubahan yang melibatkan 3 zon strategik. Selaras dengan peruntukan seksyen 17 Akta Perancangan Wilayah Persekutuan (Akta 267)</p>	
<p>Mendapat persetujuan YB Menteri Wilayah bagi Perubahan 1 PBRKL 2020 pada 6 Mei 2020 dan telah diwartakan pada 30 Jun 2020</p>	





PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
<p>Februari hingga November 2020</p> <p>Perubahan 2 Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020)</p> <p>Perubahan pertama kepada PBRKL 2020 melibatkan 6 cadangan perubahan yang terletak di 4 zon strategik.</p> <p>Proses Perubahan 2 PBRKL2020 telah melalui beberapa peringkat seperti :</p> <ol style="list-style-type: none"> Notis Awam dan Pameran Sesi Pendengaran Pandangan Awam Penyediaan Laporan Pendengaran Pandangan Awam Kelulusan Menteri dan Pewartaan 	 <p>Sesi Pendengaran Pandangan Awam</p>
	 <p>Notis Awam dan Pameran</p>
	 <p>Sesi Pendengaran Pandangan Awam</p>
	 <p>Kelulusan Menteri dan Pewartaan Perubahan 2 PBRKL 2020</p>



PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
<p>Julai hingga Oktober 2020</p> <p>Perubahan 3 Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020) Perubahan pertama kepada PBRKL 2020 melibatkan 33 cadangan perubahan yang terletak di enam zon strategik.</p> <p>Penyediaan Draf Perubahan 3 PBRKL 2020 pada 23 Januari 2020 – 26 Julai 2020</p>	
<p>Julai hingga Oktober 2020</p> <p>Notis Awam dan Pameran</p> <p>Penyiaran Notis Awam telah dibuat melalui 2 akhbar tempatan iaitu Berita Harian dan New Straits Times sebanyak 3 keluaran bermula pada 27 Julai 2020</p> <p>Sesi Penyertaan Awam Draf Perubahan 3 PBRKL 2020, Lobi Menara DBKL 1, pada 27 Julai 2020 sehingga 25 Ogos 2020</p> <p>Dalam masa yang sama, DBKL juga mengambil inisiatif dengan memberi makluman kepada orang awam melalui pelbagai medium perantara. Antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Iklan di Laman Web, ruang pejalan kaki, digital dan bas GOKL - Risalah - Media Sosial (Twitter & Facebook rasmi DBKL) 	   
	

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
	
<p>Sesi Pendengaran Pandangan Awam, Draf Perubahan 3 PBRKL 2020 di Bilik Mesyuarat dan Bilik Gerakan Tingkat 3, Menara DBKL 1 pada 5 Oktober 2020 sehingga 12 Oktober 2020 memandangkan kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula pada 14 Oktober 2020.</p>	

Jadual 7.1.4: Pengurusan Maklumat dan GIS

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
<p>23 Januari 2020</p> <p>Taklimat Pengkalan Data Geospasial</p> <p>Taklimat berkaitan pembangunan pangkalan data kepada delegasi daripada Department of Land Use Regulation and Compliance Ministry of Lands, Housing and Urban Design, Uganda dan Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP).</p>	

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
<p>Februari hingga Mei 2020</p> <p>City Planning System (CPS) <i>City Planning System</i> atau dikenali sebagai CPS merupakan platform pemetaan digital guna tanah perancangan di Kuala Lumpur yang menggunakan aplikasi <i>Geographical Information System (GIS)</i>. CPS telah diguna pakai secara meluas melalui capaian rangkaian internet dan memberi manfaat kepada pengguna awam melalui modul paparan peta interaktif.</p>	  
<p>Mac hingga November 2020</p> <p>Sistem OSC Online Peraksanaan Sistem OSC 3 Plus Online Fasa 1 Mesyuarat bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berhubung Perluasan Pelaksanaan Sistem OSC 3.0 Plus Online Fasa 1 bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 10 Mac 2020, KPKT Putrajaya.</p> <p>Lawatan Kerja Bagi Sesi Perkongsian, MBSJ Lawatan Kerja bagi Sesi Perkongsian Pengalaman ke Pusat Semakan Setempat (OSC) ke Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi Pelaksanaan Sistem OSC 3.0 Plus Online pada 19 Ogos 2020, Majlis Bandaraya Subang Jaya</p>	

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
	
<p>Sesi <i>Teach in Sistem</i> OSC 3.0 Plus Online Sesi <i>Teach in Sistem</i> OSC 3.0 Plus Online bersama Majlis Bandaraya Subang Jaya dan semua agensi teknikal dan dalaman DBKL pada 18 November 2020.</p>	

7.2 Sektor Kawalan Pembangunan

a) Pengeluaran Perintah Pembangunan

Sebanyak 564 Perintah Pembangunan (DO) telah dikeluarkan mengikut kategori. Daripada jumlah tersebut sebanyak 39 Perintah Penolakan telah dibuat kerana tidak menepati syarat-syarat Perintah Pembangunan dan tamat tempoh pengemukaan pindaan. Keterangan lengkap seperti di Jadual 7.2.1 di bawah.

Jadual 7.2.1: Perintah Pembangunan Tahun 2020

Kategori / Bulan	Januari	Februari	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September	Oktober	November	Disember	Jumlah
i. Pembinaan bangunan-bangunan baru	14	13	5	-	4	7	15	9	9	9	5	13	103
ii. i. Penukaran kegunaan tanah	1	5	4	-	4	5	4	4	1	-	5	4	37
iii. ii. Penambahan ketumpatan penduduk	2	-	1	-	1	1	2	1	3	2	1	2	16
iv. Pindaan kepada pelan yang diluluskan	8	10	11	-	6	9	10	11	5	10	11	7	98
v. Tambah dan perubahan	15	11	23	-	8	20	17	17	16	15	5	21	168
vi. Bangunan / pembinaan sementara	6	5	4	-	5	6	4	4	5	3	1	3	46
vii. Penukaran sementara kegunaan bangunan	3	-	3	-	3	4	1	-	3	1	-	3	21
viii. Pembinaan struktur pemancar telekomunikasi	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	1	3	5
ix. Pelan Susunatur (pecahan sempadan dan penyatuan lot)	4	2	3	-	4	3	1	2	6	1	2	3	31
Jumlah													
x. Perintah Penolakan	3	7	3	-	3	5	8	2	1	3	1	3	39
Jumlah Keseluruhan	56	53	57		38	61	62	50	49	44	32	62	564

b) Tuntutan Caj Pembangunan Tahun 2020

Bagi tahun 2020, Jabatan telah membuat tuntutan Caj Pembangunan berjumlah **RM406,485,600.00** dari bulan Januari sehingga Disember daripada pihak pemaju seperti di Jadual 10.

Jadual 7.2.2: Tuntutan Caj Pembangunan Tahun 2020

Bulan	Jumlah (RM)
Januari	RM4,276,000.00
Februari	RM39,021,000.00
Mac	RM6,447,600.00
April	TIADA
Mei	RM8,432,000.00
Jun	RM44,310,000.00
Julai	RM119,106,000.00
Ogos	RM20,495,000.00
September	RM8,753,000.00
Oktober	RM15,913,000.00
November	RM44,632,500.00
Disember	RM95,099,500.00
Jumlah	RM406,485,600.00

c) Tuntutan Sumbangan Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF)

Sejumlah RM27,274,414.00 telah dituntut oleh pihak Jabatan sepanjang tahun 2020 meliputi RM12,396,565.00 untuk ISF Jalan, RM1,837,805.00 untuk ISF Parit dan RM13,040,044.00 untuk ISF Sumbangan. Tuntutan melibatkan permohonan yang tidak menyediakan ruang tempat letak kereta yang mencukupi, tidak menyediakan ruang pusat penjaja, dan kos pembinaan jalan keluar masuk.

Jadual 7.2.3: Tuntutan ISF dan Sumbangan bagi Tahun 2020

Bulan	Jumlah Tuntutan Dan Sumbangan (Rm)		
	ISF (Jalan)	ISF (Parit)	ISF (Sumbangan)
	1721	1722	
Januari	35,500.00	-	-
Februari	1,616,190.00	92,800.00	-
Mac	322,500.00	31,845.00	869,044.00
April	-	-	-
Mei	255,500.00	226,405.00	501,000.00
Jun	235,000.00	219,070.00	180,000.00
Julai	1,614,000.00	565,495.00	270,000.00
Ogos	1,919,000.00	24,500.00	840,000.00
September	686,875.00	29,725.00	-
Oktober	1,251,500.00	573,175.00	-
November	2,752,500.00	-	-
Disember	1,708,000.00	74,790.00	10,380,000.00
Jumlah	12,396,565.00	1,837,805.00	13,040,044.00
Jumlah Keseluruhan:		27,274,414.00	

- d) Penyertaan Sesi Mesyuarat Atas Talian pemakaian Sistem OSC 3.0 Plus Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
- Program Webinar Pemantapan Pemahaman Manual OSC 3.0 Plus Secara Atas Talian Kepada Agensi Teknikal Luaran Semenanjung Malaysia oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 1 Julai 2020.
 - Sesi Latihan Penggunaan Sistem OSC 3.0 Plus Online Secara Atas Talian oleh oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 27 Julai 2020.
 - Sesi Teach-In Sistem Osc 3.0 Plus Online Secara Atas Talian Bagi Pelaksanaan Permohonan Cadangan Pembangunan Fasa 2 Kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 18 November 2020.
- e) Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat JKPS1
- Bermula Oktober 2020, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pusat Setempat (JKTPS) telah dimansuhkan dan hanya Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (JKPS) berperanan untuk menimbang permohonan Permit Pembinaan. Bagi mempercepatkan keputusan permohonan permit pembinaan, bilangan hari telah dikurangkan daripada 30 hari kepada 21 hari.
- Terdapat penambahan Ahli Mesyuarat JKPS1 iaitu pengeliban Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) WPKL bermula Mesyuarat JKPS1 Bil 33/2020 bertarikh 24 November 2020 mendapatkan pandangan mengenai keperluan teknikal berkaitan dengan JPS WPKL bagi sesuatu pembangunan yang dicadangkan.
- f) Permohonan Pembangunan di Unit Pusat Setempat (OSC) bagi tahun 2020
- Sebanyak 3,977 bilangan permohonan telah diterima kaunter OSC bagi tahun 2020. Permohonan ini telah dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat 1 (JKPS1) bagi skala besar dan Jawatankuasa Pusat Setempat 2 (JKPS2) bagi skala sederhana dan kecil. Kepatuhan OSC DBKL dalam memastikan keputusan selesai mengikut piagam adalah 98.41% dan selesai melebihi piagam 1.56%.

Jadual 7.2.4 : Bilangan Permohonan dan Selesai mengikut Jenis Permohonan dan Tempoh Piagam di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Jenis Permohonan	Bil. Mohon	Permohonan Dalam Proses	Permohonan Selesai* (A) = B + C + D	Selesai Dalam Piagam (B)	Selesai Melebihi Piagam (C)	Tempoh Tidak Dapat Ditetapkan (D)
Permohonan Serentak	483	39 (8.07%)	444 (91.93%)	444 (100.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Kebenaran Merancang	829	15 (1.81%)	814 (98.19%)	814 (100.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Pelan Kejuruteraan	148	2 (1.35%)	146 (98.65%)	144 (98.63%)	2 (1.37%)	0 (0.00%)
Pelan Bangunan	2512	135 (5.37%)	2377 (94.63%)	2321 (97.64%)	56 (2.36%)	0 (0.00%)
CFO	5	3 (60.00%)	2 (40.00%)	0 (0.00%)	1 (50.00%)	1 (50.00%)
Jumlah	3,977	194 (4.88%)	3,783 (95.12%)	3,723 (98.41%)	59 (1.56%)	1 (0.03%)

Sumber: Portal OSC KPKT http://www.epbt.gov.my/osc/v2/Lapor_Seleasai_Piagam_Proses1.cfm

7.3 Sektor Penyelidikan Dan Penyelarasan Pembangunan

a) Penilaian Permohonan Tanah Kerajaan

Pada tahun 2020, Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Permohonan Tanah Kerajaan di peringkat DBKL telah diadakan sebanyak 16 kali dan telah memproses 963 permohonan seperti di Jadual 12 yang terdiri daripada kategori berikut: -

- i. Pemberimilikan Tanah
- ii. Perizaban Tanah
- iii. Pajakan Tanah Rizab
- iv. Lesen Pendudukan Sementara
- v. Serah Balik dan Berimilik Semula
- vi. Permit Ruang Udara & Hak Lalu Lalang

Jadual 12: Jumlah mesyuarat dan permohonan tanah kerajaan yang diproses

Bulan	2020	
	Tarikh Mesyuarat	Bil. Permohonan Yang Diproses
Januari	08.01.2020	45
	22.01.2020	83
Februari	10.02.2020	75
	25.02.2020	77
Mac	11.03.2020	73
Mei	19.05.2020	56
Jun	23.06.2020	74
Julai	03.07.2020	47
	22.07.2020	55
Ogos	10.08.2020	81
	28.08.2020	61
September	18.09.2020	56
Oktober	02.10.2020	31
	28.10.2020	62
November	27.11.2020	61
Disember	17.12.2020	26
Jumlah Permohonan	-	963

b) Garis Panduan Kawalan Pembangunan

Sejumlah 29 garis panduan perancangan (GPP) telah disediakan dan digunakan oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Perancangan Bandaraya serta pihak-pihak berkepentingan. Mulai Februari 2020, dokumen GPP ini telah mula dimuatnaik di dalam Portal Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam usaha untuk meningkatkan penyampaian maklumat serta dijadikan sebagai rujukan kepada orang awam.

Bagi Tahun 2020, 4 garis panduan perancangan (GPP) baru telah disediakan dan diperakukan di Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (JKPS) merangkumi:

- a. GPP Pembangunan Pangsapuri Servis
- b. GPP Pembangunan SOHO
- c. GPP Penubuhan Pusat Jagaan WPKL
- d. GPP Perumahan Khas Warga Emas

Di samping itu, terdapat 2 garis panduan perancangan yang telah disemak semula selaras dengan dasar perancangan semasa dan arahan Jawatankuasa Pusat Setempat. Garis Panduan tersebut adalah:

- e. GPP Penubuhan Tadika WPKL Edisi 2020
- f. GPP Penubuhan Taska WPKL Edisi 2020

c) Pengawasan Pembangunan & Penilaian Lesen

Ulakan terhadap Permohonan Lesen Premis yang telah dikemukakan oleh Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja melalui Sistem e-Lesen berjaya 100% diproses dan diberi maklumbalas mengikut tempoh yang telah ditetapkan seperti di dalam Jadual 7.3.1.

Jadual 7.3.1 : Statistik Permohonan Lesen Premis Tahun 2020

Bulan	Jenis Permohonan Lesen Premis			
	Permohonan Rayuan / Sokongan Lesen	Lesen Express	Lesen Bukan Express	Permohonan Baru
Januari	77	52		19
Februari	108	132	52	12
Mac	165	MCO	28	MCO
April	MCO	MCO	MCO	MCO
Mei	57	MCO	MCO	MCO
Jun	113	MCO	10	20
Julai	117	597	24	23
Ogos	75	481	6	31
September	67	640	29	51
Oktober	21	228	1	22
November	42	320	8	55
Disember	66	451	10	57
Jumlah kecil	908	2,901	168	290
JUMLAH			4, 267	

d) Aduan Awam

Sejumlah 168 Aduan Awam telah diterima oleh pihak Jabatan ini melalui Sistem i-SPAAA, surat, emel, kaunter, telefon dan faks sepanjang tahun 2020 dan telah diberi maklumbalas mengikut Piagam Pelanggan yang ditetapkan iaitu dalam tempoh 3 -14 hari bekerja seperti Jadual 7.3.2.

Jadual 7.3.2: Bilangan dan Status Aduan Awam Melalui Sistem i-SPAAA, Surat, Emel, Hadir Sendiri, Telefon Dan Faks Bagi Tahun 2020

Bulan	Aduan Awam Yang Diterima
Januari	17
Februari	8
Mac	25
April	0
Mei	4
Jun	6
Julai	19
Ogos	21
September	20
Oktober	16
November	13
Disember	19
Jumlah	168

Nota : Setiap aduan dapat diberi maklumbalas 100 peratus mengikut tempoh 14 hari



e) Pembangunan Mampan

Bahagian Pembangunan Mampan di Jabatan ini bertanggungjawab menterjemah dasar perancangan di peringkat nasional kepada subjek khusus yang berkaitan seperti Bandar Pintar, Penjenamaan Bandar, Bandar Hijau, Bandar Berdaya Tahan dan Local Agenda 21 melalui kajian-kajian, penyelidikan dan program yang menerapkan konsep kolaborasi dan inovasi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan DBKL terus kepada masyarakat seperti di bawah.

i. Unit Penjenamaan Bandar

Jadual 7.3.3: Program di bawah Unit Penjenamaan Bandar Tahun 2020

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
18 Februari 2020 Majlis Pelancaran Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040)	
3 Mac 2020 Kunjungan Hormat Urus Setia WCSC Sempena Konferen "World Class Sustainable Cities 2020 (WCSC 2020)"	

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
<p>29 September 2020</p> <p>Lawatan Kerja Teknikal Ke Bandaraya Ipoh, Perak</p>	
<p>1 Oktober 2020</p> <p>Lawatan Kerja Teknikal Ke Georgetown, Pulau Pinang.</p>	

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
<p>12 November 2020</p> <p>Pelaksanaan Projek Fizikal: Menaiktaraf Kawasan Wangsa Siaga</p>	
<p>29 September 2020</p> <p>Lawatan Kerja Teknikal Ke Bandaraya Ipoh, Perak</p>	
<p>21 Disember 2020</p> <p>Pelaksanaan Projek Fizikal: Penambahbaikan & Menaiktaraf Lorong Belakang Jalan Thambipillay</p>	

ii. Unit Bandar Pintar

a) Penyediaan Pelan Induk Bandar Berdaya Saing

Menyelaras kerja-kerja perunding bagi menyiapkan Pelan Induk Bandar Berdaya Saing (Menyelaras mesyuarat jawatankuasa kerja, jawatankuasa teknikal dan jawatankuasa pandu; pembayaran perunding dan permohonan bajet dari EPU; membuat pelaporan status Pelan Induk Daya Saing Bandar kepada EPU setiap bulan; menghadiri *syndication meeting* bersama agensi).




b) Penterjemahan Pelan Induk kepada Pelan Tindakan Bandar Berdaya Saing






Menyelaras pelaksanaan 71 Pelan Tindakan (Project Implementation Briefs – PIBs) di bawah Pelan Induk Bandar Berdaya Saing bersama 49 agensi dan kementerian serta jabatan-jabatan dalaman DBKL.




- i. Melaksanakan koordinasi di antara jabatan-jabatan DBKL, agensi-agensi kerajaan dan Kementerian, penglibatan awam, juruperunding dan NGO

- ii. Penyediaan kajian-kajian khas dalam skop Bandar Pintar dan Bandar Berdaya Saing (Arahan dari masa ke semasa)
- c) Pelan Induk Jejak Warisan Kuala Lumpur**
Menyelaras perancangan jejak warisan dalam pusat Bandar Kuala Lumpur agar selaras dengan Pelan Induk Jejak Warisan yang telah disediakan.
- d) Penyediaan Penulisan Sejarah dan Garis Panduan Panel Interpretasi Jejak-jejak Warisan Kuala Lumpur (KL Dulu)**
Menghasilkan Penulisan Sejarah Bagi Jejak-Jejak Warisan Kuala Lumpur yang terdapat di dalam Pelan Induk Jejak Warisan Kuala Lumpur dan garis panduan bagi peletakkan Panel Interpretasi Sejarah Jejak-jejak Warisan Kuala Lumpur.
- e) Malaysia Smart City Framework**
Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dilancarkan oleh YB Puan Hajah Zuraida binti Kamarudin, Menteri KPKT pada 23hb. September, 2019 yang bertujuan menyediakan garis panduan untuk rujukan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia di dalam perancangan ke arah bandar pintar. Kuala Lumpur merupakan salah satu bandar perintis daripada lima (5) buah bandar yang disenaraikan di dalam rangka kerja ini. Rangka kerja ini telah mengenalpasti empat (4) pilot projek bagi Kuala Lumpur iaitu:
- i. Malaysia Urban Observatory
 - ii. Smart Pole
 - iii. Smart bin
 - iv. E-payment

Jadual 7.3.4: Program Unit Bandar Pintar Tahun 2020

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
24-26 Februari 2020 Smart City Discovery Workshop pada 24 hingga 26 Februari 2020 di Pulau Springs Resort, Johor Bharu	
3 Mac 2020 Lawatan Peringkat Kumpulan Kerja Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT)Ke DBKL pada 3 Mac 2020.	
12 Jun 2020 Sesi Perkongsian Perancangan Dan Pelaksanaan Bandar Pintar oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Perbadanan Putrajaya.	

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
<p>17 Julai 2020</p> <p>Penglibatan Kuala Lumpur Dalam Mesyuarat Atas Talian Bagi 3rd Asean Smart Cities Network (ASCN) Annual Meeting.</p>	
<p>18 Julai 2020</p> <p>Kunjungan Hormat Daripada YB Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya sempena program KL Dulu.</p>	
<p>19 Julai 2020</p> <p>Program Tupa Bersama PE Perancangan Ke Laluan Heritage Trail KL.</p>	
<p>25 Julai 2020</p> <p>Program Jalan Pagi Di Jejak Warisan Kuala Lumpur Bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 25 Julai 2020</p>	
<p>11 September 2020</p> <p>Kunjung Hormat Daripada Exco Melaka KL Dulu pada 11 September 2020</p>	

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
<p>28 September 2020</p> <p>Majlis Perasmian Laporan Kajian Pelan Induk Bandar Pintar Kuala Lumpur 2021-2025 & Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 pada 28 September 2020</p>	
<p>3 Disember 2020</p> <p>Sesi Persidangan Video Bersama Metropolis Ecosystem - "Malaysia and The Challenge of Building Intelligent Cities and Regions" pada 3 Disember 2020</p>	
<p>16 Disember 2020</p> <p>Penyertaan Antarabangsa Kuala Lumpur Dalam Mesyuarat The 2nd Asean-Japan Smart Cities Network High Level Meeting Secara Atas Talian pada 16 Disember 2020</p>	



iii. Unit Bandar Hijau

Jadual 7.3.5: Program Unit Bandar Hijau Tahun 2020

BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM
1.	13 Januari 2020	PIMRK KL 2030 - Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Ekonomi (JPRB)
2.	23 Januari 2020	Lawatan Kerja Murninets ke Putrajaya
3.	30 Januari 2020	PIMRK KL 2030 - Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Alam Sekitar
4.	11 Februari 2020	PIMRK KL 2030 - Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tadbir Urus
5.	19 Februari 2020	Menyertai Taklimat Murninets di Perbadanan Putrajaya
6.	25 Februari 2020	Menyertai Forum Bandar Hijau di Perbadanan Putrajaya
7.	2 - 4 Mac 2020	Menyertai Program Murninets di Labuah
8.	1 Mac - 30 April 2020	Menjalankan kajian soal selidik Murninets sejumlah 710 borang dan siap sepenuhnya dalam tempoh tersebut.
9.	18 Jun 2020	PIMRK KL 2030 - Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Ekonomi
10.	29 Jun - 1 Julai 2020	Bengkel Verifikasi Data Murninets di Avillion Cameron Highlands, Pahang.
11.	14 Julai 2020	PIMRK KL 2030 - Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Infrastruktur
12.	28 Julai 2020	PIMRK KL 2030 - Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tadbir Urus
13.	4 Ogos 2020	PIMRK KL 2030 - Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Infrastruktur
14.	26 Ogos 2020	PIMRK KL 2030 - Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Ekonomi

BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM
15.	15 Ogos 2020	Penyertaan Anugerah Kejiranan Hijau
16.	1 September 2020	PIMRK KL 2030 - Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Infrastruktur
17.	2 September 2020	Webinar Normal Baharu Bandar Rendah Karbon : Jadikannya Realiti
18.	3 September 2020	Taklimat LCCF dari GreenTech
19.	7 September 2020	PIMRK KL 2030 - Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Alam Sekitar
20.	18 September 2020	PIMRK KL 2030 - Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Ekonomi
21.	25 September 2020	Sesi Perkongsian Dan Pembentangan Oleh International Green Training Centre (IGTC) Berkaitan Bandar Rendah Karbon
22.	11 November 2020	PIMRK KL 2030 - Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Infrastruktur
23.	24 November 2020	PIMRK KL 2030 - Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Tadbir Urus
24.	25 November 2020	PIMRK KL 2030 - Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Ekonomi
25.	3 Disember 2020	Sesi Perkongsian Dan Pembentangan Dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) - Bertajuk "Sustainable Energy Bike Lanes with Applications in the City of Kuala Lumpur, Malaysia"

Jadual 7.3.6: Gambar-Gambar Program

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
PIMRK KL 2030 - Mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Teknikal Ekonomi, Infrastruktur, Alam Sekitar dan Tadbir Urus	
2-4 Mac 2020 Program Murninets di Labuah	
29 Jun – 1 Julai 2020 Bengkel Verifikasi Data Murninets di Avillion Cameron Highlands, Pahang	
2 September 2020 Webinar Normal Baharu Bandar Rendah Karbon : Jadikannya Realiti	

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
25 September 2020 Sesi Perkongsian Dan Pembentangan Oleh International Green Training Centre (IGTC) Berkaitan Bandar Rendah Karbon	
3 Disember 2020 Sesi Perkongsian Dan Pembentangan Dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) - Bertajuk "Sustainable Energy Bike Lanes with Applications in the City of Kuala Lumpur, Malaysia"	

iv. Unit Bandar Berdaya Tahan

Jadual 7.3.7: Program Unit Bandar Berdaya Tahan Tahun 2020

BIL.	TARIKH	NAMA PROGRAM
1	8-11 Januari 2020	International Forum on SDGs for Regional Revitalization 2020 pada 10 Januari 2020 di Tokyo, Jepun
2	11-15 Januari 2020	Workshop on Facilitate Interactive and Rich Dialogue pada 11-15 Januari 2020 di Tokyo, Jepun
3	16-17 Januari 2020	Seminar on City-to-City Collaboration for Creating Low Carbon Society 16-17 Januari di Tokyo, Jepun
4	13 Januari 2020	Sesi Pengenalan Penilaian kualitatif iklim (<i>Qualitative Climate Risk Assessment</i>) untuk Pelan Adaptasi Kuala Lumpur
5	15 Januari 2020	Climate Action Plan (CAP) Komponen Mitigasi: Sesi <i>Focus Discussion Group</i> Awal Bagi Sektor Sisa Pepejal
6	17 Januari 2020	Climate Action Plan (CAP) Komponen Mitigasi: Sesi <i>Focus Discussion Group</i> Awal Bagi Sektor Pengangkutan
7.	21 Januari 2020	Climate Action Plan (CAP) Komponen Mitigasi: Sesi <i>Focus Discussion Group</i> Awal Bagi Sektor Bangunan
8	6 Februari 2020	Bengkel Penilaian Risiko Kualitatif Iklim (QRCA)
9	18 Februari 2020	Latihan pemahaman penggunaan <i>Multi Hazard Platform</i> kepada Skwad Penyelamat DBKL
10	10 Julai 2020	Road Tour Sesi Focus Group Discussion (FGD) bagi Adaptasi dan Mitigasi Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050
11	4 Ogos 2020	Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 (PTIKL2050) : Bengkel mengenalpasti tindakan utama mitigasi & adaptasi PTIKL2050
12.	25 Ogos 2020	Bengkel pengesahan interaksi tindakan utama dan analisa tindakan inklusif Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 (Siri 2&3)
13.	28 Sep 2020	Majlis Perasmian Laporan Kajian Perancangan Wilayah Persekutuan bagi : Pelan Induk Bandar Pintar Kuala Lumpur 2021-2025 Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050

Jadual 7.3.8: Gambar-Gambar Program





PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
<p>Bengkel Pengenalan Penilaian Risiko Kualitatif Iklim (QRCA)</p>	
<p>Bengkel Penilaian Risiko Kualitatif Iklim (QRCA)</p>	
<p>Latihan pemahaman penggunaan <i>Multi Hazard Platform</i> kepada Skwad Penyelamat DBKL</p>	
<p>Majlis Perasmian Laporan Kajian Perancangan Wilayah Persekutuan bagi:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pelan Induk Bandar Pintar Kuala Lumpur 2021-2025 Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 	

v. Unit Local Agenda 21 Kuala Lumpur

Jadual 7.3.9: Program Unit Local Agenda 21 Tahun 2020

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
2 Januari 2020 Kursus Asas Herba	
16 Januari 2020	Program KL Bebas Asap Rokok Local Agenda 21 - Perbincangan Bagi Penurunan Kuasa Di Bawah Akta Makanan 1983
22 Januari 2020	Majlis Permuafakatan Pejabat Pendidikan Daerah Keramat di bawah Projek Komuniti Berdaya Tahan LA21KL bersapa JPWPKL
31 Januari 2020	Mesyuarat Urusetia Induk & Penyelaras LA21KL Bil 1/2020
8 Februari 2020 Program Penambahbaikan Taman Herba PPR Permai	Projek 
12 Februari 2020 Sesi <i>Engagement</i> bersama Ahli Parlimen bagi Pelaksanaan KL Bebas Asap Rokok	
13 Februari 2020	Kursus Penurunan Kuasa Akta Makanan 183 (KLBAR)
27 Februari 2020	Engagement bersama Registrar of Society (ROS), Registrar of Youth (ROY), Commissioner of Sports (COS), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) & JPWPKL
2 Mac 2020 Taklimat Berkenaan Local Agenda 21 Kuala Lumpur kepada Kebun Baru LA21KL	
9 Mac 2020 Lawatan Pihak Universiti Malaya ke Kebun Kejiranan	

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
<p>27 Jun 2020</p> <p>Kursus Jahitan Kreatif dan Upcycling bagi Pembangunan Sosio Ekonomi LA21KL Siri 1</p>	
<p>27 Jun 2020</p>	<p>Program Gotong-Royong Kelab Kebun DBKL Bersama Jabatan Pertanian</p>
<p>4 Julai 2020</p> <p>Kursus Jahitan Kreatif dan Upcycling bagi Pembangunan Sosio Ekonomi LA21KL Siri 2</p>	
<p>8 Julai 2020</p>	<p>Mesyuarat Urusetia Induk & Penyelaras LA21KL Bil 2/2020</p>
<p>10 Julai 2020</p> <p>Sanitising Exercise Komuniti Penjaja Bukit Bintang bersama YB Menteri Kementerian Wilayah Persekutuan</p>	
<p>28 Julai 2020</p>	<p>Sesi Pembentangan Kebun Baru bagi Projek Kebun Kejiranan Bandar LA21KL</p>
<p>28 Ogos 2020</p> <p>Sesi Bicara Santai Bersama IPD Brickfields dan Komuniti Brickfields di bawah projek Safe City Brickfields LA21KL</p>	
<p>3 September 2020</p>	<p>Mesyuarat Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan Sosio ekonomi Komuniti 2020</p>
<p>28 Ogos 2020</p> <p>Anugerah Hijau Sekolah Menengah dan Rendah anjuran Bersama JASWPKL, JPWPKL, JPS, Ekonights, ERE Consulting Group dan LA21KL</p>	

PROGRAM/ TARIKH	OUTPUT
<p>24, 28 & 29 September 2020 Lawatan Tapak Kebun Baru Bersama Panel Penilai</p>	
<p>30 September 2020 Malaysian Urban Forum (MUF) 2020 Networking Session – LA21KL Community Waste Management Program Talk: Let's Talk the Trash Talk</p>	
<p>8 Oktober 2020</p>	<p>Sesi Engagement Bersama PRASARANA Berkenaan Program Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok (KLBAR) Local Agenda 21 Kuala Lumpur (LA21KL)</p>
<p>11 Oktober 2020 Seminar Penguatkuasaan Peraturan- peraturan kawalan Hasil Tembakau PPKHT Pindaan 2020</p>	
<p>20 & 22 November 2020</p>	<p>Lawatan Tapak Penilaian Progress Tapak Kebun Kejiranan LA21KL</p>
<p>22 November 2020 Program Penanaman Pokok Bersama Sukarelawan Local Agenda 21 Kuala Lumpur di Jalan Raja Laut</p>	
<p>18 Disember 2020</p>	<p>Sesi Kunjung Hormat JK Kerja Projek sungai Nadi Kehidupan Sungai Bunus Bersama Datuk Bandar</p>

Jabatan Perancangan Infrastruktur

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Perancangan Infrastruktur telah ditubuhkan pada 1 Julai 2011 dengan tujuan merancang dan mengawal pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jabatan ini mempunyai empat (4) bahagian utama seperti berikut:

1.1 Bahagian Pembangunan

- 1.1.1 Unit Kawalan Pembangunan
- 1.1.2 Unit Alamat dan Pengisytiharan Jalan
- 1.1.3 Unit Permit Angkut Bahan

1.2 Bahagian Perancangan

- 1.2.1 Unit Perancangan Jalan dan Saliran
- 1.2.2 Unit Kemudahan Pengangkutan Awam

1.3 Bahagian Geomatik

- 1.3.1 Unit Pembangunan Tanah
- 1.3.2 Unit Pengukuran Utara
- 1.3.3 Unit Pengukuran Selatan
- 1.3.4 Unit Pengesanan Utiliti

1.4 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

2.0 VISI DAN MISI

Visi

Mewujudkan perancangan dan kawalan pembangunan infrastruktur yang efisien di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Misi

- Mengawal kerja-kerja pembangunan infrastruktur melalui kelulusan Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan, Pembetung Pintu Masuk dan Perakuan Aliran Sirkulasi Dalaman dan Tempat Letak Kereta.
- Merancang pembangunan infrastruktur jalan dan perparitan dengan bertanggungjawab memproses, menyemak dan menyediakan ulasan berkaitan dengan serahan tanah rizab jalan di peringkat kebenaran merancang.
- Memastikan infrastruktur jalan dan perparitan yang dibina oleh pihak pemaju mematuhi pelan kelulusan dengan baik dan berfungsi dengan sempurna.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

- 3.1 Mengemukakan kertas perakuan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Jalan & Perparitan bagi projek yang berskala besar dan sederhana kepada Urusetia Pusat Setempat (OSC) dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan diterima daripada OSC.
- 3.2 Meluluskan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Jalan & Perparitan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap.
- 3.3 Memproses dan mengeluarkan surat pengesahan bagi Borang G17 dalam tempoh 7 hari bekerja bagi projek berisiko rendah dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap.
- 3.4 Memproses dan mengeluarkan surat pengesahan bagi Borang G17 dalam tempoh 14 hari bekerja bagi projek berisiko sederhana dan tinggi dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap dan pemeriksaan akhir dijalankan.
- 3.5 Menyediakan Pelan Ukur Kejuruteraan bagi keluasan pengukuran 0.5 hektar pertama dalam tempoh 15 hari dan tambahan 10 hari lagi bagi setiap 0.5 hektar berikutnya.
- 3.6 Menyediakan Pelan Pengambilan Tanah untuk ulasan awal kepada JKPTG dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan maklumat hakmilik dan carian rasmi daripada Pejabat Tanah dan Galian.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JABATAN TAHUN 2020

KRA	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
MELAKSANAKAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR MAMPAN	Menyediakan Penambahbaikan ke atas Garis Panduan: Tempat Letak Kereta. Konvensional Tempat Letak Kereta. Bermekanikal Kemudahan Pengangkutan Awam.	Membentang di JKTPS dan mendapat persetujuan JKTPS untuk digunapakai.	90%
MELAKSANAKAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR MAMPAN	Menyediakan Garis Panduan untuk meningkatkan fungsi dan proses penyampaian: 1. Garis Panduan "Traffic Impact Assessment (TIA)". 2. Model diperkemaskan untuk digunapakai di jalan tempatan.	Garis Panduan siap dan diluluskan oleh PE (Perancangan) untuk digunapakai.	20%
MELAKSANAKAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR MAMPAN	Penambahbaikan pelan piawaian kejuruteraan dalam permohonan: Kerja Tanah. Jalan dan Perparitan.	Pelan piawaian kejuruteraan siap untuk digunapakai.	100%
MELAKSANAKAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR MAMPAN	Penambahbaikan SOP bagi kerja ruang terkurung.	SOP siap dan diluluskan oleh PE (Perancangan) untuk digunapakai.	100%
MELAKSANAKAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR MAMPAN	Mengadakan lawatan ke tapak bina yang sedang menjalankan kerja tanah bagi tapak projek berskala besar/ berisiko	Sebulan sekali bagi setiap projek yang berisiko.	100%
MELAKSANAKAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR MAMPAN	Menyediakan Kajian Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur.	Memuktamadkan kajian dalam tempoh 12 bulan Hasil kajian perlu diselaraskan dengan PTKL 2040 Laporan Awal April 2020.	60%
MELAKSANAKAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR MAMPAN	Pengumpulan data utiliti bawah tanah dari sumber hardcopy kepada format GIS Data.	Data dari tahun 2013 sehingga 2020 siap dijadikan format GIS data.	50%
MEMBINA KEUPAYAAN DAN PEMBELAJARAN ORGANISASI	Kehadiran 3 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan.	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 3 hari setahun.	70%
BANDARAYA TADBIR URUS CEKAP	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah.	Mencapai sekurang-kurangnya 90% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2020.	99.36%

BANDARAYA TADBIR URUS CEKAP	Mewujudkan satu kumpulan KIK/ Idea Inovasi.	Satu kumpulan KIK/ peringkat Jabatan.	Idea Inovasi	100%
MELAKSANAKAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR MAMPAN	Mensasarkan 95% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2020.	Menyelesaikan 95% yang diterima pada setiap bulan (berpandukan sasaran KWP).		95%

Nota: Key Result Area (KRA) selari dengan Pelan Strategik DBKL 2021-2030

5.0 BAJET

5.1 Perbelanjaan Mengurus Tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Mengurus	2,331,300.00	2,316,429.00	99.36

5.2 Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Pembangunan	1,123,000.00	1,107,599.00	98.63

6.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

6.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

- 6.1.1 Merancang keperluan serahan jalan dan menaik taraf jalan sediaada berdasarkan kajian Impak Trafik bagi projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 6.1.2 Merancang keperluan serahan parit induk dan kolam tadahan bagi projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 6.1.3 Membuat kawalan pembangunan dari segi permohonan pelan kelulusan kerja tanah, jalan dan perparitan, tempat letak kereta, sistem pengurusan air hujan (MSMA) dan pengeluaran sokongan G17 (Jalan dan Perparitan) untuk pengeluaran CCC.
- 6.1.4 Memproses permohonan permit angkut bahan.
- 6.1.5 Berperanan dalam pemberian alamat pada setiap bangunan, mengisytiharkan jalan persendirian kepada jalan awam, menyediakan pelan-pelan kejuruteraan jalan raya, menyimpan rekod pelan piawaian dan menjadi sekretariat kepada Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi untuk Nama Jalan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

6.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit/ Bahagian-Bahagian Jabatan

6.2.1 UNIT KAWALAN PEMBANGUNAN

- 6.2.1.1 Memproses perakuan permohonan pelan kelulusan kerja tanah, jalan dan perparitan untuk dibentangi di OSC.
- 6.2.1.2 Memproses dan menyemak pelan-pelan kerja tanah, jalan dan perparitan, pembetung pintu masuk, pelan keperluan MSMA untuk kelulusan.
- 6.2.1.3 Membuat lawatan tapak untuk pemeriksaan kerja-kerja jalan perparitan dan sistem pengurusan air hujan sebelum surat pengesahan G17: Jalan dan Perparitan disyorkan.
- 6.2.1.4 Mengkoordinasi serahan rezab jalan, parit induk, kolam tahanan banjir dan kolam takungan banjir yang telah siap dibina sebelum dilulus terima.

6.2.2 UNIT ALAMAT DAN PENGISYTIHARAN JALAN

- 6.2.2.1 Membantu menyediakan pemberian Nombor Premis bagi tujuan pemberian alamat pada setiap unit premis dan pembangunan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 6.2.2.2 Membantu menyediakan pemberian Nama Jalan untuk jalan-jalan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk kelulusan Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Jawatankuasa Negeri Nama Geografi Wilayah Persekutuan.
- 6.2.2.3 Membantu dan menyediakan Pengisytiharan Jalan Awam di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta membantu mendaftar dalam Sistem Rekod-Rekod Jalanraya Malaysia (MARRIS) Kementerian Kewangan Malaysia dan merekod dalam Pengkalan Data Jabatan

6.2.3 UNIT PERMIT ANGKUT BAHAN

- 6.2.3.1 Memproses permohonan permit angkut bahan

6.2.4 UNIT PERANCANGAN JALAN DAN SALIRAN

- 6.2.4.1 Menyemak dan mengulas keperluan serahan tanah bagi cadangan rizab jalan dan saliran selaras dengan kehendak perancangan pembangunan.
- 6.2.4.2 Menyemak, menganalisa dan mengulas laporan kajian impak trafik. selaras dengan kehendak perancangan pembangunan.
- 6.2.4.3 Menyemak dan mengesahkan permohonan pelan pra-hitungan selaras dengan kehendak Jabatan, Agensi dan Perintah Pembangunan.
- 6.2.4.4 Menyediakan pengiraan kadar sumbangan pemaju berkaitan binaan infrastruktur berdasarkan janaan trafik pembangunan.

6.2.5 UNIT KEMUDAHAN PENGANGKUTAN AWAM

- 6.2.5.1 Memproses pelan perakuan Tempat Letak Kereta, Hentian Bas dan Teksi, Jejantas dan Laluan Pejalan Kaki Berbumbung.
- 6.2.5.2 Memberi ulasan keperluan kemudahan sistem pengangkutan awam di OSC seperti penyediaan rangkaian jejantas, laluan pejalan kaki berbumbung, hentian bas dan teksi dan pematuhan teknikal Tempat Letak Kereta

6.2.6 BAHAGIAN GEOMATIK**6.2.6.1 UNIT PEMBANGUNAN TANAH**

- 6.2.6.1.1 Penawanan data GIS
- 6.2.6.1.2 Menguruskan pembelian & penyimpanan data foto udara/ orthofoto/ satellite image
- 6.2.6.1.3 Penghasilan peta tematik/ panduan.
- 6.2.6.1.4 Mengemaskini data/ maklumat geospacial.
- 6.2.6.1.5 Mengurus/ mengawal penggunaan peralatan pelotan
- 6.2.6.1.6 Pembelian pelan akui (PA) dan pengawalan rekod PA
- 6.2.6.1.7 Mengemaskini rekod hakmilik dan pengambilan tanah
- 6.2.6.1.8 Menguruskan peta/ Pelan Akui dalam pengkalan data
- 6.2.6.1.9 Mengemaskini rekod pengambilan jalan.
- 6.2.6.1.10 Menguruskan pengambilan tanah
- 6.2.6.1.11 Menyediakan Pelan Pra Hitungan.

6.2.6.2 UNIT PENGUKURAN UTARA DAN SELATAN

- 6.2.6.2.1 Penyediaan Pelan Ukur Kejuruteraan
- 6.2.6.2.2 Pemantauan kerja dan penyemakan pelan juruukur berlesen
- 6.2.6.2.3 Kerja-kerja penandaan dan pengesahan sempadan
- 6.2.6.2.4 Penggunaan 'GNSS' untuk menentu kedudukan titik kawalan bersepadu

6.2.6.3 UNIT PENGESANAN UTILITI

- 6.2.6.3.1 Pemantauan berkaitan menjalankan kerja ukur di lapangan
- 6.2.6.3.2 Pemantauan dan pengesanan Pelan Pengesanan Utiliti Bawah Tanah (mengawalselia kerja Juruukur Berlesen)
- 6.2.6.3.3 Pemantauan kerja-kerja berkaitan mengumpul, menyelaras, menyelenggara, membangun dan mengemaskini Pengkalan Data Utiliti
- 6.2.6.3.4 Menjalankan penyelidikan, pembangunan teknologi dan prosedur terbaru berkaitan Pelan Pengesanan Utiliti Bawah Tanah.

6.2.7 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

- 6.2.7.1 Mengurus hal ehwal pentadbiran dan sumber manusia.
- 6.2.7.2 Mengurus kemajuan kerjaya perkhidmatan kakitangan.
- 6.2.7.3 Mengurus penilaian prestasi dan tatatertib.
- 6.2.7.4 Mengurus latihan kursus, seminar, aktiviti sosial dan kebajikan kakitangan.
- 6.2.7.5 Mengurus penempatan latihan praktikal dari IPTA/ IPTS.
- 6.2.7.6 Menyelenggara infrastruktur, perkakasan, perisian sistem komputer.
- 6.2.7.7 Hal ehwal keselamatan Jabatan.
- 6.2.7.8 Mengurus hal ehwal aset inventori jabatan.
- 6.2.7.9 Menyediakan bajet tahunan.
- 6.2.7.10 Merancang, mengurus dan mengawal perbelanjaan.
- 6.2.7.11 Mengurus penyediaan dokumen tender, kontrak, sebutharga dan pembelian.
- 6.2.7.12 Memantau, menyedia dan melaksanakan KPI.
- 6.2.7.13 Menyelarar pelaksanaan MS:ISO.
- 6.2.7.14 Menyelarar pelaksanaan EKSA.

6.3 Bahagian Pembangunan

Bahagian Pembangunan adalah terlibat dengan permohonan kelulusan pelan dan permit angkut bahan bagi projek pembangunan di bawah skop Pelan Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan, OSC (Kediaman Kecil), sistem pengurusan air hujan dan sirkulasi dalaman dan pemberian alamat dan pengisytiharan jalan.

6.3.1 Unit Kawalan Pembangunan

Unit Kawalan Pembangunan berperanan memproses dan menyemak pelan bagi kelulusan Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Perparitan, Pelan Pembetung Pintu Masuk dan Sokongan G17 untuk memastikan selaras dengan kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988 serta mematuhi garis panduan jabatan.

6.3.2 Permohonan Pelan

Sepanjang tahun 2020 sebanyak 401 permohonan telah diproses melibatkan permohonan Kelulusan Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Perparitan serta MSMA dan OSC KK (Kediaman Kecil).

6.3.3 Pemeriksaan bagi Sokongan G17 (Jalan dan Perparitan)

Sebanyak 106 pengeluaran surat Sokongan G17 telah dikeluarkan sepanjang tahun 2020.

JENIS PERMOHONAN	KAWASAN PERANCANGAN										JUMLAH
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
PELAN KERJA TANAH	19	24	3	18	16	7	16	21	3	19	146
PELAN JALAN DAN PERPARITAN	24	23	4	23	12	8	18	16	3	18	149
SOKONGAN G17	23	18	2	13	11	3	5	4	4	23	106
JUMLAH KESELURUHAN	66	65	9	54	39	18	39	41	10	60	401

Statistik Permohonan Kelulusan dan Pengeluaran Surat Sokongan G17 Tahun 2020

6.3.4 Ulasan Perancangan Jalan dan Saliran

Sebanyak 1254 ulasan berkaitan perancangan telah dikeluarkan bagi keperluan Perintah Pembangunan bagi tahun 2020.

Perkara	Kawasan Perancangan									Jumlah	
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2		S3
Serahan Tanah Bagi Tujuan Rezab Jalan dan Saliran	159	109	104	107	151	81	164	174	89	116	1254

Statistik Serahan Tanah Bagi Tujuan Rezab Jalan dan Saliran Tahun 2020

6.4 Unit Alamat dan Pengisytiharan Jalan

Unit Alamat dan Pengisytiharan Jalan berfungsi sebagai unit yang memproses dan memberi kelulusan bagi permohonan alamat, penamaan jalan dan pengisytiharan jalan.

6.4.1 Pemberian Alamat

Memproses dan meluluskan permohonan nombor bangunan untuk tujuan pemberian alamat pada setiap bangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selaras dengan prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh jabatan dan Akta 133 Parit Jalan dan Bangunan di bawah Seksyen 31.

Pada 2020, sebanyak 100 permohonan telah diterima meliputi permohonan bagi pembangunan Kondominium, Pangsapuri, Rumah Pangsa, Banglo, Rumah Teres, Rumah Kedai/ Pejabat, Hotel, Sekolah dan Dewan.

	BULAN												JUMLAH
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
Bil. Permohonan	12	8	5	0	3	10	10	6	14	9	12	11	100

Statistik Pemberian Alamat Tahun 2020

6.4.2 Pemberian Nama Jalan Pemberian Alamat

Pemberian nama jalan yang baru disiapkan oleh pemaju dan nama-nama jalan lama yang kurang sesuai untuk dikekalkan melalui satu Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JTNGWPKL) dan diangkat untuk pengesyoran dan kelulusan ke mesyuarat Jawatankuasa Kuasa Negeri Nama Geografi Wilayah Persekutuan di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan selaras dengan prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh jabatan dan Akta 133 Parit Jalan dan Bangunan di bawah Seksyen 29.

Pada tahun 2020 sebanyak 27 batang jalan baru telah dinamakan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Negeri Nama Geografi Wilayah Persekutuan Kementerian Wilayah Persekutuan.

6.4.3 Pengisytiharan Jalan Pemberian Nama Jalan Pemberian Alamat

Mengisytiharkan jalan-jalan persendirian kepada jalan awam selaras dengan prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh jabatan dan Akta 133 Parit Jalan dan Bangunan di bawah Seksyen 13.

Pada 2020, sebanyak 16 batang jalan yang dibina oleh pihak pemaju telah disytiharkan kepada jalan awam.

6.5 Unit Permit Angkut Bahan

Unit Permit Angkut Bahan berperanan memproses permohonan permit angkut bahan yang dikemukakan oleh pihak jurutera perunding projek pembangunan dan pengusaha lori.

6.5.1 Permohonan permit

Sebanyak 2777 permohonan telah diterima dan telah diluluskan sepanjang tahun 2020 merangkumi permit angkut bahan bagi lori tanah, lori konkrit, lori bahan binaan dan lori konkrit.

	BULAN												JUMLAH
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
LORI TANAH	0	40	21	0	62	53	130	77	81	123	25	87	699
LORI BAHAN BINAAN	0	106	41	0	79	167	123	393	172	210	280	307	1878
LORI KONKRIT	2	33	0	0	0	9	3	9	4	18	0	122	200
JUMLAH													2777

Statistik Permohonan Permit Laluan Angkut Bahan Tahun 2020

6.6 Bahagian Perancangan

Bahagian Perancangan adalah terlibat dengan perancangan serahan bagi tujuan rezab jalan dan saliran, pelan pra-hitungan, kajian impak trafik, kemudahan tempat letak kereta, kemudahan jejantas pejalan kaki dan kemudahan pejalan kaki berbumbung.

6.7 Unit Perancangan Jalan dan Saliran

Bertanggungjawab memproses permohonan diperingkat kebenaran perancangan yang berkaitan dengan serahan tanah bagi tujuan rezab jalan dan saliran dan kajian impak trafik. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab memproses permohonan pengesahan pelan pra-hitungan dan melaksanakan kajian perancangan rangkaian jalan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

6.7.1 Ulasan Perancangan Jalan dan Saliran

Sebanyak 519 ulasan berkaitan perancangan telah dikeluarkan bagi keperluan Perintah Pembangunan bagi tahun 2020.

Perkara	Kawasan Perancangan											Jumlah
	S1	S2	S3	T1	T2	T3	T4	U1	U2	U3		
Ulasan Perancangan Jalan dan Saliran	61	45	47	44	50	34	77	74	47	40		519

Statistik Ulasan Perancangan Jalan dan Saliran Tahun 2020

6.7.2 Pengesahan Pelan Pra-Hitungan

Perkara	Bulan												JUMLAH
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
Senarai Ulasan Pelan Pra-Hitungan Saliran	8	6	7	-	4	6	15	4	12	9	5	5	81

Statistik Senarai Ulasan Pelan Pra-Hitungan Saliran Tahun 2020

Perkara	Bulan												JUMLAH
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
Senarai Ulasan Pelan Pra-Hitungan Jalan	4	7	6	-	5	8	7	5	4	6	15	9	76

Statistik Senarai Ulasan Pelan Pra-Hitungan Jalan Tahun 2020

6.7.3 Perancangan Rangkaian Jalan

Melaksanakan perancangan susun atur jajaran rangkaian jalan sedia ada dan jalan baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

6.7.4 Pelan Perancangan Jalan

Mengemaskini Pelan Perancangan Jalan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sedia ada dengan menggunakan perisian AutoCAD.

6.7.5 Kajian Impak Trafik

Memproses Laporan Kajian Impak Trafik (TIA) bagi pemajuan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan membentuk Jawatankuasa untuk menilai TIA yang dikemukakan oleh perunding TIA. Jawatankuasa ini terdiri dari wakil jabatan teknikal dalaman iaitu Jabatan Pengangkutan Bandar (JPB), Jabatan Kejuruteraan Awam & Saliran (JKAWS) dan Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB). Hasil keputusan mesyuarat akan dimaklumkan dengan menyediakan Ulasan TIA kepada JPRB dalam mempertimbangkan sesuatu pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

6.8 Unit Kemudahan Pengangkutan Awam

Berperanan dalam memproses dan memperakukan pelan-pelan berkaitan Tempat Letak Kereta, Perhentian Bas/Teksi, Pelan Jejantas Pejalan Kaki dan Pejalan Kaki Berbumbung yang perlu dibina di bawah Projek Pembangunan yang dijalankan oleh pihak swasta dan kerajaan.

6.8.1 Ulasan Tempat Letak Kereta (TLK)

Penyediaan ulasan Tempat Letak Kereta untuk Kebenaran Merancang sebelum item pembangunan dibenteng di OSC. Mengulas TLK dari segi pematuhan syarat-syarat menurut Garis Panduan TLK JPIF.

6.8.2 Memperakukan Pelan-Pelan TLK

Pelan-pelan TLK untuk perakuan TLK disemak terlebih dahulu dari segi pematuhan Garis Panduan JPIF dan pematuhan kepada syarat TLK dalam Perintah Pembangunan.

6.8.3 Kemudahan Pengangkutan Awam

1. Kemudahan Pengangkutan Awam seperti laluan pejalan kaki berbumbung, jejantas dan bas '*layby*'. Dikemukakan oleh pemohon samada ianya adalah syarat Perintah Pembangunan atau secara (*Corporate Sosial Responsibility*) oleh pemaju.
2. Menyediakan Kertas Khas cadangan KPA untuk dibenteng ke OSC.
3. Pembentangan Kertas Khas samada di OSC 1 atau OSC 2.
4. Memaklumkan keputusan OSC kepada pemohon.
5. Menyemak, memeriksa dan meneliti pelan-pelan permohonan untuk kelulusan pelan.

BIL	PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH KELULUSAN
1	Pelan Tempat Letak Kereta (Ulasan)	1139	1139
2	Perakuan dan Pematuhan TLK	196	196
3	Ulasan Pengesyoran Jejantas/ Laluan Berbumbung	29	29
4	Pengesyoran Perakuan dan Pematuhan TLK	61	61
JUMLAH KESELURUHAN		1425	1425

Statistik Permohonan dan Perakuan Tempat Letak Kereta dan Kemudahan Pengangkutan Awam Tahun 2020

6.9 Bahagian Geomatik

Terdiri daripada empat (4) unit utama seperti berikut:

- a. Unit Pembangunan Tanah
- b. Unit Pengukuran Utara
- c. Unit Pengukuran Selatan
- d. Unit Pengesanan Utiliti

6.9.1 Skop Tugas Bahagian Geomatik

Unit Pembangunan Tanah

1. Penyemakan Status Tanah.

Membuat Semakan di PTG WPKL mengenai Status Tanah bagi lot-lot yang terlibat dengan Pengambilan Tanah dan juga semakan status tanah di atas permintaan dari bahagian lain dalam Jabatan dan juga permintaan dari jabatan-jabatan lain di DBKL.

2. Permohonan Hakmilik dan Sijil Carian Rasmi.
Membuat permohonan di PTG WPKL untuk mendapatkan Salinan Hakmilik atau Carian Rasmi untuk tanah atau lot yang terlibat dengan Pengambilan Tanah dan akan diambilmilik.
3. Penyediaan Pelan Pengambilan Tanah.
 - a. Muat turun maklumat dari kerja pengukuran di tapak serta membuat editing mengikut format pelan pengambilan tanah yang ditetapkan.
 - b. Pelan dihantar untuk semakan dan ulasan ke JKPTG WPKL.
 - c. Membuat pembetulan dan editing jika terdapat kesilapan atau maklumat yang tertinggal.
 - d. Menyediakan 52 salinan set pelan untuk disahkan oleh Ketua Unit dan Pengarah Jabatan, yang mana 33 set pelan akan dihantar ke Kementerian Wilayah Persekutuan untuk permohonan pewartaan.
4. Penyediaan Urusan Pampasan.
 - a. Menyediakan Surat dan Urusan penyediaan Baucer kepada Jabatan Kewangan bagi tujuan bayaran pampasan kepada yang terlibat dengan Pengambilan Tanah.
 - b. Urusan penyerahan cek-cek bayaran pampasan atau bukti bayaran EFT yang telah disiapkan oleh Jabatan Kewangan kepada JKPTG WPKL untuk diserahkan kepada penerima pampasan.
5. Penyemakan Pelan Pengambilan Tanah dari Jurukur Berlesen.
6. Menyemak Kodinit-kodinit, keluasan, numbering dan format Pelan Pengambilan Tanah yang dibuat oleh Jurukur Berlesen.
7. Siasatan Dan Perbicaraan Pengambilan Tanah.
 - a. Menghadiri perbicaraan pengambilan tanah yang ditentukan tarikhnya oleh Pentadbir Tanah.
 - b. Menghadiri mesyuarat melibatkan kes-kes bantahan ke mahkamah di Pejabat Peguam Negara.
8. Rekod Pengambilan Tanah.
 - a. Mengemaskini segala rekod-rekod dan kemajuan Kerja Pengambilan Tanah.
 - b. Mengemaskini Fail-fail Pengambilan Tanah dan lain-lain fail yang berkaitan kerja di Unit Pembangunan Tanah.
 - c. Laporan Bulanan Pengambilan Tanah.
 - d. Mengemaskini kemajuan kerja-kerja Pengambilan Tanah untuk dimasukkan dalam laporan bulanan dan dalam laporan status terkini.
 - e. Menyediakan laporan kemajuan status pengambilan tanah pada setiap hujung bulan untuk dihantar kepada Pengarah serta Timbalan-timbalan Pengarah JPIF, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Penyelarasan Pembangunan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.
9. Rekod Pelan Pengambilan Tanah, Pelan Pra Hitungan, Pelan Butiran dan Pelan Ukur Sempadan.
10. Menyimpan Rekod dan Data-data Pelan Pengambilan Tanah dalam bentuk CD dan *External Hard Disk*.
11. Pelan Wilayah Menunjukkan Pengambilan Tanah.
12. Menandakan (*charting*) Lot/ Kawasan yang telah diambilmilik di dalam Pelan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
13. Penyediaan Pelan Butiran.
Muat turun maklumat dari kerja pengukuran di tapak serta membuat editing mengikut Standard Format Bahagian Geomatik.
14. Penyediaan Pelan Pra Hitungan.
Muat turun maklumat dari kerja pengukuran di tapak serta membuat editing mengikut format pelan pra hitungan yang ditetapkan.
15. Penyediaan Pelan Ukur Sempadan.
Muat turun maklumat dari kerja pengukuran di tapak serta membuat editing mengikut Standard Format Bahagian Geomatik.

16. Komputer.

Menyelia komputer dan melaporkan kepada Jabatan Pengurusan Maklumat sekiranya terdapat kerosakan dan sebagainya.

Unit Pengesanan Utiliti

Penyediaan Peta Utiliti- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

1. Kerja-kerja Ukur Pelan Utiliti.
 - a. Trabas.
 - b. Mengambil butiran.
 - c. Ukur Aras (*Auto level & Digital Level*).
 - d. Mengesan/ Mengimbas *Utiliti Ground Penetrating Radar & Electromagnetic Locator*.
2. Kerja Ukur Kejuruteraan.

Pelan Ukur Kejuruteraan yang merangkumi aspek Ukur Terabas, Ukur Butiran, Ukur Aras, Keratan Rentas, Keratan Memanjang dan *Setting-out* di tapak.
3. Penyemakan Pelan dari Jurukur Berlesen.

Penyemakan pelan Jurukur Berlesen dengan melakukan lawatan tapak projek untuk menyemak butiran yang terdapat pada Pelan Ukur Kejuruteraan.
4. Inventori.

Menguruskan inventori peralatan ukur dengan mendaftarkan nombor rujukan, perkakasan, jenama, model, pengguna, nombor siri, penyelenggaraan, pelupusan dan pembelian peralatan ukur.
5. Pengurusan dan Pengagihan Pembantu Awam.

Mengatur serta agihan Pembantu Awam mengikut keperluan dan kesesuaian dengan kerja di tapak.
6. Memantau Kerja Ukur Pengesanan Utiliti.
 - a. Berurusan dengan Agensi-agensi berkaitan seperti (TM, TNB, GAS, IWK, PUAS, MAXIS dll.) dan jabatan-jabatan lain di DBKL untuk mendapat/ mengumpul maklumat berkaitan Utiliti.
 - b. Menyediakan Dokumen Tawaran bagi perlantikan perunding.
 - c. Menyemak dan analisa pelan yang disediakan oleh kakitangan dan juga Perunding.
 - d. Membuat pengesahan dan menandatangani data-data yang telah dikemaskini.
 - e. Mengawalselia dan memastikan penyimpanan pelan-pelan Utiliti teratur serta memantau pengkalan data (*data base*) utiliti sentiasa dikemaskini.
 - f. Mengawalselia dan menyemak data attribute yang ditawan (*capture*) oleh Penolong Jurukur telah dikemaskini dan dimasukkan ke dalam Pangkalan Data Utiliti.
 - g. Menghadiri lawatan tapak dan mesyuarat.
 - h. Bertanggungjawab ke atas harta kerajaan yang digunakan oleh Unit Pengesanan Utiliti.
 - i. Pemantauan dan semakan kerja-kerja terdahulu dan kerja-kerja pengukuran firma Jurukur Berlesen.
 - j. Memastikan peralatan yang diperuntukkan dalam keadaan yang berfungsi dan selamat digunakan.

Unit Pengukuran Utara.

1. Kerja Ukur di Lapangan.

Menjalankan kerja-kerja ukur bagi penyediaan Pelan Ukur Kejuruteraan yang merangkumi aspek Ukur Terabas, Ukur Butiran, Ukur Aras, Keratan Rentas, Keratan Memanjang dan *Setting-out* di tapak.
2. Penyemakan Pelan dari Jurukur Berlesen.

Penyemakan pelan Jurukur Berlesen dengan melakukan lawatan tapak projek untuk menyemak butiran yang terdapat pada Pelan Ukur Kejuruteraan.
3. Inventori.

Menguruskan inventori peralatan ukur dengan mendaftarkan nombor rujukan, perkakasan, jenama, model, pengguna, nombor siri, penyelenggaraan, pelupusan dan pembelian peralatan ukur.

4. Pengurusan dan Pengagihan Pembantu Awam.
Mengatur serta agihan Pembantu Awam mengikut keperluan dan kesesuaian dengan kerja di tapak.
5. Kerja-Kerja Pemantauan Tanah Runtuh.
Menjalankan kerja-kerja kecemasan dan pemantauan tanah runtuh, tembok runtuh dengan membuat *Monitoring Survey*.
6. Penyediaan Pelan Butiran.
Muat turun maklumat dari kerja pengukuran di tapak serta membuat editing mengikut Standard Format Bahagian Geomatik.
7. Penyediaan Pelan Pengambilan Tanah.
 - a. Menguruskan kerja-kerja pengambilan tanah untuk projek DBKL dan kelulusan pengambilan tanah oleh OSC untuk pembangunan bukan Kerajaan.
 - b. Wakil tetap DBKL ke perbicaraan pengambilan tanah
 - c. Pembayaran pampasan kepada tuan tanah yang diambil milik melalui Akta Pengambilan Tanah 1960.
8. Penandaan Sempadan Pengambilan Tanah (R.O.W).
Menjalankan kerja-kerja penandaan sempadan di tapak ke atas lot-lot yang terlibat dengan Pengambilan Tanah dan juga di atas permintaan dari bahagian lain dalam Jabatan dan juga permintaan dari Jabatan-jabatan lain di DBKL.

Unit Pengukuran Selatan

(Skop Kerja yang sama dengan Unit Pengukuran Utara tetapi zon kawasan yang berbeza.)

6.10 Statistik Pelan Ukur

Statistik yang hanya dikeluarkan pelan akhir adalah:

BIL	JENIS PELAN	JUMLAH
1	Kejuruteraan	121
2	Utiliti	11
3	Pra-Hitungan	31
4	Pengambilan Tanah	2
JUMLAH KESELURUHAN		165

Statistik Kerja Ukur dan Penghasilan Pelan Tahun 2020



Aktiviti Bahagian Geomatik



Kerja Pengukuran/ Aktiviti yang Dilaksanakan oleh Kakitangan Bahagian Geomatik Tahun 2020

6.11 Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan

Bahagian ini bertindak sebagai penyelaras antara pentadbiran DBKL dengan bahagian-bahagian lain di jabatan bagi melaksanakan tugas-tugas yang menyentuh soal dasar atau memerlukan kerjasama antara bahagian-bahagian. Bahagian ini juga berperanan untuk memastikan kerja-kerja jabatan dapat dilaksanakan dengan lancar serta bertanggungjawab ke atas tugas-tugas pentadbiran am jabatan.

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
22- 23 Julai	Jabatan teknikal DBKL seperti Jabatan Perancangan Infrastruktur, Kejuruteraan Awam dan Saliran, Jabatan Pengangkutan Bandar, Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi dan Jabatan Perancangan Bandaraya	Bengkel Pelan Piawaian Jabatan Perancangan Infrastruktur	Menyemak dan menyediakan pindaan pelan piawaian JPIF yang akan digunakan oleh Perunding dan Jabatan teknikal dalam DBKL



Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
26 September	Kedutaan Palestin, Jabatan Perancangan Bandaraya, Jabatan Perancangan Korporat, Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi dan Jabatan Penguatkuasaan	Majlis Perasmian Penukaran Nama Jalan Raja Laut 1 Kepada Jalan Palestin	Menguar- uarkan kepada masyarakat mengenai penukaran Jalan Raja Laut 1 kepada Jalan Palestin.



Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP) merangkumi dua bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan serta Bahagian Penswastaaan. Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan bertanggungjawab untuk mengurus tadbir hal-hal berkaitan pentadbiran dan kewangan Jabatan, menyelaras projek-projek pembangunan, penyediaan peruntukan pembangunan, dan pengagihan sumber kewangan berkenaan kepada Jabatan Pelaksana.

Sementara itu, Bahagian penswastaaan pula memainkan peranan sebagai penyelaras bagi projek-projek penswastaaan DBKL yang melibatkan projek usahasama, pelupusan tanah serta pajakan. Selain itu, ia turut bertanggungjawab dalam menyelaras pengeluaran hakmilik strata, proses pindahmilik serta meluluskan pindahmilik kedua (*subsale*) berdasarkan kuota yang ditetapkan.

Selaras dengan kemajuan ekonomi dan kepesatan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jabatan ini mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memastikan pelaksanaan semua projek pembangunan dan penswastaaan DBKL yang telah diluluskan mempunyai peruntukan yang mencukupi dan disiapkan mengikut jadual.

2.0 VISI DAN MISI

Visi

Ke arah merancang pembangunan sosioekonomi yang mampan dan dinamik bagi mencapai negara maju dan masyarakat sejahtera.

Misi

Mencapai satu bentuk pembangunan yang seimbang melalui perancangan ekonomi bandar yang menyeluruh dan bersepadu selaras dengan dasar pembangunan negara.

3.0 PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2020

- 3.1 Mengemukakan laporan prestasi kemajuan projek di bawah pembiayaan kerajaan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) setiap bulan.
- 3.2 Memastikan permohonan pelepasan unit kuota bumiputera diberi maklumbalas dalam tempoh 2 bulan dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- 3.3 Memberi maklumbalas terhadap permohonan pembelian tanah, pajakan tanah, projek usahasama dan projek kecil dalam tempoh 14 hari bekerja selepas keputusan mesyuarat di peringkat pengurusan diterima
- 3.4 Memproses dokumen dan pelan-pelan cadangan pembangunan untuk tujuan kebenaran perancangan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima.
- 3.5 Menguruskan dokumen yang melibatkan sub-sale dalam tempoh masa 14 hari bekerja selepas dokumen lengkap diterima

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JABATAN TAHUN 2020

BIL.	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN DAN PENGUKURAN	IMPAK	PENCAPAIAN 2020	
1.1	PULANGAN HASIL MELALUI PROJEK USAHASAMA DITERIMA OLEH DBKL SEBELUM AKHIR DISEMBER 2020	MEMASTIKAN 90% PULANGAN HASIL MELALUI PROJEK USAHASAMA DARIPADA RM 11.1 JUTA DITERIMA OLEH DBKL SEBELUM AKHIR DISEMBER 2020 90%: RM 9,990,000.00	Pertambahan DBKL	Pendapatan	Sehingga Disember 2020 Sejumlah RM 9,474,870.85 pulangan hasil melalui projek usahasama telah diterima 85.36%
1.2	PULANGAN HASIL MELALUI PROJEK PELUPUSAN TANAH DITERIMA OLEH DBKL SEBELUM AKHIR DISEMBER 2020	MEMASTIKAN 90% PULANGAN HASIL MELALUI PROJEK PELUPUSAN TANAH DARIPADA RM150 JUTA DITERIMA OLEH DBKL SEBELUM AKHIR DISEMBER 2020 90%: RM135 JUTA	Pertambahan DBKL	Pendapatan	Sehingga Disember 2020 Sejumlah RM 30,714,044.00 pulangan hasil melalui projek pelupusan tanah telah diterima 20.48%
1.3	PULANGAN HASIL MELALUI PROJEK PAJAKAN DITERIMA OLEH DBKL SEBELUM AKHIR DISEMBER 2020	MEMASTIKAN 90% PULANGAN HASIL MELALUI PROJEK PAJAKAN DARIPADA RM 7 JUTA DITERIMA OLEH DBKL SEBELUM AKHIR DISEMBER 2020 90%: RM6,300.000.00	Pertambahan DBKL	Pendapatan	Sehingga Disember 2020 Sejumlah RM 4,578,793.86 pulangan hasil melalui projek pajakan telah diterima. 65.41%
2.1	PERBELANJAAN BAGI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DIBELAKANG DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN	MEMASTIKAN PRESTASI PERBELANJAAN BAGI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN MENCAPI 90%.	1. Projek dilaksanakan mengikut jadual 2. Peruntukan perbelanjaan mengikut unjuran 3. Projek disiapkan memberi manfaat kepada wargakota		Sehingga Disember 2020 Sebanyak RM885,778,445.00 telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan RM1,016,523,000.00 87.14%
2.2	MENGUNCI MASUK MAKLUMAT PROJEK PEMBANGUNAN KE DALAM SISTEM PEMANTAUAN PROJEK 2 (SPP2)	MEMASTIKAN 100% MAKLUMAT PROJEK PEMBANGUNAN DI KUNCI MASUK KE DALAM SPP2 SETIAP BULAN	1. Pemantauan pelaksanaan projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan mudah bagi tujuan pembentangan dan laporan kepada pihak pengurusan 2. Projek dilaksanakan mengikut jadual		Sehingga Disember 2020 Kesemua projek di bawah RMKE-11 dapat dikemaskini. 100%
2.3	SENARAI PROJEK KECIL YANG DITERIMA DAN DILULUSKAN DILAKSANAKAN.	MEMASTIKAN 12 PROJEK KECIL YANG DITERIMA DAN DILULUSKAN DAPAT DILAKSANAKAN	Kemudahan yang disediakan dapat di nikmati oleh warga kota dalam menjalankan aktiviti sosio-politik penduduk setempat.		Sehingga Disember 2020 Kesemua 12 permohonan projek kecil yang telah mendapat kelulusan Pengurusan Tertinggi bagi pelaksanaan bagi tahun 2020 telah siap dilaksanakan oleh Jabatan Pelaksana DBKL. 100%
2.4	LAPORAN OUTCOME UNTUK PROJEK DBKL	MENYELARASKAN PENYEDIAAN LAPORAN OUTCOME BAGI 5 PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH DBKL 1. PEMBANGUNAN PUSAT KOMUNITI DI ATAS LOT PT 1062, JALAN SETIAWANGSA, KL 2. MEMBINA JALAN SAMBUNGAN DARI JALAN 1/27A KE SETIAWANGSA 3. NAIKTARAF JALAN SEMARAK DARI JALAN TUN RAZAK HINGGA KE LEBUHRAYA DUKE.	Dapat menilai keberkesanan "value for money" peruntukan DBKL yang telah dibelanjakan. Menilai keberkesanan projek kepada masyarakat.		Sehingga Disember 2020 Bengkel Penilaian Outcome yang kedua bagi tahun 2020 yang sepatutnya diadakan pada 26 - 28 Oktober 2020 bertempat di Hotel Holiday Inn, Melaka telah ditangguhkan kerana PKPB dan dijangka bersambung pada tahun 2021

BIL.	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN DAN PENGUKURAN	IMPAK	PENCAPAIAN 2020	
		<p>4. MEMBINA PUSAT MOTIVASI DAN SEMINAR DI RUMAH REHAT SRI SUASANA, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN</p> <p>5. MEMBINA TEMPAT LETAK KERETA DI ATAS LOT 51612, JALAN MANIS 6, TAMAN SEGAR</p>			
2.5	P U L A N G A N HASIL SEWAAN MELALUI PROJEK PENGGANTIAN TIANG LAMPU SEDIA ADA MILIK DBKL KEPADA TIANG LAMPU B E R I N T E G R A S I SISTEM PEMANCAR TELEKOMUNIKASI DITERIMA OLEH DBKL SEBELUM AKHIR DISEMBER 2020	MEMASTIKAN 90% PULANGAN HASIL MELALUI PROJEK PENGGANTIAN TIANG LAMPU TELEKOMUNIKASI DARIPADA RM 5 JUTA DITERIMA OLEH DBKL SEBELUM AKHIR DISEMBER 2020 90%: RM4,500,000.00	Pertambahan DBKL	Pendapatan	Sehingga Disember 2020 Jumlah pulangan hasil sewaan adalah RM6,866,880.00 daripada nilai keseluruhan. 100%
2.6	PROMOSI/ HEBAHAN P E M I L I K A N H A R T A N A H BUMIPUTERA	MELAKSANAKAN 4 KALI PROGRAM PROMOSI/ HEBAHAN PEMILIKAN HARTANAH BUMIPUTERA KEPADA NGO DAN SYARIKAT BERKEPENTINGAN BUMIPUTERA.	Menambah pemilikan hartanah oleh bumiputera di Kuala Lumpur.		Sehingga Disember 2020 22 Hebahan secara bersurat telah dikeluarkan sepanjang tahun 2020 kepada semua parlimen di Kuala Lumpur 100%
2.7	P E N Y E L E S A I A N ADUAN AWAM PADA TAHUN 2020	MENSASARKAN 95% PENYELESAIAN ADUAN AWAM DALAM TEMPOH 14 HARI PADA TAHUN 2020	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyelesai kan aduan 2. Memastikan tiada aduan tertunggak 3. Meningkatkan lmej DBKL 4. Meningkatkan kepuasan warga Kerja 		Sehingga Disember 2020 Sebanyak 8 aduan awam diterima berjaya diselesaikan dalam tempoh 14 hari 100%
2.8	P E N G U R U S A N P E R U N T U K K A N PERBELANJAAN YANG BERHEMAH	MENCAPAI SEKURANG-KURANGNYA 90% PERBELANJAAN DARIPADA PERUNTUKAN TAHUN 2020 IAITU SEBANYAK RM 16,855,000.00 90% = RM15,169,500.00	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan prestasi bajet jabatan 2. Mempertingkatkan jentera pengurusan JPEP 		Sehingga Disember 2020 Sebanyak RM 13,487,518 telah dibelanjakan. 80%
2.9	MEWUJUDKAN SATU KUMPULAN KIK / IDEA INOVASI	SATU KUMPULAN KIK / IDEA INOVASI PERINGKAT JABATAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mewujudkan budaya inovasi berterusan dan pelaksanaan perkhidmatan yang cemerlang. 2. Memberi kesedaran dan motivasi kepada kakitangan kepentingan berinovasi. 		Jabatan telah menubuhkan pasukan KIK pada tahun ini yang diberi nama PRISMA 2.
3.0	KEHADIRAN 3 HARI BERKURSUS SETAHUN KEPADA SEMUA WARGA KERJA JABATAN	SEMUA PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN MENGHADIRI KURSUS 3 HARI SETAHUN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memenuhi keperluan berkursus 7 hari setahun berdasarkan pekeliling perkhidmatan. IDB hanya menyediakan kursus sebanyak 4 hari sahaja. Baki 3 hari kursus diselaras dan dipantau oleh jabatan. 2. Melahirkan pegawai dan kakitangan yang kompeten, berpengetahuan dan berkemahiran 		Sehingga Disember 2020 Sebanyak 3 kursus telah dilaksanakan <ol style="list-style-type: none"> i- Taklimat DBKL Core Sistem – HCM ii- Taklimat DBKL Core Sistem – EBS iii. Taklimat berkeompok Insurans pelbagai manfaat 100%

5.0 BAJET

Perbelanjaan Mengurus Tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Mengurus	10,807,600	9,566,008	88.51

Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Pembangunan	1,016,523,000	885,778,445	87.14

6.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

- i. Menyelaras penyediaan bajet pembangunan dan pengagihan sumber kewangan bagi projek-projek pembangunan;
- ii. Menyelaras dan memantau perlaksanaan projek-projek pembangunan serta penswastaan;
- iii. Menilai kemajuan dan pencapaian projek pembangunan dan penswastaan;
- iv. Mengenalpasti dan membuat kajian penyelidikan sosio ekonomi; dan
- v. Menyelaras tindakan dan maklumbalas dengan institusi sosial dan politik serta agensi-agensi kerajaan dan swasta di luar DBKL.

Jabatan ini terdiri daripada dua (2) Bahagian utama iaitu:

- i. Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan
- ii. Bahagian Penswastaan

6.1 Bahagian Pentadbiran Dan Pembangunan

- i. Merancang, memantau, menyelaras, menyedia dan mengagih sumber kewangan projek-projek pembangunan.
- ii. Menyelaras pembangunan infrastruktur dan bekalan Projek Kecil.
- iii. Menguruskan isu-isu berkaitan struktur dan kependudukan setinggan.
- iv. Mengurus serta memantau kedudukan hartanah unit-unit kuota bumiputera serta menyelaras permohonan pelepasan unit-unit kuota bumiputera
- v. Memantau pelaksanaan dan pulangan hasil kontraktor tiang lampu serta mendapatkan hala tuju isu berkaitan telekomunikasi dalam kawasan pentadbiran DBKL
- vi. Mengurus tadbir hal-hal berkaitan pentadbiran dan kewangan Jabatan

6.2 Bahagian Penswastaan

- i. Mengkaji permohonan-permohonan projek untuk diswastakan dan seterusnya mendapatkan kelulusan pentadbiran dan kerajaan.
- ii. Menyelaraskan permohonan pemberimilikan tanah kerajaan/persendirian untuk dibangunkan secara penswastaan.
- iii. Menentukan cadangan pembangunan yang akan dilaksanakan dan menyelaras kelulusan pembangunan.
- iv. Menentukan *Term of Reference* (TOR) atau *Request For Proposal* (RFP) bagi cadangan pembangunan semula.
- v. Menyelaraskan penyediaan dokumen perjanjian penswastaan.
- vi. Menyelaraskan pengosongan segala bentuk halangan di tapak secara bersama dengan pihak pemaju dan jabatan-jabatan berkaitan.
- vii. Memastikan pembangunan dilaksanakan mengikut syarat-syarat dan terma-terma perjanjian.
- viii. Memastikan DBKL mendapat pulangan sama ada tunai atau harta seperti di dalam perjanjian.

- ix. Menyelaras pengeluaran hakmilik strata dan proses pindahmilik.
- x. Menyelaraskan dan meluluskan pindahmilik kedua (*subsale*) berdasarkan kuota yang ditetapkan.

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

7.1 Bahagian Pentadbiran Dan Pembangunan

7.1.1 Peranan dan tanggungjawab Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan adalah seperti berikut:-

- i. Mengurus tadbir hal-hal berkaitan pentadbiran dan kewangan Jabatan.
- ii. Menyelaras dan memantau pelaksanaan prestasi fizikal projek pembangunan serta menyelaras permohonan bajet pembangunan DBKL.
- iii. Menyelaras projek-projek pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat.
- iv. Menyelaras dan memproses permohonan dan pelaksanaan struktur-stuktur telekomunikasi di Kuala Lumpur.
- v. Mengurus serta memantau kedudukan hartanah unit-unit kuota bumiputera serta menyelaras permohonan pelepasan unit-unit kuota bumiputera
- vi. Menyelaras pembangunan infrastruktur bagi Projek-Projek Kecil.

Secara umumnya, terdapat empat (4) unit di bahagian ini iaitu:

- i. Unit Pentadbiran dan Kewangan
- ii. Unit Belanjawan dan Pemantauan Projek Kerajaan
- iii. Unit Pemantauan Projek DBKL (selain JPPPB) dan Pengurusan
- iv. Pembangunan
- v. Unit Pemantauan Projek DBKL (JPPPB)/Projek Khas DBKL dan
- vi. Telekomunikasi

7.1.2 Unit Pentadbiran dan Kewangan

Unit Pentadbiran dan Kewangan berperanan dalam mengurus tadbir hal-hal berkaitan pentadbiran dan kewangan Jabatan. Pada tahun 2020, Bajet Mengurus Tahunan Jabatan adalah sebanyak RM 10,807,600.00 dan daripada jumlah tersebut, sebanyak RM 9,566,008.00 telah dibelanjakan pada tahun semasa untuk kegunaan jabatan merangkumi perkara berkaitan emolumen, perkhidmatan dan bekalan.

Jadual 7.1.2.1: Prestasi Bajet Mengurus Jabatan Tahun 2020

PERKARA	TAHUN 2020	Peratus (%)
• Peruntukan Yang Diluluskan	RM 10,807,600.00	88.5%
• Perbelanjaan	RM 9,566,008.00	

7.1.3 Unit Belanjawan dan Pemantauan Projek Kerajaan

Pada tahun 2020, peruntukan asal bagi projek/program pembangunan adalah sebanyak **RM1,045,120,000**. Bagaimanapun, Belanjawan Pembangunan DBKL bagi tahun 2020 telah mengalami pindaan peruntukan menjadikan jumlah terbaharu sebanyak **RM1,016,523,000**.

Jadual 7.1.3.1 pula menunjukkan peruntukan pembangunan mengikut sumber pembiayaan dan status projek.

SUMBER PEMBIAYAAN	KESELURUHAN		
	KOS PROJEK (RM)	PERUNTUKAN (RM)	BIL. PROJEK
DBKL	5,320,329,500	579,072,000	612
RMKe-11	1,128,884,200	277,781,000	51
NKEA	1,140,277,900	152,190,000	13
SWASTA	15,500,000	1,800,000	2
LAIN-LAIN	36,934,000	5,680,000	24
JUMLAH	7,641,925,600	1,016,523,000	702

Jadual 7.1.3.2 Peruntukan pembangunan mengikut sumber pembiayaan dan status projek 2020

Sumber Pembiayaan	Pelaksanaan / Siap			Perancangan			Keseluruhan		
	Kos Projek (RM)	Peruntukan (RM)	Bil. Projek	Kos Projek (RM)	Peruntukan (RM)	Bil. Projek	Kos Projek (RM)	Peruntukan (RM)	Bil. Projek
DBKL	4,264,646,500	472,929,000	426	1,055,683,000	106,143,000	186	5,320,329,500	579,072,000	612
RMKe-11	1,083,484,200	277,781,000	45	45,400,000	-	6	1,128,884,200	277,781,000	51
NKEA	1,140,277,900	152,190,000	13	-	-	-	1,140,277,900	152,190,000	13
SWASTA	15,500,000	1,800,000	2	-	-	-	15,500,000	1,800,000	2
LAIN-LAIN	33,982,000	5,680,000	19	2,952,000	-	5	36,934,000	5,680,000	24
JUMLAH	953,563,200	66,627,900	505	1,104,035,000	106,143,000	197	7,641,925,600	1,016,523,000	702

Pada tahun 2020, prestasi keseluruhan perbelanjaan projek pembangunan mencatat **87.14%** dengan jumlah perbelanjaan sebanyak **RM879,831,264**. Peruntukan pindaan sebanyak **RM28,597,000** diperlukan bagi memastikan projek pembangunan pada tahun 2020 dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Jadual 7.1.3.3 seperti di bawah menunjukkan prestasi perbelanjaan projek pembangunan mengikut jabatan.

Jadual 7.1.3.3 Laporan Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan Mengikut Jabatan Pelaksana Bagi Tahun 2020


Nama Jabatan	Bil Projek	Peruntukan 2020 (RM)	Bil Projek	Pindaan Peruntukan (RM)	Perbelanjaan Sebenar Sehingga 31 Dis 2020 (RM)	Baki Peruntukan	Peratus Belanja (%)
JPPPB	157	365,358,000	359	466,850,300	375,029,284	91,821,016	80.33
JKAWS	66	394,061,000	110	361,100,500	339,758,890	21,341,610	94.09
JPB	18	15,530,000	46	6,430,000	4,862,937	1,567,063	75.63
JPLR	23	38,100,000	72	21,221,000	19,038,687	2,181,313	89.72
JPKKB	50	38,661,000	89	15,371,200	13,809,318	1,561,882	89.84
JKME	3	4,262,000	8	8,380,000	7,948,949	431,051	94.86
JPPH/JPIF	8	23,750,000	15	112,170,000	101,329,380	10,840,620	90.34
JPEP	6	165,398,000	3	25,000,000	24,000,000	1,000,000	96.00
JUMLAH	331	1,045,120,000	702	1,016,523,000	885,778,445	130,744,555	87.14

Jika dilihat dari Jadual 7.1.3.4 di bawah, jelas menunjukkan projek berstatus pelaksanaan dan siap mendahului jumlah keseluruhan projek pembangunan DBKL bagi tahun 2020.

Jadual 7.1.3.4 : Prestasi Status Projek Bagi Tahun 2020

Jabatan Pelaksana	Keseluruhan Mengikut Peruntukan (Pelaksanaan Dan Siap)				Keseluruhan Mengikut Peruntukan (Perancangan)			
	Bil. Projek	Pindaan Peruntukan Bil. 3/2020	Perbelanjaan Mengikut Peruntukan	Peratus Belanja	Bil. Projek	Pindaan Peruntukan Bil 3/2020	Perbelanjaan Mengikut Peruntukan	Peratus Belanja
		(RM)	(RM)	%		(RM)	(RM)	%
JPPPB	296	457,030,300	369,768,616.00	80.91	63	9,820,000.00	5,260,668.00	53.57
JKAWS	78	355,325,500	335,656,344.00	94.46	32	5,775,000.00	4,102,546.00	71.04
JPB	13	2,840,000	2,124,128.00	74.79	33	3,590,000.00	2,738,809.00	76.29
JPLR	42	20,421,000	18,242,276.00	89.33	30	800,000.00	797,411.00	99.68
JPKKB	65	12,340,200	11,565,971.00	93.73	24	3,031,000.00	2,243,347.00	74.01
JKME	6	8,380,000	7,948,949.00	94.86	2	-	-	0.00
JPIF/JPPH	5	54,043,000	47,347,821.00	87.61	10	58,127,000.00	53,981,559.00	92.87
JPEP	-	-	-	0.00	3	25,000,000.00	24,000,000.00	96.00
JUMLAH	505	910,380,000.00	792,654,105.00	87.07	197	106,143,000.00	93,124,340.00	87.73

Jika dilihat dari aspek kategori status projek, status pelaksanaan / siap mencatat peratusan tertinggi iaitu sebanyak **72%**. Ini menunjukkan pembangunan di Kuala Lumpur rancak dilaksanakan sepanjang tahun 2020. Manakala di peringkat perancangan projek adalah sebanyak **28%**. Carta pai berikut menunjukkan peratusan keseluruhan status projek.



Carta 7.1.3.5 : Pecahan Status Projek Bagi Tahun 2020

7.1.4 Unit Pemantauan Projek DBKL (selain JPPP) dan Pengurusan Pembangunan

7.1.4.1 Seksyen Penyelaras Projek-Projek Kecil

Seksyen ini bertanggungjawab menyelaras peruntukan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan berskala kecil berkaitan infrastruktur yang tidak melebihi RM200,000.00. Penyelaras projek melibatkan kerjasama dan input daripada Pejabat-pejabat Cawangan di 11 Parlimen. Perincian adalah seperti berikut:

Jadual 7.1.4.1.1 : Prestasi perbelanjaan Projek pembangunan (Infrastruktur) berskala kecil

Bil	VOT	Projek / Peruntukan	Jumlah Peruntukan (RM)	Belanja Terkumpul (RM)	Peratus (%)
1	B0212220	Projek Kecil Infrastruktur (12 Projek)	1,000,000.00	304,448.44	30.44
2		Projek Tambahan (3 Projek)		352,803.69	35.28
JUMLAH			1,000,000.00	657,252.13	65.72%

Sebanyak 12 Projek Kecil Infrastruktur telah diluluskan pada tahun 2020 dengan jumlah sebanyak RM304,448.44. Prestasi pelaksanaan adalah seperti berikut:

Jadual 7.1.4.1.2 : Prestasi Fizikal Projek Kecil Infrastruktur 2020 Mengikut Pejabat Cawangan

Bil	Pejabat Cawangan	Jumlah		Jabatan				Jumlah
		PROJEK	SIAP	UPB	JKPB	JPLR	JPPP	
1	KEPONG	-	-	-	-	-	-	-
2	CHERAS	2	2	2	-	-	-	2
3	SEGAMBUT	1	1	1	-	-	-	1
4	SEPUTEH	2	2	2	-	-	-	2
5	WANGSA MAJU	3	3	3	-	-	-	3
6	BANDAR TUN RAZAK	2	2	2	-	-	-	2
7	BUKIT BINTANG	-	-	-	-	-	-	-
8	BATU	-	-	-	-	-	-	-
9	TITIWANGSA	1	1	1	-	-	-	1
10	LEMBAH PANTAI	-	-	-	-	-	-	-
11	SETIAWANGSA	2	2	2	-	-	-	2
JUMLAH		12	12	12	-	-	-	12

7.1.4.2 Seksyen Kuota Bumiputera

Pada tahun 2020, sebanyak 5 siri mesyuarat pelepasan unit kuota Bumiputera telah diadakan bagi mempertimbangkan permohonan pelepasan unit kuota Bumiputera iaitu yang melibatkan 2,133 unit dan 29 pemaju. Daripada jumlah tersebut sebanyak 904 unit telah dilepaskan dengan mengikut prosedur pelepasan unit kuota Bumiputera.

Jadual 7.1.4.2.1 : Pelepasan unit kuota Bumiputera

Bil	Pemaju	Unit Bumiputera	Unit Pelepasan	Baki Unit
1	Bennington Development Sdn Bhd	18	18	0
2	Amona Development Sdn Bhd (Pantai Sentral 1)	42	42	0
3	Sunrise Berhad	7	7	0
4	Arcoris Sdn Bhd	29	29	0
5	Magna Park Sdn Bhd	3	1	2
6	I-Marcom Sdn Bhd	91	78	13
7	City View Ventures Sdn Bhd	190	28	162
8	Modern Age Development Sdn Bhd	3	3	0
9	JL99 Land Sdn Bhd	112	56	56
10	CL Elite Developer Sdn Bhd	21	0	21
11	Macly Equity Sdn Bhd (Colony)	113	34	79
12	Macly Equity Sdn Bhd (Luxe)	85	26	59
13	SDB Damansara Sdn Bhd	92	46	46
14	Temara Pekeliling Sdn Bhd	88	26	62
15	Urusharta Cemerlang (KL) Sdn Bhd	54	54	0
16	Dwitasik Sdn Bhd	50	15	35
17	Ba Sheng Sdn Bhd	88	76	12
18	Nusmetro Property Sdn Bhd (RN)	85	68	17
19	Nusmetro Property Sdn Bhd (PK)	72	58	14
20	Amona Development Sdn Bhd (Pantai Sentral 2)	65	65	0
21	Ekovest Capital Sdn Bhd (PK)	172	0	172
22	Sunrise Pioneer Sdn Bhd	45	45	0
23	Skyluxe Development Sdn. Bhd.	49	0	49
24	Sierra Cube Sdn. Bhd.	58	58	0
25	Desaria Property Sdn Bhd	93	47	46
26	Macly Equity Sdn Bhd (Colony)	65	0	65
27	Macly Equity Sdn Bhd (Luxe)	58	0	58
28	Projects Selective Sdn Bhd	204	0	204
29	Gita Kasturi Sdn Bhd	81	24	57
Jumlah		2,133	904	1229
Jumlah Mengikut %		100%	42.38%	57.62%

7.1.5 Unit Pemantauan Projek DBKL (JPPPB)/Projek Khas DBKL dan Telekomunikasi

7.1.5.1 Seksyen Telekomunikasi

Struktur telekomunikasi di Kuala Lumpur boleh dikategorikan kepada beberapa jenis seperti:-

Jadual 7.1.5.1.1: Struktur Telekomunikasi di Kuala Lumpur

Kategori	Bilangan Yang Diluluskan
Tiang Lampu Dwi Fungsi	825
Atas Tanah	131
Mobile (MBTS)	-
Atas Bumbung/ Bangunan	1,617
Atas Papan Iklan	2
JUMLAH	2,575

Projek Penggantian Tiang Lampu Sedia Ada Milik DBKL Kepada Tiang Lampu Berintegrasi Sistem Pemancar Telekomunikasi

Sejumlah dua belas (12) syarikat telah dilantik untuk melaksanakan projek ini pada tahun 2020. Butiran syarikat tersebut adalah seperti berikut:-

Jadual 7.1.5.1.2: Senarai syarikat yang dilantik

BIL	NAMA SYARIKAT
1.	Premium Radius (Naza)
2.	Stealth Solutions
3.	X-Air Networks
4.	Konsortium Infrastruktur WP
5.	Arl Homecomm
6.	Edotco Malaysia
7.	Skyline Technology
8.	Tt Dotcom
9.	Advance Research Communication
10.	Eminent Display Sdn Bhd
11.	Bangkit Setia Sdn Bhd
12.	Itmax System Sdn Bhd

Perunding Yang Dilantik

Bagi melicinkan urusan memproses permohonan kebenaran mendirikan struktur telekomunikasi, sebuah syarikat perunding telah dilantik mulai tahun 2016 hingga tahun 2023 iaitu Akar Kordinasi Sdn. Bhd. (AKSB). Syarikat juga dipertanggungjawabkan mengenalpasti struktur-struktur yang telah dibina tanpa kelulusan untuk tujuan Program Pemutihan. Prestasi kutipan hasil bagi yuran memproses permohonan kebenaran mendirikan struktur telekomunikasi yang melibatkan DBKL dan AKSB adalah seperti berikut:

Jadual 7.1.5.1.3: Prestasi Kutipan Hasil Bagi Tahun 2020

TAHUN 2020	DBKL (RM)	AKSB (RM)
JANUARI	RM88,320.00	RM132,480.00
FEBRUARI	RM69,040.00	RM103,260.00
MAC	RM30,840.00	RM46,035.60
APRIL	0	0
MEI	RM363,120.00	RM544,680.00
JUN	RM291,760.00	RM437,640.00
JULAI	RM549,400.00	RM824,100.00
OGOS	RM328,200.00	RM492,300.00
SEPTEMBER	RM38,280.00	RM57,420.00
OKTOBER	RM27,880.00	RM41,820.00
NOVEMBER	RM19,280.00	RM28,920.00
DISEMBER	RM48,800.00	RM73,200.00
JUMLAH	RM1,854,920.00	RM2,782,380.00

7.2 Bahagian Penswastaan

7.2.1 Bahagian Penswastaan Dan Usahasama (BPU)

Bahagian ini bertanggungjawab mengendalikan dan menyelaras projek-projek penswastaan DBKL khususnya melibatkan projek pembangunan tanah. Sehingga bulan Disember 2020, JPEP mengendalikan sebanyak 136 projek penswastaan dengan pulangan terkumpul dianggarkan sebanyak **RM 5,466,671,200.00** yang mana terimaan hasil bagi sepanjang tahun 2020 adalah sebanyak **RM 44,060,270.56**

Status pelaksanaan dan pulangan projek penswastaan bagi sepanjang tahun 2020 adalah seperti di jadual berikut:-

Jadual 7.2.1.1: Bilangan Projek Penswastaan Bagi Tahun 2020

Bil	Kategori	Jumlah
1	Usahasama dan pembangunan semula	30
2	Pajakan/Penyewaan/ <i>right-to-occupy</i>	24
3	Penjualan tanah	82
JUMLAH KESELURUHAN		136

Jadual 7.2.1.2: Pecahan Projek Penjualan Tanah Mengikut Kategori Bagi Tahun 2020

Bil	Kategori	Jumlah
1	Selesai	68
2	Telah Tandatangani Perjanjian	10
3	Belum Tandatangani Perjanjian	3
4	Penjualan tanah Dibatalkan	16
JUMLAH KESELURUHAN		97

Jadual 7.2.1.3: Pulangan Projek-Projek Penswastaan Bagi Tahun 2020 (berdasarkan rekod Jabatan Kewangan)

Bil	Status Projek	Terimaan Sehingga Disember 2020 (RM)
1	Projek Penswastaan Dalam Pembinaan	9,474,870.85
2	Penjualan Tanah	30,714,044.00
3	Pajakan	3,871,355.71
JUMLAH KESELURUHAN		44,060,270.56

7.2.2 Seksyen RUMAWIP

Seksyen ini adalah berperanan untuk membantu pihak KWP dalam menerima dan memproses permohonan pembelian unit bagi projek – projek RUMAWIP dibangunkan di atas tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur. Laporan status semakan kelayakan permohonan kemudian dikemukakan kepada Urusetia RUMAWIP, KWP untuk kelulusan mematuhi tempoh masa 1 bulan dari tarikh tutup permohonan dan kaedah yang telah ditetapkan. Namun, bermula April 2018, semua permohonan pembelian unit projek RUMAWIP telah dipusatkan di KWP bagi memastikan pemantauan rapi dalam memastikan proses permohonan dikawal selia sepenuhnya oleh KWP. Status penjualan unit RUMAWIP di bawah seliaan JPEP adalah seperti berikut:

Jadual 7.2.2.1 Penjualan Unit Projek RUMAWIP di bawah seliaan Jabatan

BIL	PROJEK	PEMAJU	JUMLAH UNIT	JUMLAH UNIT TERJUAL		BA	
				JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	
1	RESIDENSI RAZAKMAS	ASET KAYAMAS SDN BHD	427	427	100%	0	
2	RESIDENSI PANDANMAS 2	FABER VISTA SDN BHD	1,920	1,920	100%	0	
3	RESIDENSI KEPONGMAS	SINERJUTA SDN BHD	1,514	1,514	100%	0	
4	RESIDENSI HIJAUAN LUMAYAN	DANAU LUMAYAN SDN BHD	512	512	100%	0	
5	RESIDENSI WANGSAMAS	ERA ECOLAND SDN BHD	441	441	100%	0	
6	RESIDENSI GURNEYMAS	ERA ECOLAND SDN BHD	274	274	100%	0	
7	RESIDENSI JALILMAS	SINERJUTA SDN BHD	1,050	1,030	100%	0	
8	RESIDENSI DESAMAS	ERA ECOLAND SDN BHD	323	323	100%	0	
9	RESIDENSI ENESTA	THRIVEN AMONA SDN BHD	254	254	100%	0	
10	SKYAWANI 3 RESIDENCES	SKY SANCTUARY DEVELOPMENT SDN BHD	1,905	1,905	100%	0	
11	RESIDENSI DESA SATUMAS	GARUDA SEARAH SDN BHD	1,346	1,283	95%	63	
12	RESIDENSI VISTA WIRAJAYA	AMBANANG DEVELOPMENT SDN BHD	515	514	99%	1	
13	RESIDENSI PV9 @ VISTA WIRAJAYA	AMBANANG DEVELOPMENT SDN BHD	438	437	99%	1	
14	RESIDENSI AKASIA PERMAISURI	DWITASIK SDN BHD	200	169	85%	31	
15	RESIDENSI INSPIRIA	ALMAVENTURES DEVELOPMENT SDN BHD	900	214	24%	686	
16	RESIDENSI KUCHAIMAS	UJANA MUTIARA SDN BHD	478	478	100%	0	
17	RESIDENSI KEPONGMAS 2	UJANA MUTIARA SDN BHD	324	324	100%	0	
18	RESIDENSI RAMPAI II	PANCARAN NILAI (M) SDN BHD	308	303	98%	5	
19	RESIDENSI TASIKMAS	UJANA MUTIARA SDN BHD	463	463	100%	0	
		JUMLAH	13,592	12,785	81%	787	

7.0 PENCAPAIAN JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

TARIKH	ACARA	KEPUTUSAN
7 JANUARI 2021	PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI TAHUN 2020	ANUGERAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI TAHUN 2020 (5 BINTANG)

Jabatan Kawalan Bangunan

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Kawalan Bangunan (JKB) adalah salah satu jabatan di bawah Sektor Perancangan dan diterajui oleh Pengarah Eksekutif (Perancangan). Jumlah pegawai dan kakitangan semasa di jabatan adalah seramai satu ratus lima puluh empat (154) orang. Pegawai dan kakitangan di jabatan ini terdiri dari Juruukur Bangunan dan Jurutera Awam serta Penolong Jurutera Awam, Penolong Pegawai Senibina dan Penolong Pegawai Perancang Bandar.

2.0 VISI DAN MISI

Visi

Ke arah menjadikan jabatan terunggul dalam mencapai hasrat DBKL sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020 dari aspek kawalan bangunan.

Misi

Memberi perkhidmatan yang efisien, cekap dan telus dari segi kawalan bangunan untuk Bandar Raya Kuala Lumpur.

3.0 PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2020

- 3.1 Mengeluarkan Kelulusan Pelan Bangunan (KPB)/ Kebenaran Mendirikan Bangunan (KMB) dalam tempoh 7 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya syarat-syarat kelulusan.
- 3.2 Mengeluarkan Permit di bawah Undang-Undang Kecil 17 bagi permohonan kediaman kecil dan sederhana (Sekatan Dalaman) dalam tempoh 7 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya.
- 3.3 Mengeluarkan Permit di bawah Undang-Undang Kecil 18 bagi permohonan binaan sementara di tapak binaan dalam tempoh 7 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya.
- 3.4 Melaksanakan lawatan tapak untuk pemantauan pembinaan dalam tempoh 3 bulan selepas Kebenaran Mendirikan Bangunan (KMB) dikeluarkan.
- 3.5 Mengeluarkan surat sokongan bagi rayuan lesen dalam tempoh 14 hari selepas semua syarat dipatuhi sepenuhnya.
- 3.6 Mengeluarkan Sijil Penyempurnaan Pemeriksaan (Pemeriksaan Bangunan secara Berkala) dalam tempoh 14 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya.
- 3.7 Mengeluarkan surat kelulusan Kerja Lebih Masa (KLM) dalam tempoh 7 hari bekerja selepas pematuhan sepenuhnya.
- 3.8 Memaklumkan tindakan yang diambil terhadap aduan awam melalui Sistem Aduan DBKL (ISPAAA) dalam tempoh 3 hari dan melaksanakan maklum balas dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan diterima.

4.0 PETUNJUK UTAMA PRESTASI (KPI) TAHUN 2020

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Bandaraya Tadbir Urus Cepak	1	Memastikan cadangan pembangunan (skala besar & sederhana) mematuhi Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1985	Melaksanakan 40 kali lawatan pemantauan tapak bersepadu (skala besar/ sederhana) bagi projek yang telah diluluskan untuk tindakan penguatkuasaan.	ST:57
	2	Memastikan aduan/kesalahan kacau ganggu pembinaan yang mempunyai kelulusan diambil tindakan penguatkuasaan	Memastikan 100% binaan sementara di tapak bina dipantau supaya memohon dan memperolehi permit.	OT:100%
	3	Memastikan semua binaan sementara mempunyai permit Undang-undang Kecil Bangunan 18	Memastikan 100% tindakan penguatkuasaan diambil dengan mengeluarkan notis/ kompaun bagi aduan/ kesalahan kacau ganggu yang dikesan dalam pemantauan tapak bina bersepadu.	OT:100%
	4	Mensasarkan 95% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2020	Menyelesaikan 95% aduan yang diterima pada setiap bulan. (Berpandukan sasaran KWP)	BT:67.5%
	5	Meningkatkan perkhidmatan melalui program inovasi.	Melaksanakan satu (1) inovasi di jabatan.	OT:1
Membina Keupayaan dan Pembelajaran Organisasi	6	Kehadiran 3 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan.	Semua pegawai dan kakitangan jabatan menghadiri kursus 3 hari setahun.	BT:43%
Pemantapan Organisasi yang Cemerlang	7	Menguruskan peruntukan perbelanjaan dengan berhemah.	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2021.	ET:93.7%
Menggalakkan Budaya Kerja Cemerlang	8	Mengemaskini dan melancarkan garis panduan/ rujukan dan kertas dasar yang berkaitan dengan bangunan-bangunan di WPKL.	Memastikan ketiga-tiga garis panduan/ kajian semula mendapat kelulusan dan melaksanakan majlis pelancaran bagi: <ul style="list-style-type: none"> i. Garis Panduan Asrama Sementara Pekerja Di Tapak Binaan ii. Garis Panduan Papan Dendeng (Pagar Perlindungan Sementara) Tapak Pembinaan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iii. Garis Panduan Permit Bagi Kerja-Kerja Kecil Bangunan 	OT: Oktober 2020
Melaksanakan Tindakan Penguatkuasaan Selaras Dengan Peruntukan Undang-Undang Yang Terpakai	9	Melaksanakan penguatkuasaan terhadap kesalahan penyelewengan dari pelan yang diluluskan dan kesalahan menduduki mana-mana bangunan atau bahagian tanpa Perakuan Menduduki (CCC) bagi pematuhan mengikut Kehendak-kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1985 berdasarkan lawatan tapak bersepadu dan aduan.	Mengambil 100% tindakan penguatkuasaan diambil dengan mengeluarkan surat amaran/notis bagi kesalahan yang dikesan di WPKL berdasarkan pemantauan bersepadu tapak bina dan aduan.	OT:100%
Melaksanakan Tindakan Penguatkuasaan Selaras Dengan Peruntukan Undang-Undang Yang Terpakai	10	Melaksanakan penguatkuasaan pemeriksaan berkala terhadap bangunan melebihi 5 tingkat dan berusia 10 tahun ke atas supaya mematuhi Kehendak-kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.	Mengeluarkan 200 surat pemberitahuan / notis kepada pemilik bangunan yang telah dikenalpasti bagi kawasan: <ul style="list-style-type: none"> i. Utara ii. Tengah iii. Selatan 	ET:222
	11	Tindakan penguatkuasaan terhadap bangunan usang/ terbiar di sekitar kawasan Kuala Lumpur bagi mematuhi Kehendak-kehendak Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974	Mengeluarkan 400 notis atau kompaun terhadap kesalahan yang dikenalpasti pada bangunan usang/kotor/terbiar/merbahaya di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dikeluarkan notis/kompaun kepada pemilik bangunan.	ST:818%

11b	Tindakan penguatkuasaan terhadap bangunan usang/ terbiar di sekitar kawasan Kuala Lumpur bagi mematuhi Kehendak-kehendak Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.	Melaksanakan program urban taskforce bersepadu secara berkala sebulan sekali.	BT:3
12	Program pengindahan bangunan usang di sekitar kawasan Kuala Lumpur bagi mematuhi Kehendak-kehendak Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974	Melaksanakan program pengindahan (mural) di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).	BT:1

5.0 BAJET

Jabatan Kawalan Bangunan telah mendapat kelulusan peruntukan bajet bagi tahun 2020 seperti berikut:-

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Mengurus	10,105,200.00	9,461,111.00	93.62%

6.0 FUNGSI UTAMA

Kawalan bangunan merangkumi aspek kelulusan, pemantauan pembinaan dan penguatkuasaan sebelum, semasa dan selepas bangunan siap dibina. Antara lain proses kawalan melibatkan pengeluaran kelulusan pelan bangunan, kebenaran mendirikan bangunan, permit kerja pengubahsuaian, permit bangunan sementara, permit struktur pemancar TELCO, permit kerja perobohan bangunan, permit kerja lebih masa, pemantauan tapak bina dari peringkat kerja pembinaan dimulakan sehingga Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan PSP.

Dalam aspek penguatkuasaan, JKB melaksanakan tindakan fizikal dan undang-undang terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan dibawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985. Di samping itu, JKB turut mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap aduan awam, pembinaan menyeleweng dari pelan lulus serta mengambil bahagian dalam menjalankan operasi-operasi khas yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Kekukuhan struktur dan integriti bangunan-bangunan tinggi dalam WPKL dipantau dengan melaksanakan Penguatkuasaan Pemeriksaan Berkala mengikut Seksyen 85A Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Pindaan Akta A1286) dengan mengeluarkan notis kepada pemunya bangunan-bangunan tinggi yang melebihi 5 tingkat supaya mengemukakan Laporan Pemeriksaan Bangunan Visual/Struktur Secara Berkala setiap 10 tahun selepas CF atau CCC dikeluarkan.

Bangunan usang dan terbiar turut dikawal selia supaya dibersihkan atau dibaikpulih oleh pemunya dan program mengecat bangunan diselaraskan bagi memastikan semua bangunan dalam Bandaraya Kuala Lumpur bersih dan teratur.

Struktur organisasi jabatan terdiri daripada 3 bahagian utama:

- Bahagian Kawalan Bangunan
- Bahagian Pemantauan Tapakbina, Permit dan Forensik Bangunan
- Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Kualiti

Fungsi jabatan adalah melaksanakan kawalan bangunan berdasarkan perwakilan kuasa yang diberikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 serta pindaan-pindaan yang berkuatkuasa.

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

7.1 Laporan Unit Pemantauan Permohonan

Kawalan Bangunan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dibahagikan kepada 10 kawasan mengikut Zon Utara, Tengah dan Selatan selaras dengan Zon Perancangan. Aktiviti kawalan bangunan merangkumi kerja-kerja memproses permohonan untuk pengeluaran kelulusan pelan dan kebenaran mendirikan bangunan, pemantauan tapak bina dan pembinaan bangunan dari permulaan kerja sehingga perakuan siap dan pematuhan (CCC) dikeluarkan PSP. Selain daripada itu, tindakan penguatkuasaan turut diambil terhadap kesalahan-kesalahan yang dikenalpasti mengikut Akta dan Undang-Undang Kecil dengan menjalankan siasatan dan mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang berkaitan dengan bangunan.

7.1.1 Statistik Permohonan Kelulusan Pelan

Pada tahun 2020, jumlah permohonan Pelan Pembangunan yang diterima oleh unit ini berjumlah 2452 permohonan melalui sistem Sistem Pengurusan Permohonan (AMS). Jenis permohonan terbahagi kepada 5 kategori iaitu Projek Besar (B), Projek Sederhana (S), Kediaman Kecil (KK), permohonan melalui KLIS dan Permit Binaan Sementara (BS).

KATEGORI PERMOHONAN	JUMLAH
BESAR (B) & SEDERHANA (S)	1731
KEDIAMAN KECIL (KK)	404
KEDIAMAN KECIL (KK) - KLIS	198
PERMIT BINAAN SEMENTARA	119
	2452

Jumlah keseluruhan permohonan yang diterima pada tahun 2020 mengikut kategori.

Kategori Permohonan	Bulan											
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
BESAR (B) & SEDERHANA (S)	182	118	99	0	57	150	209	150	206	177	159	224
KEDIAMAN KECIL (KK)	49	43	21	0	10	42	50	41	38	30	50	30
KEDIAMAN KECIL (KK) - KLIS	0	0	1	0	2	10	24	29	32	30	20	50
PERMIT BINAAN SEMENTARA	13	8	7	0	1	8	14	15	24	9	9	11

Jumlah permohonan yang diterima pada tahun 2020 pada setiap bulan.

Pelan pembangunan yang telah diproses oleh kawasan teknikal dikemukakan untuk dibentang di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat. Tiada permohonan yang diterima pada bulan April 2020, memandangkan pada waktu itu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah bermula dari 18 Mac 2020 sehingga 1 Mei 2020. Berikut adalah jumlah keputusan mesyuarat bagi permohonan pelan pembangunan pada tahun 2020 mengikut kawasan.

JENIS KELULUSAN	JUMLAH
KELULUSAN PELAN BANGUNAN (KPB)	636
KELULUSAN MENDIRIKAN BANGUNAN (KMB)	279
KEDIAMAN KECIL (KK)	330
PERMIT BINAAN SEMENTARA	171

Jumlah kelulusan yang dikeluarkan pada tahun 2020 mengikut jenis kelulusan.

Sebanyak 1416 kelulusan dikeluarkan pada tahun 2020 terdiri daripada Kelulusan Pelan Bangunan (KPB), Kelulusan Mendirikan Bangunan (KMB), Permit Kediaman Kecil (KK) dan Permit Binaan Sementara.

KAWASAN	KATEGORI PERMOHONAN				
	BESAR (B)	SEDERHANA (S)	KEDIAMAN KECIL (KK)	KLIS	PERMIT BINAAN SEMENTARA
S1	41	264	22	10	15
S2	51	99	66	14	11
S3	43	99	63	26	16
T1	34	106	89	50	8
T2	41	140	54	47	14
T3	21	165	0	0	10
T4	51	158	0	0	8
U1	43	132	37	19	18
U2	41	95	60	29	12
U3	25	82	13	3	7
	391	1340	404	198	119

Permit Binaan Sementara bagi setiap kawasan.

Bagi permohonan Permit Binaan Sementara, sebanyak 119 permohonan diterima pada tahun 2020. Sebanyak 78 Permit Binaan Sementara yang baru telah dikeluarkan dan 93 Permit Binaan Sementara bagi projek sedia ada telah dilanjutkan.

7.2 Laporan Pemantauan Tapak Bina

Pemantauan tapak bina dilaksanakan secara berjadual bagi memastikan Aspek 3K iaitu keselamatan, kebersihan dan keselesaan di tapak bina dan kawasan persekitaran semua projek yang diluluskan sentiasa dipatuhi dengan menjalankan lawatan secara berjadual sekurang-kurangnya 1 kali dalam tempoh 3 bulan. Lawatan pemantauan dilaksanakan secara Berkala sehingga CCC dikeluarkan oleh PSP dan dibuat lawatan akhir untuk pengesahan.

7.2.1 Laporan Pemantauan Binaan Sementara Tapak Bina


Pada tahun 2020, sebanyak 171 permit binaan sementara yang telah dikeluarkan. Permohonan pada tahun 2020 adalah 119 namun bilangan permit binaan sementara yang diluluskan adalah sebanyak 78. Manakala, permit bilangan sementara lanjutan adalah 93. Berikut adalah statistik pengeluaran permit binaan sementara pada tahun 2020:

Kawasan	Permohonan Permit Binaan Sementara	permit binaan sementara (Baru)	Permit Binaan Sementara (Lanjutan)
S1	15	10	20
S2	11	9	8
S3	16	15	13
T1	8	2	1
T2	14	8	3
T3	10	8	15
T4	8	5	15
U1	18	10	7
U2	12	6	5
U3	7	5	6
	119	78	93
		171	

7.2.1.1 Pemantauan Binaan Sementara Tapak Bina

Lawatan tapak bagi pemantauan permohonan permit binaan sementara sering dilakukan bagi memastikan tiada binaan sementara yang dibina tanpa kebenaran Datuk Bandar Kuala Lumpur. Berikut adalah senarai notis/kompaun yang telah dikeluarkan hasil pemantauan lawatan tapak binaan sementara pada tahun 2020:

Kompaun Seksyen	Bilangan
Seksyen 80 AJPB	36
Seksyen 18 UUKB	2
Jumlah	38



Lawatan tapak bagi pemantauan binaan sementara di dalam kawasan tapak bina

7.2.1.2 Lawatan Pemantauan Bersama Agensi/Jabatan Luar

Lawatan tapak memantau Rumah Pekerja sementara di tapak bina Bersama Jabatan Tenaga Kerja KL, Jabatan Penguatkuasaan DBKL, Jabatan Kawalan Bangunan DBKL dan CIDB pada 3/7/2020. Hasil lawatan tapak, Tetuan Sunny Uptown telah mengemukakan permohonan kelulusan permit pembinaan kuarter serta jalan kepada JKB dan kompaun membina struktur bangunan sementara tambahan tanpa kelulusan seksyen 80 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 telah dikeluarkan.



Lawatan tapak bagi pemantauan binaan sementara di dalam kawasan tapak bina

7.2.2 Kerja Pembinaan Melebihi Waktu Biasa (Kerja Lebih Masa-KLM)

Pembangunan yang pesat dan berterusan serta permintaan tinggi terhadap industri harta tanah di dalam Kuala Lumpur telah memaksa pemaju dan kontraktor untuk mengambil langkah-langkah proaktif seperti berkerja lebih masa dan berterusan untuk menyiapkan sesuatu pembangunan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai pihak berkuasa perlu menangani isu tersebut kerana aktiviti pembinaan tidak terkawal akan mengganggu penduduk dan persekitaran sekeliling secara amnya.

Tempoh waktu yang dibenarkan oleh DBKL untuk kerja-kerja pembinaan adalah dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 petang dari Isnin hingga Sabtu. Hari Ahad dan cuti am tidak dibenarkan sebarang aktiviti pembinaan. Kebenaran Kerja Lebih Masa (KLM) ini adalah dengan syarat-syarat yang tertentu bagi tujuan mempercepatkan pembinaan.

STATISTIK UNIT KERJA LEBIH MASA TAPAK BINA DAN PEROBOHAN BANGUNAN TEMPOH: JANUARI – DISEMBER 2020

KEBENARAN KERJA LEBIH MASA TAPAK BINA (KLM) TEMPOH: JANUARI – DISEMBER 2020		
BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	BILANGAN PERMOHONAN KLM BAHARU DITERIMA	40
2.	JUMLAH KELULUSAN KLM BAHARU DIKELUARKAN	24
3.	BILANGAN PERMOHONAN LANJUTAN KLM DITERIMA	227
4.	JUMLAH KELULUSAN LANJUTAN KLM DIKELUARKAN	216
KEBENARAN KHAS KERJA LEBIH MASA TAPAK BINA (KLM KHAS) TEMPOH: JANUARI – DISEMBER 2020		
BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	BILANGAN PERMOHONAN KLM KHAS DITERIMA	45
2.	JUMLAH PERMOHONAN KLM KHAS DIKELUARKAN	45
KEBENARAN MEROBOH BANGUNAN TEMPOH: JANUARI – DISEMBER 2020		
BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	JUMLAH PERMOHONAN KEBENARAN MEROBOH BANGUNAN DITERIMA	25
2.	BILANGAN PERMOHONAN KEBENARAN MEROBOH BANGUNAN DIKELUARKAN	23
3.	JUMLAH PERMOHONAN LANJUTAN KEBENARAN MEROBOH BANGUNAN DITERIMA	5
4.	BILANGAN PERMOHONAN LANJUTAN MEROBOH DIKELUARKAN	5

7.2.2.1 Pasukan "Task Force" Tapak Bina JKB

Pasukan "Task Force" Tapak bina JKB ini ditubuhkan oleh Jabatan Kawalan bangunan bagi memantau kerja-kerja yang dilakukan di tapak bina supaya mematuhi tempoh masa Kebenaran Kerja Lebih Masa (KLM) yang dikeluarkan dan menangani aduan-aduan awam berkaitan kesalahan kerja lebih masa di tapak bina. Pasukan Task Force Tapak bina ini menjalankan aktiviti pemantauan tapak bina selepas waktu pejabat iaitu dari pukul 7.00 petang sehingga 12.00 tengah malam pada hari biasa dan dari jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang pada hari Ahad dan cuti am.

Pasukan Task force beroperasi mengikut zoning (10 kawasan), aduan awam yang diterima dan tapak Pembangunan yang sering didapati menjalankan kerja lebih masa di tapak bina (hot spot). Kakitangan yang menganggotai Pasukan Task Force Tapak Bina secara pengaliran adalah seramai 36 orang dan dibahagikan kepada 18 kumpulan mengikut zon kawasan.

Statistik Bilangan Tapak Bina Dan Bilangan Pemantauan Tapak Bina

TEMPOH: JANUARI – DISEMBER 2020 (Operasi Pasukan Task Force Tapak Bina JKB di tangguhkan sementara semasa PKP Covid 19 dari 18.3.2020 hingga 30.6.2020)			
PERKARA	ZON	BILANGAN	JUMLAH
Tapak bina dipantau.	Utara	57 Tapak bina	214 Tapak bina
	Tengah	87 Tapak bina	
	Selatan	70 Tapak bina	
PERKARA	BILANGAN		JUMLAH PEMANTAUAN TAPAK
1. Purata tapak bina dipantau (setiap malam dan hari Ahad/Cuti Umum)	25 Tapak bina/hari		25 kali pemantauan tapak bina dilakukan setiap hari
2. Purata tapak bina dipantau (setiap bulan)	25 tapak x 30 hari = 750 tapak bina		750 kali pemantauan tapak bina dilakukan setiap bulan
3. Purata tapak bina dipantau (Januari hingga Disember 2020) (Tempoh 3 bulan operasi ditangguhkan sementara)	750 tapak x 9 bulan = 6750 tapak bina		6750 kali pemantauan tapak bina dilakukan dari Januari hingga Disember 2020

7.2.3 Operasi Penguatkuasaan Bersepadu DBKL Bersama Agensi Kerajaan Di Kawasan Pasar Borong Selayang

Operasi Penguatkuasaan Bersepadu DBKL ini melibatkan jabatan dalam DBKL seperti Jabatan Kawalan Bangunan (JKB), Jabatan Penguatkuasaan (JPK), Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan (JPPP) dan Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) bersama agensi luar seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang diadakan bermula 18 Mei 2020 sehingga 21 Mei 2020. Tujuan utama operasi tersebut adalah pemantauan terhadap pematuhan prosedur operasi standard (SOP) Covid-19 di sekitar kawasan Pasar Borong Selayang selain pemantauan terhadap pematuhan seperti yang termaktub dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Bangunan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1985 yang turut juga dilakukan. Operasi yang dilakukan mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat seperti yang digariskan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan pemakaian peralatan perlindungan diri (PPE) yang sesuai.



Operasi Penguatkuasaan Bersepadu DBKL Bersama Agensi Kerajaan Di Kawasan Pasar Borong Selayang

7.3 Laporan Ringkas Statistik Bagi Tindakan Penguatkuasaan

Bulan	Tapak Bina Fail Bp	Ispaa/ Tindakan Fail Aduan	Telco	Unit Urbanisasi	Berkala	Jumlah
JAN	2	0	0	28	10	40
FEB	7	1	0	0	1	9
MAC	2	0	0	21	2	25
APRIL	0	0	0	0	0	0
MEI	1	1	0	0	0	2
JUN	3	3	0	0	3	9
JULAI	5	3	0	108	26	142
OGOS	9	0	0	144	10	163
SEPT	5	0	0	74	14	93
OKT	6	0	0	10	12	28
NOV	3	3	0	73	17	96
DIS	2	0	0	5	12	19
	45	11	0	463	107	626

	TIDAK DIAMBIL KIRA UNTUK PEMANTAUAN UNIT
	PENDAKWAAN, HANYA DATA SAHAJA DIAMBIL

Notis Yang Dikeluarkan Mengikut Pecahan Unit

BULAN	KOMPAUN DIKELUARKAN	KOMPAUN DIJELASKAN	BELUM DIJELASKAN	RM
JAN	45	34	11	157,000.00
FEB	38	32	6	152,500.00
MAC	25	19	6	95,300.00
APRIL	COVID19	COVID19	COVID19	0.00
MAY	COVID19	COVID19	COVID19	0.00
JUN	22	19	3	10,600.00
JULAI	49	39	8	182,600.00
OGOS	51	33	18	247,350.00
SEPT	46	23	20	434,950.00
OKT	19	7	12	126,000.00
NOV	29	9	20	151,700.00
DIS	13	0	13	0.00
	337	215	117	1,558,000.00

Ringkasan Statistik Kompaun

BULAN		KESALAHAN	JAN FEB MAC APR MEI JUN JUL OGOS SEPT OKT NOV DIS JUMLAH												
AKTA / UUK / SEKSYEN															
Akta, Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)	46	Meletakkan halangan di tempat awam	2		C	C									2
	47(2) (a)	Meletakkan sisa bahan binaan di tempat awam semasa pembinaan.			O	O	6	2	2			1			11
	47(1)(a)	Meletakkan bahan binaan di atas bahu jalan			V	V			1	1					2
	70 @ 70(9) @ 72(1)	Bangunan didirikan tanpa kebenaran	1	1	I	I	2	2		1	1	2			10
	70(13)(a)	Memulakan pendirian@ memulakan semula bangunan melanggar subseksyen (9)	4	5	D	D	1		1	2	1	2			16
	70(13) (b)	Melencong daripada mana-mana pelan atau penentuan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan tanpa mendapat kebenaran bertulis dahulu daripada pihak berkuasa tempatan						1							1
	70(13) (c)	Mendirikan sesuatu bangunan bersalahan dengan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil dibawahnya							1						1
	70(13)(d)	Tidak mematuhi perintah atau arahan bertulis oleh PBT	36	26	21			33	34	32	11	14	11		218
	70(27)(f)	Menduduki @ membenarkan apa2 bangunan tanpa CCC								1					1
	80	Mendirikan pejabat/ bangsal/kabin tanpa permit	2	1	3			5	5	8	2	4	6		36
	82 (1)	Tidak mendirikan papan dendeng dalam masa kerja-kerja bangunan dijalankan						1	1			1			3
	82(2)	Tidak menyelenggara papan dendeng atau pagar keselamatan dengan baik dan memuaskan		1				5	2	2	1	3			14
	82 (2)(a)	Tidak menyelenggara papan dendeng mengikut garis panduan yang ditetapkan													

Statistik Jumlah Kesalahan Mengikut Seksyen Bagi Pengeluaran Kompaun (Akta 133)

BULAN		KESALAHAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
AKTA / UUK / SEKSYEN															
Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985	18	Mendirikan bangsal, perancah, pelantar kerja, papan dendeng tanpa permit sementara.		1		C	C								1
	46 (1)	Tidak mempamerkan papan tanda di tapak bina				O	O						1		1
	47	Tidak memasang pelantar perangkap di sepanjang bahagian luar dinding		1		V	V	3		1					5
	48	Tidak menyelenggara jaringan keselamatan				I	I		3	2	5		2		12
	87	Membenarkan kotoran di tapak	3			D	D								3
JUMLAH			45	38	25			22	49	51	46	19	29	13	337

Statistik Jumlah Kesalahan Mengikut Seksyen Bagi Pengeluaran Kompaun (UUKB (WPKL)1985)

7.4 Laporan Pengeluaran Surat Sokongan Rayuan Lesen Premis Tahun 2020

Unit lesen bertanggungjawab membantu memproses permohonan lesen baru (express) dan permohonan rayuan lesen premis yang dimohon di Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan dengan memberikan pengesyoran berdasarkan:-

- Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- Undang-undang Kecil Bangunan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1985 dan
- Garis Panduan yang berkaitan

Pengeluaran surat sokongan rayuan lesen premis dibahagikan mengikut zon iaitu zon utara, tengah dan selatan. Pada tahun 2020, jumlah keseluruhan adalah sebanyak 2082 yang meliputi pengesyoran tetap, sementara dan tolak. Statistik pengeluaran surat sokongan tersebut adalah seperti berikut: -

Bulan	Zon Utara			Zon Tengah			Zon Selatan			Jumlah Keseluruhan
	LT	LS	T	LT	LS	T	LT	LS	T	
JANUARI	44	14	11	51	10	25	35	9	22	221
FEBRUARI	59	7	8	90	21	26	42	26	5	284
MAC	47	23	14	112	9	27	63	33	10	338
APRIL				P	K	P				
MEI	23	5	9	82	3	32	34	2	11	201
JUN	47	11	9	71	11	25	56	3	7	240
JULAI	30	11	6	55	10	18	28	17	11	186
OGOS	22	8	6	29	13	10	18	11	9	126
SEPTEMBER	20	4	14	37	22	8	31	16	15	167
OKTOBER	13	11	1	22	7	5	19	3	4	85
NOVEMBER	20	10	3	29	10	3	25	13	10	123
DISEMBER	20	5	3	27	5	13	25	4	9	111
JUMLAH	345	109	84	605	121	192	376	137	113	2082
JUMLAH BESAR	538			918			626			2082

LT: LESEN TETAP

LS: LESEN SEMENTARA

T: TOLAK

7.5 Laporan Unit Telco

Fungsi Unit Telco di Jabatan Kawalan Bangunan ialah melaksanakan pengeluaran permit sementara bagi struktur telekomunikasi di bawah kawalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan. Kawalan dan pemantauan juga dilaksanakan mengikut syarat-syarat garis panduan KPKT 2002 serta garis panduan Rekabentuk DBKL dan di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 / Akta Jalan Parit & Bangunan 1974. Permit sementara struktur telekomunikasi merangkumi struktur dibina atas tanah dan juga di atas bumbung, dikeluarkan ke atas permohonan baru dan pembaharuan/lanjutan permit.

PEMBAHARUAN/LANJUTAN PERMIT SEMENTARA DIKELUARKAN SECARA PUKAL ATAS SYARIKAT TELEKOMUNIKASI (TELCO) - TAHUN 2020	
Jumlah syarikat telekomunikasi (Telco) yang berdaftar dengan Unit Telco, JKB	: 40
Jumlah permit yang telah dikeluarkan kepada syarikat telekomunikasi (Telco)	: 40
Jumlah tapak yang telah mempunyai permit	: 1746

PERMOHONAN BAHARU PERMIT SEMENTARA TAHUN 2020	
Jumlah syarikat telekomunikasi (Telco) baharu yang berdaftar dengan Unit Telco, JKB	: 6
Jumlah permohonan/tapak diterima oleh JKB	: 270
Jumlah permit/tapak telah dikeluarkan	: 72
Jumlah permohonan ditangguh (dalam proses rayuan pengurangan denda)	: 72
Jumlah permohonan ditangguh (Telah bayar tetapi dokumen tidak lengkap)	: 113
Tolak	: 11
Lapor semula	: 2
Jumlah permohonan dibatalkan (Tarikh pembayaran permit tamat tempoh)	: Nil

7.6 Laporan Pemantauan Dan Maklum Balas Aduan Awam

Unit Aduan bertanggungjawab menyelaras dan memantau aduan awam untuk diambil tindakan dalam tempoh yang ditetapkan sepertimana ketetapan yang perlu dicapai/dipenuhi dalam Key Performance Indicator (KPI) JKB setiap tahun. Aduan awam yang diterima adalah melalui sistem I-SPAAA dan juga secara manual seperti surat, aduan bersemuka (walk-in), surat yang dipanjangkan dari jabatan dalaman dan luaran DBKL dan sebagainya. Statistik aduan yang diterima adalah seperti di bawah:-

BULAN	JUMLAH ADUAN YANG DITERIMA	DALAM PROSES/ TINDAKAN	DIJAWAB/ SELESAI	JUMLAH (%)
JANUARI	42	-	42	100%
FEBRUARI	42	19	23	55%
MAC	9	-	9	100%
APRIL	P	K	P	-
MEI	23	12	11	48%
JUN	13	11	2	15%
JULAI	84	36	48	57%
OGOS	74	29	45	61%
SEPTEMBER	89	39	50	56%
OKTOBER	73	26	47	64%
NOVEMBER	76	2	74	97%
DISEMBER	43	-	43	100%
JUMLAH KESELURUHAN	568	174	394	69.4%

Statistik aduan yang diterima melalui sistem I-SPAAA

BULAN	JUMLAH ADUAN YANG DITERIMA	DALAM PROSES/ TINDAKAN	DIJAWAB/ SELESAI	JUMLAH (%)
JANUARI – DISEMBER	192	-	192	100%
JUMLAH KESELURUHAN	192	-	192	100%

Statistik aduan yang diterima secara manual (Fail Tindakan)

7.7 Laporan Pemeriksaan Berkala - Penguatkuasaan Notis Seksyen 85 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974

Pemeriksaan bangunan secara berkala termaktub di bawah Seksyen 85A, Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 (Akta 133). Ianya merupakan satu pemeriksaan bangunan yang berkaitan dengan keselamatan, kekuatan & integriti struktur bangunan. Pemunya bangunan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas premis dari aspek keselamatan dan kesejahteraan penghuninya.

Seksyen ini menyatakan kehendak mandatori bagi pemeriksaan berkala ke atas bangunan yang mempunyai ketinggian melebihi lima (5) tingkat dan selepas tahun kesepuluh (10) bermula dari tarikh Perakuan Menduduki Bangunan (CF) / Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) yang pertama berkenaan dengan bangunan itu dikeluarkan.

Unit Forensik Bangunan, Jabatan Kawalan Bangunan bertanggungjawab untuk melaksanakan pematuhan terhadap Pemeriksaan Bangunan Secara Berkala di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi memastikan penguatkuasaan dilaksanakan secara terancang dan menyeluruh, unit ini menjalankannya mengikut kawasan-kawasan yang telah ditetapkan secara berperingkat. Selain itu, pemeriksaan berkala ini juga telahpun didokumentasikan sabagai salah satu prosedur ISO jabatan yang bertujuan memastikan semua proses kerja dilaksanakan secara sistematik dan terkawal. Berikut merupakan statistik pengeluaran surat, notis dan sijil oleh unit ini sepanjang tahun 2020 :

BIL.	SURAT / NOTIS / SIJIL	JUMLAH
1	Surat Pemberitahuan	128
2	Notis Seksyen 85A	98
3	Surat Peringatan 1	61
4	Surat Peringatan 2	40
5	Surat Peringatan Terakhir	30
6	Surat Makluman Tidak Patuh Notis	10
7	Surat Makluman Bangunan Kurang 10 Tahun	7
8	Surat Kebenaran Lanjutan Masa	55
9	Surat Makluman Lawatan Tapak	69
10	Sijil Penyempurnaan Pemeriksaan	69
JUMLAH		567

Booth Pemeriksaan Berkala semasa Majlis Sesi Pandangan Awam pada 14 September 2020.



7.8 Laporan Tahunan Unit Urbanisasi

Fungsi Unit Urbanisasi adalah memastikan langkah-langkah tindakan penguatkuasaan bangunan kotor/ usang/ terbiar/ hampir runtuh/ merbahaya/ dan mendatangkan kacau ganggu kepada orang awam dilaksanakan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Unit Urbanisasi juga terlibat secara langsung dalam program pengindahan bandar. Arahan pelaksanaan Program Pengindahan Bandar ini diterima melalui 2 cara iaitu arahan dari Pentadbiran Tertinggi DBKL/ KWP dan kerjasama diantara NGO/ pihak swasta/ persendirian/ IPT dan lain-lain yang menawarkan diri untuk menaja / menjadi sukarelawan atau menyelaras.

7.8.1 Statistik bilangan notis/ surat peringatan

Bil	Notis/Surat	Jumlah
1	Notis Seksyen 74	142
2	Notis Seksyen 75	702
3	Notis Seksyen 83	3
4	Surat kebenaran	40
5	Surat penghargaan	40

Jumlah bilangan notis/ surat

7.8.2 Program Pengindahan Bandar

Program pengindahan bandar (mural) akan dilaksanakan apabila pemilik memberi kebenaran untuk mengecat dinding bangunan hak milik mereka dan terdapat tajaan/ permintaan dari Badan Bukan Kerajaan (NGO), Agensi Kerajaan/ Bukan Kerajaan, Syarikat Persendirian dan lain-lain untuk mengecat dan mendapatkan artis mural yang bersedia. Antara program pengindahan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

a. Program Mengecat Kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Program mengecat mural akan dilaksanakan apabila pemilik memberi kebenaran untuk mengecat dinding bangunan hak milik mereka dan terdapat tajaan/ permintaan dari Badan Bukan Kerajaan (NGO), Agensi Kerajaan/ Bukan Kerajaan, Syarikat Persendirian dan lain-lain untuk mengecat dan mendapatkan artis mural yang bersedia.



**Program Pengindahan Bandar di Jalan Beremi
Kerjasama antara DBKL dan TRX City Sdn. Bhd.**

**Lokasi : Jalan Beremi
Tarikh : 16/3/2020 – 18/9/2020**

b. Majlis Perasmian

Sebagai menghargai keprihatinan para sukarelawan, penaja dan pemilik dinding bangunan, satu majlis perasmian mural akan diadakan setelah mural siap dicat. Pengurusan majlis perasmian akan dijayakan secara usahasama diantara penaja, Unit Urbanisasi, Badan-Badan yang terlibat dengan mural tersebut dan juga Jabatan-jabatan dalaman DBKL yang berkaitan.



Majlis Perasmian Mural di Jalan Beremi Kerjasama antara DBKL dan TRX City Sdn. Bhd.
Lokasi : Halab Restaurant Jalan Beremi
Tarikh : 18/9/2020

c. Operasi Urban Task Force

Urban Task-Force ini ditubuhkan bagi tindakan pembersihan tumbuhan liar dan fasad bangunan pada bangunan usang/terbengkalai di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kos operasi pembersihan akan dituntut kepada pemilik bangunan.



Operasi Urban Task Force di no 1,9,11A, dan 30 Jalan Tuanku Abdul Rahman.
Lokasi : Jalan Tuanku Abdul Rahman
Tarikh : 29/8/2020



Operasi Urban Task Force di no ,7,9,11,11A,62, 60,48,54,44,40, 38, 32,29,31,39 Jalan Tuanku Abdul Rahman.
Lokasi : Jalan Tuanku Abdul Rahman
Tarikh : 17/10/2020

7.9 Aktiviti Unit Inovasi Dan Kualiti

7.9.1 Majlis Sesi Pandangan Awam Garis Panduan Jabatan Kawalan Bangunan

Majlis sesi pandangan awam ini telah diadakan pada 14 September 2020 di Dewan Serbaguna, Tingkat 14, Menara PT 80. Seramai 250 orang tetamu telah hadir yang melibatkan pelbagai Kementerian, Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, CIDB, Indah Water Konsortium, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Majlis Perbandaran Selayang. Selain itu terdapat juga wakil dari pihak pemaju, konsultan dan kontraktor serta jabatan dalaman DBKL yang turut hadir.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Sr. Norizan Binti Sulaiman, Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan. Terdapat 3 Garis Panduan yang telah dibentangkan iaitu Garis Panduan Asrama Sementara Pekerja di tapak Binaan, Garis Panduan Papan Perlindungan Sementara (Papan Dendeng) Tapak Pembinaan dan Garis Panduan Permit Kerja Kecil Rumah Kediaman.

Majlis sesi pandangan awam ini dijalankan bagi mendapatkan maklum balas dan pandangan dari pihak berkepentingan bagi memastikan garis Panduan yang disediakan memenuhi kehendak agensi- agensi yang terlibat dan memastikan pemaju, konsultan dan kontraktor dapat melaksanakan kerja berpanduan kepada Garis Panduan.



Sekitar Majlis Sesi Pandangan Awam Garis Panduan Jabatan Kawalan Bangunan

7.10 Laporan Pemeriksaan Kemudahan Aksesibiliti Bangunan

Pemeriksaan Kemudahan Aksesibiliti Bangunan dilaksanakan berdasarkan kehendak-kehendak bangunan untuk orang kurang upaya yang perlu disediakan oleh bangunan yang termaktub di bawah Seksyen 124A, Undang-Undang Kecil Bangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1985. Ianya merupakan satu pemeriksaan bangunan yang berkaitan dengan kemudahan aksesibiliti kepada bangunan atau yang mana bahagian daripadanya boleh diakses oleh orang awam dengan atau tanpa bayaran serta bangunan kediaman selain daripada rumah berasingan, rumah berkembar, rumah teres, rumah berangkai dan rumah bandar. Pemunya bangunan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas premis dari aspek keselamatan dan kesejahteraan orang awam dan penghuninya.

Seksyen ini menyatakan kehendak mandatori bagi penyediaan kemudahan aksesibiliti ke atas bangunan bagi Orang Kurang Upaya (OKU) untuk akses keluar masuk bangunan.

Unit Aksesibiliti Bandar (UAB), Jabatan Kawalan Bangunan bertanggungjawab untuk melaksanakan pemeriksaan bangunan bagi pematuhan kemudahan aksesibiliti disediakan bagi orang awam khususnya OKU. Berikut merupakan pencapaian tugas kerja oleh unit ini sepanjang tahun 2020 :-

1. UAB telah melaksanakan 35 pemeriksaan kemudahan aksesibiliti di bangunan sedia ada iaitu merangkumi bangunan rumah kedai / kedai pejabat dan bangunan sesebuah di sekitar bandaraya Kuala Lumpur.
2. UAB juga telah melakukan pemeriksaan bersama dengan Unit Pemeriksaan Berkala dalam melaksanakan pemeriksaan pematuhan kemudahan aksesibiliti di bangunan yang sama.
3. UAB juga telah membuat perbincangan bersama dengan Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek) untuk mendapatkan halatuuji bagi penyediaan kemudahan aksesibiliti di bangunan rumah kedai / kedai pejabat pada November 2020.



Sektor
**Pembangunan
Sosio-ekonomi**

>>> www.dbkl.gov.my <<<

Jabatan Penguatkuasaan

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Penguatkuasaan ditubuhkan pada asalnya sebagai Skwad Pemusnah (*Demolition Squad*) dan kini bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan yang diwakilkan kuasa ke atasnya.

Jabatan Penguatkuasaan mempunyai perjawatan sebanyak 1,982 yang terdiri daripada Skim Perkhidmatan Keselamatan dan Penguatkuasaan (KP), Pentadbiran (N), Kewangan (W), Teknologi Maklumat (F), Undang-undang (U) dan Pembantu Awam (H). Jabatan Penguatkuasaan ditadbir oleh Pengarah Gred Utama C VU7 bersama 23 orang Pegawai Pengurusan dan Profesional dan selebihnya adalah Kumpulan Pelaksana.

2.0 VISI DAN MISI

Visi

Kearah menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandaraya bertaraf dunia melalui penguatkuasaan undang-undang.

Misi

Merancang, menyelaras dan menguatkuasakan undang-undang secara berhemah, berkesan dan berterusan. 2. Menyelaras dan menggerakkan pegawai dan kakitangan sebagai tenaga kerja yang beretika, berintegriti, berakauntabiliti, berkualiti dan memberikan perkhidmatan yang efisien, mapan dan berkesan.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

- 3.1. Memperakukan / mengesahkan penerimaan aduan awam serta merta atau dalam tempoh 24 jam dan beri maklum balas awal dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
- 3.2. Memastikan barang yang disita atau pindah halangan yang telah tamat tempoh tahanan boleh dilepaskan kepada pemilik dalam tempoh satu (1) hari bekerja setelah memenuhi syarat-syarat tuntutan
- 3.3. Memastikan tuntutan kenderaan yang ditunda dilepaskan dalam tempoh satu (1) jam setelah memenuhi syarat-syarat tuntutan
- 3.4. Memberi bantuan awal selepas menerima aduan atau laporan bencana alam seperti berikut:
 - (i) Kawasan Pusat Bandar dalam tempoh 15 minit
 - (ii) Kawasan Luar Bandar dalam tempoh 30 minit.
- 3.5. Memberi khidmat nasihat / bimbingan / khidmat perundingan secara berkesan dalam aspek keselamatan DBKL dengan penyediaan laporan bertulis dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JABATAN TAHUN 2020

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN 2020
KEBERKESANAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN	1	Mengukur tahap keberkesanan tindakan penguatkuasaan dalam aspek kelancaran lalulintas.	Memastikan aliran lalulintas di 6 lokasi hotspot pada waktu puncak lancar dengan tidak melebihi 10 minit perjalanan kenderaan bermotor di lokasi berikut: i. Jalan TAR ii. Jalan Tun Sambathan iii. Jalan Ampang iv. Jalan Sultan Ismail v. Jalan Bukit Bintang vi. Leboh Ampang	i. Jalan TAR : 4.5 m = ST : < 5 Minit ii. Jalan Tun Sambathan: 3.83 m = ST : < 5 Minit iii. Jalan Ampang : 3.1 m = ST : < 5 Minit iv. Jalan Sultan Ismail : 3.33 m = ST : < 5 Minit v. Jalan Bukit Bintang : 2.83 m = ST : < 5 Minit vi. Leboh Ampang : 3.67 m = ST : < 5 Minit (100%)
	2	Pelaksanaan Operasi Bersepadu bersama Jabatan Dalam DBKL dan Agensi Penguatkuasaan	i. OPS BELANG : 27 ii. OPS TEBAH : 27 iii. OPS TAPAK : 24 iv. OPS STRUKTUR: 27	i. OPS BELANG – 24 operasi = BT:<27 siri ii. OPS TEBAH – 33 operasi = ST >31 siri iii. OPS TAPAK – 42 operasi = ST:>30 siri iv. OPS STRUKTUR – 30 operasi = ET:>27 siri (97.2%)
	3	Mengadakan postmortem keberkesanan pelaksanaan Operasi Bersepadu bersama Jabatan Dalam DBKL dan Agensi Penguatkuasaan.	Mengadakan sebanyak 3 kali post mortem dalam setahun bagi setiap operasi i. OPS BELANG : 3 kali ii. OPS TEBAH: 3 kali iii. OPS TAPAK : 3 kali iv. OPS STRUKTUR: 3 kali	8 /12= BT :<12 (88.9 %)
MEMUPUK BUDAYA MENGHORMATI UNDANG-UNDANG	4	Membawa kes pelanggaran undang-undang untuk diselesaikan ke peringkat mahkamah.	i. Memuktamadkan 100% kertas siasatan setahun bagi kes dibawah Akta Hiburan bagi tujuan pengkompaunan kesalahan. ii. Melengkapkan sebanyak 30,000 kertas pertuduhan setahun bagi kesalahan lalulintas.	29/29 = OT :100% 45,661/ 30, 000 @152 % = ST :> 36,667 (100%)
MEMPERTINGKATKAN TAHAP KESELAMATAN KE ATAS HARTA MILIK DATUK BANDAR	5	Memperkemaskan strategi pencegahan kegiatan pencerobohan atau kehilangan ke atas harta benda Datuk Bandar.	8 kali Inspektorat Keselamatan peringkat (DBKL) setahun	8/8 kali = OT: 8 kali (100%)
	6	Meningkatkan prestasi dan keberkesanan kawalan keselamatan swasta ke atas harta benda Datuk Bandar	3 kali Mesyuarat Pemantauan Prestasi Syarikat Kawalan Keselamatan Swasta Peringkat DBKL setahun	4/3 kali (133%) = ET: >3 kali (100%)
MEMUPUK BUDAYA KERJA CEMERLANG	7	Memastikan peruntukkan Bajet Mengurus 2020 dibelanjakan dengan berhemah.	90 % daripada RM 44,326,100.00	42,792,320.00 /44,326,100.00 : =ET:>90% (100%)
	8	Meningkatkan perkhidmatan melalui program inovasi.	Mengemukakan satu inovasi peringkat Jabatan.	OT : 1 penyertaan
	9	Kehadiran 3 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan.	1,852 kakitangan	1852/1852 (100%)
	10	Mensasarkan 95% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2020	95%	3,031/3,119 : 97.18% = ET:>95% (100%)
JUMLAH KESELURUHAN				98.46%

5.0 BAJET

Secara keseluruhannya, Jabatan berjaya mencapai KPI yang ditetapkan melalui NKRA: Pemupukan Budaya Kerja Cemerlang iaitu memastikan perbelanjaan bajet mengurus mencapai sasaran melebihi 90% yang mana pencapaian sebenar sehingga Disember 2020 adalah sebanyak **96.54%**.

Perbelanjaan Mengurus Tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Mengurus	44,326,100.00	42,792,320.00	96.54

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Pembangunan	953,000.00	263,745.00	27.68

6.0 FUNGSI UTAMA

- 6.1 Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan-kesalahan lalulintas, tempat letak kereta elektronik, penjaga kereta tanpa kebenaran, ingkar menggunakan jejantas dan halangan/pelanggaran isyarat lalulintas.
- 6.2 Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan kekotoran di tempat awam, jalan awam, tapak pembinaan dan kawasan perumahan Awam DBKL.
- 6.3 Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan halangan di tempat awam dan jalan awam.
- 6.4 Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan aktiviti penjajaan iaitu penjaja berlesen, penjaja tanpa lesen, penjaja warga asing dan pembinaan struktur perniagaan tanpa kebenaran.
- 6.5 Mengambil tindakan penguatkuasaan fizikal ke atas kesalahan iklan tanpa kebenaran, premis tidak berlesen, aktiviti tidak berlesen dan melanggar isyarat
- 6.6 Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan vandalisme dan iklan tanpa kebenaran di tempat awam.
- 6.7 Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan vandalisme di taman-taman awam, Dataran Merdeka dan perumahan awam DBKL.
- 6.8 Mengambil tindakan penguatkuasaan fizikal terhadap kesalahan perancangan dan pelanggaran syarat kelulusan perintah pembangunan.
- 6.9 Mengambil tindakan penguatkuasaan fizikal terhadap kesalahan kacau ganggu pembinaan terhadap orang awam dan kerja-kerja lebih masa.
- 6.10 Menyediakan bantuan menyelamatkan semasa bencana dan bertindak sebagai secretariat kepada bilik gerakan bantuan bencana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- 6.11 Menyediakan kawalan keselamatan fizikal terhadap harta benda Datuk Bandar Kuala Lumpur

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

Perutusan Amanat Tahun 2020



- 10 Januari 2020
- Padang Kawad , Jabatan Penguatkuasaan
- Dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur

Raptai Hari Wilayah Persekutuan, sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020



- 30 Januari 2020
- Dataran Merdeka , Kuala Lumpur

Lawatan Delegasi Jepun (Wakil Kementerian Alam Sekitar) Cadangan Perlaksanaan "End Of Live Vehicle (ELV)"



- 06 Februari 2020
- Bilik Gerakan, Jabatan Penguatkuasaan
- Dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Penguatkuasaan

Lawatan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCORP)



- 10 Februari 2020
- Bilik Mesyuarat Utama, Jabatan Penguatkuasaan
- Dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Penguatkuasaan

Lawatan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)



- 17 Februari 2020
- Bilik Gerakan Jabatan Penguatkuasaan
- Dipengerusikan oleh Tn Mohd Fairuz Izwan bin Abdullah , Ketua Bahagian Penguatkuasaan Trafik

Lawatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)



- 28 Februari 2020
- Unit Berkuda , Taman Tasik Titiwangsa
- Dipengerusikan oleh , Pengarah Jabatan Penguatkuasaan

Lawatan Majlis Bandaraya Johor Bharu (MBJB)



- 02 Februari 2020
- Bilik Gerakan , Jabatan Penguatkuasaan
- Dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Penguatkuasaan

Lawatan Majlis Perbandaran Dungun (MPD)



- 13 Mac 2020
- Bilik Gerakan , Tingkat 3 , Menara DBKL 1

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri , Peringkat Jabatan Penguatkuasaan



- 05 Mei 2020
- Ruang Lapang Blok B dan C , Jabatan Penguatkuasaan
- Dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Penguatkuasaan

Majlis Jasamu Dikenang Datuk Haji Mustafa bin Mohd Nor



- 04 Jun 2020
- Bilik Gerakan , Jabatan Penguatkuasaan

Majlis Perjumpaan Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama Ketua - Ketua Inspektor



- 01 Julai 2020
- Bilik Gerakan, Jabatan Penguatkuasaan
- Dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur

Majlis Ringkas Penguatkuasaan Trafik Bersama Datuk Bandar



- 06 Julai 2020
- Bilik Gerakan, Jabatan Penguatkuasaan
- Dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur

Lawatan Majlis Perbandaran Kota Bharu (MBJB)



- 12 Ogos 2020
- Jabatan Penguatkuasaan
- Dipengerusikan oleh Tn Shaipul Anuar bin Shaharom, Timbalan Penguasa Kanan Bahagian Penguatkuasaan Zon, Jabatan Penguatkuasaan.

Pengambilan Khas Rejimen Askar Wataniah di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



- 25 Ogos 2020
- Unit Berkuda Titiwangsa, Jabatan Penguatkuasaan

Program Gotong - Royong, Jabatan Penguatkuasaan



- 26 Ogos 2020
- Jabatan Penguatkuasaan
- Dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Penguatkuasaan

Ceramah Oleh Ustaz Ebit Liew Sempena Sambutan Maal Hijrah 2020



- 27 Ogos 2020
- Padang Kawad, Jabatan Penguatkuasaan
- Dirasmikan oleh, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan

Lawatan Majlis Bandaraya Johor Bahru



- 02 September 2020
- Bilik Gerakan & Padang Kawad, Jabatan Penguatkuasaan
- Dipengerusikan oleh Tn Mohd Hisham bin Hj Izhar, Penolong Pesuruhjaya, Bahagian Siasatan Penguatkuasaan

Majlis Tahlil dan Bacaan Yassin, Sempena Sambutan Hari Penguatkuasa



- 10 September 2020
- Ruang Lapang antara Blok B dan Blok C
- Dirasmikan oleh, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan

Program Gotong - Royong Sempena Hari Penguatkuasa



- 12 September 2020
- Jabatan Penguatkuasaan
- Dirasmikan oleh, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan

Sambutan Hari Penguatkuasa Ke - 51 , Jabatan Penguatkuasaan



- 15 September 2020
- Padang Kawad, Jabatan Penguatkuasaan
- Dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur

Kursus Asas Latihan Payung Terjun (Ram Air Static)



- 18,19 & 20 September 2020
- Lapangan Terbang Tekah

Lawatan Suruhanjaya Syarikat Malaysia



- 23 September 2020
- Bilik Gerakan, Jabatan Penguatkuasaan
- Dipengerusikan oleh, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan

Program Derma Darah, Anjuran Jabatan Penguatkuasaan



- 06 Oktober 2020
- Lobi Menara DBKL 3
- Dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur

Majlis Apresiasi Bersama Agensi Sahabat ,Sempena Sambutan Hari Penguatkuasa



- 08 Oktober 2020
- Biro Pelancongan DBKL, Jalan Tangsi Kuala Lumpur
- Dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur

Program Sumbangan Makanan Oleh Alam Flora dan DaiK



- 24 Disember 2020
- Jabatan Penguatkuasaan
- Disempurnakan Oleh Pengarah Eksekutif Pembangunan SosioEkonomi, Tuan Haji Anuar bin Mat Zin

Bengkel Semakan Semula Prosedur Operasi Standard (SOP) Tindakan Penguatkuasaan



- 28,29 & 30 Disember 2020
- Grand Ion Delemen Hotel , Genting Highland
- Dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Penguatkuasaan

Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar (JPKKB) terhasil dari penggabungan beberapa Jabatan dan Bahagian iaitu Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti, Jabatan Perkhidmatan Kawasan, Perpustakaan Kuala Lumpur dan Bahagian Pengurusan Rekod.

Penggabungan ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran komuniti bandar yang berdaya maju dan sejahtera melalui jalinan kolaborasi dengan agensi kerajaan, swasta dan NGO yang seterusnya memperkukuh peranan pejabat cawangan dalam memberi perkhidmatan perbandaran kepada masyarakat setempat terutama dalam usaha membangunkan sebuah masyarakat yang berilmu dan berdaya saing selaras dengan visi DBKL iaitu "Bandar Raya Sejahtera untuk semua menjelang Tahun 2030".

Penggabungan ini juga bagi memperkasakan serta memantapkan peranan dan tanggungjawab Jabatan dalam memenuhi mencapai aspirasi pengurusan tertinggi DBKL.

2.0 VISI DAN MISI

Visi	Misi
<ul style="list-style-type: none">Memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan ke arah mensejahterakan bandar.Menjadikan komuniti bandar yang terunggul dan sejahtera.	<ul style="list-style-type: none">Mewujudkan komuniti bandar yang terunggul menerusi penyampaian perkhidmatan perbandaran yang cemerlang dan berkualiti.Mewujudkan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti melalui perancangan dan pelaksanaan yang bersepadu antara organisasi bersama warga kota.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

- 3.1 Pengesahan dokumen pendaftaran penyewaan yang lengkap akan dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh pendaftaran.
- 3.2 Surat tawaran penyewaan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi kategori awam akan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas dibaikpulihan.
- 3.3 Keputusan permohonan memperbaharui kontrak penyewaan akan dimaklumkan dalam tempoh 30 hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima dan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.
- 3.4 Memaklumkan keputusan permohonan gotong-royong/program sosial dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima.

- 3.5 Memaklumkan keputusan permohonan permit khemah sementara untuk aktiviti penduduk setempat di Pejabat Cawangan dalam tempoh 3 hari daripada tarikh permohonan lengkap diterima.
- 3.6 Menyediakan Kelas Tuisyen kepada golongan berpendapatan rendah bagi sekolah yang memohon selama lima (5) bulan sebelum peperiksaan UPSR, PT3, dan SPM bermula.
- 3.7 Menyediakan perkhidmatan kaunter bayaran yang cekap dan berkesan di Menara DBKL 3 serta tempoh waktu menunggu tidak melebihi 15 minit.
- 3.8 Memberi maklum balas awal terhadap aduan-aduan pelanggan dalam tempoh 1 hari bekerja dan mengambil tindakan susulan/ penguatkuasaan dalam tempoh 3 hari bekerja. Maklum balas seterusnya dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh aduan diterima.
- 3.9 Memastikan penambahan koleksi perpustakaan sekurang-kurangnya sebanyak 5% setiap tahun.
- 3.10 Mengeluarkan Surat Kebenaran Pindah rekod kepada jabatan dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

4.0 PETUNJUK UTAMA PRESTASI (KPI) JABATAN TAHUN 2020

Jabatan telah menetapkan sebanyak sepuluh (10) *Key Result Areas* (KRA) dan empat belas (14) *Key Performance Indicators* (KPI) dengan pencapaian keseluruhan sebanyak 88% bagi tahun 2020.

Jadual KPI Jabatan bagi tahun 2020

Bil	KRA	KPI	Sasaran	Pencapaian
1.	Membina Keupayaan dan Pembelajaran Organisasi	Kehadiran 3 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan	100% (1,073 kakitangan)	55.82% (599 kakitangan)
2.	Pengurusan Aduan Awam	Menyelesaikan aduan awam pada tahun 2020	95% (2,930 aduan) <u>Perumahan</u> 545 aduan <u>Pejabat Cawangan</u> 2,385 aduan	141% (4,138 aduan) <u>Perumahan</u> 754 aduan <u>Pejabat Cawangan</u> 3,384 aduan
3.	Pengurusan Kewangan	Menguruskan peruntukan perbelanjaan dengan berhemah	90% (RM268,200,000.00)	98.67% (RM258.2 juta)
4.	Memperkuh Kedudukan Dan Pengurusan Kewangan	Pengurangan 50% daripada RM22,862,741.00 tunggakan sewa PA / PPR (penyewa individu yang aktif seperti pada 31 Disember 2019)	50% (RM11,431,370.50)	51.6% (5.9 juta)
		Kutipan 90% dari RM58 juta caj sewa PA / PPR tahun semasa	90% (RM52,200,000.00)	23.75% (12.4 juta)
5.	Memupuk Pembangunan Komuniti ke Arah Kehidupan Sejahtera dan Harmoni	Pelaksanaan program bersama komuniti.	100% (3,500 Program) <u>Perumahan</u> 100 Program <u>Pejabat Cawangan</u> 3,400 Program	19.48% (682 Program) <u>Perumahan</u> 104 Program <u>Pejabat Cawangan</u> 578 Program
6.	Perkhidmatan dan Penguatkuasaan	Bancian (<i>flushing</i>) 41,649 dibuat sekali setahun di PA / PPR bagi memastikan KP yang sah.	90% (37,484 unit)	93.42% (35,017 unit)
7.	Mempertingkatkan Kualiti Kesejahteraan Hidup	Tempoh operasi " <i>Uptime</i> " 411 lif di 42 kawasan PA/PPR (1,440 minit/ lif/ kawasan)	90%	94.08%
		Penyelarasan permohonan projek kecil (infrastruktur dan bekalan) masyarakat	100% (100 Projek)	90% (90 Projek)
8.	Bandar Raya Milik Warga Kota	Melaksanakan kerja baik pulih kerosakan kecil infrastruktur jalan dan longkang di setiap kawasan Parlimen	95% (RM5,225,000.00)	27.18% (RM1,494,682.90)
		Meningkatkan peminjaman bahan digital di Perpustakaan Kuala Lumpur.	80% (2,966 naskhah)	151.34% (4,489 naskhah)

Bil	KRA	KPI	Sasaran	Pencapaian
9.	Keupayaan Tadbir Urus serta Sistem Penyampaian Perkhidmatan	Sesi libat urus 'sesi <i>engagement</i> ' bersama masyarakat bersama warga kota atau NGO berhubung isu-isu setempat di setiap kawasan Parlimen	100% (264 kali sesi)	185% (491 kali sesi)
		Pelupusan Rekod DBKL dilaksanakan secara cekap, berkesan dan mengikut peraturan yang ditetapkan	100% (Sebelum November 2020)	100% (September 2020)
10.	Menggalakkan Budaya Kerja Cemerlang	Meningkatkan perkhidmatan melalui program inovasi	1 Program/ Penubuhan 1 kumpulan	100% (Penubuhan 1 kumpulan)

5.0 BAJET

Pengurusan bajet adalah satu aspek penting dalam pengurusan kewangan untuk memastikan sumber yang terhad dirancang dan diagih secara teratur. Pengurusan kewangan Jabatan ini diuruskan oleh Bahagian Kewangan dan Akaun. Ia melibatkan penyediaan belanjawan tahunan pada tiap-tiap awal tahun dan juga pengawalan yang diperuntukkan bagi semua bahagian di sepanjang tahun 2020.

5.1 Perbelanjaan Bagi Tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Mengurus	RM 290,804,400.00	RM 258,261,732.00	88.81

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Pembangunan	RM 38,910,000.00	RM 15,371,200.00	39.50

Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2020

6.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

6.1 Fungsi JPKKB mencakupi 6 aspek utama iaitu Pengurusan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR), Pengurusan Rumah Jual, Penyelenggaraan PA dan PPR (Awam, Elektrik dan Mekanikal), Keselamatan, Pembangunan Komuniti, Pengurusan dan Pemantauan sebelas (11) kawasan parlimen iaitu Parlimen Bandar Tun Razak, Batu, Bukit Bintang, Cheras, Kepong, Lembah Pantai, Segambut, Seputeh, Setiawangsa, Titiwangsa dan Wangsa Maju dan disokong oleh Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan serta Bahagian Kewangan.

6.1.1 Mengurus dan menyelenggara Perumahan Awam (PA) dan Program Perumahan Rakyat (PPR)

6.1.2 Mengurus pendaftaran permohonan rumah sewa melalui Sistem e-Perumahan secara *online*

6.1.3 Mengurus pemilihan dan tawaran kemasukan penyewa yang layak

6.1.4 Mengurus hal berkaitan penjualan rumah kos rendah dan sederhana DBKL dan bertindak sebagai pemaju sebelum penubuhan *Joint Management Body (JMB)/ Management Corporation (MC)* di PA/PPR

6.1.5 Mewujudkan suasana harmoni di kalangan penghuni dengan menyediakan kemudahan dan bantuan program-program sosial dan keagamaan untuk dimanfaatkan oleh warga bandar

6.1.6 Membangunkan komuniti dari pelbagai lapisan masyarakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang merangkumi aspek pendidikan, pembangunan modal insan, perkhidmatan sosial dan membasmi kemiskinan bandar

6.1.7 Melaksanakan penyampaian perkhidmatan secara langsung kepada penduduk setempat dengan efisien dan berkesan

- 6.2 Pentadbiran jabatan telah dibahagikan kepada empat (4) bahagian utama iaitu Bahagian Pengurusan Perumahan dan Pembangunan, Bahagian Kewangan dan Akaun, Bahagian Kesejahteraan Bandar serta Bahagian Kejuruteraan bagi menggerakkan fungsi utama jabatan.

6.2.1 Bahagian Pengurusan Perumahan dan Pembangunan

Bahagian ini dibahagikan kepada dua (2) unit seperti di bawah :

6.2.1.1 Unit Pentadbiran dan Pembangunan

Unit ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Pentadbiran, Seksyen Dasar dan Pembangunan, Seksyen Aduan dan Keurusetiaan serta Seksyen Teknologi Maklumat.

Seksyen Pentadbiran bertanggungjawab menyelaras kerja-kerja berkaitan perkhidmatan personel serta memastikan pengurusan pentadbiran pejabat dilaksanakan mengikut peraturan, pekelling, arahan semasa dan akta-akta yang telah ditetapkan.

Seksyen Dasar dan Pembangunan bertanggungjawab untuk memantau dan menyelaras dasar-dasar dan halatuju jabatan yang baharu demi memastikan taraf hidup warga kota khususnya yang tinggal di dalam kawasan PA/PPR berada dalam keadaan terbaik, selesa dan selamat.

Seksyen Aduan dan Keurusetiaan bertanggungjawab untuk memantau dan melaksanakan pengurusan aduan jabatan yang diterima menerusi pelbagai medium seperti e-Perumahan, i-SPAAA, aduan bersemuka secara atas talian, borang aduan pelanggan, e-mel serta panggilan telefon. Selain itu, seksyen ditugaskan untuk mengumpul maklumat dalam menyediakan maklumbalas dan mesyuarat-mesyuarat khas berkaitan jabatan.

Seksyen Teknologi Maklumat ditugaskan untuk merancang, mengkaji keperluan, merekabentuk, membangunkan, menguji dan menyelenggara portal serta laman web yang bakal digunakan oleh jabatan. Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab untuk merangka keperluan infrastruktur teknologi jabatan.

6.2.1.2 Unit Pengurusan Perumahan

Unit ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Sewa Rumah dan Kedai, Seksyen Jualan, Seksyen Kawalan Perumahan serta Seksyen Pengurusan Zon.

Seksyen Sewa Rumah dan Kedai bertanggungjawab memastikan permohonan sewa diproses dan dipertimbangkan untuk keputusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peruntukan Perumahan Awam. Selain itu, seksyen ini juga memastikan permohonan sewa kedai atau gerai diproses dan dipertimbangkan untuk keputusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Temuduga Kedai/Gerai berdasarkan garis panduan yang ditetapkan. Di samping itu, seksyen ini juga bertanggungjawab menyelaras program Perumahan Bandar @ Jalan TAR. Program ini adalah untuk memberi kemudahan penyewaan bilik kepada golongan B40 yang berstatus bujang dan baru pertama kali bekerja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kadar sewaan sebanyak RM 100.00 sebulan.

Seksyen Jualan ditugaskan untuk menyelaras dan melaksanakan urusan pindahmilik hakmilik strata dan penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) di kawasan perumahan DBKL.

Seksyen Kawalan Perumahan bertanggungjawab untuk memantau dan menyelaras kerja-kerja penguatkuasaan di peringkat jabatan bagi keseluruhan kawasan PA/PPR bagi mewujudkan suasana kemasyarakatan yang harmoni, toleransi dan selamat untuk didiami.

Seksyen Pengurusan Zon telah dibahagikan kepada empat (4) zon perumahan PA/PPR dan setiap zon diketuai oleh Pengurus Zon. Seksyen ini bertanggungjawab untuk mengawal selia kawasan PA/PPR seperti daripada aspek kebersihan dan aktiviti kemasyarakatan.

6.2.2 Bahagian Kewangan dan Akaun

Bahagian ini terdiri daripada satu (1) unit seperti di bawah :

6.2.2.1 Unit Kewangan dan Akaun

Unit ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Kewangan dan Bajet, Seksyen Akaun Sewa dan Air, Seksyen Akaun Jualan dan JMB/MC serta Seksyen Kaunter Terimaan.

Seksyen Kewangan dan Bajet bertanggungjawab untuk menyediakan belanjawan tahunan jabatan dan mengawal serta menguruskan perbelanjaan jabatan mengikut bajet yang telah diluluskan.

Seksyen Akaun Sewa dan Air ditugaskan untuk menyediakan pengurusan kewangan bagi akaun-akaun penyewa PA/PPR dan akaun air PA/PPR supaya dapat diurus dengan baik.

Seksyen Akaun Jualan dan JMB/MC bertanggungjawab untuk menguruskan hal-hal kewangan bagi perbadanan pengurusan (sementara) bagi PA/PPR dan Perumahan Rumah Jual DBKL.

Seksyen Kaunter Terimaan menyediakan pengurusan kaunter terimaan bagi hasil-hasil jabatan supaya dapat diurus dengan baik. Seksyen menempatkan beberapa kakitangan untuk bertugas di kaunter bagi penerimaan bayaran tunai bil-bil yang dikeluarkan oleh DBKL.

6.2.3 Bahagian Kesejahteraan Bandar

Bahagian ini dibahagikan kepada tiga (3) unit seperti di bawah :

6.2.3.1 Unit Perkhidmatan Kawasan

Unit ini terdiri daripada pengurusan sebelas (11) kawasan parlimen oleh Pejabat Cawangan. Terdapat 11 kawasan parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu Bandar Tun Razak, Batu, Bukit Bintang, Cheras, Kepong, Lembah Pantai, Segambut, Seputeh, Setiawangsa, Titiwangsa dan Wangsa Maju.

Setiap pejabat cawangan daripada sebelas (11) parlimen ini diketuai oleh Pengurus Kawasan dengan peranan dan fungsi sebagai medium perantaraan di antara DBKL dan penduduk setempat.

6.2.3.2 Unit Pembangunan Komuniti

Unit ini terdiri daripada dua (2) seksyen iaitu Seksyen Pembangunan Pendidikan dan Ekonomi serta Seksyen Pembangunan Sosial.

Seksyen Pembangunan Pendidikan dan Ekonomi membantu dalam melaksanakan aktiviti atau program sosial kepada warga PA/PPR bagi meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan warga kota. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti kursus berbentuk menjana ekonomi, seminar pendidikan, sumbangan perayaan, kem motivasi, khidmat kemasyarakatan (gelandangan) serta khidmat kaunseling.

Seksyen Pembangunan Sosial bertanggungjawab untuk menyelaras perancangan dan pelaksanaan program tahunan untuk pembangunan belia khususnya bagi belia PA/PPR dan belia Kuala Lumpur amnya. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti karnival, pertandingan, sukan dan riadah, keagamaan, perayaan, kem motivasi atau kem bina semangat serta kempen.

6.2.3.3 Unit Perpustakaan

Unit ini terdiri daripada enam (6) seksyen iaitu Seksyen Perolehan dan Pendokumentasian, Seksyen Program dan Aktiviti, Seksyen Perkhidmatan Perpustakaan, Seksyen Khidmat Pengurusan, Seksyen Pengurusan Rekod dan Kuala Lumpur World Book Capital 2020 (KLWBC 2020).

Seksyen Perolehan dan Pendokumentasian bertanggungjawab sepenuhnya dalam membangunkan koleksi-koleksi baru di Perpustakaan Kuala Lumpur, Perpustakaan Jabatan dan Perpustakaan-Perpustakaan Cawangan dibawah seliaan DBKL. Selain itu, seksyen ini juga memproses pengkatalogan dan pengkelasan bahan bacaan dan memastikan ianya mengikut piawaian atau standard minima yang telah ditetapkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

Seksyen Perkhidmatan Perpustakaan berperanan untuk menyediakan perkhidmatan pinjaman dan perkhidmatan rujukan kepada ahli-ahli Perpustakaan Kuala Lumpur.

Seksyen Program dan Aktiviti membantu dan menyelaras aktiviti-aktiviti galakan membaca dan galakan penggunaan perpustakaan dari masa ke semasa di setiap rangkaian cawangan.

Melalui **Seksyen Pengurusan Rekod**, unit ini berperanan memastikan rekod awam DBKL sentiasa diurus dengan teratur serta sistematik dengan menyediakan peraturan, panduan dan manual mengenai pengendalian fail dan rekod.

Seksyen KLWBC 2020 ditubuhkan memandangkan Kuala Lumpur telah menerima pengiktirafan sebagai Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC2020) oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 23 April 2020.

6.2.4 Bahagian Kejuruteraan

Bahagian ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Penyelenggaraan Awam, Seksyen Penyelenggaraan Elektrikal, Seksyen Penyelenggaraan Mekanikal dan Bilik Gerakan.

Bahagian ini secara umum adalah memastikan segala kemudahan di PA/PPR berfungsi dalam keadaan baik dengan melaksanakan kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan daripada aspek awam, elektrik dan mekanikal seperti lif, rumah sampah, wakaf, dewan, lampu limpah, lampu kaki lima unit rumah, pendawaian dan sebagainya. Bilik Gerakan berfungsi sebagai penerima aduan awam sekiranya terdapat kerosakan berlaku selepas tamat waktu pejabat.

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

Susulan pandemik Covid-19 yang telah melanda dunia, Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac 2020. Justeru, banyak program dan aktiviti yang dirangka terpaksa ditangguhkan bagi mengekang penularan wabak berkenaan. Walau bagaimanapun, Jabatan tetap menganjurkan pelbagai program dan aktiviti yang berbentuk bantuan dan sumbangan untuk meringankan beban penduduk sepanjang tahun 2020 bagi menggerakkan fungsi jabatan dengan mengambil kira *Standard of Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

7.1 Program Khas PA/PPR

7.1.1. Program Bas Sekolah Percuma

Program ini bertujuan untuk membantu penduduk PA/PPR daripada dibebani perbelanjaan persekolahan anak-anak disamping memastikan keselamatan mereka terjamin serta tidak tercicir dalam pelajaran. Walau bagaimanapun pada tahun 2020, program ini bakal diperluas ke kawasan perumahan kos rendah dan sederhana melalui program My School Bus meliputi 141 kawasan seluruh Kuala Lumpur.

Bilangan Pengendali	Bilangan Pemandu	Bilangan Kenderaan	Bilangan Pelajar
94 syarikat	140 orang	140 buah	8,038 orang

Bilangan pelajar dan kenderaan yang terlibat bagi tahun 2020



Taklimat dan Perjumpaan bersama Pengendali Bas Sekolah di WPKL melalui Program "My School Bus@Wilayah" telah diadakan di Dewan Perdana Mestika IDB pada 18 Julai 2020

7.1.2 Program Hari Bertemu Pelanggan Dari Pintu ke Pintu

Program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) dari Pintu ke Pintu telah dilaksanakan bagi menggantikan Program Hari Bertemu Pelanggan Mega (HBPM) yang diadakan kali terakhir pada Mac 2020. Program ini berjaya dijalankan bermula pada bulan Julai 2020 sehingga Oktober 2020 mengikut *SOP* yang ketat bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19. Antara tujuan program ini diadakan adalah untuk memaklumkan tunggakan bil air secara berperingkat kepada penduduk PA/ PPR DBKL serta memudahkan penduduk membuat semakan dan mengesahkan jumlah tunggakan air yang dikeluarkan.



Program Hari Bertemu Pelanggan (Tunggakan Air) telah diadakan di PA Seri Malaysia pada 11 Januari 2020



Program Hari Bertemu Pelanggan dari Pintu ke Pintu (Tunggakan Air) telah diadakan di PA Kerinchi 1A pada 07 Julai 2020

7.1.3 Program Bantuan Sumbangan "One Off" RM 100 Kepada Semua Kawasan PA/ PPR, DBKL

DBKL di bawah Inisiatif Wilayah Cakna telah memberikan sumbangan wang tunai RM 100 kepada penghuni unit PA/ PPR bagi meringankan beban penduduk yang terkesan akibat pandemik Covid-19. Permohonan dibuat secara atas talian melalui laman sesawang <http://eperumahan.dbkl.gov.my> dan sumbangan wang disalurkan menerusi akaun bank masing-masing secara berperingkat. Pemberian sumbangan secara tunai turut dilaksanakan sebagai alternatif terakhir bagi golongan yang tidak dapat memohon secara atas talian.



Perasmian Program Bantuan Sumbangan "One Off" RM 100 Kepada Semua Kawasan PA PPR, DBKL telah diadakan di Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut pada 08 April 2020



Pemberian secara tunai turut dijalankan di PPR Beringin pada pril 2020

7.2 Program Komuniti Dan Masyarakat

7.2.1 Program Baiti Jannati

Program ini menyediakan bantuan bagi membolehkan kumpulan sasaran asnaf/ fakir/ miskin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur boleh memiliki rumah sendiri dan mendiami rumah yang lebih selesa dengan kerjasama pihak swasta.



Majlis Pengurniaan Rumah Wilayah Prihatin Tahun 2020 telah diadakan pada 10 September 2020 di Kompleks Komuniti Muhibbah, Bukit OUG dengan kehadiran seramai 250 orang dan dirasmikan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong



Majlis Penyerahan Surat Tawaran Projek Mesra Rakyat (PMR) TNB 2019/ 2020 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diadakan di Dewan Al-Baihaqi, Kompleks Balai Islam An-Nur TNB Bangsar pada 19 Februari 2020



7.2.2 Program Sumbangan Food Basket

Program ini diadakan susulan virus Covid-19 yang melanda dunia dan meninggalkan impak ekonomi kepada masyarakat setempat. Melalui program ini, penerima mendapat bawahan bernilai RM 100.00 dan sumbangan wang tunai sebanyak RM 50.00. Warga emas turut menerima sumbangan ini bertujuan untuk membantu mereka yang tidak mempunyai sebarang pendapatan untuk meneruskan kelangsungan hidup.



Program Sumbangan Food Basket Kepada Golongan Warga Emas telah diadakan pada 12 November 2020 di Pusat Warga Emas Sri Perlis



Program Sumbangan Food Basket Deepavali telah diadakan pada 12 November 2020 di Lobi Menara DBKL1 secara pandu lalu

7.2.3 Program Khas Menangani Gelandangan

Program ini berusaha membantu golongan gelandangan mendapatkan agihan makanan dan lain-lain bantuan kemanusiaan secara teratur bagi menjaga imej, keselamatan dan kebersihan bandaraya Kuala Lumpur. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, pelbagai inisiatif telah diambil oleh Kementerian Wilayah Persekutuan melalui DBKL untuk menyelamatkan mereka yang dilihat bergelandangan di sekitar ibu kota. Bimbang mengenai keselamatan dan kebajikan mereka terjejas ekoran daripada penularan wabak Covid-19, pihak DBKL menerusi 'Ops Gelandangan' telah menyelamatkan dan menempatkan mereka di beberapa buah Pusat Komuniti yang telah diubahsuai menjadi Pusat Sementara Gelandangan untuk dijadikan penempatan sementara iaitu:

- i. Pusat Sementara Gelandangan Sentul, Pusat Komuniti Sentul Perdana, Jalan 2/48A, Bandar Baru Sentul, 51000, Kuala Lumpur
- ii. Pusat Sementara Gelandangan Setiawangsa, Pusat Komuniti Setiawangsa AU2, 54200 Kuala Lumpur



Pusat Komuniti Sentul Perdana yang telah diubahsuai menjadi Pusat Sementara Gelandangan bagi menyalurkan bantuan kepada golongan tersebut

7.2.4 Program Menjana Ekonomi

Program ini bertujuan untuk memberi kemahiran kepada golongan miskin bandar yang layak disamping meningkatkan pendapatan peserta secara berterusan. Konsultan serta tenaga pengajar yang dilantik adalah berdasarkan pengalaman dan kemahiran yang ditawarkan mengikut skop keperluan jabatan.



Program Pemeriksaan Wanita Dan Ibu Tunggal telah diadakan di Swiss Garden Hotel Melaka pada 11 hingga 13 September 2020

7.2.5 Sumbangan kepada Persatuan Penduduk

Persatuan Penduduk diiktiraf oleh DBKL untuk mewakili penduduk kawasan kediaman PA/PPR dalam semua aspek kehidupan dan ianya merupakan dasar DBKL melalui jabatan kepada setiap persatuan di kawasan terlibat. Pada tahun 2020, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan telah menyumbang sebanyak RM 2,000.00 serta DBKL sendiri telah menyumbang sebanyak RM 7,000.00 kepada persatuan penduduk yang berdaftar.



Sesi Penyampaian Sumbangan kepada Komuniti Kuala Lumpur telah diadakan di Lobi Menara DBKL 3 pada 21 November 2020

7.2.6 Majlis Perwakilan Penduduk (MPP)

MPP yang dilantik oleh Kementerian Wilayah Persekutuan bertujuan untuk membantu DBKL di dalam aspek menyelaras pelaksanaan dasar serta strategi berkaitan pembangunan komuniti dan melaksanakan program kesejahteraan bandar secara sistematik dan bersepadu. Kursus secara bersiri diadakan bagi memberi pendedahan kepada semua wakil yang dilantik.

Bil	Parlimen (Zon)	Bilangan Zon	Bilangan Sub Zon
1	Bandar Tun Razak	1	6
2	Batu	1	6
3	Bukit Bintang	1	6
4	Cheras	1	6
5	Kepong	1	6
6	Lembah Pantai	1	6
7	Segambut	1	6
8	Seputeh	1	6
9	Setiawangsa	1	6
10	Titiwangsa	1	6
11	Wangsa Maju	1	6
JUMLAH		11	66

Jumlah Lantikan MPP mengikut Parlimen bagi sesi 2020/2021



Kursus Leadership & Competencies Development for MPPWP KL 2020 Siri 1 telah diadakan di Lotus Desaru Beach Resort & Spa pada 03 hingga 06 Oktober 2020 dengan kehadiran seramai 126 peserta



Kursus Leadership & Competencies Development for MPPWP KL 2020 Siri 2 telah diadakan di Copthorne Cameron Highland pada 26 hingga 29 September 2020 dengan kehadiran seramai 105 peserta

7.2.7 Sumbangan Bermusim Sempena Perayaan

Pada setiap tahun menjelang perayaan utama bagi etnik Melayu, Cina dan India seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina serta Deepavali, DBKL akan menyampaikan sumbangan berbentuk wang tunai beserta cenderahati.



Program Sumbangan Tahun Baru Cina telah diadakan di Dewan Komuniti Sentul Perdana pada 21 Januari 2020 dan melibatkan seramai 300 orang penerima sumbangan

7.2.8 Program Pembangunan Kanak- Kanak Pra Sekolah

Program ini menyediakan peluang pendidikan pra sekolah menerusi Tadika Sang Kancil kepada kanak-kanak berumur 4-5 tahun daripada keluarga berpendapatan rendah. Bagi tujuan ini, jabatan telah mewujudkan 23 unit Tadika Sang Kancil di sekitar PA, PPR dan perumahan swasta. Selain pembelajaran di dalam kelas, kanak-kanak ini juga didedahkan dengan pelbagai aktiviti luar.

Bil	Nama Tadika	Jumlah Pelajar	Zon
1	TSK PA Sri Labuan	19	CHERAS
2	TSK PA Sri Sabah 3A	23	
3	TSK PPR Desa Tun Razak	21	
4	TSK PPR Taman Mulia	21	
5	TSK Bandar Tasik Selatan	21	
6	TSK PPR Kg Muhibbah Kelas I	23	BANGSAR
7	TSK PPR Kg Muhibbah Kelas II	22	
8	TSK Perumahan Sri Sentosa	21	
9	TSK Apartment Abdullah Hukum	20	
10	TSK PPR Seri Alam	20	

Bil	Nama Tadika	Jumlah Pelajar	Zon
11	TSK PPR Batu Muda	19	KEPONG
12	TSK PPR Intan Baiduri	24	
13	TSK PA Pekan Batu	22	
14	TSK PPR Taman Wahyu II	20	
15	TSK Taman Batu Permai	21	
16	TSK Taman Fadason	23	
17	TSK Kompleks Komuniti Setiawangsa I	20	
18	TSK Kompleks Komuniti Setiawangsa II	22	
19	TSK PPR Air Panas	22	GOMBAK
20	TSK PPR Hiliran Ampang	20	
21	TSK PA Sri Kelantan	23	
22	TSK Taman Danau Kota	20	
23	TSK Seri Semarak	23	
JUMLAH		490	

Jumlah Pelajar Tadika Sang Kancil bagi tahun 2020


7.3 Perkhidmatan Perpustakaan Awam

Perpustakaan Kuala Lumpur memberikan perkhidmatan perpustakaan kepada seluruh warga kota dalam menyediakan pelbagai bahan bacaan sama ada secara fizikal mahupun elektronik. Rangkaian perpustakaan telah menjalankan pelbagai jenis aktiviti dengan melibatkan ramai penyertaan orang awam.



Bengkel Melukis Kartun Bersama Abang Syem telah diadakan di Pustaka KL @ Bandar Baru Sentul pada 18 Januari 2020 dengan kehadiran peserta seramai 30 orang

DISEMBER	319	118	24	1	7	-	469	46,100.00	
JUMLAH	4,076	1,262	336	11	75	0	5,760	567,400.00	

Jadual 15: Statistik Pembakaran Mayat & Kutipan Krematorium Cheras 2020

BULAN	PENGKEBUMIAN		PENANAMAN ABU		JUMLAH	KUTIPAN (RM)
	RESERVED PLOT & KALI PERTAMA (RM200)	REBURIAL (RM100)	KALI PERTAMA (RM200)	REBURIAL (RM16)		
Januari	1	11	-	24	36	1,684.00
Februari	1	7	-	13	21	1,108.00
Mac	1	6	-	14	21	1,024.00
April	2	8	-	6	16	1,296.00
Mei	5	1	-	12	18	1,292.00
Jun	2	10	-	13	25	1,608.00
Julai	1	3	-	14	18	724.00
Ogos	1	9	-	19	29	1,404.00
September	1	12	-	14	27	1,624.00
Oktober	2	4	2	22	30	1,552.00
November	3	9	-	22	34	1,852.00
Disember	0	5	-	14	19	724.00
JUMLAH	20	85	2	187	294	15,892.00

Jadual 16: Statistik Pengkebumian Mayat & Kutipan Tanah Perkuburan Kristian 2020

8.11 Unit Promosi Kesihatan

PROGRAM	JUMLAH PROGRAM	JUMLAH PESERTA
KEM KESIHATAN	5	95
PAMERAN	16	9,613
CERAMAH	17	5,834
LAIN-LAIN PROGRAM	10	11
IN BODY TEST	39	757
JUMLAH KESELURUHAN	87	16,310

Jadual 17: Statistik Aktiviti Dan Program yang dijalankan oleh Unit Promosi Kesihatan sepanjang tahun 2020

Jabatan Kebudayaan Kesenian Pelancongan dan Sukan

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Jabatan ini pada asalnya dikenali sebagai Bahagian Kebudayaan, Pelancongan dan Sukan yang terletak di bawah Jabatan Perancangan Ekonomi dan Kemudahan Sosial.
- 1.2 Pada 1 April 2003 ia telah dinaiktaraf sebagai sebuah jabatan yang tersendiri dan dikenali sebagai Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan Dan Sukan.
- 1.3 Selaras dengan penjenamaan jabatan, mulai tahun 2018, Jabatan ini di strukturkan kepada 3 bahagian yang utama iaitu :-
 - i. Bahagian Pengurusan Kemudahan dan Pentadbiran
 - ii. Bahagian Persembahan dan Pengurusan Acara
 - iii. Biro Pelancongan
- 1.4 Bahagian Persembahan & Pengurusan acara dibahagikan kepada 3 unit iaitu ;-
 - i. Unit Kebudayaan
 - ii. Unit Muzik
 - iii. Unit Pengurusan Acara & Promosi
- 1.5 Bahagian Pengurusan Kemudahan & Pentadbiran dibahagikan kepada 2 unit iaitu ;-
 - i. Unit Pentadbiran dan Kewangan
 - ii. Unit Kemudahan Sukan

2.0 VISI DAN MISI

Visi	Misi
Membentuk warga kota yang aktif, sihat dan kreatif serta meningkatkan bilangan kehadiran pelancong ke Kuala Lumpur melalui aktiviti-aktiviti kebudayaan, kesenian, pelancongan dan sukan	Menyediakan fasiliti yang mesra rakyat. Mengadakan program kebudayaan, kesenian dan sukan serta menyediakan produk pelancongan yang berkualiti bagi memenuhi kehendak warga kota dan pelancong

3.0 PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2020

- 3.1 Mengadakan program kebudayaan, kesenian, pelancongan dan sukan bersama wargakota dan pelancong mengikut jadual sekurang-kurangnya 32 kali sebulan untuk membentuk budaya masyarakat prihatin, ceria, sihat dan sayangi Kuala Lumpur.

- 3.2 Menyediakan program-program pembangunan kebudayaan, kesenian, pelancongan dan sukan sekurang-kurangnya 10 kali setahun.
- 3.3 Memastikan maklumbalas keputusan permohonan persembahan kebudayaan dan kesenian diberi dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- 3.4 Memastikan maklumbalas keputusan permohonan persembahan muzik diberi dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- 3.5 Memastikan maklumbalas keputusan permohonan penganjuran acara / aktiviti / sumbangan diberi dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- 3.6 Memastikan maklumbalas keputusan permohonan penggunaan kemudahan sukan diberi dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- 3.7 Memastikan aduan pelanggan diberi maklumbalas dalam tempoh 3 hari bekerja.

4.0 PETUNJUK UTAMA PRESTASI (KPI) JABATAN TAHUN 2020

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Bandar Raya Milik Warga Kota – Program Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan	1.	Berkolaborasi bersama badan-badan NGO's atau agensi lain bagi aktiviti kebudayaan, kesenian, pelancongan dan sukan	30 NGO / agensi	100% 33 NGO/Agensi
	2.	Berkolaborasi bersama badan-badan NGO's atau agensi berkaitan Orang Kurang Upaya (OKU) bagi melaksanakan aktiviti kebudayaan, kesenian, pelancongan dan sukan	5 NGO / agensi	60% 3 NGO/Agensi
Bandar Raya Milik Warga Kota- Program Berprestij	3.	Berkolaborasi bersama badan-badan NGO's atau agensi melaksanakan program bertaraf antarabangsa dan berprestij.	7 program bertaraf antarabangsa	30% 2 program
	4.	Melaksanakan tiga program bertaraf antarabangsa dan berprestij	3 program	0%
	5.	Melaksanakan promosi produk pelancongan Kuala Lumpur	3 buah negara	0%
Bandar Raya Milik Warga Kota – Pembangunan Kebudayaan, Kesenian dan Sukan	6.	Mencipta lagu baharu melambangkan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai produk jabatan	3 buah lagu setahun	100% 3 buah lagu
Bandar Raya Milik Warga Kota – Pembangunan Kebudayaan, Kesenian dan Sukan	7.	Mengadakan persembahan konsert orkestra	8 konsert	88% 7 Konsert
	8.	Mengadakan persembahan orkestra atau kombo di taman-taman mengikut kawasan parlimen.	11 persembahan di taman-taman	100%
	9.	Melaksanakan program pembangunan sukan	Road show Futsal Akademik Bola Sepak / Futsal / Badminton Klinik Seni Mempertahankan Diri (3 siri)	0% 0% 0%
	10.	Menambah baik pengurusan & kualiti kemudahan sukan	5 padang bola sepak dan futsal	40% 2 Padang bola dan futsal

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN	
Bandar Raya Tadbir Urus Cepak	11.	Meningkatkan hasil pendapatan jabatan yang merangkumi i. Penyewaan kemudahan sukan dan kebudayaan ii. Pembayaran aktiviti kebudayaan, kesenian dan pelancongan	Meningkat 10%	0% Penurunan sebanyak 60%	
	12.	Kehadiran 3 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan	100%	100% 372 kakitangan berkursus	
	13.	Mewujudkan satu kumpulan KIK	1 kumpulan	100%	
	14.	Menguruskan peruntukan perbelanjaan dengan berhemat	90%	73% RM32,621,462.00	
Pengurusan Awam	Aduan	15.	Mensasarkan 95% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2020.	95%	100%

5.0 BAJET

Secara keseluruhannya, Jabatan telah membelanjakan sebanyak 72.5% iaitu **RM32,621,462.00** daripada jumlah peruntukan tahunan yang telah diluluskan iaitu sebanyak **RM 47,565,500.00**.

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Perbelanjaan	RM 47,565,500.00	RM32,621,462.00	72.5

Jadual 1 : Perbelanjaan Tahun 2020

6.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

- 6.1 Menyedia dan mengurus fasiliti yang berkualiti dan mesra rakyat.
- 6.2 Mempelbagai produk kebudayaan, kesenian, pelancongan dan sukan yang berkualiti bagi menyemarakkan suasana kehidupan yang sihat dan kondusif di Kuala Lumpur.
- 6.3 Memberi kerjasama dengan pihak berkepentingan (NGO, badan kerajaan, swasta) bagi menjayakan program dan aktiviti berkaitan kebudayaan, kesenian, pelancongan, sukan dan rekreasi.


7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

BIL	PROGRAM DAN AKTIVITI	TARIKH	LOKASI
1	Car Free Morning	5 Januari 2020	Dataran DBKL
2	Senam Seni KL CFM	5 Januari 2020	Dataran Bandaraya
3	Happy Chinese New Year Carnival Malaysia 2020	18 Januari 2020	Dataran Merdeka
4	Persembahan di KL Car Free Morning	19 Januari 2020	Dataran Bandaraya
5	Projek Perintis Muzik untuk Rakyat 2020	19 Januari 2020	PPR Pekan Kepong
6	Majlis Sanjungan Budi,	21 Januari 2020	Hotel Seri Pacific
7	Majlis Ramah Mesra dan Penyampaian Sumbangan Sempena Sambutan Tahun Baru Cina 2020	21 Januari 2020	Pusat Komuniti Sentul Perdana
8	Konsert Hari Wilayah 2020 "Sayangi Wilayahku"	1 Febuari 2020	Dataran Merdeka
9	Majlis Sambutan Hari Wilayah Persekutuan / Sambutan Hari Raya Cina	1 Febuari 2020	SEMUA House. (Persatuan Penjaja)
10	Senam Seni KL Car Free Morning	2 Febuari 2020	Dataran Merdeka

BIL	PROGRAM DAN AKTIVITI	TARIKH	LOKASI
11	Chinese New Year Celebration	6 Februari 2020	Dataran Merdeka
12	Le Tour de Langkawi	9 Februari 2020	KLCC
13	Majlis Bual Bicara Warga Kerja Bersama President ANULE Semenanjung	11 Februari 2020	Auditorium DBKL
14	Persembahan KONVENITA 2020	12 Februari 2020	Dataran Underground
15	Majlis Makan Malam APEC	13 Februari 2020	Cyberview Resort
16	KL Fiesta siri 1	15 Februari 2020	Pusat Komuniti Jalan Madrasah
17	Senam Seni	15 Februari 2020	PPR Sri Perak Sentul
18	Karnival Hari Wilayah	15 Februari 2020	Dataran Merdeka
19	Panggung Rakyat	15 Februari 2020	Dataran Merdeka
20	Persembahan Sempena Car Free Morning	16 Februari 2020	Dataran DBKL
21	Kenduri Hari Wilayah	16 Februari 2020	Dewan Komuniti Gombak
22	Majlis Perhimpunan DBKL	17 Februari 2020	IDB
23	Majlis Perasmian Wajah Baru (ROL),	20 Februari 2020	Taman Titiwangsa
24	Pelancaran Slogan dan Laman Sesawang	20 Februari 2020	MATIC
25	Key Of Leaders FAM Trip 2020 - Kuala Lumpur What's Fun	24 - 26 Februari 2020	Sekitar Kuala Lumpur
26	Majlis Perasmian Bangunan Perpustakaan KL	25 Februari 2020	Perpustakaan KL
27	Majlis Pesara WPKL	27 Februari 2020	Dewan Manjalara Kepong
28	Malam Apresiasi Inisiatif Wilayah Peduli Kuala Lumpur 2019	28 Februari 2020	Sunway Putra Hotel
29	Hari Landskap Negara	1 Mac 2020	KL Iconic Canopy Taman Botani
30	Konsert Hari Wanita Sedunia	7 Mac 2020	Auditorium DBKL
31	Zapin WFH (Penggambaran Video)	12 April 2020	Work From Home
32	WFH Inang Berganding (Penggambaran Video)	25 April 2020	Work From Home
33	COV-Eid 20 (Penggambaran Video)	14 Jun 2020	Studio Tari DBKL
34	Bengkel Anjakan Daya Fikir - Eksplorasi	29 Jun 2020	Studio Tari DBKL
35	Bengkel Anjakan Daya Fikir - Eksplorasi	30 Jun 2020	Studio Tari DBKL
36	Persembahan "RASA" (Penggambaran Video)	2 Julai 2020	Persekitaran Studio Tari DBKL
37	Persembahan "RASA" (Penggambaran Video)	3 Julai 2020	Persekitaran Studio Tari DBKL
38	Bengkel Anjakan Daya Fikir - Rampaian Tradisi	6 Julai 2020	Studio Tari DBKL
39	Bengkel Anjakan Daya Fikir - Rampaian Tradisi	7 Julai 2020	Studio Tari DBKL
40	Majlis Penyerahan Watikah Kepada Majlis Perwakilan Penduduk WP KL oleh Menteri WP	11 Julai 2020	Auditorium DBKL
41	Program pemeraksanaan Komuniti KL siri 1	12 Julai 2020	IDB
42	Taklimat Bersama Pengusaha School Bus	18 Julai 2020	IDB
43	Lawatan Bagi Menyemarakkan Pelancongan Domestik Ke Kuala Lumpur oleh YB Menteri Pelancongan, Seni & Budaya Malaysia	18 Julai 2020	Sekitar Kuala Lumpur
44	Program Pemeraksanaan Komuniti KL siri 2	19 Julai 2020	IDB
45	Program Jalan Pagi Jejak Warisan di Kuala Lumpur	25 Julai 2020	Sekitar Kuala Lumpur
46	Perasmian Wajah Baru Taman Tasik Titiwangsa	7 Ogos 2020	Taman Tasik Titiwangsa
47	Persembahan Tarian Rampaian Tradisional Melayu (Live Streaming)	13 Ogos 2020	Panggung Bandaraya
48	Rakaman Program Merdeka Bersama RTM	16-17 Ogos 2020	RTM
49	Persembahan Malam Puisi dan Lagu "Terima Kasih Wira Kita"	22 Ogos 2020	Panggung Bandaraya

BIL	PROGRAM DAN AKTIVITI	TARIKH	LOKASI
50	Sesi Brain Storming Program Unit Muzik Tahun 2021	26 Ogos 2020	Studio Sentul Perdana
51	Bengkel Pemantapan Lakonan	27 Ogos 2020	Studio Tari DBKL
52	Program Bacaan Ikrar Integriti	2 September 2020	Stadium Titiwangsa
53	Lawatan "Merdeka Square Heritage Walk" Bersama EXCO Pelancongan Warisan dan Kebudayaan Negeri Melaka	11 September 2020	Sekitar Kuala Lumpur
54	Program Penanaman Pokok Taman Awam Bukit Kiara	13 September 2020	Taman Awam Bukit Kiara
55	Kursus Penyelamat Kelemasan	21 – 25 September 2020	Dewan Komuniti Lembah pantai
56	Persembahan Teater Tari Sumpah Semerah Padi (Live Streaming)	25 September 2020	Panggung Bandaraya
57	Persembahan Teater Tari Sumpah Semerah Padi (Live Streaming)	26 September 2020	Panggung Bandaraya
58	Majlis Perasmian Laporan Kajian Pelan Induk KL 2021-2025	28 September 2020	Menara DBKL 1
59	Majlis Lambaian Perpisahan Datuk Bandar	2 Oktober 2020	Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut
60	Festival Muafakat Johor (Penggambaran Video)	20 Oktober 2020	Panggung Bandaraya
61	Majlis Apresiasi Pusat Sementara Gelandangan	23 Oktober 2020	Hotel Tamu
62	Key Of Leader FAM Trip 2020 – Kuala Lumpur Impromptu Walkabouts	3 – 5 November 2020	Sekitar Kuala Lumpur
63	Program Inisiatif Wilayah Cakna 3.0	21 November 2020	Menara DBKL 3
64	Majlis Perpisahan Pengarah Eksekutif Sosio Ekonomi	27 November 2020	Menara DBKL 1
65	Prakarsa Seni – Copa Ago Go (Penggambaran Video)	3 Disember 2020	Studio Tari
66	Prakarsa Seni – Ronggeng Melayu (Penggambaran Video)	10 Disember 2020	Studio Tari
67	Gema Senandung Bahasa	11 Disember 2020	Dewan Bahasa Pustaka
68	Rakaman Ambang Tahun 2021	12 Disember 2020	Panggung Bandaraya
69	Prakarsa Seni – Masra Samrah (Penggambaran Video)	17 Disember 2020	Studio Tari
70	Jemputan Menghargai Pesara Pengurusan Tertinggi DBKL	14 Disember 2020	Menara DBKL 1
71	Prakarsa Seni – Ghazal Syairnya Cinta (Penggambaran Video)	24 Disember 2020	Studio Tari

Jadual 9 : Jadual dan Carta Program dan Aktiviti Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan Dan Sukan Yang Telah Dilaksanakan Bermula Januari Hingga Disember 2020



Carta 3 : Carta Jumlah program dan aktiviti Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan mengikut bulan bagi Tahun 2020

7.1 Penglibatan Covid-19

Jabatan telah menggunakan 10 buah fasiliti sukan DBKL yang terdiri daripada Dewan Sukan, Kompleks sukan dan Pusat Komuniti untuk dijadikan sebagai pusat sementara bagi golongan gelandangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan iaitu pada 18 Mac 2020 sehingga 30 April 2020. Premis yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

- a. Pusat Komuniti Sentul Perdana
- b. Pusat Komuniti Setiawangsa
- c. Dewan Serbaguna Alam Damai
- d. Dewan Serbaguna Ampang Hilir
- e. Kompleks Sukan Sri Delima
- f. Kompleks Sukan Desa Tasik
- g. Menara PT80
- h. Pusat Komuniti Bukit Damansara
- i. Pusat Komuniti Bukit Bandaraya
- j. Dewan Serbaguna Melati Impian



Pusat Sementara Golongan Gelandangan COVID-19

Jabatan juga berkerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan menyediakan 1 buah fasiliti sukan DBKL secara percuma untuk kegunaan KKM bagi tujuan saringan Covid-19 seperti berikut :-

BIL	FASILITI SUKAN	TARIKH & TEMPOH
1	Dewan Komuniti Batu Muda	Mac 2020 hingga 31 Disember 2020 9 bulan



Pusat Saringan Covid-19


7.2 Program Dalam Talian

Jabatan ada mengadakan beberapa persembahan secara 'live streaming', rakaman video program dan persembahan muzik dimuatnaik ke dalam media sosial seperti Facebook, Youtube dan Instagram di sepanjang tahun 2020 untuk hebahan dan tontonan warga internet seperti berikut :-

- a. Konsert Sayangi Wilayahku 2020 (Live Streaming)
- b. Zapin WFH (Rakaman Video)
- c. WFH Inang Berganding Artis Tari Kanak-kanak (Rakaman Video)
- d. COV-Eid 20 (Rakaman Video)
- e. Persembahan "RASA" (Rakaman Video)
- f. Persembahan Tarian Rempai Tradisional Melayu (Live Streaming)
- g. Persembahan Teater Tari Sumpah Semerah Padi (Live Streaming)
- h. Festival Muafakat Johor (Rakaman Video)
- i. Prakarsa Seni – Copa Ago Go (Rakaman Video)
- j. Prakarsa Seni – Ronggeng Melayu (Rakaman Video)
- k. Prakarsa Seni – Masra Samrah (Rakaman Video)
- l. Prakarsa Seni – Ghazal Syairnya Cinta (Rakaman Video)
- m. Ambang Tahun Baru : Wargakota Terus Bertahan (Rakaman Video)
- n. Merry Christmas dari Orkestra Kuala Lumpur (Rakaman Video)
- o. Menjelang Hari Raya dari Orkestra Kuala Lumpur (Rakaman Video)

SALURAN MEDIA SOSIAL JABATAN :

- | | |
|------------------------------------|----------------------------------|
| 1. Facebook Orkestra Kuala Lumpur | 6. Youtube Orkestra Kuala Lumpur |
| 2. Instagram Orkestra Kuala Lumpur | 7. Facebook KL CATS EVENT |
| 3. Instagram KL CATS EVENT | 8. Website Visit KL |
| 4. Instagram Visit KL | 9. Facebook Visit KL |
| 5. Twitter Visit KL | |



Saluran Media Sosial Jabatan Kebudayaan Kesenian Pelancongan dan Sukan

7.3 Gambar-Gambar Program Dan Aktiviti Jabatan Sepanjang Tahun 2020

Berikut adalah sebahagian gambar-gambar program yang telah dilaksanakan pada tahun 2020.



Konsert Sayangi Wilayahku Hari Wilayah 2020
1 Februari 2020



Lawatan Bagi Menyemarakkan Pelancongan Domestik Ke KL Oleh YB Menteri Pelancongan Seni Budaya Malaysia
18 Julai 2020



Persembahan Malam Puisi dan Lagu "Terima Kasih Wira Kita"
22 Ogos 2020





**Program Merdeka Square Heritage Walk Bersama Exco Pelancongan Warisan Dan Kebudayaan Negeri Melaka
11 September 2020**



Program Pementasan Teater Tari 23 September 2020



**Program Pemantapan Artis Budaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
13 Oktober 2020**



**Kursus Penyelamat Kelemasan
21 - 25 September 2020**



**Program Bacaan Ikran Integriti
2 September 2020**



Sektor Pengurusan

>>> www.dbkl.gov.my <<<

Jabatan Kewangan

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Kewangan diwujudkan pada tahun 1956 dikenali sebagai Jabatan Bendahari dan nama jabatan ini ditukarkan kepada Jabatan Kewangan mulai tahun 2003. Fungsi Jabatan Kewangan adalah untuk mengendalikan pengurusan kewangan DBKL yang terlibat dari segi pengurusan kutipan hasil, perbelanjaan, belanjawan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahunan DBKL. Sehingga kini, Jabatan Kewangan mempunyai tenaga kerja seramai 253 orang melibatkan 4 bahagian dan 12 unit.

2.0 VISI DAN MISI

Visi

Menguruskan kewangan DBKL secara berkualiti untuk menjadikan DBKL sebagai organisasi pengurusan sebuah bandar raya bertaraf dunia.

Misi

Bersama menyumbang ke arah menyediakan maklumat kewangan yang berkualiti.

3.0 PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2020

- 3.1 Menyediakan bajet tahunan DBKL dan mendapatkan kelulusan Menteri Wilayah Persekutuan sebelum atau pada 31 Disember setiap tahun.
- 3.2 Memberi perkhidmatan kaunter bayaran secara efisien dengan memastikan waktu menunggu tidak melebihi 30 minit pada waktu puncak dan tidak melebihi 15 minit pada waktu biasa.
- 3.3 Menyediakan bayaran dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen tuntutan yang lengkap.
- 3.4 Memastikan data-data cukai taksiran dihantar ke vendor yang dilantik untuk proses cetakan dan penghantaran bil cukai taksiran tidak lewat pada 15hb. Januari bagi penggal pertama dan pada 15hb. Julai bagi penggal kedua setiap tahun.
- 3.5 Memastikan tindakan penguatkuasaan kutipan cukai taksiran dilaksanakan mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ke atas akaun-akaun yang tertunggak.
- 3.6 Menyediakan maklumat-maklumat kewangan status akaun hasil bukan cukai/ terimaan bukan hasil untuk tindakan penguatkuasaan kutipan hasil oleh jabatan pelaksana setiap 3 bulan.
- 3.7 Memastikan semua hasil kutipan di bawah kendalian jabatan dibankkan pada hari yang sama manakala kutipan waktu malam/hari cuti dibankkan pada keesokan hari bekerja.

- 3.8 Memastikan notis tuntutan oleh pihak ketiga yang lengkap dikemukakan dalam tempoh 7 hari bekerja kepada pihak insurans yang dilantik.
- 3.9 Memastikan akuan penerimaan kepada aduan awam dibuat dalam tempoh 1 hari bekerja dan tindakan susulan diambil dalam tempoh 3 hari bekerja. Maklumbalas seterusnya dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh aduan diterima.

4.0 PETUNJUK UTAMA (KPI) JABATAN TAHUN 2020

KRA	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN TAHUN 2020
Matlamat 5 : Bandaraya Tadbir Urus Cekap	Mempertingkatkan peratusan bayaran hasil - hasil DBKL tanpa tunai (cashless).	Meningkatkan kutipan tanpa tunai sebanyak 10% transaksi atau RM 45 juta kutipan bayaran kepada RM500 juta berbanding tahun 2019.	66.3%
Teras 6 : Memperkuhkan Kedudukan dan Pengurusan Kewangan			
Matlamat 5 : Bandaraya Tadbir Urus Cekap	Mendapatkan cadangan / syor / input daripada warga kota untuk Idea Bajet DBKL melalui capaian <i>online</i> .	Warga kota dapat memberi cadangan / syor / input untuk Idea Bajet DBKL melalui capaian <i>online</i> dalam tempoh satu bulan bermula bulan Ogos 2020.	100%
Teras 6 : Memperkuhkan Kedudukan dan Pengurusan Kewangan			
Matlamat 5 : Bandaraya Tadbir Urus Cekap	Menyelaras dan memastikan kutipan ke atas hasil cukai taksiran bagi tahun semasa (2020) dibuat secara berkesan.	Mengutip 90% cukai taksiran tahun semasa (2020). *Pindaan KPI DB 2020 kepada 75% kutipan semasa	100%
Teras 6 : Memperkuhkan Kedudukan dan Pengurusan Kewangan			
Matlamat 5 : Bandaraya Tadbir Urus Cekap	Mengurangkan tunggakan hasil cukai taksiran.	Mengutip 30% (RM100 juta) tunggakan terkumpul seperti pada 31 Disember 2019 (RM327.4 juta) *Pindaan KPI dari 30% (RM100juta) kepada 15% (RM49.11 juta)	92.4%
Teras 6 : Memperkuhkan Kedudukan dan Pengurusan Kewangan			
Matlamat 5 : Bandaraya Tadbir Urus Cekap	Meningkatkan sikap kebertanggungjawaban di kalangan pemilik harta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk membayar cukai taksiran.	Melaksanakan penghantaran notis peringatan secara bersemuka dengan mensasarkan kepada 30,000 buah premis yang bertunggakan cukai taksiran. *Pindaan KPI dari 30,000 kepada 10,000	100%
Teras 6 : Memperkuhkan Kedudukan dan Pengurusan Kewangan			
Matlamat 5 : Bandaraya Tadbir Urus Cekap	Dokumen Tuntutan Bayaran yang lengkap dan teratur diproses dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh penerimaan di Unit Pembayaran, Jabatan Kewangan	Semua dokumen tuntutan bayaran yang lengkap dan teratur diproses dalam tempoh 7 hari bekerja.	100%
Teras 6 : Memperkuhkan Kedudukan dan Pengurusan Kewangan			
Matlamat 5 : Bandaraya Tadbir Urus Cekap	Memastikan Peruntukan Mengurus yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dibelanjakan dalam tahun semasa untuk:	100% peruntukan yang diterima dibelanjakan dalam tahun semasa	100%
Teras 6 : Memperkuhkan Kedudukan dan Pengurusan Kewangan	i. Penyelenggaraan Jalan Raya MARRIS ii. Peruntukan Khas bagi Program Pengurusan Perbandaran iii. Penyelenggaraan Tugu Negara		
Matlamat 5 : Bandaraya Tadbir Urus Cekap	Memastikan Peruntukan Projek RMK11 yang diluluskan pada tahun 2020 disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan.	90% peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan disalurkan pada tahun 2020. *Pindaan KPI 2020 dari 90% kepada 80%	100%
Teras 6 : Memperkuhkan Kedudukan dan Pengurusan Kewangan			

KRA	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN TAHUN 2020
Matlamat 5 : Bandaraya Tadbir Urus Cepak	Membuat penambahbaikan ke atas Garis Panduan Kewangan bagi penggunaan Panjar Wang runcit	Garis Panduan disediakan dan diluluskan untuk digunapakai oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.	100%
Teras 6 : Memperkuhkan Kedudukan dan Pengurusan Kewangan			
Matlamat 5 : Bandaraya Tadbir Urus Cepak	Mengukuh dan meningkatkan tahap kefahaman dan kemahiran pengguna menggunakan DBKL Core System bagi modul-modul berkaitan dalam EBS dan DREAMS	Menyediakan sebanyak 10 sesi Latihan kepada pengguna DBKL Core System.	100%
Teras 6 : Memperkuhkan Kedudukan dan Pengurusan Kewangan			
Matlamat 5 : Bandaraya Tadbir Urus Cepak	Kehadiran 3 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan.	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan.	15%
Teras 1 : Memantapkan dan Mempertingkatkan Kapasiti dan Keupayaan Tadbir Urus Serta Sistem Penyampaian Perkhidmatan			
Matlamat 5 : Bandaraya Tadbir Urus Cepak	Peratusan bajet mengurus dan pembangunan tahunan jabatan yang dibelanjakan	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahunan *Pindaan KPI dari 95% kepada 90%	100%
Teras 1 : Memantapkan dan Mempertingkatkan Kapasiti dan Keupayaan Tadbir Urus Serta Sistem Penyampaian Perkhidmatan			
Matlamat 5 : Bandaraya Tadbir Urus Cepak	Menyasarkan 95% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2020.	Menyelesaikan 95% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP).	100%
Teras 1 : Memantapkan dan Mempertingkatkan Kapasiti dan Keupayaan Tadbir Urus Serta Sistem Penyampaian Perkhidmatan			
Matlamat 5 : Bandaraya Tadbir Urus Cepak	Peningkatan perkhidmatan melalui program inovasi Menyediakan Booklet Panduan Pengurusan Kewangan kepada warga Kuala Lumpur berkenaan:- i. Pembayaran ii. Bajet iii. Insurans	Satu inovasi peringkat Jabatan	100%
Teras 1 : Memantapkan dan Mempertingkatkan Kapasiti dan Keupayaan Tadbir Urus Serta Sistem Penyampaian Perkhidmatan			

5.0 BAJET

5.1 Perbelanjaan Bajet Mengurus

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Belanjawan Mengurus	1,826,550,000	1,718,217,926	94.07

5.2. Perbelanjaan Bajet Pembangunan

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Belanjawan Pembangunan	1,075,168,150	927,009,944	86.22

6.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

6.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

Fungsi Jabatan Kewangan adalah untuk mengendalikan pengurusan kewangan DBKL yang terlibat dari segi pengurusan kutipan hasil, perbelanjaan, belanjawan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahunan DBKL serta mempertingkatkan perancangan dan kawalan kewangan yang lebih berkualiti.

Jabatan Kewangan juga memastikan tindakan penguatkuasaan kutipan cukai taksiran dilaksanakan mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ke atas akaun-akaun tertunggak dan menyediakan maklumat-maklumat kewangan hasil bukan cukai / terimaan bukan hasil untuk tindakan penguatkuasaan kutipan hasil oleh jabatan pelaksana.

6.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit/Bahagian-Bahagian Jabatan

- Menyediakan sistem kewangan yang sistematik selaras dengan akta-akta yang digunapakai aturcara kewangan, peraturan-peraturan kewangan kerajaan dan juga piawaian perakaunan yang diterima umum.
- Mengutip hasil-hasil DBKL.
- Menyediakan maklumat kewangan untuk kegunaan semua pihak yang berkepentingan.
- Menyediakan belanjawan tahunan dengan mengutamakan kemudahan untuk pembayar cukai serta wargakota.
- Mengendalikan sistem bayaran yang cekap dan teratur
- Menyediakan sistem kawalan dalaman untuk memastikan pentadbiran kewangan selaras dengan akta dan peraturan yang digunapakai oleh DBKL.
- Menguruskan skim insurans untuk melindungi harta benda
- Menjadi ahli Jawatankuasa Pelaksanaan Projek-Projek Khas dan Penswastaan oleh DBKL.

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

7.1 Pembukaan Kaunter Bayaran

Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
1 – 29 Februari 2020	Unit Hasil Cukai	Kaunter Bayaran Sementara di 3 Pusat Membeli Belah: • AEON Maluri • AEON Kepong • Mid Valley	Sempena bulan membayar cukai taksiran pada bulan Februari 2020. Bertujuan untuk memudahkan orang awam membuat semakan dan bayaran cukai taksiran.
1 – 29 Februari 2020	Unit Hasil Cukai	Kaunter Bergerak di 2 lokasi iaitu di Bandar Sri Permaisuri dan di Wisma Central Jalan Ampang.	Sempena bulan membayar cukai taksiran pada bulan Februari 2020. Bertujuan untuk memudahkan orang awam membuat semakan dan bayaran cukai taksiran.
1 – 29 Februari 2020 dan 1 – 31 Ogos 2020	Unit Hasil Cukai dan Unit Kawalan Tunggakan dan Penguatkuasaan	Kaunter Bergerak - Operasi Kutipan Cukai Taksiran Strata dengan kerjasama Joint Management Body (JMB)	Sempena bulan membayar cukai taksiran pada bulan Februari 2020. Bertujuan untuk memudahkan orang awam membuat semakan dan bayaran cukai taksiran.





7.2 Portal Idea Belanjawan DBKL 2021

Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
16 Mac – 18 Mei 2020	Warga Kota	Jabatan Kewangan telah melancarkan sebuah portal yang dinamakan Idea Belanjawan DBKL 2021	Portal ini menyediakan akses untuk individu dan pihak berkepentingan terutama warga kota untuk menyalurkan sebarang idea dan pandangan secara terus atas talian. Sebanyak 110 responden dengan 221 idea dan cadangan telah diberikan oleh responden. Idea dan pandangan telah diambil maklum oleh jabatan-jabatan berkaitan untuk diselaraskan dalam program/aktiviti/ projek untuk Belanjawan DBKL 2021.



IDEA BELANJAWAN

1. Sila klik **BERIKAN IDEA & CADANGAN ANDA** pada butang dibawah.
2. Pilih kategori yang bersesuaian dengan idea dan pandangan yang anda ingin berikan.
3. Isi ruangan tersedia dengan lengkap.
4. Klik hantar (*submit*)
5. **Selesai.**

DBKL SEDANG DALAM PROSES PENYEDIAAN BELANJAWAN DBKL BACI TAHUN 2021. PORTAL INI DISEDIAKAN UNTUK :

- # Mendapatkan pandangan dan idea daripada warga kota bagi merangka perkhidmatan yang bakal dilaksanakan.
- # Belanjawan DBKL dapat disediakan berasaskan kepada keperluan wargakota.
- # Menjadi fokus utama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia.
- # Memastikan belanjawan yang disediakan adalah bermatlamatkan kesejahteraan rakyat.

"KAMI INGIN MENDAPATKAN CADANGAN & IDEA DARIPADA ANDA KAMI DAHULUI DENGAN UCAPAN RIBUAN TERIMA KASIH"

[TARIKH TUTUP CADANGAN PADA 15 APRIL 2020 BERSAMAAN HARI RABU]

BERIKAN IDEA & CADANGAN ANDA

7.3 Retreat Belanjawan 2021

Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
13 Oktober 2020	Semua Ketua Jabatan DBKL	P e n y e d i a a n Belanjawan 2021. <i>Retreat</i> ini bermula pada jam 9.00 pagi dengan dibahagikan kepada 6 slot dan berakhir pada jam 4.30 petang.	<p><i>Retreat</i> ini dilaksanakan bagi memuktamadkan permohonan peruntukan Mengurus dan Pembangunan setiap jabatan mengikut anggaran Hasil 2021.</p> <p>Penyediaan Belanjawan 2021 memberi keutamaan kepada komitmen kontrak sedia ada, projek-projek yang sedang dilaksanakan serta melaksanakan program/aktiviti/projek yang benar-benar perlu dan memberi impak yang maksimum kepada warga kota dengan tidak menjejaskan kualiti perkhidmatan kepada warga kota terutamanya kepada mereka yang terkesan dengan pandemik Covid-19.</p> <p>Fokus Belanjawan 2021 masih mengekalkan kesinambungan kepada empat belas (14) program sedia ada bagi memastikan fungsi utama DBKL dapat dilaksanakan.</p>




7.4 Sidang Media Belanjawan DBKL 2021

Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
17 Disember 2020	Pengurusan Tertinggi DBKL dan 16 wakil media dari pelbagai medium.	Sidang Media Belanjawan DBKL 2021 oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.	Belanjawan 2021 telah memperuntukkan peruntukan sebanyak RM1.762 bilion untuk Peruntukan Mengurus dan sebanyak RM891 juta untuk Peruntukan Pembangunan.



7.5 Bengkel SOP DBKL Core System

Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
22 – 25 September 2020	Semua jabatan	Bengkel pembangunan SOP DBKL Core System (DCoS) modul: - Pengurusan Projek - Modul Penyelenggaraan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membangunkan satu SOP yang menyeluruh ke atas semua proses kerja harian di dalam system. 2. Menyeragamkan aliran proses antara jabatan-jabatan bagi mengelakkan pertindihan tugas serta kecelaruan aliran data yang akan diproses di dalam sistem bagi memastikan satu standard aliran proses diguna pakai semua jabatan.



7.6 Pembukaan kaunter CSSP (Customer Self Service Portal) di Bahagian Hasil Menara DBKL 1

Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
24 – 28 Ogos 2020	Pemilik harta dan pembayar perkhidmatan DBKL.	Pembukaan kaunter CSSP (<i>Customer Self Service Portal</i>) di Bilik Besemuka Bahagian Hasil.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memperkenalkan CSSP kepada semua pemilik harta di Kuala Lumpur. 2. Pengaktifan akaun CSSP pemilik harta oleh petugas kaunter CSSP. 3. Membantu pemilik harta atau wakil membuat bayaran online melalui portal CSSP. 4. Pengemaskinian data pemilik harta.





7.7 Pembukaan kaunter Sistem eZpay

Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
22 – 26 Februari 2020	Pembayar cukai taksiran DBKL.	Pembukaan kaunter Sistem eZpay di Lobi Menara DBKL 1, di Kaunter Hasil Menara DBKL 1 dan Kaunter Hasil Menara 2.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan medium bayaran cukai DBKL tanpa tunai kepada pemilik harta di Kuala Lumpur. 2. Memudahkan pembayar cukai membuat bayaran secara online. 3. Memudahkan kakitangan di lapangan dan kaunter membuat kutipan hasil tanpa tunai. 4. Meningkatkan prestasi kerja kakitangan dan memendekkan proses mengakaunkan kutipan hasil di lapangan daripada manual kepada <i>online</i>.

Kaunter eZpay di Lobi Menara DBKL 1



Sesi Latihan Penggunaan Device Mobile Handheld Kepada Pengguna Jabatan



Sesi Taklimat Penyerahan Device Mobile Handheld



7.8 Pembukaan kaunter CSSP (Customer Self Service Portal) di Bahagian Hasil Menara DBKL 1

Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
4 Februari 2020	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal	Sesi latihan sistem Dcos EUT <i>Fleet Management</i>	
4 Februari 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal, Jabatan Pengangkutan Bandar	Sesi latihan sistem Dcos EUT <i>Inventory Management</i>	
6 Februari 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar	Sesi latihan sistem Dcos EUT <i>Fixed Asset Management</i>	
7 Februari 2020	Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan, jabatan pelaksanaan projek dan penyelenggaraan bangunan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal, Jabatan, jabatan kejuruteraan mekanikal dan elektrika, Jabatan Perancangan Infrastruktur, Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar	Sesi latihan sistem Dcos EUT <i>Project Management</i>	
10 Februari 2020	Jabatan Kewangan	Sesi latihan sistem Dcos EUT <i>Project Management & Costing</i>	
11 Februari 2020	Jabatan Kejuruteraan Awam Dan Saliran, Jabatan Pengurusan Maklumat, Jabatan Pengangkutan Bandar, Jabatan Pembangunan Landskap Dan Rekreasi	Sesi latihan sistem Dcos EUT <i>Enterprise Asset Management</i>	Mengukuh dan meningkatkan tahap kefahaman dan kemahiran pengguna menggunakan DBKL <i>Core System</i> bagi modul-modul berkaitan
17 Februari 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Pengurusan Maklumat	Sesi latihan sistem Dcos EUT SOA	
17 Februari 2020	Jabatan Kewangan	Sesi latihan sistem Dcos EUT TMS	
17 Mac 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Dan Elektrikal	Sesi latihan sistem Dcos EUT <i>Insurance Management</i>	
2 Mac 2020	Jabatan Kewangan, IDB, Jabatan Kejuruteraan Awam Dan Saliran, Jabatan Pengangkutan Bandar	Sesi latihan sistem Dcos EUT <i>Iprocurement And Purchasing</i>	
2 Mac 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Pengurusan Maklumat	Sesi latihan sistem Dcos EUT SSO	
5 Mac 2020	Jabatan Pembangunan Komuniti Dan Kesejahteraan Bandar	Sesi latihan sistem Dcos EUT <i>Jualan Perumahan</i>	
6 Mac 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Pembangunan Komuniti Dan Kesejahteraan Bandar, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Jabatan Perancangan Bandaraya	Sesi latihan sistem Dcos EUT <i>Sewaan - Parkir</i>	

Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
9 Mac 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan Dan Sukan, Jabatan Pembangunan Landskap Dan Rekreasi, Jabatan Perlesenan Dan Pembangunan Penjaja, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Dan Elektrikal	Sesi latihan sistem Dcos EUT Sewaan - Harta Pelbagai	
9 Mac 2020	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	Sesi latihan sistem Dcos EUT Jualan Aset Hartanah	
9 Mac 2020	Jabatan Kewangan	Sesi latihan sistem Dcos TOT TMS	
10 Mac 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar, Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan	Sesi latihan sistem Dcos EUT Cagaran	
11 Mac 2020	Semua jabatan	Sesi latihan sistem Dcos EUT <i>Hyperion - Budget Management</i>	
11 Mac 2020	Jabatan Pengurusan Maklumat	Sesi latihan sistem Dcos TOT HCM	
12 Mac 2020	Jabatan Kewangan	Sesi latihan sistem Dcos TOT SSO & SOA	
11 Jun 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Perancangan Bandaraya, Jabatan Pembangunan Komuniti Dan Kesejahteraan Bandar	Sesi latihan sistem Dcos EUT Caj Pembangunan	
22 Jun 2020	Jabatan Kewangan	Sesi latihan sistem Dcos TOT AP	Mengukuh dan meningkatkan tahap kefahaman dan kemahiran pengguna menggunakan DBKL <i>Core System</i> bagi modul-modul berkaitan
22 Jun 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Pengurusan Maklumat	Sesi latihan sistem Dcos TOT AR & CM	
23 Jun 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Pengurusan Maklumat	Sesi latihan sistem Dcos TOT <i>Laravel</i>	
23 Jun 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Pengurusan Maklumat	Sesi latihan sistem Dcos TOT <i>General Ledger</i>	
25 Jun 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Pengurusan Maklumat	Sesi latihan sistem Dcos TOT <i>Insurance Management</i>	
25 Jun 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Pengurusan Maklumat	Sesi latihan sistem Dcos TOT <i>Patching</i>	
26 Jun 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Pengurusan Maklumat	Sesi latihan sistem Dcos TOT <i>System Admin</i>	
29 Jun 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Pengurusan Maklumat	Sesi latihan sistem Dcos TOT <i>Project Management</i>	
30 Jun 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Pengurusan Maklumat	Sesi latihan sistem Dcos TOT <i>Purchasing</i>	
1 Julai 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Pengurusan Maklumat	Sesi latihan sistem Dcos TOT EAM	
2 Julai 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Pengurusan Maklumat	Sesi latihan sistem Dcos TOT <i>Inventory Management</i>	
3 Julai 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Pengurusan Maklumat	Sesi latihan sistem Dcos TOT <i>Fleet Management</i>	
9 Julai 2020	Jabatan Kewangan, Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar	Sesi latihan sistem Dcos TTT kutipan	



7.9 Taklimat Penyediaan Penyata Kewangan Berasaskan MPSAS (*Malaysian Public Sector Accounting Standard*) Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
4 - 6 Mac 2020	PBT Negeri Pahang	<p>Taklimat Penyediaan Penyata Kewangan Berasaskan MPSAS Kepada PBT Negeri Pahang</p> <p>Sebagai salah satu agensi perintis dalam pemakaian awal dan berjaya menyiapkan Penyata Kewangan berasaskan MPSAS mulai 2016 Jabatan Kewangan meneruskan sesi taklimat pada 2020 dengan membentangkan pengalaman mengenai Pelaksanaan MPSAS di DBKL khasnya berkenaan dengan Pengiktirafan Aset Infrastruktur yang merupakan perkara baharu dalam piawaian perakaunan tersebut. Sesi taklimat ini mula dilaksanakan pada tahun 2019 dengan penyertaan beberapa PBT daripada negeri-negeri lain.</p>	<p>Pemakaian MPSAS ini adalah diwajibkan sebagai rangka kerja pelaporan kewangan mulai tahun 2020</p> <p>DBKL menjadi salah satu agensi perintis telah berkongsi pengalaman serta sumber rujukan kepada PBT lain dalam pelaporan Penyata Kewangan menggunakan MPSAS</p>



7.10 Bengkel Penyediaan Prosedur Operasi Standard (SOP)

Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
12 – 13 Ogos 2020	Jabatan Audit Dalam, Unit Pembayaran, Unit Perakaunan dan Unit Pentadbiran JKEW.	Bengkel Penyediaan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi Pengurusan Panjar Wang Runcit.	Membuat penambahbaikan ke atas Garis Panduan Kewangan bagi penggunaan Panjar Wang Runcit dan digunakan sebagai rujukan oleh Jabatan. Mengukuhkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia

1.0 LATAR BELAKANG

Sejak ditubuhkan pada tahun 1970, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) telah mengalami beberapa perubahan dari segi status Jabatan. Walau bagaimanapun, perubahan ini tidak melibatkan perubahan fungsinya. Antara fungsi tradisi JPSM yang telah sekian lama dilaksanakan ialah perancangan guna tenaga manusia, pelantikan dan penempatan kakitangan, perkhidmatan, pembangunan prestasi, pembangunan modal insan, pengurusan hal ehwal kebajikan, kaunseling, hal ehwal peperiksaan dan persaraan. Selain melaksanakan fungsi-fungsi tradisi, JPSM telah diberi tanggungjawab sebagai urus setia kepada program-program peningkatan prestasi DBKL, program peningkatan budaya inovasi dan program peningkatan imej DBKL. Bagi program peningkatan prestasi DBKL, JPSM bertanggungjawab melaksanakan MS ISO QMS 9001 : 2015, MS ISO ISMS IEC 27001:2013, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Sistem Pengurusan Kerja Amalan EKSA, Program peningkatan budaya inovasi pula dilaksanakan melalui penubuhan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di setiap Jabatan/unit dan program penjanaaan idea inovasi daripada setiap Jabatan, kumpulan atau individu. Pasukan KIK diberi pengiktirafan semasa Konvensyen KIK peringkat DBKL dan idea inovasi pula diberi pengiktirafan pada Hari Inovasi peringkat DBKL.

Disamping itu, JPSM juga bertindak sebagai urus setia kepada program-program yang meningkatkan imej DBKL seperti Sistem Penggredan PBT (Star Rating) dan Anugerah Inovasi PBT dan lain-lain anugerah yang dipertandingkan. **Pada tahun 2020, DBKL telah mencapai tempat ke-7 bagi anugerah Star Rating.**

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia terbahagi kepada dua (2) bahagian utama iaitu:-

- i. Bahagian Pembangunan; dan
- ii. Bahagian Perkhidmatan

Jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan Jabatan Pengurusan Sumber Manusia adalah seramai **178 orang**.

2.0 VISI DAN MISI

Visi	Misi
Warga kerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang kompeten menjelang tahun 2020	Melaksanakan fungsi Pengurusan Sumber Manusia dengan cekap dan berkesan berasaskan pelaksanaan amalan pengurusan terbaik

3.0 PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2020

- 3.1 Mengisi kekosongan jawatan lantikan dan kenaikan pangkat dilaksanakan dalam tempoh **2 bulan** dari tarikh temuduga / pemilihan;
- 3.2 Mengeluarkan surat pengesahan dalam perkhidmatan tempoh **14 hari bekerja** setelah diluluskan;
- 3.3 Mengemukakan keputusan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) kepada jabatan untuk tindakan dalam tempoh **1 minggu** dari tarikh minit mesyuarat diedarkan;
- 3.4 Menyelesaikan tuntutan bantuan kebajikan yang telah lengkap dalam tempoh **14 hari bekerja**;
- 3.5 Mengadakan temujanji klien bersama kaunselor bagi sesi kaunseling individu dalam tempoh **3 minggu** dari tarikh permohonan diterima;
- 3.6 Menyiapkan maklumat bagi tujuan persaraan paksa atau persaraan pilihan **3 bulan sebelum** tarikh persaraan;
- 3.7 Memberi peluang kakitangan lantikan tetap menghadiri Program Transformasi Minda (PTM) dalam **tahun pertama lantikan**;
- 3.8 Melaksanakan Peperiksaan Perkhidmatan **dua (2) kali setahun** untuk pengesahan dalam perkhidmatan pegawai dan kakitangan DBKL.

4.0 PETUNJUK UTAMA PRESTASI (KPI) JABATAN TAHUN 2020

KRA	KPI	Sasaran	Pencapaian Tahun 2020
PEMANTAPAN ORGANISASI YANG CEMERLANG	Pengisian Kekosongan Jawatan Kenaikan Pangkat	Mengisi 62 kekosongan perjawatan kenaikan pangkat	77%
	Pengisian jawatan kenaikan pangkat secara time-based berasaskan kecemerlangan (TBK)	Kumpulan Pelaksana untuk tempoh perkhidmatan genap 13 tahun	100% (159% ST)
	Pelaksanaan Pengisian kekosongan jawatan	117 kekosongan perjawatan a. 41 kekosongan 2019 b. 76 untuk persaraan 2020	100% a) 92.68% OT b) 90.79% OT
	Pelaksanaan Penempatan / Pusingan Kerja (Job Rotation)	Skim perkhidmatan yang berkhidmat melebihi 5 tahun seperti berikut:- Kumpulan A : 10 orang Kumpulan B : 20 orang Kumpulan C : 110 orang Kumpulan D/OMG : 40 orang Jumlah Keseluruhan : 180 orang	100% (95.5% ET)
	Pengauditan Perjawatan	a) Jurutera : 130 orang b) Pembantu Kemahiran : 136 orang	100% 90% OT 90% OT
	Kehadiran 3 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan	Pegawai dan Kakitangan Jabatan	21.66% (BT)
	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	90%	100% (91% ET)
Penyediaan draf pelan strategik Sumber Manusia 2021-2030	Sediakan satu draf dokumen pelan strategik	40%	
MEMBANGUNKAN PENGURUSAN MAKLUMAT PERSONEL	Pengurusan Data HRMIS	<ul style="list-style-type: none"> • Permurnian 100% data bagi 22 elemen Data Perjawatan, Rekod Peribadi dan Profail Perkhidmatan di HRMIS • Pelaksanaan Perisytiharan Harta melalui HRMIS • Penamatan Perkhidmatan • Pengemaskinian Sasaran Kerja Tahunan 	100% (OT)
PEMBENTUKAN MODAL INSAN YANG CEMERLANG	Program Motivasi kepada kakitangan:- Prestasi Rendah Keberhutangan wang yang berat	1 program setiap satu	0% (BT)

5.0 BAJET

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Perbelanjaan	RM 19,370,400.00	RM 17,476,470.00	90

Perbelanjaan bagi tahun 2020

6.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

- 6.1 Merancang keperluan sumber manusia dan pembangunan organisasi DBKL.
- 6.2 Merancang dan menguruskan perjawatan, pengambilan, peminjaman dan penempatan pegawai DBKL
- 6.3 Menguruskan dan melaksanakan urusan peperiksaan pegawai DBKL yang merangkumi Peperiksaan Perkhidmatan dan Program Tranformasi Minda (PTM).
- 6.4 Menguruskan maklumat dan rekod perkhidmatan pegawai DBKL.
- 6.5 Menguruskan penilaian prestasi, kenaikan pangkat dan anugerah pegawai DBKL
- 6.6 Melaksanakan urusan berkaitan pengesahan dalam perkhidmatan dan persaraan pegawai DBKL.
- 6.7 Menguruskan dan melaksanakan urusan berkaitan kemudahan pegawai DBKL yang merangkumi cuti, elaun, biasiswa, pinjaman pelajaran, kenderaan, komputer, perumahan, kuarters dan rumah rehat.
- 6.8 Merancang dan menguruskan persekitaran tempat kerja yang sihat dan selamat di DBKL.
- 6.9 Mengurus hubungan majikan dan pekerja yang harmoni melalui Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
- 6.10 Pengurus program pembangunan sendiri dan kaunseling pegawai DBKL
- 6.11 Mengurus dan melaksanakan urusan berkaitan hal-ehwal kebajikan pegawai DBKL yang merangkumi sumbangan kebajikan, insurans dan ex-gratia.
- 6.12 Melaksana dan menguruskan program pembangunan kualiti dan inovasi DBKL

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

BIL	TARIKH	LOKASI	PENGLIBATAN	PROGRAM/AKTIVITI	OBJEKTIF
1	8 Januari 2020	Institut Latihan DBKL (IDB)	Unit Pentadbiran & Maklumat Personel (UPMP)	Sesi Latihan Pengguna <i>DBKL Core System Human Capital Management</i> (DCS-HCM) - <i>Hands on</i> Kepada Kerani Cuti, <i>Overtime</i> Dan Kehadiran	Sesi ini diadakan memberi latihan secara Hands On kepada Kerani Cuti, OT dan kehadiran jabatan bagi menggunakan modul-modul berkenaan bagi menggunakan modul-modul berkenaan di dalam Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HCM) agar sistem dapat digunakan dengan baik dan lancar
2	10 - 12 Januari 2020	Grand Lexis, Port Dickson	Unit Pentadbiran & Maklumat Personel (UPMP)	Bengkel Membangunkan Pelan Strategik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 2021 - 2030	Sesi pemurnian deraf Pelan Strategik DBKL 2021-2030. Peserta adalah terdiri daripada pegawai kanan jabatan yang bertanggungjawab merangka hala tuju jabatan selaras dengan misi dan visi DBKL
3	15 - 17 Januari 2020	Hotel Tenera, Bangi	Unit Inovasi & Kualiti (UIDK)	<i>Retreat</i> Pencapaian KPI Tahun 2019 dan Perancangan KPI Tahun 2020	Membentangkan pencapaian KPI Jabatan bagi tahun 2019 dan membincangkan Perancangan KPI Jabatan bagi tahun 2020.
4	30 Januari 2020	Dewan Megapuri, Tingkat 30, Menara DBKL 1	Unit Kebajikan & Kaunseling (UKK)	Mesyuarat MBJ Bil 1/2020	Membincangkan usul yang dikemukakan oleh MBJ Pihak Pegawai/MBJ Pihak Pekerja dan membuat keputusan atas usul-usul yang dibincangkan

BIL	TARIKH	LOKASI	PENGLIBATAN	PROGRAM/AKTIVITI	OBJEKTIF
5	10 - 14 Februari 2020	Institut Latihan DBKL (IDB)	Unit Penilaian Perkhidmatan & Kompetensi (UPPK)	Program Transformasi Minda (PTM) Siri 1	<ul style="list-style-type: none"> - memberi pendedahan mengenai konsep kenegaraan, prinsip dan falsafah negara, sistem pentadbiran kerajaan dan peraturan perkhidmatan awam - memupuk keperibadian, jati diri dan nilai patriotisme supaya berketerampilan dan berkemampuan menyesuaikan diri - menerapkan nilai budaya kerja cemerlang agar pegawai dapat memberikan penyampaian perkhidmatan dengan cekap - menyediakan pegawai dengan minda kelas pertama selaras dengan matlamat ke arah neraga maju
6	11-13 Februari 2020	Tower Regency Hotel, Ipoh, Perak	Unit Kebajikan & Kaunseling (UKK)	Bengkel Pencapaian <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) Tahun 2019 dan Perancangan Program/ Aktiviti AKRAB Tahun 2020	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembentangan kajian pencapaian KPI Tahun 2019 2. Merangka/menyusun atur program / aktiviti AKRAB DBKL bagi tahun 2020 3. Menyedia modul Pembantuan AKRAB DBKL untuk sesi kaunseling berkelompok
7	2 - 6 Mac 2020	Bilik Mesyuarat Lembaga, Menara DBKL 1	Unit Inovasi & Kualiti (UIDK)	Audit Pemantauan ISO oleh pihak SIRIM	Audit Pemantauan oleh Pihak SIRIM perlu dilaksanakan setiap tahun bagi memastikan setiap Jabatan mematuhi prosedur/proses kerja yang telah ditetapkan serta memastikan pengekalan pensijilan ISO DBKL.
8	6 Mac 2020	Dewan Megapuri, Tingkat 30, Menara DBKL 1	Unit Kebajikan & Kaunseling (UKK)	Sesi Saringan Ahli Baru AKRAB, DBKL Tahun 2020	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melantik ahli-ahli AKRAB baru di kalangan kakitangan DBKL 2. Menambah bilangan ahli AKRAB DBKL 3. Menggantikan ahli AKRAB yang telah bersara
9	11 - 13 Mac 2020	The Grand Hotel Ion Delemen, Genting Highland, Pahang	Unit Perancangan Organisasi (UPO)	Bengkel Pra <i>Retreat</i> Penyediaan Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM) Dbkl 2021-2030	Merangka satu Pelan Strategik Sumber Manusia sejajar dengan matlamat dan strategi Pelan Strategik DBKL sebagai rujukan utama dalam memacu warga kerja DBKL ke arah pembentukan nilai kerja dan pengurusan sumber manusia yang lebih berkualiti selaras dengan transformasi yang akan dilaksanakan oleh DBKL
10	11 - 12 Mac 2020	Bilik Mesyuarat JPSM Tingkat 21, Menara DBKL1	Unit Pentadbiran & Maklumat Personel (UPMP)	Sesi Latihan Pengguna DBKL <i>Core System Human Capital Management</i> (DCS-HCM) - <i>Hands on Muat Naik Time Attendance & Overtime</i>	Sesi ini diadakan memberi latihan secara <i>Hands On</i> kepada Kerani Cuti, OT dan kehadiran jabatan bagi menggunakan modul-modul berkenaan bagi menggunakan modul-modul berkenaan di dalam Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HCM) agar sistem dapat digunakan dengan baik dan lancar
2.	2 Februari 2020	Penceramah jemputan : Ustaz Abdul Somad Tetamu Jemputan : YB Menteri Wilayah Persekutuan, Imam Besar Masjid kampung Bharu dan warga kota Kuala Lumpur	Program Prima Dakwah Wilayahku di Stadium Bola Sepak (KLFA) Cheras, Kuala Lumpur	Memacu kesejahteraan komuniti menerusi medium dakwah kontemporari melalui penceramah selebriti dan menambah ilmu pengetahuan.
3.	12 Mac 2020	Penceramah jemputan : Ustaz Elyas Omar Tetamu Jemputan: Warga kerja DBKL	Ceramah sempena Israk Mikraj & Isu Cabaran Rumah Tangga Masa Kini di Auditorium DBKL, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur	Majlis diadakan bagi mengingati peristiwa Israk Mikraj supaya warga kerja DBKL dapat mengambil iktibar seterusnya mengamalkan dalam kehidupan seharian.
4.	11 Ogos 2020	YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, pegawai dan kakitangan DBKL.	Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2020 di Dataran Merdeka, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur	Majlis ini diadakan sebagai mengingati ulang tahun hari kemerdekaan Malaysia dan simbolik permulaan acara-acara sempena Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2020 peringkat DBKL.
5.	27 Ogos 2020	Program kerjasama dengan Jabatan Penguatkuasaan	Ceramah sempena Maal Hijrah 1442h bersama Ustaz Ebit Lew 'Penyesuaian Hijrah dalam Norma Baharu' di Direktorat Penguatkuasaan	Mengadakan program ceramah sempena tahun baru Sambutan Maal Hijrah.
6.	24 September 2020	i. Datuk Bandar dan pasangan ii. Mantan Ahli Lembaga Penasihat dan pasangan iii. Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur iv. Pengarah Eksekutif DBKL v. Ketua-ketua jabatan DBKL.	Majlis Apresiasi Mantan Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur di Hotel Majestic Kuala Lumpur	Majlis meraikan mantan Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur.
7.	23 Disember 2020	Warga kerja DBKL	Bual Bicara 'Rezeki Berkat, Produktiviti Meningkatkan' oleh Ustaz Haslin Baharim - FB Live Kesedaran DBKL dan Bilik Gerakan Tingkat 3, Menara DBKL 1	Program kerohanian dianjurkan untuk meningkatkan produktiviti kerja warga kerja DBKL selepas dugaan penularan wabak pandemik Covid-19.

Pemasangan Bendera Wilayah Persekutuan di Menara DBKL 1, 2 dan 3 sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2020



**Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Peringkat Wilayah Persekutuan Peringkat Kuala Lumpur Tahun 2020
19 Januari 2020
Dataran DBKL, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur**





Program Prima Dakwah Wilayahku
2 Februari 2020
Stadium Bola Sepak (KLFA) Cheras, Kuala Lumpur



Ceramah sempena Israk Mikraj & Isu Cabaran Rumah Tangga Masa Kini
12 Mac 2020
Auditorium DBKL, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur



Pemasangan Jalur Gemilang untuk hiasan bangunan di Menara DBKL 1, 2 dan 3 sempena Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2020



**Ceramah sempena Maal Hijrah 1442h bersama Ustaz Ebit Lew 'Penyesuaian Hijrah dalam Norma Baharu'
27 Ogos 2020 | Direktorat Penguatkuasaan**



**Majlis Apresiasi Mantan Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur
24 September 2020 | Hotel Majestic Kuala Lumpur**



**Bual Bicara 'Rezeki Berkat, Produktiviti Meningkatkan' oleh Ustaz Haslin Baharim
23 Disember 2020
FB Live Kesedaran DBKL dan Bilik Gerakan Tingkat 3, Menara DBKL 1**



Jabatan Pengurusan Maklumat

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan ini ditubuhkan pada 1 Julai 2002 yang dikenali sebagai Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan pada 1 Julai 2011 jabatan ini telah ditukar nama kepada Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM). Jabatan ini mempunyai seramai **88 orang pegawai dan kakitangan yang** terdiri daripada pelbagai jawatan. Jabatan ini juga mempunyai (4) bahagian utama iaitu:-

- 1.1 Bahagian Pembangunan Aplikasi Sokongan;
- 1.2 Bahagian Pembangunan Aplikasi Strategik;
- 1.3 Bahagian Multimedia dan GIS; dan
- 1.4 Bahagian Pengurusan Data, Rangkaian dan Sokongan Teknikal

2.0 VISI DAN MISI

Visi	Misi
ICT sebagai pembolehdaya strategik ke arah merealisasikan DBKL sebagai sebuah PBT yang terunggul.	Membudaya dan memperkasa ICT melalui jaringan digital yang mapan dan mantap ke arah penyampaian perkhidmatan cemerlang.

3.0 PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2020

- 3.1 Permohonan lengkap Pembangunan Sistem Aplikasi akan dikaji dalam tempoh 30 hari bekerja selepas menerima semua dokumen dengan lengkap;
- 3.2 Pembangunan Produksi Multimedia akan dilaksanakan dalam tempoh 30 hari bekerja setelah mendapat maklumat lengkap dari jabatan pengguna;
- 3.3 Semua aduan, pertanyaan ICT dan masalah perkakasan, perisian, sistem serta rangkaian yang dihadapi oleh pengguna akan diberi maklumbalas awal dalam tempoh satu (1) hari bekerja;
- 3.4 Mengemaskini semua portal dan laman web DBKL dalam tempoh 3 hari bekerja selepas maklumat lengkap diterima;
- 3.5 Memastikan perkhidmatan semua operasi server dan rangkaian dapat dicapai secara berterusan (24jam x 7hari);
- 3.6 Memastikan *preventive maintenance* untuk penyenggaraan server, rangkaian, sistem aplikasi dan perkakasan dilaksanakan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali.

4.0 PETUNJUK UTAMA PRESTASI (KPI) JABATAN TAHUN 2020

BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
1.0	Sistem e-Lesen Versi 4.0	45%	33%
	KLFOSS	80%	90%
	Sistem Inventori Pokok	100%	100%
	Rasionalisasi SPJ	100%	89%
2.0	Menaiktaraf Perkhidmatan E-mel	50%	30%
	Backup and Restore For Financial Management System	60%	100%
3.0	Integrasi dengan Sistem Chatbot	20%	75%
	Digital Signage	20%	100%
	Pemantapan Portal Intranet DBKL dan Naiktaraf Sistem eBooking	20%	75%
4.0	Kehadiran 3 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan	100%	100%
5.0	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	90%	80.59%
6.0	Mewujudkan satu kumpulan KIK/ Idea Inovasi	1	1
7.0	Mensasarkan 95% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	95%	100%
JUMLAH KESELURUHAN			81.05%

5.0 BAJET

5.1 Perbelanjaan Bagi Tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Mengurus	RM 35,211,600.00	RM 33,929,017.00	96.36

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Pembangunan	RM 44,587,250.00	RM 27,996,616.00	62.80

Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2020

6.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

6.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan Jabatan Pengurusan Maklumat berfungsi untuk:

- Merancang, menyelaras, membangun dan mengawalselia pembangunan serta pengkomputeran ICT di semua Jabatan di DBKL dalam meningkatkan kualiti system penyampaian perkhidmatan.
- Menyediakan kemudahan infastruktur rangkaian dan telekomunikasi yang *reliable* dan selamat bagi menyokong pelaksanaan pengkomputeran ICT.
- Merancang, menyelaras dan memberi perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran server dan sokongan teknikal ICT dalam menyediakan kelengkapan ICT yang terkini.
- Menyediakan prasarana internet dan mail elektronik untuk kemudahan di kalangan warga DBKL dan juga antara agensi kerajaan dengan swasta dan orang ramai dalam memudahkan dan mempercepatkan capaian maklumat dan komunikasi ke arah *paperless*.
- Merancang, membangun dan menyelenggara portal dan laman web DBKL dalam menyalurkan informasi jabatan dan aktiviti semasa DBKL kepada warga kota dan kakitangan DBKL dengan tepat dan cepat.

6.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit / Bahagian-Bahagian Jabatan

6.2.1 Bahagian Pembangunan Aplikasi Sokongan

Unit Aplikasi Sokongan

- Mengkaji keperluan pembangunan sistem aplikasi ICT.
- Melaksanakan pembangunan sistem aplikasi ICT secara sumber dalaman dan luaran.
- Mengawal selia dan menyenggara sistem aplikasi ICT yang siap dibangunkan.
- Melaksanakan perancangan penambahbaikan / keperluan baru sistem aplikasi ICT.
- Memberi latihan kepada pengguna sistem.
- Memberi khidmat nasihat teknikal kepada pengguna sistem.
- Melaksanakan inisiatif - inisiatif ICT yang melibatkan peringkat kerajaan pusat.

Unit Dasar dan Kualiti ICT

- Merancang, menyediakan, menyelaras, melaksana dan mengawal Dasar dan Polisi ICT DBKL.
- Merangka, menyediakan, melaksana dan mengawal Garis Panduan Keselamatan ICT.
- Melaksana dan menyelaras ISP yang telah dirangka selari Pelan Strategik ICT kerajaan.
- Merancang strategi pelaksanaan pembangunan ICT mengikut prosedur dan polisi ditetapkan.
- Memastikan piawaian kualiti ISO dan ISMS dipatuhi.
- Menyelaraskan KPI dan Star Rating jabatan.
- Menyelaraskan Pelan Strategik DBKL berkaitan ICT.

6.2.2 Bahagian Pembangunan Aplikasi Strategik

Unit Aplikasi Strategik

- Mengkaji keperluan pembangunan sistem aplikasi ICT.
- Melaksanakan pembangunan sistem aplikasi ICT secara sumber luaran.
- Mengawal selia dan menyenggara sistem aplikasi ICT yang siap dibangunkan.
- Melaksanakan perancangan penambahbaikan/keperluan baru sistem aplikasi ICT.
- Memberi latihan kepada pengguna sistem.
- Memberi khidmat nasihat teknikal kepada pengguna sistem.

Unit Perundingan ICT

- Kajian kertas cadangan yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat ICT.
- Penyediaan laporan kajian kertas cadangan / pembentangan ICT.
- Penyelarasan dan Pemantauan kesesuaian pelaksanaan teknologi baru di DBKL.
- Perancangan dan pelaksanaan aktiviti promosi bagi memperkenalkan Inovasi Teknologi di DBKL.
- Perancangan dan Penyediaan Pelan Pendidikan dan Latihan ICT.
- Mengkaji keperluan dan merangka Strategi untuk melahirkan pekerja yang berpengetahuan, mahir dan berkualiti dalam bidang ICT.

6.2.3 Bahagian Multimedia dan GIS

Unit Pembangunan Portal

- Pembangunan dan Penyelenggaraan Portal dan Laman Web.
- Pengintegrasian Sistem Aplikasi dengan Portal Internet.
- Menyelaraskan perolehan data dan maklumat di jabatan DBKL untuk pengemaskinian Portal Rasmi DBKL.

Unit Perkhidmatan Intranet

- Pembangunan dan Penyelenggaraan Portal Intranet DBKL
- Pengintegrasian Sistem Aplikasi dengan Portal Intranet.
- Menyelaraskan perolehan data dan maklumat dari jabatan DBKL untuk pengemaskinian Portal Intranet DBKL.

Unit Produksi Multimedia

- Perancangan dan Pembangunan Produksi Multimedia.
- Memberi khidmat rundingan mengenai Pembangunan Produksi Multimedia
- Merekabentuk dan Pengemaskinian Produksi Multimedia.

Unit KL GIS

- Mengkaji keperluan pembangunan sistem aplikasi ICT berkaitan GIS untuk keperluan Jabatan Teknikal di DBKL.
- Melaksanakan pembangunan sistem aplikasi ICT berkaitan GIS berdasarkan belanjawan dan kelulusan pentadbiran DBKL.
- Mengawalselia dan menyenggara sistem aplikasi ICT yang siap dibangunkan.
- Membuat perancangan penambahbaikan sistem aplikasi ICT yang dilaksanakan.
- Mengurus dan menyelaraskan permohonan peruntukan di dalam belanjawan induk dan tambahan untuk setiap tahun bagi perkakasan computer dan pembangunan sistem.
- Memberi latihan kepada pengguna sistem.
- Memberi khidmat nasihat dan khidmat teknikal kepada pengguna sistem.

6.2.4 Bahagian Pengurusan Data, Rangkaian Dan Sokongan Teknikal**Unit Pengurusan Rangkaian**

- Merancang, mentadbir dan mengawalselia penyelenggaraan infrastruktur rangkaian ICT di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi memastikan pengoperasian rangkaian DBKL berjalan lancar 24 jam tanpa sebarang masalah *major*.
- Melaksanakan pengurusan keselamatan rangkaian DBKL dari ancaman dalam dan luar bagi memastikan ketersediaan keselamatan rangkaian ICT DBKL adalah sepanjang masa dan berada pada tahap yang optimum.
- Merancang, mentadbir dan mengawalselia penyelenggaraan keperluan infrastruktur ICT di Pusat Data Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi memastikan pengoperasian rangkaian dan sistem-sistem DBKL berjalan lancar 24 jam tanpa sebarang masalah *major*.
- Memastikan infrastruktur rangkaian ICT DBKL beroperasi lancar 24 jam di tahap optimum tanpa sebarang masalah *major*.
- Merancang, mengurus dan mengawalselia pelaksanaan serta belanjawan projek bagi infrastruktur rangkaian ICT bagi memenuhi keperluan dan memastikan ketersediaan infrastruktur rangkaian ICT di tahap yang optimum.

Unit Pengurusan Telekomunikasi

- Merancang, mengkaji semula, menaiktaraf dan mengawalselia sistem CCTV, sistem komunikasi dan talian tanpa wayar (*wireless*).
- Menyediakan infrastruktur komunikasi.
- Memantau dan mengurus keselamatan komunikasi.
- Menyenggara perkakasan komunikasi.
- Mentadbir dan mengurus sistem telekomunikasi PABX, talian ISDN dan PSTN (talian terus dan faksimili).

Unit Pengurusan Server

- Merancang dan mentadbir operasi pengurusan *server* DBKL.
- Merancang, menurus dan mengawalselia bagi memastikan server dan sistem aplikasi beroperasi dengan *down time* yang minima.
- Merancang, merangka dan mengawalselia operasi pemulihan sistem (*disaster recovery*).
- Merancang dan mentadbir operasi pengurusan *backup & restore*.
- Merancang, mentadbir dan mengawalselia pengurusan Email DBKL.

Unit Pengurusan Perkakasan

- Mentadbir perkakasan komputer, notebook, printer dan scanner di DBKL dari segi perolehan, pengagihan, penyelenggaraan, menaiktaraf dan pelupusan.
- Menyelaras dan melaksanakan urusan sebut harga, penyediaan dokumen tender dan kontrak.
- Mentadbir dan mengurus pembekalan *toner* dan *cartridge* bagi pelbagai jenis printer di DBKL.
- Merancang dan mentadbir perisian sistem operasi komputer dan memantau polisi kawalan pengguna.
- Memberi khidmat sokongan teknikal, penyelesaian masalah, bantuan, penyelenggaraan, nasihat dan latihan kepada pengguna di jabatan-jabatan DBKL.

6.2.5 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan**Unit Pentadbiran**

- Pengurusan Pejabat
- Pengurusan Hal Ehwal Kakitangan
- Pengurusan Inventori Bekalan Pejabat
- Pengurusan Aktiviti Sosial
- Pengurusan Perolehan ICT
- Penyelaras AJK Aset Alih Dan Pelupusan

Unit Belanjawan ICT

- Pengurusan Belanjawan Tahunan ICT
- Pengurusan Belanjawan Tambahan ICT
- Pengurusan Kewangan

7.0 PROGRAM/AKTIVITI DAN PENCAPAIAN JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020**7.1 Sistem Diari Bekerja Dari Rumah**





Kemunculan Pandemik koronavirus atau COVID-19 pada awal tahun 2020 telah merubah gaya hidup penduduk dunia termasuk Malaysia dengan begitu drastik sekali. Wabak ini telah memaksa kerajaan Malaysia menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 yang lalu. Arahan PKP ini adalah untuk mengekang penularan wabak COVID-19 dengan menghadkan percampuran sosial antara individu dengan individu yang lain yang boleh menyebarkan jangkitan dengan kadar yang cepat seterusnya menyebabkan kematian. Memandangkan sehingga kini tiada vaksin yang benar-benar boleh menyembuhkan dari serangan virus ini, maka pelaksanaan PKP merupakan cara terbaik menghentikan penyebaran wabak ini yang sekaligus telah merubah gaya hidup dan amalan norma baru kehidupan semua individu.

Kini, penularan COVID-19 ini pada gelombang ketiga telah memaksa pihak kerajaan melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 14 sehingga 27 Oktober 2020 dan disambung sehingga 9 November 2020 yang bertumpu kepada lokasi dan negeri-negeri yang menyumbang kepada peningkatan dan penularan kes-kes tertinggi COVID-19 khususnya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya serta beberapa tempat di Selangor.

Lanjutan daripada pelaksanaan PKPB ini, kerajaan telah mengarahkan sektor-sektor terlibat untuk kekal berada di rumah serta menggalakkan Bekerja Dari Rumah (BDR) atau *Work From Home* (WFH) dan hanya berada di pejabat dengan kebenaran majikan sahaja dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.



Keadaan ini telah memaksa pelaksanaan segera program transformasi digital di semua sektor termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi peralihan operasi dan perkhidmatan atas talian.

Bagi menangani cabaran BDR ini, Pentadbiran DBKL menerusi Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) dengan kerjasama Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM) diarahkan untuk **membangunkan satu aplikasi sistem kehadiran bagi merekodkan kehadiran masuk (clock-in) dan keluar (clock-out) pegawai dan kakitangan dengan menyatakan senarai tugasan harian BDR sepanjang PKPB ini.**



7.2 Sistem KLSTEP

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah membuat satu inisiatif dengan membangunkan aplikasi yang dinamakan KLStep sebagai salah satu langkah pencegahan penularan wabak Covid19 seperti yang telah disyorkan oleh kerajaan. Aplikasi tersebut digunakan untuk membantu keperluan merekod kehadiran pelanggan yang masuk ke dalam premis perniagaan bagi memudahkan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membuat pengesanan kontak dengan mudah.




7.3 KL PRIHATIN

Pembangunan sistem Lesen Sementara KL Prihatin yang membolehkan Permohonan dibuat secara *Online* dan lesen dikeluarkan dengan segera secara *online*.

Sistem Sumbangan Ehsan Covid 19 Kepada Penjaja Dan Peniaga Kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Pembangunan Sistem yang membolehkan penjaja berlesen membuat pendaftaran serta pengemaskinian maklumat akaun bank bagi tujuan penerimaan Sumbangan ini. Sistem membenarkan penjaja berlesen menyemak status permohonan dan kelayakan dan seterusnya mencetak perakuan kelayakan.



Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

1.0 LATAR BELAKANG

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA bertanggungjawab bagi memastikan semua hartanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dinilai bagi maksud kadaran dengan adilnya berpandukan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976. Di samping bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat bagi maksud nilai pasaran, sewa pasaran, caj pembangunan dan kajian kemungkinan kepada lain-lain jabatan dalaman.

Di samping itu, jabatan juga menguruskan hal ehwal hartanah Datuk Bandar Kuala Lumpur dari segi hakmilik strata, pemilikan hartanah, pengambilan balik tanah, perolehan harta dan insuran kebakaran dengan cekap dan berkualiti.

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta juga berperanan melaksanakan fungsi Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur di bawah peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

2.0 VISI DAN MISI

Visi	Misi
Bersatu tenaga secara cekap dan produktif ke arah meningkatkan hasil pencukaian taksiran DBKL.	Memberi perkhidmatan penilaian harta yang cekap, bermutu, mesra dan tepat.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

- 3.1 Meminda Senarai Nilai bagi hartanah yang dibenarkan di bawah Seksyen 144 Akta Kerajaan Tempatan 1976 seperti bangunan baru, tambahan atau ubahsuaian dan perobohan sebanyak 4 kali setahun iaitu pada 1 Januari, 1 April, 1 Julai, dan 1 Oktober setiap tahun. Tarikh kuatkuasa pindaan Senarai Nilai bagi bangunan baru adalah 6 bulan selepas tarikh keluaran Perakuan Menduduki Sementara Bangunan (TCF), Perakuan Menduduki Bangunan(CF), Sijil Siap dan Pematuhan (CCC) atau Borang F.
- 3.2 Mengeluarkan Notis Pemberitahuan kepada pemilik harta mengenai pindaan Nilai Tahunan selewat-lewatnya 30 hari sebelum tarikh pendengaran bantahan.
- 3.3 Mengeluarkan Notis Panggilan Mendengar Bantahan kepada pemilik yang mengemukakan bantahan terhadap pindaan Nilai Tahunan secara bertulis dan dalam tempoh yang dibenarkan selewat-lewatnya 3 hari sebelum tarikh pendengaran bantahan.
- 3.4 Mengeluarkan keputusan Pendengaran Bantahan cukai taksiran dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh pendengaran bantahan.

- 3.5 Menjelaskan bayaran cukai tanah tahunan bagi tanah-tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur di bawah seliaan jabatan sebelum 31 Mei setiap tahun.
- 3.6 Memaklumkan Jabatan Kewangan bahawa kerja-kerja pindaan Senarai Nilai telah disempurnakan sebelum 1 Januari, 1 April, 1 Julai dan 1 Oktober setiap tahun.
- 3.7 Menyediakan laporan penilaian bagi maksud caj pembangunan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- 3.8 Menyediakan laporan hasil siasatan tanah sebanyak dua (2) kali setahun.
- 3.9 Mengemukakan permohonan tanah bagi maksud hakmilik rizab atau TOL dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- 3.10 Mengeluarkan Sijil Perakuan Penubuhan Badan Pengurusan Bersama dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- 3.11 Memastikan Notis Penubuhan Badan Pengurusan Bersama dikeluarkan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh penerimaan senarai bangunan berstrata yang telah dinilai Cukai Taksiran pada setiap penggal penilaian.
- 3.12 Mengeluarkan keputusan permohonan penyewaan bangunan yang diurus oleh jabatan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan Tanah dan Bangunan.
- 3.13 Mengeluarkan Surat Tawaran Menyewa Dewan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan resit cagaran lengkap bersama dokumen berkaitan.
- 3.14 Mengeluarkan Notis Peringatan Tunggakan Sewa pada setiap dua (2) bulan kepada penyewa yang mempunyai tunggakan sewa.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2020

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
MENAMBAH HASIL DBKL	1.1	Pindaan Senarai Nilai bagi tujuan cukai taksiran	Memastikan 100% bangunan baru yang diterima CF/CCC/Borang F diambil tindakan dalam kerja – kerja pindaan Senarai Nilai pada empat(4) penggal pindaan iaitu 1.4.2020, 1.7.2020, 1.10.2020 dan 1.1.2021	100%
	1.2	Menyediakan Garis Panduan Penilaian Sumbangan Membantu Kadar Mengikut Artikel 156, Perlembagaan Persekutuan.	Menyediakan garis panduan mengenai harta-harta yang dinilai berdasarkan peruntukan Artikel 156, Perlembagaan Persekutuan untuk Sumbangan Membantu Kadar selewat-lewatnya dalam bulan Disember 2020.	100%
	1.3	Kajian meningkat taraf standard nilai caj pembangunan melalui jadual kadar matriks	Menyediakan formula standard penilaian caj pembangunan dalam bentuk “model” sebagai inisiatif permulaan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh lantikan	100%
	2.1	Kutipan caj sewaan Semasa	Mengutip 80% dari anggaran hasil sewaan semasa bangunan dan tanah Catatan: PENCAPAIAN 80% dari RM 12,170,992.97 = RM 9,736,794.32	73.79% (RM 7,184,862.25)

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
MENAMBAH HASIL DBKL	2.2	Kutipan tunggakan sewa harta milik Datuk Bandar.	Memastikan sejumlah RM5.2 juta (65%) dari keseluruhan RM8 juta tunggakan sewa sehingga 31.12.2019 dapat dikutip sebelum akhir Disember 2020.	45.36% RM2,358,855/ RM5,200,000
	2.3	Analisis kos faedah/ manfaat (cost-benefit analysis) bagi pendapatan dan perbelanjaan pengurusan fasiliti bangunan	Menyediakan analisis kos faedah/ manfaat (cost-benefit analysis) bagi pendapatan dan perbelanjaan pengurusan fasiliti bangunan tahun 2019 untuk: Kompleks Perniagaan dan Komuniti Bandar Baru Sentul Kompleks Perniagaan Keramat Mall Hasil analisis tersebut akan digunapakai untuk pertimbangan tentang konsep pengurusan fasiliti bangunan pada masa hadapan/ tahun-tahun berikutnya.	95%
	2.4	Manual pindahmilik harta tak alih milik Datuk Bandar Kuala Lumpur	Menyediakan manual pindahmilik harta tak alih milik Datuk Bandar Kuala Lumpur selewat-lewatnya dalam bulan Jun 2020 yang mana bermula dari proses Perjanjian Jual Beli ditandatangani sehingga pindahmilik selesai atau nama pembeli didaftarkan di dalam hakmilik.	100%
	2.5	Kajian Cadangan Pelaksanaan Pengurusan Bangunan Milik Datuk Bandar Kuala Lumpur berkonsepkan Intergrated Property Facilities Management (IPFM).	Menyediakan kajian Cadangan Pelaksanaan Pengurusan Bangunan Milik Datuk Bandar Kuala Lumpur berkonsepkan Intergrated Property Facilities Management (IPFM). sebelum 31hb Oktober 2020	100%
	3.1	SOP Pemantauan Prestasi Ejen Pengurusan	Menyediakan SOP Pemantauan Prestasi Ejen Pengurusan selewat-lewatnya dalam bulan Disember 2020	95%
	3.2	'Training Kit' untuk kakitangan dan pegawai secara umum di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta secara khusus Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB).	Menyediakan 'Training Kit' untuk kakitangan dan pegawai secara umum di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta secara khusus Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) selewat-lewatnya dalam bulan November 2020.	100%
	4.1	Kehadiran 3 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan.	Semua pegawai dan kakitangan jabatan menghadiri kursus 3 hari setahun	54.64% (165/302)
	4.2	Menguruskan peruntukan perbelanjaan dengan berhemah.	Memastikan perbelanjaan sekurang-kurangnya 90% daripada peruntukan tahun 2020	87%
	4.3	Meningkatkan perkhidmatan melalui program inovasi.	Satu inovasi peringkat jabatan	30%
	4.4	Penyelesaian aduan awam	Menyelesaikan 95% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	96.35%

5.0 BAJET

Pada tahun 2020, jabatan telah diluluskan peruntukan bajet sebanyak **RM33,447,500**. Jabatan telah membelanjakan sebanyak **RM30,796,254** di mana prestasi keseluruhan adalah sebanyak **92 %**. Keterangan secara terperinci perbelanjaan bagi semua Vot adalah seperti di dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 2: Prestasi Kewangan 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Keseluruhan	RM 33,477,599.00	RM 30,796,254.00	92

6.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

- 6.1 Merekod, mengemaskini dan menyimpan kesemua maklumat harta persendirian yang dinilai dan dikenakan cukai pintu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 6.2 Membuat penilaian caj pembangunan mengikut permintaan dari jabatan Perancang & Kawalan Bangunan DBKL.
- 6.3 Membuat penilaian nilai pasaran, nilai pampasan, nilai sewa, nilai pajakan, nilai insuran dan kajian kemungkinan bagi harta-harta milik DBKL atau yang dicadangkan dibeli/disewa, diambil semua oleh DBKL.
- 6.4 Mengurus permohonan tanah, sewaan tanah dan bayaran cukai tahunan bagi tanah-tanah milik DBKL.
- 6.5 Mengurus permohonan hakmilik strata bagi perumahan awam jualan milik DBKL.
- 6.6 Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (*Commissioner of Buildings*) mengikut Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

7.1 Senarai Nilai

Jumlah harta yang dinilai sehingga 31 Disember 2020 ialah 670,730 harta. Jumlah nilai tahunan pada tahun 2020 ialah RM 19,234,277,775.50 berbanding RM 18,559,453,448.50 pada tahun 2019 iaitu pertambahan sebanyak RM1,050,585,951.00 atau bersamaan 3.64%.


Maklumat harta ini atau pegangan berkadar direkodkan ke dalam sistem penilaian mengikut seksyen, mukim, jalan dan taman perumahan. Maklumat penting yang direkodkan ialah Nilai Tahunan setiap pegangan di samping butir-butir pegangan serta nama dan alamat surat menyurat pemilik yang dikemaskini.

7.1.1 Pertambahan Nilai Tahunan

Jadual 3 : Perbandingan jumlah Nilai Tahunan serta pertambahannya di antara tahun 2014 (Penilaian Semula) hingga tahun 2020 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Nilai Tahunan (RM)	Pertambahan Nilai Tahunan (RM)	Peratusan Kenaikan (%)
2014	RM14,998,570,101.00	RM5,170,658,857.02	52.98%
2015	RM15,698,646,801.00	RM700,076,700.00	4.67%
2016	RM16,220,177,997.00	RM521,531,196.00	3.32%
2017	RM17,143,237,842.00	RM923,059,844.91	5.69%
2018	RM17,853,466,003.50	RM710,228,161.59	4.14%
2019	RM18,559,453,448.50	RM705,987,445.00	3.95%
2020	RM19,234,277,775.50	RM674,824,326.00	3.64%

Jumlah Nilai Tahunan pada tahun 2019 ialah RM 18,559,453,448.50 berbanding RM 19,234,277,775.50 pada tahun 2020 iaitu pertambahan sebanyak RM 1,050,585,951.00 atau bersamaan 3.64%.



Carta 1: Peratusan Kenaikan Nilai Tahunan Harta-Harta Persendirian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi Tahun 2014 sehingga 2020.

7.1.2 Bilangan Bantahan

Bilangan bantahan terhadap Senarai Nilai bagi tahun 2014 hingga tahun 2020 dapat diringkaskan seperti berikut :

Tahun	Jumlah Pindaan	Jumlah Bantahan	Peratus Bantahan (%)
2014	12,249	2,216	18.09%
2015	40,842	2,464	6.03%
2016	34,915	2,061	5.90%
2017	49,697	6,218	12.51%
2018	59,519	13,917	23.40%
2019	55,843	7,605	13.62%
2020	47,669	6,047	12.68%

Jumlah pindaan yang dibuat tahun 2019 ialah 55,843 pindaan dan jumlah pindaan pada tahun 2020 ialah 47,669 pindaan. Jumlah bantahan pada tahun 2019 dan tahun 2020 masing-masing berjumlah 7,605 dan 6,047 di mana peratusan bantahan berbanding jumlah pindaan didapati menurun daripada 13.62% pada tahun 2019 kepada 12.68% pada tahun 2020. Bilangan bantahan ini adalah bagi kes-kes pindaan (current work) sahaja.

Selaras dengan Arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kuala Lumpur serta mengambilkira arahan, peraturan dan SOP larangan aktiviti sepertimana telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan, pihak Pengurusan Tertinggi DBKL telah memutuskan mesyuarat Pendengaran Bantahan Cukai Taksiran dikendalikan secara atas talian (online).

Sesi Pendengaran Bantahan Cukai Taksiran bagi penggal pindaan 1.4.2020 dan 1.7.2020 telah diadakan pada 1, 2 dan 3 Disember 2020 manakala bagi penggal pindaan 1.10.2020 dan 1.1.2021 pula telah diadakan pada 15, 16 dan 17 Disember 2020. Sesi pendengaran bantahan telah dipengerusikan oleh Ahli Lembaga Penasihat DBKL dan Ketua Jabatan DBKL.

7.2 Caj Pembangunan

Sepanjang **tahun 2020**, sejumlah **224 kes** penilaian telah disiapkan dan dihantar jawapan ke Jabatan Perancangan Bandaraya, berbanding dengan **187 kes** pada **tahun 2019**.

Bilangan kes telah bertambah sebanyak 20% berbanding tahun 2019. Peningkatan bilangan kes yang diterima daripada Jabatan Perancangan Bandaraya pada tahun 2019 adalah 37 kes.

Sepanjang tahun 2020, didapati bilangan kes melebihi RM1 juta mencatatkan 50 kes (22 %) daripada keseluruhan permohonan penilaian caj pembangunan yang diterima. Manakala baki 176 kes (78%) melibatkan penilaian caj pembangunan tidak melebihi RM1 juta.

Tahun 2020 mencatatkan peningkatan amaun penilaian caj pembangunan berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM387,463,000 iaitu daripada **RM895,622,800** kepada **RM1,283,085,800** bersamaan 43%. Peningkatan caj pembangunan ini disebabkan oleh penerimaan permohonan melibatkan cadangan pembangunan berskala besar.

PERBANDINGAN PERMOHONAN PENILAIAN CAJ PEMBANGUNAN
DARI TAHUN 2018 HINGGA 2020

BIL.	PERKARA	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	Peratus (%) Perbezaan Di Antara Tahun 2019 Dengan 2020
1.	Menambah Kepadatan Penduduk	95,726,000	82,006,000	276,481,000	+237%
2.	Tukar Guna Tanah	1,310,446,100	478,257,000	861,792,000	+80%
3.	Lebih Luas Lantai	68,878,000	333,664,000	138,885,500	-58.38%
4.	Sumbangan Akibat Pengecualian Penyediaan Ruang Penjaja	780,000	840,000	4,915,500	+485%
5.	Sumbangan Akibat Pengecualian Penyediaan 10% Kawasan Lapang Berpusat	Tiada	Tiada	Tiada	0%
6.	Penukaran Zon Gunatanah Tempoh Sementara	852,420	855,800	1,011,800	+19%
JUMLAH KESELURUHAN		1,476,682,520	895,622,800	1,283,085,800	+43%

PENILAIAN CAJ PEMBANGUNAN YANG MELEBIHI 1 JUTA BAGI TAHUN 2020

BIL.	PERKARA	BILANGAN KES
1.	Menambah Kepadatan Penduduk	23
2.	Penukaran Zon Kegunaan Tanah	20
3.	Lebih Luas Lantai	6
4.	Sumbangan Pengecualian Penyediaan Ruang Penjaja	1
JUMLAH KES MELEBIHI 1 JUTA		50

PERATUSAN PENILAIAN CAJ PEMBANGUNAN YANG MELEBIHI 1 JUTA PADA TAHUN 2020 ADALAH 22% (50/226)

7.3 Penilaian Pasaran

Sejajar dengan fungsi dan tugas utamanya, aktiviti unit ini sepanjang tahun 2020 tertumpu kepada aktiviti penilaian kadar sewa pasaran dan penyerahan bangunan milik Datuk Bandar Kuala Lumpur seperti berikut:-

Jadual 5: Aktiviti Unit Harta Bandaraya

Bil	Keterangan	Tahun 2019	Tahun 2020
		Bil. Harta	Bil. Harta
1.	Nilai Insuran Yang Disemak semula	12	8
2.	Aktiviti Penilaian Nilai Sewa Pasaran	188 unit	920 unit
3.	Aktiviti Penyerahan Harta Kepada Jabatan Pengguna	3	11

Jadual 6: Aktiviti Unit Jualan Aset

Bil	Keterangan	Tahun 2019	Tahun 2020
		Bil. Harta	Bil. Harta
1.	Menguruskan Penjualan Rumah Kedai dan Kilang di Bandar Tun Razak	8	4
2.	Menguruskan Penjualan Kediaman/ Kuarters /Rumah Rehat	1	1
3.	Menguruskan permohonan kebenaran pindahmilik bagi penjualan tanah	14	7
4.	Membuat penilaian pasaran/pajakan bagi penjualan yang diuruskan oleh JPEP	-	14
5.	Membuat penilaian pasaran bagi tujuan laporan kes lelong	2	-
6.	Mengurus dan mengemaskini maklumat bagi kes-kes penjualan yang diuruskan oleh JPEP	90	51

Ringkasan aktiviti penyerahan Harta kepada Jabatan Pengguna Sepanjang Tahun 2020 adalah seperti berikut:-

Jadual 7: Aktiviti Penyerahan Harta Kepada Jabatan Pengguna Sepanjang Tahun 2020

BIL	NAMA HARTA	TARIKH SERAHAN	JABATAN PENGGUNA	TARIKH SURAT
1.	Pusat Komuniti PPR Pinggiran Bukit Jalil	15.1.2020	JPPKB	20.2.2020
2.	Pusat Pembelajaran Komuniti Chow (Tingkat 1 - Aras bumbung)	29.1.2020	JPPKB	29.1.2020
3.	TLK Bertingkat PPR Taman Sri Mulia	6.2.2020	JPPKB	20.2.2020
4.	TLK Bertingkat PPR Seri kota	11.2.2020	JPPKB	20.2.2020
5.	TLK Bertingkat PPR Seri Pantai	9.3.2020	JPPKB	6.5.2020
6.	TLK Bertingkat Metropolitan Kepong, Kepong	4.3.2020	JPPH	7.7.2020
7.	TLK Bertingkat PPR Raya Permai	23.6.2020	JPPKB	7.7.2020
8.	KL CITY WALK, Jalan Perak, Jalan Pinang	30.9.2020	JPPH	3.11.2020
9.	Penyerahan Pasar Harian Selayang (baru)	3.12.2020	JPPP	3.12.2020
10.	Penyerahan Rumah Rehat Bunglaow di A' famosa Ayer Keroh Melaka	6.12.2020	JPSM	4.1.2021
11.	Penyerahan Pasar Penjualan Ayam Sementara di Jalan dewan Sultan Sulaiman	15.12.2020	JPPP	4.1.2021

7.4 Pengambilan Balik Tanah

Sepanjang tahun 2020 sejumlah kes yang melibatkan lot yang berkaitan dengan Unit Pembangunan Tanah dan Pengambilan Balik Tanah telah dikendalikan adalah seperti berikut :

Jadual 8: Pengambilan Balik Tanah

BIL.	PERKARA	JUMLAH KES		JUMLAH LOT	
		2019	2020	2019	2020
1.	Penyediaan laporan & anggaran awal (fail PE).	8	2	37	3
2.	Penetapan Kadar Sewa.	1	-	2	-
3.	Mengemukakan permohonan ke PTG untuk penwartaan.	-	-	-	-
4.	Penyediaan laporan penilaian menentukan pampasan (fail Q).	-	-	-	-
5.	Jumlah kes baru yang dirujuk ke Mahkamah (fail RMQ).	-	-	-	-
JUMLAH		9	2	39	3

7.5 Transaksi Tanah

Sepanjang tempoh **Januari hingga Oktober 2020** Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menerima sebanyak **10,159 butiran transaksi hartanah** daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia. Ianya meliputi **10,006 butiran transaksi hartanah kategori tanah dan bangunan** serta **153 transaksi tanah kosong**. Perincian transaksi ditunjukkan dalam **Jadual 9**.

Jadual 9: Transaksi Hartanah 2020

BULAN	TANAH DAN BANGUNAN	TANAH KOSONG	JUMLAH
Januari	1,223	10	1,233
Februari	1,074	22	1,096
Mac	728	15	743
April	PKP	PKP	PKP
Mei	918	14	932
Jun	1,161	13	1,174
Julai	1,094	17	1,111
Ogos	1,058	29	1,087
September	1,408	21	1,429
Oktober	1,342	12	1,354
November	Masih Belum Diperolehi daripada JPPH, Kementerian Kewangan Malaysia		
Disember	Masih Belum Diperolehi daripada JPPH, Kementerian Kewangan Malaysia		
JUMLAH	10,006	153	10,159


7.6 Hak Milik Strata

Sepanjang tahun 2020, tiada sebarang permohonan serah balik dan beri milik semula tanah bagi tujuan persempadanan Perbadanan Pengurusan (MC) serta permohonan Sijil Formula Unit Syer (SiFUS) yang dikemukakan kepada PTG WPKL.


Jadual 10 :Statistik bagi permohonan hakmilik strata di bawah tanggungjawab Unit Strata dan Penswastaaan sehingga Disember 2020 adalah seperti berikut :

Bil.	Perkara	Jumlah Skim
1.	Telah ada hakmilik strata	45
2.	Telah kemukakan Permohonan Strata ke PTGWPKL	0
3.	Dalam tindakan permohonan Sijil Cadangan Pelan Strata (CPSP)	4
4.	Penyediaan Pelan Akui (PA)	1
5.	Penyediaan Pelan QT oleh Jurukur	4
6.	Dalam tindakan permohonan Pecah Bahagi Bangunan	1
7.	Penyediaan Pra-Hitungan bagi pemohonan serah balik dan beri milik semula tanah	2
8.	Terima arahan baru untuk mengemukakan permohonan hakmilik strata	1
Jumlah		58

Kelulusan keseluruhan yang diperolehi bagi permohonan memecah bahagi bangunan sehingga Disember 2020 adalah berjumlah 43,839 unit sebagaimana yang dipaparkan pada Carta 1.1 dan Carta 1.2 di bawah :-



Carta 2 : Pecahan dan peratusan permohonan hakmilik strata di bawah tanggungjawab JPPH DBKL sehingga tahun 2020



Carta 3 : Jumlah kelulusan hakmilik strata yang telah diperolehi oleh DBKL dari tahun 1998 sehingga 2020.

7.7 Pembelian

Sepanjang tahun 2020 aktiviti pembelian aset Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah seperti berikut:-

Jadual 11 : Aktiviti Pembelian Aset Datuk Bandar Kuala Lumpur

BIL.	PERKARA	HARGA SEUNIT	CATATAN
1.	Pembelian bangunan pejabat berstrata "En-Bloc" di atas Plot 7B (2) KL Metropolis - Naza TTDI	RM292,500,000.00	Dalam Pembinaan
2.	Pembelian 21 unit Pangsapuri Pandan Mas 2	RM 40,000.00	Dalam tindakan
3.	Pembelian banglo satu (1) tingkat di lot 2775 (PT 1103), Villa D'Lagos 10, A' Famosa Golf Resort, Melaka	RM655,000.00	Pembelian telah selesai pada November 2020

BIL.	PERKARA	HARGA SEUNIT	CATATAN
4.	Pembelian 395 Unit Residensi Razakmas 2, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur	RM150,000.00	Dalam tindakan. Serahan pemilikan kosong dijangka pada Mac 2021
5.	Pembelian banglo satu (1) tingkat di lot 2742 (PT 1070), Villa D'Lagos 10, A' Famosa Golf Resort, Melaka	RM888,000.00 (Masih dalam peringkat rundingan harga)	Telah diluluskan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur
6.	Cadangan pembelian hartanah di sekitar Pantai Cherating dan Bandar Kuantan	-	Dalam tindakan mendapat kelulusan pembelian

7.8 Sewaan Tanah

Jadual 12: Sewaan Hartanah Tahun 2020

BIL	KATEGORI	BILANGAN TAPAK
1.	Tanah Milik Datuk Bandar Kuala Lumpur	19
2.	Tanah Rizab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	1
3.	Tanah Rizab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk tujuan Side Walk Café	7
Jumlah		27

7.9 Penyewaan Bangunan, Kediaman, Komersial Dan Bandar Tun Razak

Jadual 13: Senarai Unit - Unit Sewaan Komersil dan Kediaman Bahagian Sewaan Bangunan 2020

Bil.	Nama Bangunan/ Lokasi/ Alamat Harta	Jenis Harta	Bilangan Unit Keseluruhan	Bilangan Unit Yang Digunakan	Bil Kekosongan	Komponen Sedia Ada
1.	Kg. Atap	Komersil	4	4	0	Kedai 4 Tingkat
2.	Pusat Bandar Sri Rampai	Komersil	36	34	2	Kedai 3 Tingkat
3.	Sri Petaling	Komersil	4	2	2	
4.	Salak Jaya	Komersil	30	29	1	Kilang Teres 1 Tingkat
5.	Taman Tasik Titawangsa	Komersil	1	1	0	Restoran
6.	Dataran Dwitasik	Komersil	5	5	0	Kedai 3 Tingkat
7.	Plaza Dwitasik	Komersil	4	4	0	
8.	Tsi Business Kepong	Komersil	1	1	0	Kilang
9.	Pusat Industri Rampai	Komersil	5	5	0	Kilang Berkembar 2 Tingkat / Kilang Teres
10.	Queens Avenue	Komersil	34	25	9	Kedai Pejabat
11.	Menara Dbkl 2	Komersil	6	6	0	Ruangan Tingkat Bawah
12.	Setiawangsa Business Suites	Komersil	2	2	0	
13.	Pustaka Warisan	Komersil	1	1	0	Galeri Kuala Lumpur
14.	Rampai Business Park	Komersil	4	3	1	Kedai Pejabat 4 Tingkat

Bil.	Nama Bangunan/ Lokasi/ Alamat Harta	Jenis Harta	Bilangan Unit Keseluruhan	Bilangan Unit Yang Digunakan	Bil Kekosongan	Komponen Sedia Ada
15.	Bandar Tun Razak	Komersil	26	26	0	Rumah Kedai 2 Tingkat
		Komersil	4	4	0	Kilang
16.	Medan Selera Plaza 393	Komersil	1	1	0	Medan Selera
17.	Kementerian Kesihatan Malaysia	Komersil	11	11	0	Klinik Kesihatan
18.	Tempat Letak Kereta Plaza 393	Komersil	1	0	1	TLK
19.	Berjaya Times Square	Komersil	2	2	0	Ruang Niaga
20.	Changkat Tunku	Kediaman	1	1	0	Banglo
21.	Desa Cahaya 202	Kediaman	18	17	1	Kondominium
22.	Menara City One	Kediaman	31	28	3	Kondominium
23.	Nova Two Apartment	Kediaman	14	14	0	Apartment
24.	Villa Laman Tasik	Kediaman	9	9	0	Town House
25.	Teratak Muhibbah	Kediaman	176	175	1	Apartment
26.	Plaza 393	Kediaman	66	50	16	Apartment
27.	Vista Tasik Kondominium	Kediaman	21	20	1	Kondominium
28.	Gurney Height Condo	Kediaman	5	4	1	Kondominium
29.	Lanai Gurney Condo	Kediaman	4	3	1	Kondominium
JUMLAH KESELURUHAN			531	490	41	

7.10 Penyewaan Bangunan

Jadual 14 : Maklumat Penyewaan Ruang/ Premis di Kompleks Perniagaan dan Komuniti Bandar Baru Sentul adalah seperti berikut:

Bil.	Alamat Premis	Nama Penyewa	Luas Lantai (KP) / Bilangan Tapak
1.	Lot T1-47, Tingkat 1	Polis DiRaja Malaysia	605
2.	Lot T1-54, Tingkat 1	Jabatan Imigresen Malaysia	6,839
3.	Lot T3-05, Tingkat 3	Jabatan Pengangkutan Jalan	1,026
4.	Lot T3-04, Tingkat 3	Pos Malaysia Berhad	388
5.	Lot T3-06, Tingkat 3	Jabatan Pendaftaran Negara	4,581
6.	Lot T3-08, Tingkat 3	Kementerian Kesihatan Malaysia	1,456
7.	Kerusi Urut di Tingkat 1 & Tingkat 3	Gintell Rest & Go Sdn Bhd	6 unit

Jadual 15 : Maklumat Penyewaan Ruang/ Premis di Kompleks Perniagaan Keramat Mall adalah seperti berikut:

Bil.	Alamat Premis	Nama Penyewa	Luas Lantai (KP)
1	Bilik Pejabat, Tingkat 1	Persatuan Ibu Tunggal Mawarwangsa Titiwangsa	100
2	Bilik NGO 1, Tingkat UG	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI)	190
3	Bilik NGO 2 Tingkat UG	Puan Puspa Suria (Pesuruhjaya Sumpah)	170
4	Bilik NGO 3, Tingkat UG	Stor Klinik Pergigian 1 Malaysia	190
5	Bilik NGO 4, Tingkat UG	N/A	144
6	Bilik Pejabat, Tingkat UG	Persatuan Peniaga Kompleks Keramat Mall	300
7	Lot 1, Tingkat UG	Perpustakaan Negara Malaysia	2,788

Bil.	Alamat Premis	Nama Penyewa	Luas Lantai (KP)
8	Lot 2, Tingkat UG	Jabatan Pengangkutan Jalan	2,443
9	Lot 3, Tingkat UG	Kementerian Kesihatan Malaysia	4,047
10	Lot 4, Tingkat UG	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	1,722
11	Lot 5, Tingkat UG	Polis DiRaja Malaysia	1,173
12	Lot 6, Tingkat UG	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat	2,788
13	Lot 7, Tingkat UG	Jabatan Imigresen Malaysia	3,014
14	Lot 8, Tingkat UG	Jabatan Pendaftaran Negara	3,014
15	Lot 9, Tingkat UG	N/A	2,217
16	Stor, Tingkat LG	Persatuan Peniaga Kompleks Keramat Mall	100
17.	Kerusi Urut di Tingkat UG	Gintell Rest & Go Sdn Bhd	4 unit

Statistik Penyewaan Dewan Perdana Keramat Mall seperti berikut:

Sejumlah **10 penyewa** yang terdiri daripada orang awam, kakitangan, pesara atau jabatan dalaman DBKL dan agensi kerajaan telah menyewa dewan untuk kegunaan majlis bagi sepanjang tahun 2020. Jumlah pendapatan sewaan dewan dan bayaran komisen panel katerer adalah sebanyak **RM 33,200.00**.

7.11 Tempat Letak Kereta

Pada 1 Januari 2020, peranan, fungsi dan pengurusan Tempat Letak Kereta Terkawal (Bertingkat dan Atas Tanah) telah dipindahkan ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Terkini jabatan mempunyai dua puluh (20) tempat letak kereta yang merangkumi sepuluh (10) tempat letak kereta bertingkat dan sepuluh (10) tempat letak kereta atas tanah.

Jadual 16 : Senarai Tempat Letak Kereta Bertingkat:

BIL.	LOKASI
1.	Tempat Letak Kereta Bertingkat KL Eco City, Kg Haji Abdullah Hukum
2.	Tempat Letak Kereta Bertingkat Jalan Berhala Brickfields
3.	Tempat Letak Kereta Bertingkat Taman Segar, Cheras
4.	Plaza Danau Desa Taman Desa Kuala Lumpur
5.	Park & Ride Pekan Sg. Besi Jalan Sg. Besi, Kuala Lumpur
6.	Tempat Letak Kereta Bertingkat Taman Botani Perdana
7.	Tempat Letak Kereta Bertingkat Sri Petaling Lot. 24213 Bandar Baru Sri Petaling
8.	Park & Ride Bandar Tasik Selatan
9.	Tempat Letak Kereta Metropolitan, Kepong
10.	Bangunan PT80

Jadual 17 : Senarai Tempat Letak Kereta Atas Tanah:

BIL.	LOKASI
1.	Jalan Setiapuspha Off Jalan Damansara (Hadapan Victoria Station)
2.	Bandar Sri Permaisuri (Sebelah JPJ) Jalan Permaisuri 10
3.	Lot. 24214, Jalan Radin Bagus 8 Bandar Baru Sri Petaling
4.	Lot. 36667, Jalan Semantan 2
5.	Lot. 54, Jalan Law Yew Swee (Belakang BSN) Jalan Ampang
6.	Jalan Jati, Jalan Barat & Jalan Imbi (Honda Imbi)
7.	Lot. 126-132 Jalan Pudu, Kuala Lumpur

BIL.	LOKASI
8.	Lot. 234 Bukit Nanas, Jalan Ampang, Kuala Lumpur
9.	Lot. 55134, Jalan 29/70A, Desa Sri Hartamas, Kuala Lumpur
10.	Lot. 48670, Jalan Desa Hartamas, Desa Hartamas Kuala Lumpur

Walau bagaimanapun, jabatan telah membuat kajian berkenaan tambahbaik kaedah pengurusan tempat letak kereta dengan menggunakan kaedah Intergrated Property Facilities Management (IPFM) dengan melantik Pengurus Harta / Property Management (PM) yang diiktiraf oleh Lembaga Penilai dan Pentaksir Malaysia

7.12 Hasil


Sebanyak **RM9,084,343.74** caj sewa dikenakan ke atas sewaan premis komersil dan kediaman, **RM3,903,585.00** dikenakan caj sewaan ke atas sewaan tanah, dan **RM3,387,739.20** caj dikenakan ke atas sewaan tempat letak kereta sepanjang tahun 2020 dengan jumlah keseluruhan berjumlah **RM16,375,667.94**. Sebanyak **52.36%** kutipan semasa dapat dikutip untuk caj sewaan premis komersil dan kediaman serta sebanyak **62.2%** kutipan semasa dapat dikutip untuk caj sewaan tanah bagi kutipan semasa tempat letak kereta pula, sebanyak **29.36%** dapat dikutip sepanjang tahun 2020 dengan jumlah peratus keseluruhan adalah sebanyak **49.95%** seperti berikut:

Bil	Kategori	Caj Sewaan Semasa Jan - Disember 2020 (Tahun Semasa)	Kutipan Sebenar Tahun Semasa	Peratusan Kutipan (%)	Baki Tunggakan (RM)
1.	BANDAR TUN RAZAK	805,616.34	452,490.44	56.17	353,125.90
2.	KOMERSIL	4,697,186.20	2,023,511.80	43.08	2,673,674.40
3.	KEDIAMAN	2,083,027.00	1,569,870.00	75.36	513,157.00
4.	BANGUNAN KHAS	1,498,514.20	711,088.01	47.45	787,426.19
	JUMLAH	9,084,343.74	4,756,960.25	52.36	4,327,383.49
5.	TANAH	3,903,585.00	2,427,902.00	62.20	1,475,683.00
6.	TEMPAT LETAK KERETA	3,387,739.20	994,771.60	29.36	2,392,967.60
	JUMLAH KESELURUHAN	16,375,667.94	8,179,633.85	49.95	8,196,034.09

7.13 Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)

Jadual 18: Pecahan Status dan Jumlah Pihak Pengurusan Bangunan Berstrata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

PIHAK PENGURUSAN	JUMLAH
Pemaju (DBKL)	46
Pemaju (Swasta)	971
Badan Pengurusan Bersama (JMB)	579
Perbadanan Pengurusan (MC)	3,157
Ejen Pengurusan	30
Pentadbir	1
Lain-Lain	1,088
JUMLAH KESELURUHAN	5,872



Jadual 19: Statistik Aduan Berkenaan Bangunan Berstrata Yang Diterima Dan Diselesaikan Oleh COB Kuala Lumpur Bagi Tahun 2020

BIL	ADUAN AWAM	TERIMA
1	Mesyuarat	2,044
2	Pentadbiran dan Pengurusan	1,148
3	Penyenggaraan dan Kerosakan	1,018
4	Isu Kewangan	403
5	Khidmat Nasihat	316
6	Penguatkuasaan COB	28
7	Lain-lain (penubuhan JMB/MC, penyalahgunaan harta bersama, kecurian kabel, deposit air/elektrik)	344
Jumlah Keseluruhan Tahun 2020		5,301

Sebanyak tiga (3) sesi latihan yang merangkumi seminar, bengkel dan kursus berkaitan Pengurusan Bangunan Berstrata telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020.

Jadual 20: Program Anjuran Bahagian COB Kuala Lumpur Sepanjang Tahun 2020

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	SASARAN PESERTA	JUMLAH PESERTA
1.	Kursus Kecekapan Pengurusan Mengikut Akta Pengurusan Strata (Akta 757)	12 Februari 2020	IDB DBKL	AJK JMB/MC Kawasan Pemajuan Berstrata di WPKL	50
2.	Kursus Kepakaran Sistem BMIS dan E-Filing COBKL	10 Mac 2020	IDB DBKL	AJK JMB/MC Kawasan Pemajuan Berstrata di WPKL	35
3.	Kursus Pemantapan Prosedur Operasi Standard (SOP) COBKL	17 Mac 2020	IDB DBKL	Pegawai Dan Kakitangan Bahagian COB KL	25
4.	Kursus Kompentasi COBKL	1 - 2 Oktober 2020	Hotel Tamu Kuala Lumpur	Pegawai Dan Kakitangan Bahagian COB KL	20
5.	Kursus Sistem Building Management Information System (BMIS)	25 November 2020	Bilik Latihan Tingkat 4, JPPH	Pegawai dan Kakitangan Bahagian COB KL	24

Jadual 21: Program Turun Padang (Pemantauan Pengurusan Dan Penyenggaraan) Bahagian Pesuruhjaya Bangunan Bersama Pemaju/JMB/MC Sepanjang Tahun 2020

BIL	KAWASAN	TARIKH	JUMLAH PEMILIK
1.	Flat Desa Bakti (Sutera)	15 Julai 2020	149
2.	Taman Wilayah Selayang (Blok 20&21)	15 Julai 2020	500
3.	Taman Wilayah Selayang (Blok 1-8)	15 Julai 2020	454

BIL	KAWASAN	TARIKH	JUMLAH PEMILIK
4.	Kondominium Sri Lata	12 August 2020	246
5.	Heritage Condominium	19 August 2020	463
6.	MC Endah Ria	28 August 2020	754
7.	PPR Sri Aman	7 September 2020	753

Jadual 22: Program Turun Padang (Mesyuarat AGM dan EGM) Bahagian Pesuruhjaya Bangunan Bersama Pemaju/JMB/MC Sepanjang Tahun 2020

BIL	KAWASAN	TARIKH	JUMLAH PEMILIK
1.	Taman Seri Sentosa (2C, 2D, & 2E)	16 Februari 2020	660
2.	Taman Seri Sentosa (1F,1G, & 1H)	23 Februari 2020	196

Jadual 23: Sasaran Peserta Program

BIL	SASARAN PESERTA PROGRAM	JUMLAH PROGRAM
1	DALAMAN	3
2	LUAR	2
JUMLAH KESELURUHAN		5

7.14 Gambar



Kursus Kompetensi Pegawai Dan Kakitangan Bahagian COBKL Bagi Tahun 2020 pada 1 & 2 Oktober 2020 Di Tamu Hotel & Suites, Kuala Lumpur



Sesi Pendengaran Bantahan Cukai Taksiran Secara Atas Talian

Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mula melaksanakan kursus dan latihan untuk kakitangan DBKL sejak tahun 1979 di bawah Bahagian Latihan Jabatan Personel. Kursus- kursus yang dilaksanakan di peringkat awal adalah berkaitan dengan bidang penguatkuasaan dan sistem kerja jabatan-jabatan di DBKL. Pada 1 Jun 1982, sebuah bangunan Institut Latihan Kakitangan DBKL (IDB) telah dibina dan beroperasi di Jalan Kepong, Jinjang. Pada 1 Julai 2011 IDB telah berpindah di Jalan Yaacob Latif (Jalan Tenteram), Bandar Tun Razak Cheras.

Selaras dengan hasrat untuk mengukuhkan peranan Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB) sebagai sebuah pusat kecemerlangan yang bukan sahaja menawarkan latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran modal insan warga DBKL, pentadbiran DBKL telah memutuskan agar IDB akan melapor terus kepada Pengarah Eksekutif (Pengurusan) bagi memperkasa peranan IDB dalam bidang pembangunan dan penyelidikan berkuatkuasa pada 2 Januari 2020.

2.0 VISI & MISI

Visi

Menjadi peneraju pusat latihan Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia yang cemerlang dalam menyediakan khidmat latihan dan rujukan dalam bidang perkhidmatan perbandaran.

Misi

Beriltizam merancang, mengurus dan melaksana program latihan yang berkualiti, bersistematik dan responsive berteraskan amalan terbaik bagi melahirkan warga kerja yang kompeten dan berintegriti dalam memberi perkhidmatan perbandaran yang cemerlang.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

- i. Menyediakan prospektus latihan DBKL yang lengkap sebelum 15 Januari setiap tahun.
- ii. Memberi maklumbalas tawaran kepada pelajar latihan industri yang berjaya dalam tempoh 14 hari bekerja.
- iii. Melaksanakan latihan sebanyak 200 siri kursus dalam setahun kepada pegawai dan kakitangan DBKL.
- iv. Memastikan fasiliti, makanan dan minuman peserta kursus mendapat skor purata tidak kurang daripada skala 4.0 berdasarkan borang penilaian kursus.
- v. Mengadakan perkongsian ilmu sekurang-kurangnya 2 kali setahun.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JABATAN TAHUN 2020

Institut latihan dewan bandaraya kuala lumpur				
Kra	BIL.	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan (<i>costumer focus</i>)	1.	Kehadiran 3 Hari Berkursus Setahun Kepada Semua Warga Kerja Jabatan	100%	100%
Memperkuhkan tahap integriti, akauntabiliti dan telus (<i>transparency</i>)	2.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	100%	100%
Menyediakan peluang bagi meneroka idea baru, mereka cipta dan penandaarasan	3.	Mewujudkan satu kumpulan KIK / idea inovasi	100%	100%
Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan (<i>costumer focus</i>)	4.	Program Latihan Kakitangan	100%	100%
Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan (<i>costumer focus</i>)	5.	Mengadakan latihan perbandingan amalan terbaik di luar negara	100%	100%
Menyediakan peluang bagi meneroka idea baru, mereka cipta dan penandaarasan	6.	Menjalankan kajian penambahbaikan atau penyelesaian masalah isu-isu DBKL	100%	100%
Menyediakan peluang bagi meneroka idea baru, mereka cipta dan penandaarasan	7.	Kajian Pengukuran Produktiviti Jabatan di DBKL.	100%	100%
Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan (<i>costumer focus</i>)	8.	Mensasarkan 95% penyelesaian aduan ispa dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	100%	100%

5.0 BAJET

5.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Mengurus	RM 11,795,500.00	RM 9,576,408.00	81

5.2 Perbelanjaan Pembangunan

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Bajet Mengurus	RM4,000,000,000.00	RM0.00	0

5.3 Hasil IDB

Pendapatan hasil IDB pada tahun 2020 adalah seperti jadual berikut:

Jadual 8: Pendapatan Hasil IDB dari Januari sehingga Disember 2020

BIL.	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.	Yuran Penyertaan Kursus	0
2.	Yuran Peperiksaan	0
3.	Bayaran Kemudahan IDB: Bilik Kursus Dewan Perdana Mestika Kafeteria	56,600.00 27,000.00 15,451.00
4.	Bayaran Sewa Kafeteria oleh Tetuan Rahimah Md Nor	20,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		119,051.00

6.0 FUNGSI UTAMA

Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan adalah seperti berikut :

6.1 Perkhidmatan latihan kepada warga kerja DBKL

UNIT LATIHAN DAN R&D

- Merekabentuk dan menyediakan program dan modul latihan baru.
- Menyediakan perancangan program latihan tahunan/ prospektus.
- Bekerjasama dengan jabatan untuk keperluan latihan.
- Melaksanakan peranan sebagai peneraju program kajian dan penyelidikan.
- Melaksanakan kajian penyelesaian masalah terhadap isu DBKL bagi tujuan menjamin kualiti dan kecekapan penyampaian perkhidmatan.
- Mengadakan kolaborasi strategik dalam bidang keilmuan bersama tenaga pakar dari institusi ilmu dan latihan dalam dan luar negara.
- Bertanggungjawab dalam mengumpul dan membangunkan bahan-bahan rujukan/ kajian kes untuk rujukan.
- Menjadikan hasil kajian sebagai input kepada program penambahbaikan di dalam bidang kerja DBKL.
- Menggalakkan pembangunan idea-idea baru.
- Analisis keperluan latihan (TNA).
- Mengkaji keberkesanan program latihan bagi tujuan penambahbaikan modul latihan.
- Menyediakan laporan penilaian latihan, penceramah dan pasca latihan.
- Mengadakan kerjasama strategik dalam program latihan.
- Menguruskan keperluan latihan dari segi kesediaan fasiliti, peserta, teknologi dan alat bantu mengajar penceramah.
- Menyelaras dan melaksanakan program latihan bagi pembangunan latihan dan kajian.
- Urusetia Jawatankuasa Penilaian Latihan.
- Menguruskan penyediaan prospectus latihan tahunan.
- Menyelaraskan penyediaan TNA.

UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

- Menguruskan hal ehwal pentadbiran dan kakitangan.
- Menguruskan penempatan pelajar latihan industry.
- Menyelaras keperluan latihan dan kemajuan kerjaya kakitangan.
- Mengurus dan menyenggara fasiliti pusat latihan.
- Merancang belanjawan tahunan.
- Menyediakan laporan prestasi perbelanjaan.
- Menguruskan tempahan tiket penerbangan dan penginapan program latihan serta tempahan tiket bagi kemudahan pulang ke wilayah asal.
- Urusetia kepada pembangunan program kualiti dan inisiatif pusat latihan.
- Menguruskan keperluan teknologi maklumat pusat latihan.
- Merancang dan melaksana program promosi produk-produk latihan DBKL
- Pusat komunikasi IDB dengan pelanggan.

UNIT ANTARABANGSA

- Merancang dan melaksanakan program latihan Kuala Lumpur Regional Training Centre KLRTC di peringkat DBKL.
- Mengadakan kolaborasi dengan pusat latihan antarabangsa untuk penempatan program sangkutan.
- Mengadakan kerjasama strategic dengan pertubuhan antarabangsa.
- Mengadakan perbandingan amalan terbaik dengan negara luar.
- Menggalakkan perkongsian pintar hasil penyelidikan.
- Menguruskan program latihan ke luar negara.

6.2 Perkhidmatan sewaan fasiliti

6.3 Latihan Industri/ Praktikal kepada pelajar IPT.

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
20 hingga 22 Januari 2020	Pegawai kakitangan IDB dan	Kursus Team Building IDB- Centre of Excellence 2020	<ul style="list-style-type: none"> Memupuk semangat kerja berpasukan dan jati diri di kalangan pegawai dan kakitangan IDB dalam memperkasakan fungsi IDB sebagai <i>Centre of Excellence</i> DBKL. Kerjasama di kalangan pegawai dan kakitangan IDB yang telah lama dan baru berkhidmat dapat diperkukuhkan. Meningkatkan motivasi bekerja. Nilai kerjasama yang bakal diterapkan di dalam kursus ini akan diaplikasikan dalam tugas harian. Mempertingkatkan lagi prestasi, kualiti dan produktiviti pegawai dan kakitangan di IDB.
3 hingga 15 Ogos 2020 bagi Siri 1/2020 3 hingga 15 September 2020 bagi Siri 2/2020	Pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41	Kursus Asas Kecemerlangan Pegawai Gred 41	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kapasiti perancangan awam DBKL untuk menggalakkan pembangunan dengan misi dinamik yang komprehensif. Mengaplikasi pengetahuan pentadbiran awam dalam menguruskan tugas dan kakitangan. Mampu menggunakan kemahiran dalam merancang, mengurus, mengawal dan membuat keputusan bagi menguruskan sumber-sumber dalam DBKL. Dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dan mempunyai motivasi tinggi untuk terus belajar dan memperolehi pengetahuan baharu. Mampu menyelesaikan masalah secara logik, kreatif dan analitikal berdasarkan fakta dan idea yang konkrit.
13 Ogos 2020	Pegawai-pegawai DBKL & United Cities and Local Governments Asia Pacific (UCLG ASPAC)	Program Kuala Lumpur Regional Training Center (KLRTC) 35: "COVID-19 and Sustainable Development Goals (SDGs) : Local Governance in The New Normal"	<ul style="list-style-type: none"> Memberi pendedahan secara langsung kepada peserta berkaitan isu semasa penularan COVID-19 dalam perspektif antarabangsa dan mempelajari usaha bandar-bandar lain dalam memerangi penularan wabak ini. Peserta dapat mempelajari bagaimana SDG dijadikan sebagai panduan proses pemulihan PBT terutamanya di Kuala Lumpur. Menjadi satu platform kepada peserta untuk berkongsi ilmu, mengutarakan pendapat dan melalui sesi pembelajaran aktif atas talian dengan penceramah di peringkat antarabangsa. Melatih pegawai-pegawai DBKL untuk lebih yakin berkongsi maklumat dan berhujah berkenaan isu-isu semasa yang dibincangkan di peringkat global.
5 hingga 7 Oktober 2020 (Siri 1/2020) 19 hingga 21 Oktober 2020 (Siri 2/2020)	Pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional gred 48 hingga JUSA C	Program Master Class Dale Carnegie® Immersion for Future Leader	<ul style="list-style-type: none"> Melahirkan seorang kakitangan yang berkeyakinan dan mempunyai jati diri yang tinggi. Memperkasakan kemahiran komunikasi pelbagai peringkat dalam penyampaian perkhidmatan. Mencorakkan nilai kepimpinan individu selaku pemimpin dalam organisasi. Berkebolehan untuk membina hubungan kerjasama yang kukuh untuk mencapai sasaran kerja di samping mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni. Menerangkan kompetensi yang diperlukan untuk menjadi seorang pemimpin yang efektif dan bermanfaat untuk organisasi.



Program Kuala Lumpur Regional Training Center (KLRTC) 35: "COVID-19 and Sustainable Development Goals (SDGs): Local Governance in the New Normal" pada 13 Ogos 2020



Kursus Asas Kecemerlangan Pegawai Gred 41 pada 3 hingga 15 Ogos 2020 bagi Siri 1/2020 dan 3 hingga 15 September 2020 bagi Siri 2/2020

8.0 PENCAPAIAN JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

Tarikh	Produk/Pencapaian/Aktiviti/Penerbitan	Catatan
1 Jun 2020	Penerbitan Edisi E-buku Kompedium Analisis Miskin Bnadar dan Pandemik COVID-19	Diterbitkan secara online di laman web DBKL
15 Julai 2020	Penerbitan Edisi Cetak Kompedium Analisis Miskin Bandar dan Pandemik COVID-19	Diterbitkan oleh IDB dan didaftarkan dengan Perpustakaan Negara Malaysia untuk katalog ISBN
13 Ogos 2020	Program Webinar Kuala Lumpur Regional Training Center (KLRTC) 35: "COVID-19 AND SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDGs): Local Government In The New Normal"	Memberi pendedahan secara langsung kepada peserta berkaitan isu semasa penularan COVID-19 dalam perspektif antarabangsa dan mempelajari usaha bandar-bandar lain dalam memerangi penularan wabak ini
	Matlamat pembangunan lestari atau lebih dikenali sebagai sustainable development goals (SDGs), telah menjadi agenda global apabila pertubuhan bangsa-bangsa bersatu memperkenalkan 17 matlamat yang perlu dicapai oleh semua negara bangsa menjelang tahun 2030. Namun dengan pelbagai inisiatif peringkat global telah dilancarkan, penerapan dan sambutan oleh kebanyakan negara masih terhad dan dalam memastikan kejayaan matlamat ini. Gerakan yang konsisten berasaskan prinsip kesedaran perlu kerap dilaksanakan	Peserta dapat mempelajari bagaimana SDGs boleh dijadikan sebagai panduan proses pemulihan PBT terutamanya di Kuala Lumpur
	Bagi program KLRTC 35 kali ini, IDB telah bekerjasama rapat dengan United Cities dan Local Governments Asia Pacific (UCLG ASPAC) untuk memberi pendedahan kepada pihak berkepentingan terutamanya pegawai-pegawai DBKL bagaimana SDG dapat membantu dalam proses pemulihan diperingkat pihak berkuasa tempatan (PBT). Dengan penyertaan daripada pertubuhan antarabangsa dan perkongsian ilmu dari bandar-bandar lain, IDB dapat menyediakan satu program latihan webinar yang bersesuaian dengan isu semasa kepada peserta latihan disamping meletakkan IDB dan DBKL khasnya di persada global.	Menjadi satu platform kepada peserta untuk berkongsi ilmu mengutarakan pendapat dan melalui sesi pembelajaran aktif atas talian dengan penceramah di peringkat antarabangsa Melatih pegawai-pegawai DBKL untuk lebih yakin berkongsi maklumat dan berhujah berkenaan isu-isu semasa yang dibincangkan di peringkat global



Sektor
**Pengurusan
Projek**

>>> www.dbkl.gov.my <<<

Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan (JPPPB) telah ditubuhkan pada 1976 dengan nama pertamanya, Jabatan Pelaksanaan Projek Khas. Jabatan ini memainkan peranan penting dalam projek-projek pembangunan kemudahan awam di sekitar Kuala Lumpur. Di antara projek-projek terawal jabatan ini adalah membangunkan Perumahan Awam (PA) di kawasan Cheras, Lembah Pantai, Gombak, Sentul, Setapak Jaya dan Pusat Bandar.
- 1.2 Penyusunan semula organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dari tahun 1989 sehingga 2005 telah menjadikan nama jabatan ini ditukar kepada Jabatan Arkitek dan Projek Khas (JAPK) selaras dengan skop jabatan yang mengintegrasikan disiplin senibina, ukur tanah, kejuruteraan awam, kejuruteraan struktur dan kejuruteraan elektrik dalam melaksanakan projek-projek pembangunan dan penyelenggaraan bangunan. Pada tahun 2005, nama jabatan ditukar kepada Jabatan Akitek (JA).
- 1.3 Pada tahun 2011, penyusunan semula organisasi DBKL telah dilakukan dengan penggabungan Bahagian Penyelenggaraan Perumahan Awam dan nama jabatan telah dinamakan Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Perumahan Awam (JPPPA). Selanjutnya pada tahun 2012, bahagian tersebut telah dipindahkan untuk bergabung kembali ke Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti (JPPPK). Ini menjadikan jabatan ini telah ditukar namanya menjadi Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan (JPPPB) dan nama ini kekal sehingga kini.
- 1.4 Selain keterlibatan dalam melaksanakan projek-projek DBKL, jabatan ini juga turut terlibat dengan projek-projek di bawah Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Antaranya adalah Projek Perumahan Rakyat (PPR), Kompleks Sukan dan Stadium, Pusat Komuniti dan Dewan Serbaguna, Kompleks Penjaja, Pasar, Surau, Tanah Perkuburan, Kemudahan Sukan dan Rekreasi, Padang, Gelanggang, Perpustakaan, Taman Permainan Kanak-kanak dan pelbagai lagi projek. Jabatan ini juga bertanggungjawab menyelenggara bangunan-bangunan serta kemudahan awam milik DBKL.

2.0 VISI DAN MISI

Visi

Perancangan, rekabentuk, pelaksanaan dan penyelenggaraan projek pembangunan dan kemudahan awam diurus secara sistematik dan professional serta selamat sejahtera melalui penyelenggaraan yang efisien dan berkualiti.

Misi

Membangun, mentadbir dan mengurus projek-projek pembinaan dan penyelenggaraan bangunan milik DBKL.

3.0 PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2020

- 3.1 Mengadakan pemantauan projek sebulan sekali di peringkat Jabatan.
- 3.2 Menganalisa Laporan Prestasi Kontraktor dua (2) kali setahun pada Januari – Jun dan Julai – Disember.
- 3.3 Memastikan semua aduan kerosakan kecemasan yang melibatkan nyawa dan harta benda diambil tindakan dalam tempoh 24 jam selepas aduan diterima.
- 3.4 Memastikan semua kerosakan selain daripada kecemasan diambil tindakan dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja dari tarikh aduan diterima.
- 3.5 Memastikan bil, invoice dan Sijil Bayaran Kemajuan yang lengkap dihantar ke Jabatan Kewangan dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap dan tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JABATAN TAHUN 2020

KRA	BIL	KPI	Sasaran	Pencapaian Tahun 2020
MEMPERTINGKATKAN KUALITI KESEJAHTERAAN HIDUP	1.	Memastikan projek-projek pembangunan mula kerja, disiapkan, dimuktamadkan dan mencapai tahap kualiti piawaian dalam kontrak	Sekurang-kurangnya 10 projek mula kerja pada 2020	100%
			Sekurang-kurangnya 10 projek siap sebelum Disember 2020	100%
			25 akaun akhir dimuktamad sepanjang tahun 2020	100%
	2.	Membaiki dan Mempertingkatkan Kemudahan Bangunan Awam Kepada Warga Kota	Memperbaiki dan Mempertingkatkan Kemudahan 5 Kompleks Sukan dan Pusat Komuniti DBKL Dalam Tempoh Setahun	100%
			Memperbaiki dan Mempertingkatkan Kemudahan 5 Pasar dan Pusat Penjaja DBKL Dalam Tempoh Setahun	100%
3.	Melaksanakan dan menyiapkan projek-projek kecil	95% projek kecil (<RM100,000) siap dalam tempoh yang ditetapkan	100%	
4.	Memastikan semua aduan kerosakan bangunan/fasiliti yang disenggara diambil tindakan dalam tempoh ditetapkan	Memastikan 90% kerosakan kecil diambil tindakan dalam tempoh 3 hari	100%	
MEMPERTINGKATKAN KUALITI KESEJAHTERAAN HIDUP	5.	Mensasarkan 95% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2020	Menyelesaikan 95% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran Kementerian Wilayah Persekutuan)	100%
	6.	Menyediakan Kemudahan Skim Perumahan Bandar Untuk Wargakota	Menyiapkan Fasa 2 Skim Perumahan Bandar	95%
MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN	7.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 90% untuk perbelanjaan pembangunan dan 95% untuk perbelanjaan mengurus daripada peruntukan tahun 2020	96.43%
MEMANTAPKAN DAN MEMPERTINGKATKAN KAPASITI DAN KEUPAYAAN TADBIR URUS SERTA SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN	8.	Kehadiran 3 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 3 hari setahun	90%
	9.	Mewujudkan satu kumpulan KIK/ idea inovasi	Satu Kumpulan KIK di peringkat Jabatan	100%

5.0 BAJET


5.1 Perbelanjaan Mengurus Tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Belanjawan Mengurus	61,017,000.00	58,914,140.00	96.55%

5.2 Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Belanjawan Pembangunan	468,050,300.00	376,191,987.00	80.37%

5.3 Sumber peruntukan yang diperoleh adalah dari pelbagai sumber seperti dinyatakan di bawah;



Rajah 1 : Jumlah Pecahan Sumber Peruntukan 2020
Sumber : Buku Bajet DBKL 2020

6.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

6.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

Fungsi utama Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan adalah merekabentuk serta melaksana projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bertanggungjawab menyelenggara bangunan-bangunan serta kemudahan awam milik DBKL.

6.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit/Bahagian-Bahagian Jabatan

6.2.1 Bahagian Pengurusan Pembangunan

6.2.1.1 Unit Perancangan dan Pelaksanaan Dasar 1-

Merancang dan melaksanakan pengurusan perbelanjaan, belanjawan dan pengurusan projek bagi projek ROL / KWP.

- 6.2.1.2 Unit Perancangan dan Pelaksanaan Dasar 2-
Merancang dan melaksanakan pengurusan perbelanjaan, belanjawan dan pengurusan projek bagi projek-projek DBKL.
- 6.2.1.3 Unit Penyelidikan dan Pembangunan;
Menyedia perincian dokumentasi dan penyelidikan berkaitan sektor pembinaan dan pengurusan tapak bina
- 6.2.1.4 Unit Pengurusan Data dan Piawaian;
Mengurus serta mengawalselia pengurusan data jabatan, perancangan strategik dan mengemaskini maklumat rekod projek-projek dan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan.
- 6.2.1.5 Unit Pengurusan Kualiti;
Mengurus perancangan strategik pengurusan seperti ISO, HRMIS, integriti, program kompetensi, pematuhan prosedur kerja dan keperluan spesifikasi termasuk penambahbaikan prosedur
- 6.2.1.6 Unit Prestasi Bangunan.
Mengurus dan mengawalselia pematuhan kepada prestasi bangunan seperti GBI, QCLASSIC dan keperluan spesifikasi teknikal lain-lain yang mesra-alam dan jimat tenaga.

6.2.2 Bahagian Pengurusan Fasiliti

- 6.2.2.1 Unit Pengurusan Projek Ikonik
Merancang dan melaksanakan pengurusan perbelanjaan, belanjawan dan pengawalan peruntukan bagi pengurusan dan penyelenggaraan kawasan ROL, Heritage Trail serta Pintu Gerbang Kuala Lumpur.
- 6.2.2.2 Unit Pelaksanaan Rekabentuk Bandar;
Menyedia dokumen tender, rekabentuk dan pelaksanaan serta pemantauan pembinaan bagi projek-projek rekabentuk bandar
- 6.2.2.3 Unit Perancangan Rekabentuk Bandar;
Melaksana sesi taklimat awam, penyediaan deraf skematik, laporan pra-rekabentuk dan perancangan projek-projek rekabentuk bandar.
- 6.2.2.4 Unit Warisan dan Kawalan Bangunan;
Mengurus perihal berkaitan ulasan rekabentuk warisan dan rupabentuk fasad, penilaian impak rekabentuk dan menyediakan garis-panduan berkaitan kawalan bangunan.
- 6.2.2.5 Unit Penyelenggaraan Menara, Logistik dan Ruang Awam;
Melaksanakan tugas penyelenggaraan Menara DBKL 1, 2, 3, semua Pejabat Cawangan, memantau urusan ujian kerja dan pemasangan segala peralatan elektrik, mekanikal, loji dan aset-aset kejuruteraan milik DBKL.
- 6.2.2.6 Unit Penyelenggaraan Bangunan Kemudahan Awam;
Melaksanakan tugas penyelenggaraan kuarters, klinik, kompleks sukan, dewan serbaguna, taman-taman dan tandas awam, pasar, kompleks perniagaan, pusat penjaja & kiosk milik DBKL di dalam 3 disiplin kejuruteraan iaitu Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, dan Kejuruteraan Mekanikal.
- 6.2.2.7 Unit Pentadbiran
Melaksanakan fungsi pengurusan personel peringkat jabatan, hal-ehwal pentadbiran, pengurusan kewangan dan perbelanjaan, perolehan, inventori, aset jabatan, pengurusan surat-menyurat, aduan awam dan pengangkutan jabatan.

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

7.1 Tempat Letak Kereta Bertingkat PPR Seri Pantai



MAKLUMAT PROJEK

Tajuk	Cadangan Membina 1 Blok 9 Tingkat: i) 1 Unit Kedai Serbaguna Dan 21 Unit Gerai Penjaja, ii) Tempat Letak Kereta Di Aras 1 – Aras 7, iii) Gelanggang Futsal Dan Dewan Serbaguna Di Aras 8 Serta Kemudahan-Kemudahan Lain Di Seri Pantai, Kuala Lumpur
Kontraktor	Euro Saga Sdn Bhd
Tarikh Mula	12 April 2016
Tarikh Siap	19 Februari 2020
Kos Projek	RM 21,921,905.99

7.2 Pasar Harian Selayang, Kuala Lumpur



MAKLUMAT PROJEK

Tajuk	Cadangan Pembangunan Semula Pasar Harian Selayang, Kuala Lumpur
Kontraktor	Compact Vision Sdn Bhd
Tarikh Mula	11 November 2018
Tarikh Siap	6 November 2020
Kos Projek	RM 87,631,500.00

7.3 Naiktaraf dan Pengindahan Jalan Alor (Fasa 2)



MAKLUMAT PROJEK

Tajuk	Cadangan Naiktaraf dan Pengindahan Kawasan Sekitar Jalan Alor (Fasa 2), Kuala Lumpur (Reka dan Bina)
Kontraktor	Pembinaan APM Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	28 Mei 2018
Tarikh Siap	31 Mac 2020
Kos Projek	RM 8,625,000.00

7.4 Projek ICU - Membina bumbung di Tapak Perhimpunan SK Seri Cheras



MAKLUMAT PROJEK

Tajuk	Membina Bumbung di Tapak Perhimpunan Sekolah Kebangsaan Seri Cheras
Kontraktor	Dolor Bina Services
Tarikh Mula	13 Julai 2020
Tarikh Siap	02 September 2020
Kos Projek	RM 199,988.76

7.5 Lukisan Mural di Fasad Belakang Rumah Kedai Menghadap ROL



MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Pelaksanaan Kerja- Kerja Mengecat Lukisan Mural Di Fasad Belakang Rumah Kedai Menghadap Pesiaran Kaki River Of Life
Kontraktor	Cahaya Dimaju Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	10 Januari 2020
Tarikh Siap	16 Mac 2020
Kos Projek	RM 390,779.82

7.6 KLBWC 2020 – Rak buku di Taman Tasik Titiwangsa



MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Membina 5 unit kiosk KLBWC2020 di Taman Tasik Titiwangsa; Rak buku berbentuk huruf 'T' 2 unit Rak buku di wakaf 3 unit
Kontraktor	Seputih Daya Enterprise
Tarikh Mula	8 Februari 2020
Tarikh Siap	17 Julai 2020
Kos Projek	RM 193,261.50

7.7 KLWBC 2020 – Rak buku Konkrit di Lorong Tiong Nam, DBKL 1, Jalan Ampang, Jalan Panggong, Berhampiran Sultan Abdul Samad



MAKLUMAT PROJEK

Tajuk	Cadangan membina rak buku konkrit precast sebanyak 11 unit di pelbagai lokasi
Kontraktor	Pembinaan Yazid Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	1 Julai 2020
Tarikh Siap	2 September 2020
Kos Projek	RM 91,820.00

7.8 KLWBC 2020 – Lorong Bandar 13 dan Lorong Sisi Yap Ah Loy



MAKLUMAT PROJEK

Tajuk	Penyediaan Infrstruktur Lorong Buku KLWBC2020 (Lorong Bandar 13 Dan Lorong Sisi Jalan Yap Ah Loy, Kuala Lumpur
Kontraktor	Cahaya Dimaju Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	18 Februari 2020
Tarikh Siap	20 Julai 2020
Kos Projek	RM 26,023.03

7.9 Membaiki papantanda penceritaan di Dataran Medan Pasar, Kuala Lumpur



MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Membaiki Papan Tanda (Penceritaan) Yang Rosak Di Dataran Medan Pasar
Kontraktor	Cahaya Dimaju Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	29 Jun 2020
Tarikh Siap	29 September 2020
Kos Projek	RM 37,332.00

7.10 Cadangan Kerja Penyelenggaraan dan Penambahbaikan Bilik Latihan Orkestra Tingkat 1 Unit Muzik Menara DBKL 2



MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	Cadangan Penyelenggaraan Dan Penambahbaikan Bilik Latihan Orkestra Tingkat 1 Unit Muzik Menara DBKL 2
Kontraktor	AZ Meranti Enterprise
Tarikh Mula	12 Oktober 2020
Tarikh Siap	28 Oktober 2020
Kos Projek	RM 192,410.44

7.11 Cadangan Ubahsuai Perpustakaan Kuala Lumpur



MAKLUMAT PROJEK

Tajuk	Cadangan Ubahsuai Perpustakaan Kuala Lumpur
Kontraktor	Cahaya Dimaju Sdn Bhd
Tarikh Mula	24 Januari 2020
Tarikh Siap	22 April 2020
Kos Projek	RM 449,447.49

7.12 Cadangan Naiktaraf Hentian Bas Menara DBKL 3



MAKLUMAT PROJEK

Tajuk	Cadangan Naiktaraf Hentian Bas Menara DBKL 3
Kontraktor	Isokabeh Resources (M) Sdn Bhd
Tarikh Mula	12 Disember 2019
Tarikh Siap	13 Julai 2020
Kos Projek	RM 489,447.49



Tarikh	Program / Aktiviti	Objektif
25 Julai 2020	Program Jalan Pagi di Jejak Warisan Kuala Lumpur bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur	Pendedahan tersirat sejarah kisah silam di Kuala Lumpur, checkpoint penting dan menyelusuri semula kehidupan kota di Kuala Lumpur di awal pembangunannya



Tarikh	Program / Aktiviti	Objektif
1 hingga 31 Ogos 2020	Pertandingan Fotografi KUL Photo Contest 6.0 (Edisi ke 6)	Pencarian gambar kreatif berkaitan dengan River of Life

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal adalah sebuah jabatan yang berorientasikan perkhidmatan dan pembangunan dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Fungsi utama Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal ialah merancang, mengurus dan menyenggara semua sistem peralatan mekanikal dan elektrikal, mengurus kenderaan DBKL dan lampu jalan.

Dalam melaksana dan mencapai objektif jabatan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal mempunyai seramai 461 orang pegawai dan kakitangan yang diketuai oleh Pengarah Jusa C, dibantu oleh Timbalan Pengarah Kanan Gred J54, dua (2) orang Timbalan Pengarah Gred J52 dan enam (6) orang Timbalan Pengarah Gred J48. Jabatan ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Elektrikal (terdiri dari Unit Lampu Jalan, Unit Projek Elektrik dan Unit Elektrikal Pembangunan Swasta, serta Bahagian Mekanikal (terdiri dari Unit Projek Mekanikal, Unit Selenggara Kemudahan Mekanikal, Unit Pengangkutan, Unit Bengkel, Unit Stor.

2.0 VISI DAN MISI

Visi	Misi
Menyediakan perkhidmatan kejuruteraan dan logistik kenderaan bagi kegunaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia.	Berusaha untuk memberikan dan menghasilkan perkhidmatan yang memenuhi kehendak dan keperluan jabatan pengguna.

3.0 PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2020

3.1 Kenderaan

- Menguruskan kumpulan kenderaan/mesin jentera secara teratur serta menyediakan jadual dan bekalan pengangkutan berdasarkan permintaan tidak kurang daripada peratusan berikut:-
 - Jentera dan Kenderaan Kegunaan Khas 75%
 - Kenderaan Operasi Khas 80%
 - Kenderaan Protokol 90%
 - Kenderaan angkut 88%
- Melaksanakan penyenggaraan kenderaan/mesin jentera seperti spesifikasi pembuat dan mengawal kadar kerosakan tidak melebihi dari peratusan di bawah:-
 - Kenderaan Pelbagai Guna Sepusat 6.0%
 - Kenderaan Pelbagai Guna Jabatan 4.0%
 - Mesin Jentera 10.0%
 - Motosikal 3.0%

- c. Rekod induk kenderaan yang telah dikeluarkan Sijil Penamatan Perkhidmatan Kenderaan akan dikemaskini dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh sijil dikeluarkan.

3.2 Kemudahan Awam

- a. Mengurus dan melaksanakan penyenggaraan peralatan mekanikal dengan mengawal kadar kerosakan tidak melebihi 10%.
- b. Aduan kerosakan lampu jalan mestilah dibaiki dalam tempoh 3 hari.
- c. Memastikan kerosakan lampu jalan tidak melebihi 3% keseluruhan jumlah lampu jalan (bersamaan 100%).
- d. Memastikan rondaan lampu jalan di jalan utama dan protokol sebanyak 8 kali sebulan (bersamaan 100%).

3.3 Perolehan

- a. Penyediaan spesifikasi teknikal dan dokumen untuk kenderaan/mesin jentera, mesin kecil dan peralatan mengikut jangkamasa seperti berikut:-
 - Menyediakan spesifikasi tender yang mengimbangkan faktor kos dengan teknologi terkini serta dapat membangunkan sistem moden dan selamat, sesuai dengan peruntukkan yang disediakan.
 - Mengemaskini dokumen tender/sebutharga jenis berulang dalam tempoh 3 minggu.
 - Menyediakan dokumen tender/sebutharga baru dalam tempoh 2 bulan.
 - Membuat penilaian tender/sebutharga dalam masa 3 minggu.
 - Memastikan pembekalan kenderaan/mesin jentera baru dilaksanakan tidak lewat 24 bulan daripada penerimaan buku bajet.

3.4 Stor Pusat

- a. Memastikan pembekalan bahan-bahan kepada Jabatan-Jabatan di dalam DBKL sentiasa dapat dipenuhi mengikut jenis dan peratusan permintaan seperti berikut:-
 - Bahan api (petrol dan diesel) 100%
 - Simpanan barangan pelbagai 90%
 - Simpanan alat ganti kenderaan/mesin jentera, motosikal, mesin dan peralatan mekanikal 85%
- b. Setiap permohonan pengeluaran barangan di Stor Pusat akan dilayan dalam tempoh 10 minit mengikut giliran dan pengeluaran barangan 'ex-stock' akan dibuat dalam tempoh 20 minit.

3.5 Perolehan

- a. Memberi perkhidmatan perundingan mekanikal dan elektrik dalam melaksanakan projek mengikut tempoh jadual pelaksanaan 'Building Team' termasuk perkara-perkara di bawah:-
 - Menyediakan spesifikasi tender yang mengimbangkan faktor kos dengan teknologi terkini serta dapat membangunkan sistem moden dan selamat, sesuai dengan peruntukkan yang disediakan.
 - Menyediakan dokumen tender dalam jangkamasa seperti berikut:-
 - a) Projek Besar – 3 bulan
 - b) Projek Sederhana – 2 bulan
 - c) Projek Kecil – 1 bulan
 - Menyiapkan penilaian tender dalam jangkamasa seperti berikut:-
 - a) Projek Besar – 3 minggu
 - b) Projek Sederhana – 2 minggu
 - c) Projek Kecil – 1 minggu

3.6 Pengurusan Sisa Pepejal

- a. Memastikan sisa pepejal yang diterima oleh Stesen Pemindahan Taman Beringin diproses dan dilupuskan ke tapak pelupusan akhir dalam tempoh 24 jam dengan proses kerja memenuhi syarat-syarat EIA (kesan ke atas alam sekitar).

4.0 PETUNJUK UTAMA PRESTASI (KPI) JABATAN TAHUN 2020

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Pengurusan Penyenggaraan	1.	Memastikan sistem pam kawalan banjir berfungsi pada setiap masa.	31 Rumah Pam Kawalan Banjir	100%
	2.	Memastikan mesin pembakar mayat berfungsi dengan baik di Krematorium DBKL.	7 Mesin pembakar mayat di krematorium.	100%
	3.	Memastikan sistem pancutan air berfungsi dengan baik.	Sistem pancutan air di : a. 45 Buah Tasik & Taman Rekreasi (Termasuk Kolam Dalam Taman) b. 11 Dataran & Persekitaran Kuala Lumpur c. 10 Projek ROL	100%
	4.	Penyenggaraan motorsikal, kenderaan, lori dan jentera berat	a) 1.0% Kadar Kerosakan dari jumlah Motosikal (Jumlah 442 unit) b) 3% Kadar Kerosakan dari jumlah Kenderaan Jabatan (Jumlah 643 unit) c) 5% Kadar Kerosakan dari jumlah Kenderaan Pelbagai Guna (Jumlah 397 unit) d) 7% Kadar Kerosakan dari jumlah Kenderaan Khas dan Jentera Berat. (Jumlah 273 unit)	100%
	5.	Menyenggara lampu jalan awam	Kadar lampu jalan rosak bulanan (tidak menyala) tidak lebih 1.0% (Jumlah 45,000 unit)	100%
Perkhidmatan Sokongan	6.	Menyenggara lampu taman di taman awam	Kadar lampu taman awam rosak bulanan (tidak menyala) tidak lebih 5.0% daripada keseluruhan lampu. (Jumlah 16 buah Taman Awam)	100%
	7.	Mengurus pembekalan lori dan jentera 'pool' secara giliran bagi tempahan berkala	Semua kenderaan berpemandu yang dapat dibekalkan. - JKAWS-60 buah - JPLR-60 buah - Lain-lain jabatan-7 buah - Jumlah tempahan 127 buah	100%
	8.	Pembekalan bahan / peralatan keperluan kerja dan alat ganti kenderaan jentera melalui Stor Pusat.	a) Bahan/barang dan peralatan kerja. Kadar Pusingan Stok setiap sukuan tahun : 0.50	100%
			b) Alatganti kenderaan (barangan stok). Kadar Pusingan Stok setiap sukuan tahun : 0.50	50%
	c) Bahan api stok depoh (petrol & diesel)	100%		
9.	Kaedah Pelupusan : a. Lelong Awam b. Sebutarga Dalaman	Dua (2) kali setahun	100%	
Pemupukan Budaya Kerja Cemerlang	10.	Mewujudkan satu kumpulan KIK	Satu kumpulan KIK di peringkat Jabatan	100%
Prestasi Bajet Tahunan	11.	Menguruskan peruntukan perbelanjaan dengan berhemah.	Menguruskan peruntukan perbelanjaan dengan berhemah.	100%
Pengurusan Aduan Awam	12.	Mensasarkan 95% penyelesaian aduan awam pada tahun 2020.	Menyelesaikan 95% aduan yang diterima pada setiap bulan.	100%
Membina Keupayaan dan Pembelajaran Organisasi	13.	Kehadiran 3 hari berkursus setahun kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatan.	Semua pegawai dan kakitangan (461 staff)	81.6%

5.0 BAJET

5.1 Perbelanjaan Mengurus Tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Belanjawan Mengurus	137,108,400.00	133,910,707.00	97.67%

5.2 Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Belanjawan Pembangunan	8,380,000.00	7,948,949.06	94.86%

5.3 Perbelanjaan Aset Harta Tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Belanjawan Pembangunan	10,616,900.00	10,499,350.00	98.9%

6.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan berbentuk merancang, merekabentuk, memperolehi, mengurus dan menyenggara pelbagai kemudahan peralatan mekanikal dan elektrik, logistik dan juga pembekalan. Fungsi utama jabatan seperti :

- i. Merancang, menganalisa keperluan, mengurus perolehan serta pelupusan semua kenderaan, jentera dan peralatan mekanikal jabatan-jabatan DBKL.
- ii. Menyelaraskan dan mengurus pembekalan kenderaan / jentera untuk kegunaan kepada jabatan-jabatan DBKL.
- iii. Menyelia, mengawasi, mengawal dan memantau kerja penyenggaraan kenderaan / jentera dan pelbagai kemudahan Mekanikal di dalam bengkel jabatan atau secara kontrak / kontrak berpenggal.
- iv. Merancang perolehan dan penyelenggaraan semua alat ganti, peralatan kerja dan pelbagai bahan keperluan kerja jabatan-jabatan di Stor Pusat DBKL.
- v. Memberi khidmat perundingan bagi merekabentuk, tender, memasang dan menyenggara perkhidmatan mekanikal dan elektrik bangunan seperti sistem lif, eskalator, pencegah kebakaran, penyaman udara, rektifikasi, bekalan kuasa elektrik, pencahayaan dan lain-lain bagi projek-projek pembangunan dan aset bangunan DBKL.
- vi. Merancang, menyelaras serta memantau operasi dan senggaraan sistem pelupusan sisa pepejal.
- vii. Merancang, menyelaras serta memantau senggaraan lampu jalan awam di bandar raya Kuala Lumpur.

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

7.1 Pelaksanaan Projek Mekanikal & Elektrikal

Pelaksanaan projek bagi sistem dan kemudahan mekanikal & elektrik yang terdiri daripada projek-projek *Inhouse* yang melibatkan perancangan, reka bentuk, tender dan pengurusan kontrak pembinaan secara dalaman dan menjadi sebahagian pasukan bangunan projek-projek yang melibatkan Juruperunding Mekanikal/ Elektrik dari jabatan pelaksana (SO) seperti Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan (JPPPB) dan Jabatan Pembangunan Lanskap dan Rekreasi (JPLR) bagi memudahkan kerja-kerja pemantauan ditapak. Jabatan bertanggungjawab ke atas projek-projek seperti berikut:-

1. Projek Penswastan (Land Swap) di bawah JPEPP
 - a. Kompleks Sukan Ayer Panas, Setapak Kuala Lumpur
 - b. Tempat Letak Kereta Bertingkat di MRR2, Kuala Lumpur
 - c. Rumah Mampu Milik di Jln Bukit Keramat, Setapak KL
 - d. Pembangunan 1 Kompleks Belia 6 Tingkat, Jalan Cheras KL
 - e. Pembangunan Akademi Latihan Badminton, Jalan Cheras

2. Projek di bawah JPPPB (*Design & Build / Konsultan / Inhouse*)
 - a. Pembinaan bangunan, dewan-dewan dan pusat komuniti
 - b. Pembinaan pasar-pasar & pusat penjaja
 - c. Pembinaan tempat letak kereta bertingkat di sekitar PA & PPR
 - d. Pembinaan Bazar, Gerai & Kiosk
 - e. Pembinaan council homes (rumah mampu milik)
 - f. *River of Life* (ROL) dan *Heritage Trail* (NKEA)
3. Projek dibawah Jabatan Pembangunan Landskap Dan Rekreasi (JPLR) (*Design & Build / Konsultan / In House*)
 - a. Projek sistem elektrik bangunan dan pencahayaan untuk lampu taman di taman-taman yang baru
 - b. Naik taraf/Upgrading sistem pencahayaan di taman-taman utama yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur

Untuk projek bagi pasukan bangunan (building team) terdapat 60 projek yang akan/sedang/siap dilaksanakan merangkumi 50 projek dari JPPPB dan 10 projek dari JPLR. Jabatan bertanggungjawab dalam memberi maklumbalas teknikal dari segi aspek elektrik serta perlu menghadiri mesyuarat teknikal yang diadakan berkaitan projek tersebut.

Jumlah projek siap yang diselia bagi projek JPPPB sehingga bekalan elektrik diperolehi dan pemberian CCC pada tahun 2020 ialah 10 Tempat Letak Kereta Bertingkat dan 1 projek Dewan Komuniti yang telah diserahkan kepada JPKK manakala untuk projek River of Life (ROL) terdapat 5 fasa di mana 3 fasa telah diserahkan secara berperingkat (partial) sementara 2 lagi telah pun memperolehi CCC dan CMGD.

Untuk projek-projek di bawah JPLR sebanyak 2 projek pada tahun 2020 yang telah berjaya disiapkan iaitu Naiktaraf Taman Tasik Sri Rampai di Setapak dan juga Pembangunan Semula Taman Tasik Permaisuri di Cheras.



Cadangan Menaiktaraf Dan Meminda Ruang Dalam Medan Selera 4 Tingkat Sediada Untuk Penempatan Pusat Kesenian Dan Kumpulan Kesenian DBKL Di Atas P.T.91 Dan LOT 959 Jalan Rotan Kg. Attap, Wilayah Persekutuan.



Cadangan Merekabentuk, Membina Dan Menyiapkan Pasar Harian Selayang (Reka Dan Bina).



Cadangan Membina Jambatan Ikonik Laluan Pejalan Kaki Dari Jalan Saloma Ke Kampong Bharu Melintasi Sungai Klang/Akleh (Saloma Link) Secara Reka Dan Bina.



Heritage Trail 5



Cadangan Membina Tapak Letak Kereta (TLK).

7.2 Stok

Penutupan akhir tahun untuk proses verifikasi stok telah diadakan pada 15 hingga 17 Disember 2020. Kedudukan stok alat ganti, barang pelbagai dan diesel/petrol seperti di Jadual 1, 2 dan 3.

Jadual 1: Kedudukan stok alat ganti bagi tahun 2020

Tahun 2020	KEDUDUKAN STOK				Kadar Pusingan Stok ^c (a+d)/2
	Sediada	Pembelian	Pengeluaran	Stok Semasa	
	Jumlah Nilai Stok	Jumlah Nilai Stok	Jumlah Nilai Stok	Jumlah Nilai Stok	
	(a)	(b)	(c)	d=(a+b)-(c)	
Baki Bawa Hadapan	Baki Stok Akhir Tahun 2019:			2,578,578.65	
Suku Tahun Pertama	2,578,578.65	1,220,803.21	514,827.60	3,284,554.26	0.18
Suku Tahun Kedua	3,284,554.26	907,531.74	534,787.51	3,657,298.49	0.15
Suku Tahun Ketiga	3,657,298.49	1,963,934.76	1,479,002.75	4,142,230.50	0.38
Suku Tahun Keempat	4,142,230.50	696,388.52	1,100,190.32	3,738,428.70	0.28
Nilai tahunan		4,788,658.23	3,628,808.18		1.15

Jadual 2: Kedudukan stok barang pelbagai bagi tahun 2020

Tahun 2020	KEDUDUKAN STOK				Kadar Pusingan Stok ^c (a+d)/2
	Sediada	Pembelian	Pengeluaran	Stok Semasa	
	Jumlah Nilai Stok	Jumlah Nilai Stok	Jumlah Nilai Stok	Jumlah Nilai Stok	
	(a)	(b)	(c)	d=(a+b)-(c)	
Baki Bawa Hadapan	Baki Stok Akhir Tahun 2019:			586,679.67	
Suku Tahun Pertama	586,679.67	259,798.20	260,026.59	586,451.28	0.44
Suku Tahun Kedua	586,451.28	1,379,068.90	876,097.48	1,089,422.70	1.05
Suku Tahun Ketiga	1,089,422.70	1,266,072.16	1,351,244.09	1,004,250.77	1.29
Suku Tahun Keempat	1,004,250.77	1,627,476.80	2,087,232.16	544,495.41	2.70
Nilai tahunan		4,532,416.06	4,574,600.32		1.79

Jadual 3: Kedudukan stok diesel/petrol bagi tahun 2020

Tahun 2020	KEDUDUKAN STOK				Kadar Pusingan Stok ^c (a+d)/2
	Sediada	Pembelian	Pengeluaran	Stok Semasa	
	Jumlah Nilai Stok	Jumlah Nilai Stok	Jumlah Nilai Stok	Jumlah Nilai Stok	
	(a)	(b)	(c)	d=(a+b)-(c)	
Baki Bawa Hadapan	Baki Stok Akhir Tahun 2019:			21,440.76	
Suku Tahun Pertama	21,440.76	289,673.90	258,209.35	52,905.31	6.95
Suku Tahun Kedua	52,905.31	262,400.40	146,069.04	169,236.67	1.32
Suku Tahun Ketiga	169,236.67	227,286.00	286,294.67	110,228.00	2.05
Suku Tahun Keempat	110,228.00	167,952.00	171,550.15	106,629.85	1.58
Nilai tahunan		947,312.30	862,123.21		13.46

7.3 Penyelenggaraan Kenderaan dan Jentera DBKL

Sepanjang tahun 2020 jabatan melaksanakan penyelenggaraan kenderaan seperti berikut:

BIL.	PERKARA	BIL. KENDERAAN
1.	Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan	637
2.	Penyelenggaraan Kenderaan Pelbagai Guna	382
3.	Penyelenggaraan Jentera Berat	273
4.	Penyelenggaraan Motosikal	478

7.4 Penukaran Tiang Lampu Jalan

Skop tugas Unit Pembangunan Swasta merangkumi mengawal selia pemasangan lampu jalan dan lampu awam baru yang melibatkan semua pembangunan baru bagi projek swasta dan DBKL sehingga penyerahan kepada penyelenggaraan. Pertambahan skop dibuat pada Julai 2020, selaras dengan perubahan struktur organisasi yang mana melibatkan tugas mengawalselia penukaran tiang lampu jalan kepada tiang lampu jalan dwifungsi pemancar telekomunikasi. Berikut adalah data bilangan permohonan yang diproses mengikut kategori masing-masing;

Fungsi Utama	Kategori	Bil. Dokumen
Pelan Lampu Jalan	Pemohonan Kelulusan Pelan /Bahan/ Pengecualian	580
	Permohonan CCC	86
	Permohonan COT	40
	Lain-lain	20
Tiang Dwifungsi	Permohonan Kelulusan Tapak	200
	Pengalihan/Aduan	20
	Lain-lain	10

Setiap permohonan adalah melibatkan beberapa siri perbincangan dan lawatan tapak, sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Lampu Jalan dan OSC2

7.5 Pemasangan Lampu Jalan

i Kerja-kerja Retrofit Lampu Jalan HPSV Kepada Lampu Jalan LED

Sebanyak 45,000 unit lampu jalan HPSV, iaitu sebahagian besar lampu jalan di Kuala Lumpur telah diretrofit kepada lampu jalan LED yang mana kerja-kerja ini telah bermula sejak 1 Ogos 2016 sehingga kini. Kerja-kerja retrofit ini akan diteruskan dengan retrofit lampu jalan di Lebuhraya KL – Seremban yang baru diserahkan oleh Syarikat Konsesi Lebuhraya (ANIH Berhad) dan lampu lorong belakang. Ringkasan pemasangan lampu jalan LED retrofit adalah seperti berikut:

Kuantiti kontrak = 45,000 unit
Kuantiti siap = 45,000 unit (100%)



Lampu Jalan HPSV



Lampu Jalan LED

ii. Pemasangan Lampu Hiasan

Pemasangan lampu-lampu hiasan mengikut festival atau perayaan utama yang disambut seluruh Malaysia seperti Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Deepavali dan Krismas yang mana lampu-lampu hiasan ini dipasang di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan pelancong dan juga tumpuan orang ramai.

Pemasangan Lampu Hiasan Tanglung Sempena Tahun Baru Cina 2020. Sebanyak 14,740 biji lampu hiasan tanglung telah dipasang di kawasan tumpuan pelancong dan tumpuan orang ramai seluruh Kuala Lumpur.



iii. Pemasangan Lampu Hiasan Ketupat Sempena Hari Raya Aidilfitri 2020

Sebanyak 1,114 biji lampu hiasan ketupat telah dipasang di hadapan masjid, surau, madrasah dan kawasan tumpuan orang ramai seluruh Kuala Lumpur.



iv. Pemasangan Lampu Hiasan LED, Motif Merak dan Pelita sempena Deepavali 2020.


Sebanyak 10 span Scallope Decorative, 3 biji Pelita Motif dan 2 biji Peacock Motif di kawasan Jalan Tun Sambanthan, 2 span Scallope Decorative kawasan Jalan Sentul, 4 span Scallope Decorative di Jalan Ipoh, 5 span Scallope Decorative, 3 biji Pelita Motif dan 3 biji Peacock Motif di kawasan Lebu Ampang.



v. Pemasangan Lampu Hiasan Bermotif Sempena Hari Krismas 2020

Sebanyak 250 unit lampu hiasan bermotif yang terdiri daripada motif 'snowflake', 'star', 'deer' dan 'present box' telah dipasang di jalan-jalan utama sekitar pusat Bandar seperti berikut:

- a. Jalan Bukit Bintang (Simpang Jalan Tun Razak ke simpang Jalan Pudu)- 53 nos
- b. Jalan Imbi (Simpang Jalan Bukit Bintang ke simpang Jalan Pandan/Sultan Ismail)- 44 nos
- c. Jalan Raja Chulan (Simpang Jalan P.Ramlee ke simpang Jalan Imbi)- 34 nos
- d. Jalan P. Ramlee (Simpang Jalan Raja Chulan ke simpang Jalan Pinang)- 18 nos
- e. Jalan Pinang- 8 nos
- f. Jalan Ampang (Simpang Jalan Yap Kwan Seng ke simpang Jalan Sultan Ismail -17 nos
- g. Jalan Sultan Ismail (Simpang Jalan Ampang ke simpang Jalan Imbi/Kg Pandan) - 51 nos
- h. Jalan Tunku Abdul Rahman (Simpang Jalan Sultan Ismail ke simpang Jalan Dang Wangi)- 13 nos
- i. Jalan Raja Laut (Simpang Jalan Sultan Ismail ke simpang Jalan Putra)- 12 nos



7.6 Senggaraan Kemudahan Mekanikal

Bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dengan berkesan, 11 kontrak penyelenggaraan serta 1 kontrak projek sambungan secara serahan dan menyelia 18 kontraktor secara keseluruhan. Senarai kerja-kerja adalah seperti berikut:

- i. Kerja-kerja Penyelenggaraan Sistem Pam Kawalan Banjir di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2017/A191) – 4 kontraktor berpenggal;
- ii. Kerja-kerja Penyelenggaraan Sistem Pam Air Pancutan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Untuk Tempoh Dua (2) Tahun (2019/A041) – 4 kontraktor berpenggal;
- iii. Kerja-kerja Menyenggara Sistem Eskalator Berjenama Toshiba Secara Penyelenggaraan Menyeluruh di Jejantas-Jejantas Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tempoh Dua (2) Tahun (2018/B066) – 1 kontraktor berpenggal;
- iv. Kerja-kerja Menyenggara Sistem Eskalator Berjenama Schindler Secara Penyelenggaraan Menyeluruh di Jejantas-Jejantas Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tempoh Dua (2) Tahun (2019/B058) – 1 kontraktor berpenggal;
- v. Kerja-Kerja Menyenggara Sistem Lif Berjenama Kone di Jejantas Hospital Kuala Lumpur Bagi Tempoh Dua (2) Tahun (2020/B054) – 1 kontraktor berpenggal;
- vi. Kerja-kerja Penyelenggaraan Jentera Pembakar Mayat dan Bangkai Haiwan Serta Peralatan Berkaitan di Krematorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Selama Dua (2) Tahun (2019/A132) – 1 kontraktor berpenggal;
- vii. Kerja-kerja Penyelenggaraan Komprehensif Sistem Spiral Waste Bin dan Pengurusan Pembersihan Rumah Sampah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Zon A & Zon B) (2017/A174) – 1 kontraktor berpenggal;
- viii. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Komprehensif Sistem Spiral Waste Bin Dan Pengurusan Pembersihan Rumah Sampah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Zon C) (2017/A173) – 1 kontraktor berpenggal;
- ix. Kerja-kerja Operasi dan Penyelenggaraan Waste Water Treatment Plant (WWTP) Untuk Pasar-Pasar Basah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2018/A112) – 1 kontraktor berpenggal;
- x. Kerja-kerja Penyelenggaraan Depoh, Stesen, Jejantas, Struktur dan Mekanikal Am Bagi Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Untuk Tempoh Dua (2) Tahun (2018/A109) – 1 kontraktor berpenggal;
- xi. Kerja-kerja Penyelenggaraan Sistem Mekanikal, Elektrikal, Instrumentasi dan Sistem Automasi Berkomputer Terowong Bawah Tanah Laluan Kenderaan Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Selama Dua (2) Tahun (2018/A081) – 1 kontraktor berpenggal;
- xii. Cadangan Projek Kolam Biru Di Kawasan River Of Life (ROL) Presint 7 – Zon Masjid Jamek, Kuala Lumpur Secara Reka dan Bina (2017/A031) – 1 kontraktor projek

Penyelenggaraan yang dilaksanakan adalah sebanyak 135 kawasan meliputi sistem mekanikal dan elektrikal seperti berikut:-

BIL.	JENIS PERALATAN DAN SISTEM	BILANGAN LOKASI
1.	Rumah Pam Kawalan Banjir (RPKB)	31
2.	Mesin Spiral Waste Bin (SWB)	22
3.	Tasik dan Kolam <i>Water Feature</i>	66
4.	Kolam Biru	1
5.	Loji <i>Wastewater Treatment (WWTP)</i>	4
6.	Terowong	5
7.	Depoh dan Jejantas Mekanikal	2
8.	Eskalator dan Lif di Jejantas	3
9.	Krematorium	1
JUMLAH		135

Sistem Air Pancut dan Siraman




Sistem Air Pancut dan Siraman Rumah Pam Kawalan Banjir (RPKB)



Mesin Spiral Waste Bin (SWB)



Jejantas Mekanikal





Depoh JKME





Krematorium



Wastewater Treatment Plant (WWTP)





Terowong





Kolam Biru (Blue Pond)



Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi

1.0 LATAR BELAKANG

Bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan rekreasi kepada warga kota dan memainkan peranan yang penting dalam memastikan kecantikan Bandar Raya Kuala Lumpur secara berterusan ke arah mencapai visi menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Tropika Lestari Bertaraf Dunia menjelang 2020. Selaras dengan visi dan misi Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi untuk menjadikan Kuala Lumpur Bandar Raya dalam Taman, kerja-kerja pengindahan sentiasa dipertingkatkan dan memperbanyakkan serta menaiktaraf kawasan rekreasi dan kemudahan riadah bagi semua peringkat umur dan golongan kurang upaya.

Program-program pengindahan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan taman dan kawasan landskap tetap berjalan lancar dan dari tahun ke tahun terdapat taman baru yang dibuka kepada orang ramai bertujuan untuk memberi keselesaan terutama kepada penduduk sekitar dan juga wargakota serta pengunjung-pengunjung dari luar Kuala Lumpur.

2.0 VISI DAN MISI

Visi

Ke arah merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya tropika lestari bertaraf dunia menjelang 2020.

Misi

Pembangunan landskap bandar yang indah, bersih dan kemas dengan ciri-ciri rekabentuk pengindahan yang dinamik dan menyeluruh bagi kepuasan semua wargakota dan pelancong.

3.0 PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2020

- i. Merancang projek-projek landskap sekurang-kurangnya 6 bulan
- ii. Merekabentuk landskap boleh disediakan bagi:
 - a. Projek Besar (Bajet : Melebihi RM5 juta) – 6 bulan
 - b. Projek Sederhana (Bajet : RM1 juta – RM5 juta) – 3 bulan
 - c. Projek Kecil (Bajet : Kurang RM500K) – 1 bulan
- iii. Memastikan projek-projek penanaman pokok dan landskap dilaksanakan mengikut amalan terbaik selaras dengan wawasan ke arah menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Taman Tropika Lestari menjelang 2020.
- iv. Memastikan kawasan taman awam dan pokok-pokok rendah di kawasan awam sentiasa berada dalam keadaan bersih, cantik dan selamat kepada orang ramai.
- v. Menanam pelbagai jenis pokok sebanyak 30,000 setahun.

- vi. Taman-taman awam dibuka mulai 6.00 pagi hingga 8.00 malam.
- vii. Memastikan kerja-kerja pembersihan pokok tumbang dan sekah di bawah penyelenggaraan DBKL dibuat dalam tempoh 24 jam selepas mendapat maklumat.
- viii. Memastikan kerja-kerja membaikpulih kerosakan di taman permainan kanak-kanak diambil tindakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh aduan diterima dan juga dari pemeriksaan secara berkala di tapak.
- ix. Memastikan perkhidmatan hiasan bunga memenuhi kehendak pelanggan.
- x. Menyediakan kemudahan untuk aktiviti / acara rekreasi di taman-taman awam sekurang-kurangnya 10 acara sebulan.
- xi. Memastikan akuan penerimaan kepada aduan awam dibuat dalam tempoh satu (1) hari bekerja dan tindakan susulan diambil dalam tempoh tiga (3) hari bekerja. Maklum balas seterusnya kepada pengadu dan tindakan penyelesaian dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh aduan diterima.
- xii. Memastikan kelulusan permohonan penggunaan sewa tapak rekreasi dalam taman awam dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari dari tarikh permohonan diterima. Setiap permohonan yang diluluskan akan dikeluarkan surat kebenaran di tapak. Manakala permohonan melalui surat ke Bahagian Pentadbiran akan diambil tindakan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.
- xiii. Memastikan proses pembayaran kepada kontraktor dihantar ke Bahagian Semakan dan Pembayaran, Jabatan Kewangan dalam masa sepuluh (10) hari bekerja.

4.0 PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JABATAN TAHUN 2020

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Menghijaukan dan Mengindahkan Bandar Raya	1	Meningkatkan keindahan bandaraya Kuala Lumpur melalui hiasan landskap dalam menuju ke arah Negara Taman Terindah	Bilangan jalan yang dinaiktaraf Bilangan jalan protokol yang terlibat	100% 100%
	2	Membangunkan kawasan lapang, taman awam dan taman kejiranan dengan infrastruktur hijau bagi mencapai kesejahteraan dan integrasi sosial	Bilangan kawasan lapang yang dinaiktaraf	50%
			Bilangan taman kejiranan yang dinaiktaraf	50%
	3	Mewujudkan ruang hijau dalam mewujudkan keharmonian di kawasan pusat bandar Kuala Lumpur	Bilangan taman awam yang dinaiktaraf	40%
	4	Mempergiat usaha memelihara dan konservasi sumber landskap	Bilangan taman mini/ pocket park yang siap dibangunkan	100%
	5	Menjalankan kajian dan pembangunan dalam memastikan pembangunan landskap yang lestari dan mapan	Bilangan spesies anak pokok yang dihasilkan	100%
Pemantapan Organisasi Yang Cemerlang	6	Mengadakan usaha mempromosikan produk landskap kepada wargakota bagi mewujudkan 'sense of belonging' dan memupuk kesedaran masyarakat kepada alam sekitar	Tempoh TOR disiapkan Tempoh lantikan konsultan	OT Mac
	7	Kehadiran 3 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan	Tempoh siap	100%
	8	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Semua Pegawai dan kakitangan jabatan menghadiri kursus 3 hari setahun	90.97%
	9	Mewujudkan satu kumpulan KIK / Idea Inovasi	Mencapai sekurang-kurangnya 90% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2020	96%
	10	Mensasarkan 95% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2020	Satu kumpulan KIK / Idea Inovasi peringkat Jabatan	100%
JUMLAH KESELURUHAN			Menyelesaikan 95% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	88.91%
				92.36%

5.0 BAJET

5.1 Perbelanjaan Mengurus Tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Belanjawan Mengurus	64,070,000.00	62,847,995.00	98%

5.2 Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2020

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Belanjawan Pembangunan	21,221,000.00	19,039,690.00	90%

6.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

6.1 Fungsi – Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

- 6.1.1 Menjadikan Kuala Lumpur Bandaraya Dalam Taman.
- 6.1.2 Merancang, merekabentuk dan membangunkan projek-projek landskap, taman-taman dan kawasan rekreasi untuk warga kota berpandukan pelan induk landskap Kuala Lumpur.
- 6.1.3 Mengintergrasikan jalinan hijau bagi perkembangan flora dan fauna dalam bandar dengan memperbanyakkan dan mempelbagaikan tanaman pokok-pokok di kawasan bahu jalan, sungai, pejalan kaki serta kawasan-kawasan lapang.
- 6.1.4 Penyelenggaraan landskap yang berkualiti, efisien dan selamat.
- 6.1.5 Penguatkuasaan Undang-Undang Kecil Taman (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2012.
- 6.1.6 Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan pokok rendah bagi tujuan keselamatan dan menjalankan kerja-kerja pembersihan pokok-pokok tumbang, tunggul dan sekah.
- 6.1.7 Meluluskan permohonan penggunaan kemudahan awam dan rekreasi di taman-taman awam, padang rekreasi, taman permainan dan sebagainya.
- 6.1.8 Menguruskan tapak semaian tanaman untuk keperluan jabatan.
- 6.1.9 Menyediakan perkhidmatan hiasan dan sewaan bunga pasu dan bunga keratan mengikut tempahan.
- 6.1.10 Memberi khidmat nasihat mengenai landskap dan hortikultur kepada agensi kerajaan, sekolah, badan-badan beruniform dan NGO.
- 6.1.11 Menganjurkan aktiviti-aktiviti landskap dan rekreasi yang melibatkan penyertaan orang awam seperti Klinik Perkebunan, Bicara Taman, Kempen Menanam Pokok, Ceramah Bunga Raya dan Orkid.
- 6.1.12 Memperbanyakkan penanaman pokok berbunga dan daun berwarna.
- 6.1.13 Meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan penyertaan warga kota terhadap alam sekitar dan pembangunan landskap.
- 6.1.14 Membantu sektor pelancongan mempromosikan taman-taman bertema dan taman awam sebagai produk dan destinasi pelancongan.
- 6.1.15 Mengawalselia pembersihan tandas-tandas awam oleh kontraktor penyelenggaraan Jabatan ketahap yang memuaskan.
- 6.1.16 Mengawal selia perkhidmatan pengawal keselamatan di sekitar taman-taman.
- 6.1.17 Melaksanakan Penyelidikan dan Pembangunan.
- 6.1.18 Menguruskan dan melaksanakan program landskap di tapak-rezab kawasan lapang.
- 6.1.19 Membangun dan menyelenggara 400 taman permainan kanak-kanak di sekitar Kuala Lumpur serta memastikan taman permainan kanak-kanak berada di dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.

6.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit/Bahagian-Bahagian Jabatan

- 6.2.1 BAHAGIAN PENTADBIRAN, KEWANGAN DAN KONTRAK
- 6.2.1.1 Unit Pengurusan Taman-Taman Awam & Rekreasi
- Menyelaras tempahan sewaaan di taman dan menguruskan aktiviti-aktiviti rekreasi di taman.
- 6.2.1.2 Unit Penyelarasan Kontrak
- Mengemaskini sistem data projek-projek pembangunan, bekalan perkhidatan dan penyelenggaraan.
- 6.2.1.3 Unit Aduan Awam
- Menguruskan aduan awam, mesyuarat dan surat-surat jabatan (aduan).
 - Mengemaskini dan menyaring aduan awam jabatan melalui sistem bertulis, telefon dan sebagainya.
 - Memastikan rekod semua aduan yang diterima diedarkan kepada unit-unit berkaitan dan diselesaikan dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan diterima.
 - Memantau aduan jabatan dan meminimumkan rekod aduan jabatan melalui tindakan penyelesaian di dalam sistem ISPAAA.
- 6.2.1.4 Unit Pengurusan Kewangan
- Menguruskan kewangan dan belanjawan jabatan.
- 6.2.1.5 Unit Pengurusan Sumber Manusia
- Melaksanakan fungsi pengurusan personel dan penyelarasan pentadbiran peringkat jabatan.
- 6.2.1.6 Unit Pemodenan Pentadbiran
- Menyelaras peperiksaan, kursus, seminar dan bengkel kakitangan dan pekerja awam.
 - Mengendali dan mengemaskini data-data jabatan.
 - Memastikan amalan EKSA, ISO 9001:2015 dipraktikkan, dipatuhi dan diamalkan secara konsisten.
 - Memastikan sistem E-Fleet, pengurusan stor dan pakaian seragam berjalan dengan sempurna.
 - Menyelaras inovasi dan kumpulan inovatif dan kreatif Jabatan.
- 6.2.1.7 Unit Pengurusan Aset & Inventori
- Menguruskan perancangan, perolehan, inventori, aset dan pelupusan peringkat Jabatan.
- 6.2.2 BAHAGIAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP, PENGURUSAN POKOK RENDANG & NURSERI
- 6.2.2.1 Unit Penyelenggaraan Landskap
- Menyelaras tempahan sewaaan di taman dan menguruskan aktiviti-aktiviti rekreasi di taman.
 - Memastikan penampilan landskap lembut dan landskap kejur sentiasa berada dalam keadaan terbaik samada dari segi fizikal dan kualiti visual di Zon Utara, Zon Selatan, Zon Tengah Dan Zon Pusat.
 - Penyelenggaraan landskap lembut seperti menyiram, membaja, kawalan makhluk perosak dan lain-lain.
 - Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di luar kawasan.
 - Menyelaras kerja-kerja merumput, mencantas, penjarakkan tanaman, mengembur dan baikpulih tanah, kerja-kerja pemancangan dan penggantian pokok.
- 6.2.2.2 Unit Penyelidikan/Dasar dan Pengurusan Korporat
- Merancang, menyelaras dan memantau program kerja Jabatan berdasarkan kepada dasar-dasar berkaitan landskap.
 - Menyediakan garis panduan, peraturan dan perundangan yang berkaitan pembangunan landskap dan memastikannya selaras dengan dasar-dasar Negara dan Kementerian Wilayah.
 - Menyalurkan maklumat berkaitan dasar/ polisi berhubung perancangan landskap ke Jabatan-jabatan berkaitan dari masa ke semasa.
 - Mengenalpasti dan membangunkan kolaborasi diantara agensi tempatan dan anatarabangsa di dalam bidang penyelidikan landskap serta berkaitan bagi meningkatkan kepakaran dan kemahiran pegawai dan kakitangan jabatan.
 - Menyelaras dan mengatur program-program taman-taman promosi.
 - Menyelaras maklumbalas dan akhbar, parlimen dan lain-lain berkaitan.
- 6.2.2.3 Unit Pengurusan Taman Botani & Nurseri
- Melaksanakan kerja-kerja pembiakan dan pengeluaran tanaman.
 - Melaksanakan pembangunan, operasi serta penyelenggaraan nurseri.

- Mengenakan sewaan bunga hiasan sebagai sumber hasil kepada DBKL.
- Menyedia dokumen tender pembekalan dan penghantaran media/bahan hortikultur, mesin dan peralatan serta kerja-kerja dokumentasi.
- Melaksanakan kerja hiasan.
- Penyediaan pokok dan tanaman/bunga annuals/orkid/bunga raya dan lain-lain untuk kegunaan Jabatan dan untuk dijual kepada orang awam.
- Menyediakan dan memantau spesifikasi piawaian ("Standard Operational Procedure") bagi pengurusan nurseri.
- Menjalankan kerja-kerja hiasan yang dipohon oleh Agensi Awam, Agensi Swasta, NGO dan lain-lain.
- Menguruskan pentadbiran, lawatan dan promosi Taman Botani Perdana.
- **UNIT PENGURUSAN HERBARIUM**
 - Perkhidmatan rujukan herbarium dan pusat sumber.
 - Program pertukaran dan peminjaman spesimen herbarium (kering)
- **UNIT KONSERVASI**
 - Pembangunan koleksi tumbuhan (thematic)
 - Pengurusan Taman Orkid, Taman Herba, Taman Bunga Raya dan Bunga-bunga, Taman Konservatori.
- **UNIT PENDIDIKAN ALAM SEKITAR**
 - Pengurusan pusat interpretif.
 - Pengubalan modal dan pakej rekreasi dan botanikal taman.
 - Pelaksanaan pakej perkhidmatan jurupadu taman (guided tour).

6.2.2.4 Unit Pengurusan Pokok Rendang

- Menyelaraskan dan memantau kerja-kerja kontrak, operasi dan penyelenggaraan pokok rendang.
- Membuat rondaan untuk memastikan pokok-pokok tidak dicantas atau ditebang tanpa mendapat kebenaran dan kelulusan.
- Menyelaraskan penyediaan dokumen tender kerja-kerja berkaitan dengan penyelenggaraan pokok-pokok rendang.
- Memberi khidmat nasihat dan pemantauan kerja penebangan dan pengalihan pokok yang telah diluluskan.
- Menyediakan Spesifikasi Piawaian (S.O.P) berhubung dengan kerja-kerja pengurusan pokok rendang.
- Menyediakan pengiraan wang gantirugi bagi penebangan pokok dan wang cagaran bagi penyelidikan pokok di bawah penyelenggaraan DBKL.
- Menyedia dan menyelaraskan pengakalan data inventori tanaman, kerja-kerja khidmat nasihat, rawatan pokok dan dokumentasi.
- Menyelaraskan keperluan logistik kenderaan, mesin-mesin kecil dan peralatan.
- Menyelaraskan kerja-kerja berhubung dengan aduan dan kecemasan.
- Menyelaraskan tuntutan-tuntutan insurans.

6.2.3 BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN LANDSKAP

6.2.3.1 Unit Taman Awam dan Kejiranan

- Melaksanakan kerja inventori taman kejiranan dan kawasan lapang dalam Kuala Lumpur sejajar dengan pertumbuhan penduduk.
- Melaksanakan pembangunan projek dan pengindahan landskap di taman-taman awam dan kejiranan.

6.2.3.2 Unit Pengurusan Taman

- Mengurus dan memantau kerja-kerja penyelenggaraan landskap lembut dan kejur termasuklah penyelenggaraan Taman Tasik Titiwangsa dan Taman Metropolitan Kepong.
- Mengurus dan menyelaraskan kerja-kerja penyediaan dokumen kontrak untuk tender kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan landskap, pembelian, pembekalan dan penghantaran pokok di Taman Tasik Titiwangsa dan Taman Metropolitan Kepong.
- Mengurus dan menyelaraskan kerja-kerja pentadbiran dan perkhidmatan Taman Tasik Titiwangsa dan Taman Metropolitan Kepong.

6.2.3.3 Unit Landskap Bandar

- Merekabentuk ruang bandar untuk penyediaan "pocket park".
- Merekabentuk dan melaksanakan projek pengindahan bagi elemen-elemen landskap pejal dan lembut untuk menjadikan persekitaran yang berfungsi, menarik dan selamat.

- Melaksanakan garis panduan dan polisi pelaksanaan kerja-kerja landskap Kuala Lumpur.
 - Melaksanakan Pelan Induk Kuala Lumpur yang telah diluluskan.
 - Menyelaraskan dan melaksanakan acara tahunan dalam bandar serta acara/pertandingan tahunan dan lain-lain projek landskap segera dalam bandar
- 6.2.3.4 Unit Kemudahan Rekreasi
- Memastikan semua alat permainan kanak-kanak dalam taman awam sentiasa berada dalam keadaan terbaik, selamat dan sentiasa dibaiki.
 - Penyelenggaraan landskap kejur meliputi siarkaki, perabot taman, alat permainan kanak-kanak & kerja elektrik segera.
 - Membuat inventori kerosakan.
 - Menyediakan arahan kerja bagi membaiki kerosakan dengan menggunakan kerja undi/sebut harga.
 - Memastikan kontraktor menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan TPKK secara berkala.
- 6.2.3.5 Unit Jalinan Hijau
- Melaksanakan projek penghijauan di tepi jalan dan tepian sungai (Green and Blue Network)
 - Melaksanakan program penghijauan di kawasan lapang.
 - Memastikan keperluan hutan bandar dapat dimanfaatkan untuk semua wargakota.
 - Merancang dan melaksanakan program CSR/ Adoption Of Park bersama agensi korporat dan NGO.
- 6.2.3.6 Unit Pembangunan Landskap
- Memberi khidmat nasihat dan ulasan berkaitan kerja perancangan dan rekabentuk yang melibatkan kawasan landskap.
 - Menyalurkan maklumat berkaitan dasar/ polisi berhubung perancangan landskap ke Jabatan-jabatan berkaitan dari masa ke masa.
 - Merancang, merekabentuk dan melaksanakan projek pengindahan bagi elemen landskap pejal dan lembut untuk menjadikan persekitaran yang berfungsi menarik dan selamat.
 - Menyediakan perancangan Pelan Induk Landskap Kuala Lumpur
- 6.2.3.7 Unit Kawasan Lapang
- Melaksanakan pembangunan projek dan pengindahan landskap di kawasan lapang.
 - Menyediakan perancangan pengindahan di zon-zon dan kawasan lapang sekitar Wilayah Persekutuan.
 - Kawalan ke atas permohonan kawasan lapang dari segi penggunaannya.
 - Menyelaraskan tindakan penguatkuasaan terhadap tanah- tanah rizab kawasan lapang yang diceroboh.
 - Menambah jumlah perizaban / pewartaan tanah kawasan lapang yang berpotensi dalam bandar.

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

TARIKH	PENGLIBATAN	PROGRAM/AKTIVITI	OBJEKTIF
7 OGOS 2020	YBM, YBTM, KSU, TKSU, Datuk Bandar dan Pengarah - Pengarah Eksekutif DBKL	Program Transformasi Taman Tasik Titiwangsa	Merasmikan pembukaan semula wajah baru Tmn Tasik Titiwangsa
DISEMBER 2020	Datuk Bandar, PEPP dan Pengarah-Pengarah Sektor Pengurusan Projek	Lawatan Teknikal Datuk Bandar Bersama Pengurusan Tertinggi Untuk Melihat Air Pancut 100 Meter di Taman Tasik Titiwangsa	Lawatan Teknikal bagi Pemasangan Air Pancut Tertinggi di Kuala Lumpur
13 SEPTEMBER 2020	KWP, DBKL, Yayasan Wilayah, Majlis Belia Wilayah Persekutuan	Program Pengindahan Taman Awam Bukit Kiara	Mengindahkan dan menghijaukan lagi Taman Awam Bukit Kiara yang seterusnya boleh mempromosikan Kuala Lumpur amnya, dan taman ini khususnya, sebagai sebuah destinasi yang wajar dikunjungi untuk beriadah dan mencari suasana alam semulajadi yang mendamaikan.

Jabatan Ukur Bahan

1.0 LATAR BELAKANG

Perkhidmatan Ukur Bahan di DBKL bermula pada 1 Oktober 1976 di bawah Jabatan Arkitek. Pada tahun 1977 ia telah dikembangkan menjadi satu bahagian dibawah Unit Penyelarasan Pembangunan sebelum dengan rasminya menjadi sebuah jabatan pada 1 Oktober 1981.

Dalam proses penyusunan semula organisasi DBKL, pada tahun 1995 Bahagian Pengurusan Perolehan telah diletakkan di bawah Jabatan Ukur Bahan dan dikenali sebagai Jabatan Pengurusan Perolehan dan Ukur Bahan. Walaubagaimanapun bermula pada tahun 2003 Bahagian Pengurusan Perolehan telah dikeluarkan semula dari Jabatan Ukur Bahan untuk diletakkan di bawah Jabatan Pentadbiran.

2.0 VISI DAN MISI

Visi

Menyediakan Perkhidmatan Ukur Bahan Yang Sistematik, Efisien dan Cemerlang.

Misi

Komitod dalam Memberi Perkhidmatan Pentadbiran Kontrak, Kawalan Kos dan Pengurusan Projek dengan Cekap dan Telus.

3.0 PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2020

- 3.1 Memberi perkhidmatan kepakaran Ukur Bahan di peringkat Pra-Kontrak yang meliputi perkhidmatan berikut:
- Menyediakan Dokumen Tawaran dalam tempoh 90 hari bekerja selepas menerima maklumat projek yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana.
 - Menyediakan Dokumen Sebutharga dalam tempoh 30 hari bekerja selepas menerima maklumat projek yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana.
 - Menyemak Dokumen Tawaran perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan yang dikemukakan oleh jabatan-jabatan lain di DBKL serta memberi khidmat nasihat teknikal dan aturcara kontrak dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh penerimaan.
 - Menyediakan Anggaran Kos Projek dalam tempoh 21 hari bekerja selepas menerima lukisan rekabentuk yang lengkap.
- 3.2 Memberi perkhidmatan kepakaran Ukur Bahan di peringkat Pasca Kontrak yang meliputi perkhidmatan-perkhidmatan berikut:
- Mengkaji dan menganalisa Kos Pembangunan Projek bagi projek-projek penswastaaan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen daripada Jabatan Pelaksana.

- Menyelaras kadar harga dan pecahan harga tawaran dalam tempoh 30 hari bekerja selepas penerimaan dokumen tawaran.
 - Menyediakan Sijil Bayaran Interim dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh penerimaan tuntutan yang lengkap.
 - Menyediakan pengiraan bagi setiap kerja-kerja ubahan dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh penerimaan arahan bertulis daripada Jabatan Pelaksana.
 - Menyediakan Perakuan Muktamad selewat-lewatnya 3 bulan selepas tamat tempoh Liabiliti Kecacatan sesuatu projek atau 3 bulan selepas dikeluarkan Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan mengikut mana yang terkemudian.
- 3.3 Mengkaji dan menganalisa Kos Pembangunan Projek bagi projek-projek penswastan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen daripada Jabatan Pelaksana.
- 3.4 Menyediakan Laporan Penilaian Harga bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan jabatan-jabatan di DBKL dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.
- 3.5 Mengkaji, menganalisa dan menyediakan Laporan Cadangan Kewangan Perunding dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.

4.0 PETUNJUK UTAMA PRESTASI (KPI) JABATAN TAHUN 2020

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
Perakuan Pembayaran	1.	A. Memastikan 100% bayaran interim disediakan dalam tempoh 4 hari bekerja dari tarikh penilaian tapak / tarikh pengesyoran diterima.	100%	97.49%
		B. Memastikan 90% Sijil Perakuan Muktamad Kontraktor dikeluarkan dalam tempoh 3 bulan selepas tamat tempoh Liabiliti Kecacatan (DLP) atau 3 bulan selepas keluar Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) mengikut mana yang kemudiam.	100%	100%
		C. Memastikan 90% Sijil Perakuan Muktamad Perunding dikeluarkan dalam tempoh 3 bulan selepas Sijil Perakuan Muktamad Kontraktor dikeluarkan.	100%	100%
Jadual Kadar Harga Dan Data Kos	2.	Memastikan Jadual Kadar Harga Piawai Kerja DBKL (2021-2023) dikemaskini selewat-lewatnya pada September 2020	100%	100%
	3.	Memastikan Data Kos Kadar Per Unit Projek-Projek Komersial/Infrastruktur DBKL disiapkan pada November 2020.	100%	100%
Garis Panduan Dan Dokumen Tender	4.	Menyediakan S.O.P. bagi memproses tuntutan-tuntutan di bawah syarat-syarat kontrak selewat-lewatnya pada Oktober 2020.	100%	100%
	5.	Memastikan 90% Dokumen Perolehan disemak selepas menerima dokumen lengkap daripada Jabatan Pelaksana. Penyemakan Dokumen Tender/Sebutharga dibuat dalam tempoh 2 minggu.	100%	98.15%
Senarai Kuantiti	6.	Memastikan sekurang-kurangnya 20 Senarai Kuantiti (BQ) projek disediakan dengan menggunakan perisian Build Space.	100%	100%
Pemantapan Organisasi Yang Cemerlang	7.	Menguruskan peruntukan perbelanjaan secara berhemah dengan memastikan perbelanjaan melebihi 90% daripada peruntukan tahun 2020.	100%	100%
	8.	Mewujudkan satu kumpulan KIK/Idea Inovasi	100%	100%
	9.	Kehadiran 3 hari berkursus setahun bagi semua pegawai dan kakitangan Jabatan.	100%	88.00%
	10.	Mensasarkan 95% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2020.	100%	100%

5.0 BAJET

5.1 Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2020

Dalam Bajet Mengurus 2020, jabatan telah diperuntukkan sebanyak RM101,200.41. Sebanyak RM97,685.94 telah dibelanjakan dengan pencapaian 96.53% perbelanjaan. Jabatan Ukur Bahan telah mendapat peruntukan kewangan bagi perbelanjaan operasi dan perbelanjaan dalam tahun 2020 seperti berikut :-

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Jumlah Belanjawan	RM 101,200.41	RM 97,685.94	96.53

6.0 FUNGSI UTAMA

Di dalam memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan DBKL yang berobjektifkan 'value for money', Jabatan Ukur Bahan perlu memainkan peranan utama di dalam memastikan kos dan kewangan projek diuruskan dengan baik dan efisien. Di samping itu jabatan juga perlu memastikan tatacara perolehan dan pelaksanaan pentadbiran kontrak adalah teratur dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.

Di antara skop-skop perkhidmatan utama jabatan adalah :

- Menyediakan Anggaran Kos Projek dan Perancangan Kos Projek.
- Menyediakan Dokumen Tender, Sebutharga Dan Kerja Undi.
- Menyemak Dokumen Tender, Sebutharga Dan Kerja Undi.
- Menilai Kemajuan Kerja Projek dan Menyediakan Sijil Bayaran Interim Projek.
- Mengukur dan Menilai Tuntutan-tuntutan Arahan Perubahan (Variation Order) yang Dikemukakan Oleh Kontraktor.
- Menyediakan Perakuan Muktamad Projek Bagi Kontraktor Kerja dan Perunding.

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2020

7.1 Menyediakan Anggaran Kos Dan Perancangan Kos

Bagi sepanjang tahun 2020 jabatan telah terlibat di dalam menyediakan anggaran-anggaran kos bagi **18 projek** yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender dan sebutharga. Anggaran kos tersebut adalah bagi perolehan secara tender dan sebutharga dengan nilai anggaran kos keseluruhan berjumlah **RM98 juta**.

7.2 Menyediakan Dokumen Tender Dan Sebutharga

Sebanyak **12 Dokumen Tawaran** telah disediakan bagi perolehan secara Tender dan Sebutharga di sepanjang tahun 2020. Perincian bilangan dan peratusan berdasarkan kategori dokumen perolehan adalah seperti berikut:

Jadual 7.2: Statistik Penyediaan Dokumen Tender Dan Sebutharga Tahun 2020

Kategori Penyediaan Dokumen	Jumlah	Peratusan
Dokumen Tender	5	42 %
Dokumen Sebutharga	7	58%
JUMLAH	12	100%

7.3 Menyemak Dokumen Tender / Sebutharga Dan Kerja Undi


Deraf-deraf dokumen bagi perolehan tender dan sebutharga yang disediakan oleh Jabatan Pelaksana, ianya perlu melalui proses semakan oleh Jabatan Ukur Bahan bagi memastikan ianya sempurna dan teratur bagi tujuan tender.

Selain daripada dokumen tender dan sebutharga, dokumen-dokumen perolehan secara kerja undi juga perlu melalui proses semakan oleh Jabatan Ukur Bahan sebelum proses undi dilaksanakan.

Pecahan dan peratusan semakan dokumen 2020 mengikut kategori adalah seperti berikut:

Jadual 7.3: Statistik Penyemakan Dokumen Tender/ Sebutharga Dan Kerja Undi Tahun 2020

Kategori Semakan Dokumen	Jumlah	Peratusan
Semakan Dokumen Tender/ Sebut Harga	486	58%
Dokumen Kerja Undi	349	42%
JUMLAH	835	100%



Carta Pie 7.3 Pecahan Penyemakan Dokumen Tender/ Sebutharga Dan Kerja Undi Tahun 2020

7.4 Menyediakan Sijil Bayaran Interim Projek

Penilaian ke atas kemajuan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor perlu dibuat secara progresif bagi memastikan pembayaran yang dibuat adalah bersesuaian dan tepat.

Jabatan Ukur Bahan bertanggungjawab di dalam menilai kemajuan kerja di tapak bina dan seterusnya membuat pengesyoran pembayaran melalui Sijil Bayaran Interim Projek. Bagi tahun **2020** sebanyak **283 sijil** telah disyorkan oleh Jabatan Ukur Bahan di mana melibatkan keseluruhan pengesyoran bayaran lebih kurang **RM275 juta**.

7.5 Menyediakan Perakuan Muktamad Projek

Di dalam memuktamadkan akaun sesuatu projek, satu komitmen yang tinggi diperlukan oleh Juruukur Bahan Projek. Ini adalah bagi memastikan ianya dapat disempurnakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan di samping perlu memastikan segala tuntutan-tuntutan yang dikemukakan kontraktor seperti kerja-kerja pengukuran semula, arahan perubahan, tuntutan bagi kerugian & perbelanjaan (*loss & expenses*) dan lain-lain lagi adalah sah serta teratur.

Bagi tahun **2020** sebanyak **20 Perakuan Muktamad** projek telah berjaya dimuktamadkan dan **4 projek** telah dinilai bagi tuntutan kerugian dan perbelanjaan (*loss & expenses*) oleh Jabatan Ukur Bahan.


7.6 Penghasilan Jadual Kadar Harga Piawai Kerja (2021-2023)

Kadar harga di dalam Jadual Kadar Harga ini biasanya digunakan sebagai rujukan untuk perkiraan kos bagi Tender Kerja DBKL sahaja selama 3 tahun. Ianya juga boleh digunakan untuk mengira harga Kerja-kerja Perubahan di dalam mana-mana kontrak DBKL yang berasaskan Senarai Kuantiti dan Spesifikasi. Pengguna utamanya adalah Juruukur Bahan dan kontraktor binaan komersial.

Jika terdapat butir-butir kerja yang kadar harganya tidak terdapat di dalam Jadual Kadar Harga ini, harga persetujuan bolehlah digunakan secara "pro-rata" dari jadual kadar harga tersebut.

Kadar Harga ini telah meliputi kos-kos bahan bina, pemasangan, pengangkutan, tenaga buruh dan termasuk kos overhead' serta keuntungan.

Kadar-kadar harga ini adalah berasaskan nilai kerja-kerja di Kawasan Kuala Lumpur sahaja.



Jadual Kadar Harga Piawai Kerja (2021-2023)

7.7 Pemakaian Panduan Ringkas Berkaitan Penilaian Tuntutan Kerugian dan Perbelanjaan Tambahan Kontraktor Disebabkan Lanjutan Masa Kontrak

Jabatan Ukur Bahan telah membuat satu panduan ringkas berkaitan penilaian tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan kontraktor disebabkan oleh lanjutan masa tempoh kontrak untuk digunakan di DBKL.

Panduan Ringkas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan peraturan yang digunakan di dalam penilaian tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan selaras dengan peruntukan dalam syarat-syarat kontrak dan perbendaharaan.

Ianya boleh dimuatnaik di laman sesawang intranet DBKL (<http://intranet.dbkl.gov.my>).

Panduan Ringkas ini telah dibentangkan kepada pihak Pengurusan Tertinggi DBKL dan telah dikuatkuasakan pada **Oktober 2020**.

Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Kerja Awam telah digabungkan dengan Jabatan Saliran dan Pengurusan Sungai semasa penstrukturan semula Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 1 Julai 2011 dan dikenali dengan nama Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran (JKAWS). Penstrukturan baharu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 1 Ogos 2015 telah menggabungkan Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran dengan Jabatan Pengangkutan Bandar. Jabatan baharu ini dinamakan Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar (JKPB).

Pihak Pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melaksanakan penyelarasan semula fungsi JKPB dan melibatkan penjenamaan semula JKPB kepada Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran (JKAWS) berkuatkuasa pada 3 September 2019.

Jabatan ini bertanggungjawab dalam melaksanakan fungsi pengurusan, penyelenggaraan dan pembinaan projek infrastruktur jalan, jambatan, sungai, cerun, parit induk, tebatan banjir dan lain-lain fungsi yang berkaitan.

2.0 VISI DAN MISI

Visi	Misi
Ke arah pelaksanaan rangkaian jalan, jambatan, cerun dan sungai selamat, indah dan berkualiti.	Menjadikan rangkaian jalan, jambatan, cerun dan sungai mengikut piawaian, berkualiti dan bertaraf dunia.

3.0 PIAGAM PELANGGAN TAHUN 2020

- 3.1 Membaiki kerosakan jalan berlubang berskala kecil (berkeluasan < 100 meter persegi) di dalam Pusat Bandar dalam tempoh 24 jam dari tarikh aduan diterima atau penemuan kerosakan oleh tenaga Jabatan (kecuali kerosakan jalan yang disebabkan oleh paip air / pembentungan yang bocor / rosak)
- 3.2 Membaiki kerosakan jalan berskala besar (berkeluasan > 100 meter persegi) dalam tempoh 1 bulan dari tarikh kontraktor dilantik.
- 3.3 Membaiki kerosakan longkang berskala kecil (panjang < 5 meter) dalam tempoh 3 hari bekerja, dari tarikh aduan diterima atau penemuan kerosakan oleh tenaga Jabatan (kecuali kerosakan longkang yang disebabkan oleh akar pokok / pembinaan struktur haram).
- 3.4 Mengambil tindakan awalan (pembersihan runtuh dan perlindungan) ke atas runtuh cerun dalam rezab jalan dalam tempoh 48 jam dari masa maklumat diterima.
- 3.5 Memproses permohonan kebenaran pengorekan jalan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3.6 Menjalankan kerja-kerja pembersihan sungai 3 kali seminggu sepanjang 84 km untuk sebanyak 17 batang sungai.

3.7 Menjalankan kerja-kerja pemeriksaan berkala untuk parit induk 2 kali setahun.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JABATAN TAHUN 2020

KRA	BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN
PELAKSANAAN PENYELENGGARAAN	1.	Menurap semula jalan-jalan awam dalam kategori kerosakan kritikal yang panjangnya 80km.	Memastikan 100% 80km jalan dalam keadaan kritikal diturap semula sehingga akhir 2020.	79.26% (63.41km)
	2.	Melaraskan paras 200 unit <i>manhole</i> supaya separas dengan aras jalan raya di Kuala Lumpur.	Memastikan 200 unit <i>manhole</i> dilaraskan separas dengan jalan raya pada tahun 2020.	106.5% (213 unit)
	3.	PSDT : Bilangan tindakan baikpulih kerosakan di jalan-jalan utama dalam <i>Central Business District</i> mematuhi model tempoh masa penyelenggaraan yang ditetapkan.	i) Memastikan 90% kerosakan jalan/lubang > 3m ² yang diterima melalui aduan awam dibaiki dalam tempoh 12 jam. ii) Memastikan 90% kerosakan jalan/lubang > 3m ² melalui pemeriksaan <i>flying squad</i> dibaiki dalam tempoh 18 jam.	100%
	4.	Mensasarkan penyelesaian 100% di 15 lokasi yang sering dilanda banjir kilat.	Menangani masalah banjir di 15 lokasi banjir kilat	100%
	5.	Menyelenggara parit-parit induk sepanjang 143 km	Memastikan 100% parit induk diselenggara mengikut jadual	100%
	6.	Memastikan kerja pembersihan kesemua 15 perangkap sampah terapung dilaksanakan setiap hari.	100%	100%
	7.	Memastikan pembersihan semak samun dilaksanakan di 123 km rezab sungai dan 10 kawasan kolam takungan banjir mengikut jadual.	100%	100%
	8.	Memeriksa dan memantau 289 lokasi cerun di bawah pengurusan DBKL.	Memastikan sekurang-kurangnya 289 lokasi cerun diperiksa dan di pantau	52.24% (151 cerun diperiksa)
	9.	Menaiktaraf laluan pejalan kaki 3 km panjang di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Memastikan 3 km laluan pejalan kaki di naiktaraf di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	240% (7.2 km)
	10.	Membaiki 150 unit penyambung jambatan / <i>flyover</i> yang mengalami kerosakan	Memastikan 150 unit penyambung jambatan / <i>flyover</i> disiapkan pada tahun 2020	98% (147 unit)
PEMUPUKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG	11.	Meningkatkan perkhidmatan melalui program inovasi	Satu inovasi peringkat jabatan	100% (Satu kumpulan KIK telah ditubuhkan untuk tahun 2020)
PRESTASI BAJET TAHUNAN	12.	Menguruskan peruntukan perbelanjaan dengan cekap dan berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 90% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2020	96.66% (Bajet Pembangunan 94.09% dan Bajet Mengurus 99.22%)
MEMBINA KEUPAYAAN DAN PEMBELAJARAN ORGANISASI	13.	Kehadiran 3 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan.	100% pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 3 hari setahun	29.32%
PENGURUSAN ADUAN AWAM	14.	Mensasarkan 95% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2020	Menyelesaikan 95% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	71.28% aduan awam diselesaikan dalam tempoh 14 hari
PENYIAPAN PROJEK PEMBINAAN SEBAHAGIAN TEROWONG KELUAR MASUK KE PEMBANGUNAN TRX SEBELUM 31 DISEMBER 2020	15.	Mensasarkan 100% pembinaan terowong TRX dalam rizab awam Jalan Tun Razak siap pada 31 Disember 2020	Menyiapkan kerja di tapak sekurang-kurangnya 8% bagi setiap bulan.	55%

5.0 BAJET

Pencapaian perbelanjaan dalam bajet tahun 2020 bagi Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran adalah seperti dalam jadual di bawah:

5.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Belanjawan Mengurus	RM 361,100,500.00	RM 339,758,889.00	94.09

5.2 Perbelanjaan Pembangunan

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
Belanjawan Pembangunan	RM 127,781,300.00	RM 126,790,881.00	99.22

6.0 FUNGSI UTAMA

6.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan

- Mengurus hal ehwal pentadbiran dan Sumber Manusia.
- Mengurus kemajuan kerjaya perkhidmatan Pegawai dan kakitangan
- Menyelaras dan memantau ISO 9001:2015 Jabatan.
- Menyelaraskan EKSA Jabatan.
- Menyediakan laporan Keutuhan dan Karenah Birokrasi.
- Menyelaraskan Pencapaian KPI jabatan.

Bahagian Kejuruteraan Awam

- Unit Penyelenggaraan Jalan
 - Membuat program pembaikan / penyelenggaraan berjadual untuk infrastruktur jalan mengikut bajet.
 - Menyelenggara rangkaian jalan-jalan awam.
 - Menyelenggara longkang-longkang tepi jalan.
 - Menyelenggara lorong-lorong belakang/sisi.
 - Penyelenggaraan pagar keselamatan pejalan kaki/jalan raya/terowong.
 - Penyelenggaraan tembok penahan dalam rezab jalan.
 - Penyelenggaraan papan tanda jalan awam.
- Unit Projek Jalan Dan Jambatan
 - Mengenal pasti lokasi / keperluan projek.
 - Menyediakan laporan penilaian perunding untuk dibenteng kepada Jawatankuasa Penilaian Perunding peringkat Jabatan.
 - Menyediakan Dokumen Perjanjian perunding. Deraf Dokumen Perjanjian perlu disemak oleh Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan.
 - Memantau kemajuan kerja-kerja rekabentuk yang dilaksanakan oleh perunding dan menyediakan sijil bayaran kepada perunding mengikut kemajuan.
 - Membuat ulasan terhadap rekabentuk yang disediakan dan mengemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) untuk kelulusan.
 - Menyediakan dan mengemukakan Dokumen Tender kepada JP, BPP untuk panggilan tender. Deraf Dokumen Tender perlu disemak oleh Jabatan Ukur Bahan. Sekiranya projek dilaksanakan sehingga peringkat rekabentuk sahaja, peringkat seterusnya diserahkan kepada Bahagian Projek.
 - Membuat ulasan terhadap rekabentuk yang disediakan dan mengemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) untuk kelulusan.

- Unit Permit Utiliti
 - Memproses permohonan permit korekan jalan oleh syarikat / agensi utiliti seperti TNB, Telekom, IWK dan SYABAS.
 - Menyelaraskan kerja korekan jalan dan laluan siarkaki di WPKL oleh agensi-agensi utiliti dan pihak swasta.
 - Memproses tuntutan kos gantirugi dan membaikpulih lubang gali.
 - Menyelaras kerja-kerja membaikpulih lubang gali oleh agensi utiliti.
 - Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan longkang, jalan, perabot jalan, penandaan jalan dan lain-lain kerja berskala kecil oleh tenaga jabatan.
 - Membuat pemeriksaan berkala dan menyediakan laporan terhadap kerosakan-kerosakan longkang, jalan, perabot jalan, penandaan jalan dan lain-lain kerja berskala kecil oleh tenaga jabatan.
- Unit Cerun
 - Menyediakan dan mengemaskini inventori cerun di rezab jalan dan kawasan hijau di bawah kawalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, termasuk pengkalan data ciri-ciri geologi dan geoteknikal cerun.
 - Menjalankan penyiasatan forensik untuk insiden cerun runtuh di rezab jalan dan di kawasan kawalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
 - Menjalankan pemeriksaan berkala untuk cerun dan mengesyorkan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala.
 - Melaksanakan kerja-kerja baikpulih cerun runtuh di rezab jalan dan kawasan cerun di bawah DBKL.
 - Berurusan dengan pakar geoteknikal dari agensi lain dan pemilik-pemilik tanah yang terlibat dengan insiden cerun runtuh skala besar di Kuala Lumpur mengenai kerja baikpulih jangka masa pendek dan jangka masa panjang.
 - Menjalankan kajian untuk kawasan tanah sensitif alam sekitar milik DBKL yang bermasalah dan melaksanakan kerja penstabilan dan baikpulih.
 - Menjalankan pemeriksaan cerun dalam rezab jalan atau kawasan milik DBKL yang diserahkan untuk tujuan pengambilalihan penyelenggaraan.

Bahagian Saliran

- Unit Projek Saliran
 - Merancang, melaksanakan dan menyelenggara sistem saliran utama bagi tebatan banjir dan mengatasi masalah banjir kilat.
 - Melaksanakan secara strategik Cadangan Pelan Induk Saliran Bandar dan Pengurusan Air Hujan Kuala Lumpur.
 - Menguruskan projek-projek tebatan banjir menggunakan kaedah berstruktur dan tidak berstruktur.
 - Membina dan menaiktaraf kapasiti sungai – sungai kecil.
 - Membina kolam takungan banjir dan rumah pam.
 - Menguruskan sistem amaran banjir termasuk papan tanda elektronik dan sistem siren.
 - Merancang dan melaksanakan program 'waste water treatment plant' di bawah projek 'River of Life'.
- Unit Parit Induk
 - Menjalankan kerja Pengurusan Saliran Bandar dengan melaksanakan rancangan dan aktiviti berikut:
 - Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi memelihara kebersihan, estetik, kapasiti hidraulik parit utama untuk mengurangkan risiko banjir.
 - Melaksanakan program penyelenggaraan sistem saliran seperti berikut :
 - Pembersihan kelodak, semak samun dan sampah
 - Pembaikan parit induk
 - Pembinaan kecil sistem saliran bandar
 - Mengurus aduan berkaitan saliran bandar
 - Melaksanakan kerja – kerja kecemasan selepas hujan.
 - Menyenggara parit induk dan longkang tepi jalan.
- Unit Penyelenggaraan Sungai
 - Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi memelihara kebersihan, memelihara estetik, memelihara kapasiti hidraulik sungai untuk mengurangkan risiko banjir.

- Sungai
 - i. Kutipan Sampah
 - ii. Pembersihan Kelodak
 - iii. Pembaikan Tebing
- Kolam Takungan Banjir
 - i. Pembersihan Kolam
 - ii. Pembinaan Kecil
- Kerja-kerja kecemasan selepas hujan.
- Membuat penyelarasan dengan agensi-agensi yang berkaitan dengan sungai seperti JPS, JAS, Pejabat Tanah, Kerajaan Negeri Selangor dan lain-lain.
- Melaksanakan kerja-kerja untuk mengawal kualiti air kolam takungan banjir dan tasik supaya terjamin.
- Menyelenggara rangkaian jalan awam, longkang tepi jalan, lorong belakang / sisi dan tembok penahan dalam rezab jalan.
- Memproses permohonan permit korekan jalan oleh syarikat / agensi utiliti seperti TNB, Telekom, IWK dan AIR SELANGOR.
- Mengurus pembinaan projek jalan, jambatan, jejambat, terowong dan persimpangan bertingkat.
- Melaksanakan kerja-kerja baikpulih cerun runtuh di rezab jalan dan kawasan cerun di bawah DBKL serta menyelenggara dan membaikpulih jambatan, jejambat dan terowong kenderaan.
- Merancang, menguruskan dan melaksana projek-projek Tebatan Banjir, kerja- kerja menaiktaraf sistem perparitan, pembinaan kolam takungan banjir dan rumah pam kawalan banjir.
- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi memelihara kebersihan estetik, kapasiti hidraulik parit utama untuk mengurangkan risiko banjir seperti pembersihan kelodak, semak samun, sampah, pembaikan parit induk, pembinaan kecil sistem saliran bandar.
- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi memelihara kebersihan, memelihara estetik, kapasiti hidraulik sungai untuk mengurangkan risiko banjir seperti pembaikan tebing, kutipan sampah dan pembersihan kelodak serta membersihkan kolam

Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan

- Mengurus hal ehwal pentadbiran dan Sumber Manusia.
- Mengurus kemajuan kerjaya perkhidmatan Pegawai dan kakitangan.
- Menyelaras dan memantau ISO 9001:2015 Jabatan.
- Menyelaraskan EKSA Jabatan.
- Menyediakan laporan Keutuhan dan Karenah Birokrasi.

Bahagian Kejuruteraan Awam Unit Penyelenggaraan Jalan

- Membuat program pembaikan / penyelenggaraan berjadual untuk infrastruktur jalan mengikut bajet.
- Menyelenggara rangkaian jalan-jalan awam.
- Menyelenggara longkang-longkang tepi jalan.
- Menyelenggara lorong-lorong belakang/sisi.
- Penyelenggaraan pagar keselamatan pejalan kaki/jalanraya/ terowong.
- Penyelenggaraan tembok penahan dalam rezab jalan.
- Penyelenggaraan papan tanda jalan awam.

Unit Projek Jalan Dan Jambatan

- Mengenal pasti lokasi / keperluan projek.
- Menyediakan laporan penilaian perunding untuk dibenteng kepada Jawatankuasa Penilaian Perunding peringkat Jabatan.
- Menyediakan Dokumen Perjanjian perunding. Deraf Dokumen Perjanjian perlu disemak oleh Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan.
- Memantau kemajuan kerja-kerja rekabentuk yang dilaksanakan oleh perunding dan menyediakan sijil bayaran kepada perunding mengikut kemajuan.

- Membuat ulasan terhadap rekabentuk yang disediakan dan mengemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) untuk kelulusan.
- Menyediakan dan mengemukakan Dokumen Tender kepada JP, BPP untuk panggilan tender. Deraf Dokumen Tender perlu disemak oleh Jabatan Ukur Bahan. Sekiranya projek dilaksanakan sehingga peringkat rekabentuk sahaja, peringkat seterusnya diserahkan kepada Bahagian Projek.
- Membuat ulasan terhadap rekabentuk yang disediakan dan mengemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) untuk kelulusan.

Unit Permit Utiliti

- Memproses permohonan permit korekan jalan oleh syarikat/ agensi utiliti seperti TNB, Telekom, IWK dan SYABAS.
- Menyelaraskan kerja korekan jalan dan laluan siarkaki di WPKL oleh agensi-agensi utiliti dan pihak swasta.
- Memproses tuntutan kos gantirugi dan membaikpulih lubang gali.
- Menyelaras kerja-kerja membaikpulih lubang gali oleh agensi utiliti.
- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan longkang, jalan, perabot jalan, penandaan jalan dan lain-lain kerja berskala kecil oleh tenaga jabatan.
- Membuat pemeriksaan berkala dan menyediakan laporan terhadap kerosakan-kerosakan longkang, jalan, perabot jalan, penandaan jalan dan lain-lain kerja berskala kecil oleh tenaga jabatan.

Unit Cerun

- Menyediakan dan mengemaskini inventori cerun di rezab jalan dan kawasan hijau di bawah kawalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, termasuk pengkalan data ciri-ciri geologi dan geoteknikal cerun.
- Menjalankan penyiasatan forensik untuk insiden cerun runtuh di rezab jalan dan di kawasan kawalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- Menjalankan pemeriksaan berkala untuk cerun dan mengesyorkan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala.
- Melaksanakan kerja-kerja baikpulih cerun runtuh di rezab jalan dan kawasan cerun di bawah DBKL.
- Berurusan dengan pakar geoteknikal dari agensi lain dan pemilik- pemilik tanah yang terlibat dengan insiden cerun runtuh skala besar di Kuala Lumpur mengenai kerja baikpulih jangkamasa pendek dan jangkamasa panjang.
- Menjalankan kajian untuk kawasan tanah sensitif alam sekitar milik DBKL yang bermasalah dan melaksanakan kerja penstabilan dan baikpulih.
- Menjalankan pemeriksaan cerun dalam rezab jalan atau kawasan milik DBKL yang diserahkan untuk tujuan pengambilalihan penyelenggaraan.

Bahagian Saliran

- Unit Projek Saliran
 - Merancang, melaksanakan dan menyelenggara sistem saliran utama bagi tebatan banjir dan mengatasi masalah banjir kilat.
 - Melaksanakan secara strategik Cadangan Pelan Induk Saliran Bandar dan Pengurusan Air Hujan Kuala Lumpur.
 - Menguruskan projek-projek tebatan banjir menggunakan kaedah berstruktur dan tidak berstruktur.
 - Membina dan menaiktaraf kapasiti sungai – sungai kecil.
 - Membina kolam takungan banjir dan rumah pam.
 - Menguruskan sistem amaran banjir termasuk papan tanda elektronik dan sistem siren.
 - Merancang dan melaksanakan program 'waste water treatment plant' di bawah projek 'River of Life'.

Unit Parit Induk

- Menjalankan kerja Pengurusan Saliran Bandar dengan melaksanakan rancangan dan aktiviti berikut:
- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi memelihara kebersihan, estetik, kapasiti hidraulik parit utama untuk mengurangkan risiko banjir.

- Melaksanakan program penyelenggaraan sistem saliran seperti berikut :
 - Pembersihan kelodak, semak samun dan sampah
 - Pembaikan parit induk
 - Pembinaan kecil sistem saliran bandar
 - Mengurus aduan berkaitan saliran bandar
 - Melaksanakan kerja – kerja kecemasan selepas hujan.
 - Menyenggara parit induk dan longkang tepi jalan.

Unit Penyelenggaraan Sungai

- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi memelihara kebersihan, memelihara estetik, memelihara kapasiti hidraulik sungai untuk mengurangkan risiko banjir.
- Sungai
 - Kutipan Sampah
 - Pembersihan Kelodak
 - Pembaikan Tebing
- Kolam Takungan Banjir
 - Pembersihan Kolam
